



SUHAKAM
HAK ASASI UNTUK SEMUA

LAPORAN TAHUNAN 2018



S U H A K A M
HAK ASASI UNTUK SEMUA

LAPORAN TAHUNAN 2018

CETAKAN PERTAMA, 2019

Hak cipta terpelihara Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

Hak cipta ini adalah milik Suruhanjaya. Kesemua atau mana-mana bahagian laporan ini boleh disalin dengan syarat pengakuan sumber dibuat atau kebenaran diperolehi daripada Suruhanjaya. Suruhanjaya menyangkal sebarang tanggungjawab, waranti dan liabiliti sama ada secara nyata atau tidak terhadap sebarang salinan penerbitan yang dibuat tanpa kebenaran Suruhanjaya. Adalah perlu memaklumkan penggunaan. Hak cipta terpelihara.

Diterbitkan di Malaysia oleh

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

Tingkat 11, Menara TH Perdana

1001 Jalan Sultan Ismail

50250 Kuala Lumpur

Emel : humanrights@suhakam.org.my

URL : <http://www.suhakam.org.my>

Dicetak di Malaysia oleh

REKA CETAK SDN. BHD.

No. 12 & 14, Jalan Jemuju Empat 16/13D,

Seksyen 16, 40200, Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

www.rekacetak.com

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan dalam penerbitan

ISSN: 2672-748X

ANGGOTA SURUHANJAYA 2018



Berdiri (dari kiri)

Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Dato' Mah Weng Kwai, En. Jerald Joseph, Datuk Godfrey Gregory Joitol, Prof. Dato' Dr. Aishah Bidin

Duduk (dari kiri)

En. Francis John Anak Adam, Tan Sri Razali Ismail (Pengerusi), Datuk Lok Yim Pheng

KANDUNGAN

ULASAN PENERUSI	vi
RINGKASAN EKSEKUTIF	xii
BAB 1	
MENERUSKAN MANDAT HAK ASASI MANUSIA DI MALAYSIA	19
• Pendidikan, Promosi dan Publisiti	21
• Kuasa Menasihati Berhubung Aspek Perundangan dan Dasar	53
• Aduan dan Pemantauan	69
BAB 2	
MEMPERTAHANKAN/MEMBELA HAK ASASI MANUSIA UNTUK KOMUNITI RENTAN	87
• Orang Asal/ Asli	89
• Kanak-kanak	104
• Wanita	112
• Tanpa Kewarganegaraan	118
• Pelarian dan Pemohon Suaka	127
• Pemerdagangan Manusia	132
• Pekerja	137
• Orang Kurang Upaya	141
• Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender	146
BAB 3	
PENETAPAN PRESTASI DAN PIAWAI HAK ASASI MANUSIA	151
• Demokrasi, Tadbir Urus Baik dan Hak Asasi Manusia	153
• Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan	162
• Perniagaan dan Hak Asasi Manusia	167
• Badan Keagamaan dan Hak Asasi Manusia	172
• Keterlibatan Antarabangsa	179
• Sumber Manusia dan Kewangan	187

LAMPIRAN

LAMPIRAN I

Kenyataan Media Suruhanjaya 2018	197
----------------------------------	-----

LAMPIRAN II

Senarai Aktiviti 2018	200
-----------------------	-----

LAMPIRAN III

Senarai Ceramah, Mesyuarat, Bengkel dan Persidangan – Nasional 2018	225
---	-----

LAMPIRAN IV

Senarai Ceramah, Mesyuarat, Bengkel dan Persidangan – Antarabangsa 2018	249
---	-----

LAMPIRAN V

Mesyuarat Bulanan 2018 – Kehadiran Anggota Suruhanjaya	253
--	-----

LAMPIRAN VI

Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Akaun Suruhanjaya Bagi Tahun 2018	257
---	-----

LAMPIRAN VII

Gambar Pegawai Suruhanjaya	279
----------------------------	-----

SENARAI SINGKATAN

287



Perutusan Pengerusi

Tahun 2018 merupakan tahun yang boleh ditakrifkan sebagai tahun bersejarah buat Malaysia dengan terbenamnya mentari pemerintahan politik selama 61 tahun yang tidak pernah terputus semenjak kemerdekaan. Perubahan kerajaan yang pertama ini dilihat sebagai penggerak kepada demokrasi yang lebih terbuka dan bebas dengan manifesto janji pilihan raya yang menyasarkan kepada menangani isu-isu hak asasi manusia yang telah melanda masyarakat di Malaysia sejak sekian lama.

Mengubah hala tuju sejarah yang telah terbentuk selama 61 tahun yang lalu bukanlah sesuatu yang mudah dan SUHAKAM mengakui cabaran dalam melaksanakan pelbagai komitmen yang dibuat oleh kerajaan baharu. Antara cabaran-cabaran utama ini adalah untuk mengubah perkhidmatan awam, sebuah fungsi kerajaan yang sangat penting menjadi lebih beretika dan neutral.

Perdana Menteri, YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad telah berjanji dalam Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 28 September bahawa Malaysia akan menyertai instrumen PBB utama berkaitan perlindungan hak asasi manusia bagi menegakkan prinsip kebenaran, keadilan, kesaksamaan, kedaulatan undang-undang dan akauntabiliti selaras dengan matlamat kerajaan baharu.

Kerajaan turut mengumumkan cadangan untuk memansuhkan hukuman mati pada bulan Oktober dan moratorium terhadap semua hukuman mati dilaksanakan. SUHAKAM yakin bahawa ini merupakan langkah pertama dalam pemansuhan hukuman mati di Malaysia. Pengumuman ini, serta cadangan untuk memansuhkan Akta Hasutan (1948), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, dan pelbagai peruntukan Akta Keselamatan Dalam Negeri - Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) - undang-undang lapuk yang telah lama digunakan sebagai alat politik terhadap rakyat yang menyatakan perbezaan pendapat, telah membangkitkan semangat di seluruh negara. Masa depan yang cerah amat jelas kelihatan bagi Malaysia.

Mengubah hala tuju sejarah yang telah terbentuk selama 61 tahun yang lalu bukanlah sesuatu yang mudah dan SUHAKAM mengakui cabaran dalam melaksanakan pelbagai komitmen yang dibuat oleh kerajaan baharu. Antara cabaran-cabaran utama ini adalah untuk mengubah perkhidmatan awam, sebuah fungsi kerajaan yang sangat penting menjadi lebih beretika dan neutral.

Walaupun bagaimanapun, apabila tahun 2018 menutup tirainya dan keterujaan rakyat kian reda, semakin jelas bahawa kerajaan baharu mula mempertimbangkan semula pelbagai komitmennya terhadap rakyat Malaysia.

Walaupun telah berjanji untuk memastikan rekod hak asasi manusia Malaysia dihormati di seluruh dunia, Kerajaan berulang-ulang kali berundur daripada komitmen asas pilihanraya yang menjanjikan bahawa kesemua mekanisme yang membataskan hak asasi manusia di Malaysia akan dimansuhkan untuk selamanya. Detik inilah merupakan peluang terbaik untuk menyertai enam lagi triti hak asasi antarabangsa, namun bagi perkara yang boleh dikatakan paling mudah juga, kata sepakat tidak dapat tercapai berhubung isu berkaitan, contohnya penderaan dan penghapusan diskriminasi kaum.

Keadaan dalam tahanan tidak boleh dijadikan hukuman tambahan dan saya berasa kesal dengan keadaan di beberapa penjara dan pusat tahanan yang melanggar piawaian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Masih terdapat sistem penjara yang menggunakan sistem bekas najis, sistem tandas yang digunakan pada tahun 1950-an, yang amat teruk di Malaysia. SUHAKAM mendapati bahawa penjara tidak mempunyai kemudahan pemulihan yang berkesan bagi memastikan apabila tahanan dibebaskan, mereka lebih bersedia menjadi individu yang mematuhi undang-undang dan dapat menyumbang kepada masyarakat.

Kematian dalam tahanan merupakan perkara yang amat dipandang serius oleh SUHAKAM dan kami akan terus memantau penjara dan pusat-pusat tahanan dengan sebaik mungkin. Pada pandangan kami, Malaysia masih tidak mempunyai perlindungan undang-undang yang mencukupi terhadap penyeksaan dan tindakan Kerajaan bagi mengurangkan dan mencegah perbuatan penyeksaan di sebalik dinding tahanan adalah minimum. Kebanyakan perlindungan terhadap perlakuan buruk dan penyeksaan tahanan terdapat dalam rangka Perjanjian Kovenan Antarabangsa mengenai Hak-hak Sivil dan Politik (ICCPR) yang telah diberikan komitmen oleh kerajaan. Penyertaan kepada Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan, atau Menjatuhkan Maruah (UNCAT) merupakan harapan SUHAKAM sejak sekian lama juga merupakan satu daripada komitmen yang dijanjikan oleh kerajaan dan dengan penyertaan konvensyen ini, diharapkan dapat menamatkan penyeksaan terhadap tahanan serta membuka ruang penambahbaikan.

Hak asasi manusia di Malaysia dan SUHAKAM menerima tamparan besar dengan tindakan kerajaan untuk mengundurkan diri daripada menyertai sambutan Hari Hak Asasi Manusia Sedunia yang telah disalahkan sebagai perhimpunan balas

Hak asasi manusia di Malaysia dan SUHAKAM menerima tamparan besar dengan tindakan kerajaan untuk mengundurkan diri daripada menyertai sambutan Hari Hak Asasi Manusia Sedunia yang telah disalah ertikan sebagai perhimpunan balas kerana tunduk kepada tekanan politik untuk menolak penyertaan Konvensyen Antarabangsa Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD).

kerana tunduk kepada tekanan politik untuk menolak penyertaan Konvensyen Antarabangsa Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD). Kumpulan yang menentang penyertaan mendakwa bahawa penyertaan tersebut akan membatalkan dan meleraikan kontrak sosial yang telah dibina berasaskan tindakan afirmatif dan hak istimewa orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan. Namun begitu, SUHAKAM akan tetap meneruskan usaha kami dalam menyakinkan kerajaan untuk mengutamakan hak asasi manusia sebagai satu keperluan dalam pembangunan sosial dan ekonomi di Malaysia.

Untuk bahagian kami, masa depan SUHAKAM kelihatan cerah.

SUHAKAM telah menambahkan sesi libat urus dengan pembuat dasar dan Menteri-menteri dalam usaha kami untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman hak asasi manusia dari sudut perundangan dan berjaya menganjurkan satu program usaha sama pertamanya dengan Pejabat Yang di-Pertua (Speaker) Dewan Rakyat untuk Ahli Parlimen pada 25 September. Aktiviti SUHAKAM buat masa ini lebih kepada meningkatkan ketelusan dan kebebasan tadbir urus SUHAKAM dengan perancangan terdekat adalah bertanggungjawab dan melapor terus kepada Parlimen. Kebebasan SUHAKAM akan dipertingkatkan lagi di bawah Parlimen dan akan memberi kekuatan untuk menggerakkan hak asasi manusia sebagai nadi kepada negara dan untuk Ahli Parlimen percaya kepada kepentingan hak asasi manusia.

Melihat kepada situasi semasa Malaysia yang tidak memberangsangkan dalam perlindungan hak dan kebajikan kanak-kanak yang termasuk antara lainnya isu perkahwinan kanak-kanak, penahanan dan tanpa kewarganegaraan, SUHAKAM gembira dengan inisiatif kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menubuhkan Suruhanjaya Kanak-kanak dan menyatakan sokongan mereka terhadap usaha ini. SUHAKAM dengan usaha sama Kementerian Pendidikan juga telah membangunkan Modul Hak Asasi Manusia untuk pelajar-pelajar UPSR dan PT3 dan modul ini telah pun dilaksanakan di beberapa sekolah. Maklum balas

Dalam perkara ini, SUHAKAM telah melibatkan beberapa institusi dan organisasi agama untuk membincangkan kesamaan antara prinsip-prinsip hak asasi manusia dan konsep keadilan keagamaan.

yang diterima adalah positif dan kami komited untuk memperluaskan skop projek ini agar lebih ramai remaja dan kanak-kanak akan lebih sedar tentang hak mereka serta prinsip-prinsip hak asasi manusia.

SUHAKAM merupakan peserta yang aktif dalam pelbagai jaringan Institusi Hak Asasi Manusia sedunia dan serantau. Kami memainkan peranan yang berterusan dalam memperbaiki jurang antara perjanjian hak asasi manusia antarabangsa dan dasar yang digubal dan dikuatkuasakan oleh kerajaan. Kami mengekalkan jaringan dengan negara ASEAN dan sentiasa menyokong serta

membantu apabila diperlukan. Kerjasama ini semakin jelas apabila isu-isu berkaitan migrasi, alam sekitar dan penindasan sesetengah kumpulan etnik serta banyak lagi isu lain tidak lagi dilingkungi oleh batasan sempadan negara. Kami percaya bahawa melalui Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR) ASEAN, kami boleh mendapat akses dan memperjuangkan hak asasi manusia merentasi sempadan dan menjadikan forum ini sebagai usaha sama serantau. Hanya dengan berbuat demikian, kita boleh benar-benar menjadi ASEAN yang benar-benar menjaga kepentingan rakyat.

Pejuang hak asasi manusia seakan terperangkap dalam ketegangan yang berterusan dengan agama. Anggapan bahawa hak asasi manusia merupakan agenda Barat merupakan tuduhan yang sering kali didengar. Banyak lagi yang perlu dilakukan dalam memberikan pendidikan kepada masyarakat tentang bagaimana hak asasi manusia dapat memberikan impak terhadap kelangsungan hidup dan kualiti kehidupan. Dalam perkara ini, SUHAKAM telah melibatkan beberapa institusi dan organisasi agama untuk membincangkan kesamaan antara prinsip-prinsip hak asasi manusia dan konsep keadilan keagamaan. Kami berbangga menyatakan bahawa asas telah terbina untuk usaha sama pada masa depan, bermula dengan khutbah Jumaat yang merangkumi aspek hak asasi manusia yang telah dilaksanakan di beberapa masjid dan usaha ini akan menjadi tugas yang mencabar.


Dilema dalam mengharmonikan komitmen kerajaan Persekutuan dan Negeri masih lagi berterusan khususnya dalam isu sensitif seperti perkahwinan kanak-kanak dan hak tanah Orang Asli. Kesukaran bagi menyakinkan kerajaan persekutuan untuk menyertai undang-undang hak asasi manusia bukanlah pengakhiran kepada

perjuangan SUHAKAM dan kami akan terus berusaha untuk meyakinkan 13 kerajaan negeri untuk turut serta, dan seterusnya memastikan pelaksanaan, penguatkuasaan dan pemantauan komitmen ini.

SUHAKAM mengakui bahawa masih banyak usaha yang perlu dilakukan dalam meminda undang-undang, infrastruktur serta sikap walaupun Malaysia telah pun menyertai Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya pada tahun 2010. Sesi bersama masyarakat, kerajaan negeri dan badan bukan kerajaan amat perlu sebelum Kuala Lumpur dan juga Malaysia mengakui bahawa Malaysia ialah sebuah negara yang mempunyai akses yang lengkap bagi orang kurang upaya.

Pembelaan merupakan bidang kerja yang penting bagi kami di SUHAKAM, tetapi dengan kebangkitan menuju ke era baharu, matlamat kami adalah untuk terus bergerak melangkaui pembelaan semata-mata dan untuk membuat perbezaan yang nyata kepada sistem yang sedia ada.

Senario di atas hanyalah satu gambaran, setahun dalam perjalanan selama berdekad dalam promosi dan perlindungan hak asasi manusia di Malaysia. Kami di SUHAKAM pastinya akan terus melaksanakan tanggungjawab kami. Walau sesukar mana, masih jauh perjalanan yang harus dituju sehingga kami boleh menjadikan hak asasi manusia di Malaysia sebagai sesuatu yang dapat dihormati oleh dunia.



TAN SRI RAZALI ISMAIL
PENGERUSI
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA



Ringkasan Eksekutif

SUHAKAM kekal bertekad memainkan peranannya untuk mempromosi dan menangani isu-isu hak asasi manusia di Malaysia. Hakikatnya, masih terdapat golongan tertentu dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya daripada komuniti agama atau kumpulan politik yang melihat norma-norma hak asasi manusia dan kebebasan untuk memilih sebagai satu 'ancaman' kepada kepercayaan dan fahaman politik mereka. Terdapat banyak cabaran, termasuk pencabulan hak asasi manusia kumpulan rentan, migran, golongan B40 serta orang dalam tahanan. Dakwaan tentang penyeksaan dan penganiayaan semasa dalam jagaan pihak berkuasa di pusat tahanan serta kes-kes penderaan dan pencabulan hak kanak-kanak berlaku dengan kekerapan yang amat membimbangkan. Masih terdapat segelintir masyarakat yang tidak memahami atau enggan menerima konsep hak asasi manusia untuk semua. Amat malang sekali pada akhir bulan Disember 2018, apabila satu perhimpunan awam untuk membantah pelaksanaan Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) di Malaysia telah diadakan. Hal ini menggambarkan bahawa rakyat Malaysia membenarkan diskriminasi kaum untuk berlaku. Terdapat juga bantahan daripada golongan yang membantah tuntutan untuk kesaksamaan gender.

Kajian SUHAKAM tentang Diskriminasi terhadap Golongan Transgender di Kuala Lumpur dan Selangor menggambarkan kurangnya kesedaran atau pemahaman tentang orientasi seksual dan identiti gender dan diskriminasi yang meluas terhadap golongan transgender, termasuk berkaitan akses kepada pendidikan, kesihatan, pekerjaan, perumahan dan kemudahan awam serta hak kepada maruah.

SUHAKAM meneruskan usaha untuk menyokong hak Orang Asli/Asal khususnya berkaitan pengiktirafan hak tanah adat Orang Asli/Asal, dan juga mencari jalan penyelesaian bagi isu-isu pentadbiran tanah. SUHAKAM telah menjalankan Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah Orang Asli/Asal di Malaysia pada tahun 2010 dan laporannya telah diterbitkan pada tahun 2013. SUHAKAM kesal dengan kelewatan penerimaan dan pelaksanaan 18 syor dapatan Inkuiri Nasional tersebut. SUHAKAM akan terus bekerjasama dengan Menteri dan Kementerian/pihak berkuasa berkaitan bagi mencari jalan penyelesaian yang positif bagi semua pihak.

SUHAKAM telah menjalankan Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah Orang Asli/Asal di Malaysia pada tahun 2010 dan laporannya telah diterbitkan pada tahun 2013. SUHAKAM kesal dengan kelewatan penerimaan dan pelaksanaan 18 syor dapatan Inkuiri Nasional tersebut.

SUHAKAM telah menganjurkan lima sesi SUHAKAM Bersama Masyarakat di pelbagai lokasi di Kuala Lumpur, Perak, Johor dan Kedah yang melibatkan sejumlah 1848 peserta. Di bawah program "Hak Asasi Manusia dan Belia", SUHAKAM meneruskan usaha untuk mendidik dan memperkasakan golongan belia tentang prinsip-prinsip hak asasi manusia melalui tujuh bengkel yang melibatkan seramai 1535 peserta belia daripada pelbagai universiti tempatan dan kumpulan belia. SUHAKAM juga telah bekerjasama dengan badan-badan Islam di Malaysia serta pihak berkuasa agama, Ahli Parlimen serta agensi kerajaan, bagi mengkaji halangan-halangan yang berkaitan dengan penyertaan Malaysia dalam Konvensyen menentang penyeksaan dan hukuman lain yang zalim tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah (UNCAT) khususnya tentang ketidaksesuaian undang-undang sivil dan Syariah tempatan dengan UNCAT.

SUHAKAM telah berjaya mendapat persetujuan daripada beberapa buah masjid untuk merangkumkan isu hak asasi manusia dalam khutbah Jumaat. Selain itu, SUHAKAM dan JAKIM turut berkolaborasi menganjurkan Seminar Kebangsaan mengenai Hak Asasi Manusia dan Islam pada 27 November, dengan ucapan tama yang begitu bermakna oleh YB Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama). YB Datuk Seri Dr. Mujahid menekankan bahawa promosi dan perlindungan hak asasi manusia secara keseluruhannya dituntut dalam Islam kecuali dalam beberapa keadaan tertentu.

SUHAKAM melalui kenyataan medianya, sering kali mengeluarkan kenyataan bagi menggesa kerajaan serta pihak berkuasa untuk mengambil langkah-langkah bagi menangani isu-isu yang melibatkan golongan rentan terutamanya yang berkaitan dengan isu ketidaksetaraan gender, hak orang asli/asal, sikap tidak bertoleransi terhadap agama termasuk isu melibatkan penderaan dan juga perkahwinan kanak-kanak. Kenyataan media berfungsi sebagai medium bagi SUHAKAM untuk menyatakan pendiriannya dan untuk menggesa badan perundangan mengkaji semula, meminda atau memansuhkan undang-undang keselamatan atau menggariskan bentuk-bentuk diskriminasi kebebasan asas yang lain.

SUHAKAM juga aktif dalam media sosial termasuk di Facebook, Twitter dan Instagram. SUHAKAM bertekad untuk lebih mendampingi masyarakat umum dan golongan muda.

Pada 11 Oktober, Menteri Komunikasi dan Multimedia mengumumkan bahawa satu keputusan telah dibuat oleh Kabinet bagi menangguhkan penggunaan Akta Hasutan, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dan Akta Komunikasi dan Multimedia, sementara menunggu pemansuhan akta-akta tersebut. SUHAKAM berharap agar kerajaan tidak

akan mengubah pendirian dan memegang komitmen penuh pada Janji 27 dalam Manifesto Pakatan Harapan.

Pada pertengahan tahun 2018, SUHAKAM telah mencadangkan agar Jawatankuasa Pembaharuan Institusi (IRC) membuat pindaan terhadap beberapa fasal dalam Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. SUHAKAM juga mengingatkan kerajaan akan tanggungjawabnya untuk meratifikasi baki triti-triti hak asasi manusia antarabangsa. SUHAKAM turut memberi syor-syor untuk pembaharuan agensi kerajaan termasuk Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pilihan raya, badan kehakiman dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). SUHAKAM juga memasukkan Laporan Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah Orang Asli/Asal. IRC telah mengemukakan syor-syornya kepada Majlis Penasihat Kerajaan (CEP) untuk pertimbangan pelaksanaannya. SUHAKAM telah mengambil bahagian melalui beberapa siri mesyuarat teknikal dan telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa pasukan petugas yang ditubuhkan oleh Kementerian Dalam Negeri bagi mengkaji semula undang-undang keselamatan yang telah digunakan untuk menahan individu sewenang-wenangnya.

SUHAKAM telah terlibat dalam kajian semula beberapa rang undang-undang, antara lainnya termasuklah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta ATIPSOM), Rang Undang-Undang (RUU) Harmoni, RUU Penginapan dan Perumahan Pekerja 2018 dan Peraturan Perumahan Pekerja 2018, Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446), pindaan kepada Akta Pekerjaan 1955 dan RUU Warga Emas. SUHAKAM menggesa kerajaan untuk membenarkan pelarian bekerja dan diberikan akses kepada pendidikan di Malaysia; dan memastikan mereka diberikan akses kepada penjagaan kesihatan berdasarkan keperluan tanpa berasa bimbang kerana tidak berkemampuan atau risiko ditahan.

SUHAKAM juga telah menjalankan Siasatan Awam tentang kehilangan Pastor Raymond Koh, aktivis sosial Amri Che Mat, Pastor Joshua Hilmi dan isterinya, Ruth Sitepu sejak tahun 2017. Adalah diharapkan penerbitan laporan Siasatan Awam tentang kehilangan Pastor Raymond Koh dan Amri Che Mat akan membolehkan SUHAKAM untuk bekerjasama dengan pihak berkepentingan dan pihak berkuasa yang berkaitan bagi menggalakkan perbincangan ke arah pengesahan Konvensyen bagi Perlindungan Semua Orang Daripada Kehilangan Paksa (ICPPED).

SUHAKAM menerima aduan daripada Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kebanyakan aduan merupakan isu berhubung tahanan; tangkapan; pencabulan hak kepada kehidupan yang mencukupi; kekejaman, tidak berperikemanusiaan

SUHAKAM telah melawat Penjara Taiping dan Penjara Pulau Pinang pada tahun 2018. Amat menyedihkan apabila bangunan penjara lama berada dalam keadaan yang uzur dan dibina daripada bahan binaan yang tidak berkualiti.

dan menjatuhkan maruah; hak kepada kewarganegaraan dan hak tanah adat. SUHAKAM menerima aduan daripada pekerja migran berhubung hal-hal pelanggaran gaji minimum, bahaya pekerjaan dan eksploitasi pekerja.

SUHAKAM bimbang dengan penggunaan berterusan sistem bekas najis di dalam sel tahanan sehingga kini. SUHAKAM telah melawat Penjara Taiping dan Penjara Pulau Pinang pada tahun 2018. Amat menyedihkan apabila bangunan penjara lama berada dalam keadaan yang uzur dan dibina daripada bahan binaan yang tidak berkualiti. SUHAKAM akan

terus bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk memastikan sistem bekas najis ini dihentikan di penjara-penjara lama, dan mengesyorkan penambahbaikan lain yang perlu.

Dianggarkan terdapat sejumlah 2599 kanak-kanak yang tidak mempunyai kewarganegaraan di Malaysia. Mereka dinafikan hak pendidikan dan akses ke sekolah kerana tidak mempunyai dokumen dan pada akhirnya peluang untuk memperbaiki kehidupan mereka pada masa akan datang. Segelintir kanak-kanak warga asing tanpa penjaga terus ditahan di bawah undang-undang imigresen di Malaysia. Pihak berkuasa turut menggunakan undang-undang keselamatan khususnya Akta Pencegahan Jenayah (POCA) untuk menahan kanak-kanak tanpa bicara. SUHAKAM mengesyorkan agar pihak berkuasa melaksanakan alternatif terhadap penahanan kanak-kanak ini. SUHAKAM mengingatkan kerajaan untuk menyertai instrumen-instrumen hak asasi manusia antarabangsa seperti Konvensyen mengenai Status Orang Tanpa Bernegara, Konvensyen untuk Mengurangkan Orang Tanpa Bernegara dan Konvensyen mengenai Status Pelarian.

SUHAKAM amat bimbang kerana terdapat beribu-ribu kes perkahwinan bawah umur 18 tahun di Malaysia setiap tahun, dan penderaan serta eksploitasi kanak-kanak masih berlaku. Hal ini merupakan pencabulan hak asasi manusia kerana perkahwinan bawah umur akan memberikan impak yang besar kepada hak mereka terhadap penjagaan kesihatan, pendidikan, kesaksamaan dan antidiskriminasi. Perkahwinan awal juga menghalang kanak-kanak menjalani kehidupan yang bebas daripada keganasan dan eksploitasi. SUHAKAM menggesa kerajaan untuk meminda semua undang-undang

domestik dan syariah, dan sentiasa mempertimbangkan kepentingan kanak-kanak serta mengelakkan tindakan yang membawa kepada pencabulan hak asasi manusia dan diskriminasi berterusan terhadap kanak-kanak. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dengan sokongan daripada masyarakat sivil dan SUHAKAM telah mengadakan perbincangan serta mengambil langkah ke arah menubuhkan Suruhanjaya Kanak-kanak dalam masa terdekat, yang akan menumpukan kepada perlindungan dan mempromosi hak kanak-kanak.

Orang kurang upaya (OKU) di Malaysia masih kekal sebagai golongan yang tidak bernasib baik dan ramai daripada mereka masih ketinggalan dari aspek ekonomi, sosial, kebudayaan, agama, sivil atau politik. SUHAKAM telah menganjurkan seminar Masjid Mesra OKU pada 20 Oktober dengan matlamat untuk memberikan platform perbincangan isu-isu substantif termasuk keperluan dan hak mereka untuk beribadat. Perbincangan tersebut bertujuan untuk mengenal pasti jalan penyelesaian dan resolusi bagi membangunkan dasar masjid mesra OKU. SUHAKAM akan terus bekerjasama dengan OKU dan organisasi mereka untuk mengenal pasti dan menggariskan isu-isu yang dihadapi mereka termasuk undang-undang yang perlu dipinda atau dikemas kini.

Dari tahun 2012 hingga tahun 2018, kerajaan telah mengkaji dan membangunkan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP) dan pelan ini telah dilancarkan pada 1 Mac 2018. NHRAP mengandungi sebanyak 294 pelan tindakan dan merupakan satu detik penting bagi penambahbaikan kedudukan hak asasi manusia di Malaysia. Namun demikian, pelan tindakan tersebut didapati tidak mencapai standard. Pelan ini telah gagal dalam mengambil kira aspek hak asasi manusia tertentu. Hal ini berpunca daripada ketiadaan atau kurangnya perundingan dengan para aktivis, penyokong hak asasi, organisasi masyarakat sivil dan SUHAKAM dalam proses pembangunan pelan tersebut. SUHAKAM ingin melibatkan diri dalam mesyuarat dan konsultasi berkaitan bagi memastikan agar pelan tersebut dapat ditambah baik agar pelan ini relevan dengan konteks Malaysia.

SUHAKAM telah menganjurkan seminar Masjid Mesra OKU pada 20 Oktober dengan matlamat untuk memberikan platform perbincangan isu-isu substantif termasuk keperluan dan hak mereka untuk beribadat. Perbincangan tersebut bertujuan untuk mengenal pasti jalan penyelesaian dan resolusi bagi membangunkan dasar masjid mesra OKU.

SUHAKAM bekerjasama dengan Program Pembangunan PBB (UNDP) bagi melaksanakan Projek untuk Menyokong Pembangunan Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan (NAPBHR) dengan menggalakkan Pemahaman dan Penggunaan Prinsip Panduan PBB mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan (UNGP). SUHAKAM juga telah meneroka pelbagai hubungan kerjasama bagi menggalakkan promosi dan pematuhan hak asasi dalam operasi perniagaan Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). SUHAKAM dengan usaha sama bersama The Forest Trust (TFT) telah menganjurkan Konsultasi mengenai Kanak-kanak di Ladang-ladang Sabah bagi menangani isu-isu rantai bekalan yang berkaitan keadaan kanak-kanak di ladang-ladang kelapa sawit di Sabah.

SUHAKAM terus terlibat dengan komuniti antarabangsa melalui beberapa platform hak asasi manusia antarabangsa termasuk Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Asia Tenggara (SEANF), Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Asia Pasifik (APF), Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Komanwel (CFNHRI), Pakatan Global Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI). Satu daripada acara penting di peringkat antarabangsa pada tahun ini ialah Penilaian Berkala Sejagat (UPR) ketiga Malaysia. SUHAKAM telah memainkan peranan aktif dalam menganjurkan perundingan-perundingan pra-UPR serta sesi taklimat bersama agensi kerajaan, kor diplomatik, masyarakat sivil dan media di Malaysia. Dalam memainkan peranannya sebagai sebuah badan penasihat kepada kerajaan, SUHAKAM telah menyerahkan syor-syor bagi UPR kepada Majlis Hak Asasi Manusia pada bulan Mac. Pesuruhjaya-pesuruhjaya serta pegawai-pegawai SUHAKAM telah menghadiri sesi penilaian di Geneva dan dalam sesi tersebut Malaysia telah menerima sejumlah 268 syor.

Semenjak penubuhannya, banyak kemajuan yang telah dicapai oleh SUHAKAM dalam menambah baik situasi dan keadaan hak asasi manusia di Malaysia. SUHAKAM sentiasa bekerjasama dengan kerajaan, kementerian, organisasi masyarakat sivil dan aktivis bagi mencapai matlamatnya dan akan terus menjalankan tugas dengan tekun dan penuh keazaman bagi mencapai visi hak asasi manusia dihormati sepenuhnya, dilindungi dan dinikmati oleh semua masyarakat Malaysia dalam masa terdekat.



BAB 1

Meneruskan Mandat Hak Asasi Manusia di Malaysia

Pendidikan, Promosi dan Publisiti

PENDIDIKAN DAN LATIHAN

GAMBARAN KESELURUHAN

Matlamat utama pendidikan hak asasi manusia adalah untuk memperkasakan masyarakat dengan pengetahuan berkenaan dengan hak asasi manusia bagi memastikan hak asasi semua manusia dilindungi, dihormati dan dipenuhi. Menyedari akan kepentingan pendidikan hak asasi manusia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) melalui Bahagian Pendidikan dan Latihan telah mengendalikan beberapa program pendidikan dan latihan hak asasi manusia. SUHAKAM bekerjasama dengan organisasi tempatan dan antarabangsa seperti Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pendidikan, Sains dan Kebudayaan (UNESCO) bagi menganjurkan beberapa program pada tahun ini. SUHAKAM juga memperluas kumpulan sasarannya melibatkan Jabatan Imigresen, Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK), ahli parlimen dan entiti perniagaan.

Pada tahun 2018, Universiti Utara Malaysia menandatangani Memorandum Persefahaman dengan SUHAKAM bagi menjalankan beberapa program hak asasi manusia dan pendidikan secara bersama. Bagi merealisasikan visi SUHAKAM agar pendidikan hak asasi manusia diajar di sekolah menjelang tahun 2020, SUHAKAM menganjurkan beberapa mesyuarat strategik bersama Menteri Pendidikan, YB Dr. Maszlee Malik pada 11 Disember, Timbalan Menteri Pendidikan, YB Teo Nie Ching pada 22 Oktober dan Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan, Datuk Dr. Amin bin Senin pada 25 Jun. SUHAKAM menerangkan tentang program Amalan Terbaik Hak Asasi

Manusia di Sekolah (ATHAM) dan Modul Hak Asasi Manusia untuk pelajar Pasca-Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pasca-Penilaian Tingkatan 3 (PT3). Cadangan SUHAKAM untuk memperkenalkan pendidikan hak asasi manusia di sekolah diterima baik oleh Kementerian Pendidikan. SUHAKAM telah diminta bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk membangunkan modul latihan hak asasi manusia kepada Institut Pendidikan Guru dan memberikan input berkenaan pendidikan hak asasi manusia kepada Bahagian Kurikulum KPM.

Bagi menilai keberkesanan sesi latihan yang dikendalikan dan tahap pengetahuan yang diperoleh oleh peserta, SUHAKAM memperkenalkan penilaian program yang lebih berstruktur menggunakan borang dalam talian dan ujian sebelum dan selepas program.

1. Modul Hak Asasi Manusia Murid Pasca UPSR dan PT3

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Laporan Tahunan 2017, SUHAKAM melengkapkan dua modul hak asasi manusia kepada pelajar pasca-UPSR dan pasca-PT3 pada bulan Jun tahun ini. Setiap modul mengandungi 30 aktiviti. Objektif modul ini adalah untuk mendidik pelajar sekolah rendah dan menengah tentang hak asasi manusia melalui beberapa aktiviti yang menarik. Meskipun modul ini dibangunkan untuk murid Tahun 6 dan Tingkatan 3, yang mana mereka akan mempunyai masa terluang di sekolah selepas selesai peperiksaan UPSR dan PT3 dan sebelum cuti sekolah akhir tahun, aktiviti ini sesuai kepada semua peringkat murid sekolah rendah dan menengah. SUHAKAM menghargai kesemua input daripada pegawai KPM dan guru-guru daripada beberapa sekolah dalam memperlengkapkan modul ini dalam dua bengkel yang dianjurkan pada 3 Mei dan 28 Jun.

Setelah modul ini lengkap, SUHAKAM menganjurkan tiga sesi *Training of Trainers (TOT)* untuk memastikan guru-guru sekolah ATHAM dapat menjalankan aktiviti tersebut serta memperlengkapkan mereka dengan pengetahuan yang cukup berkenaan hak asasi manusia, terutamanya tentang hak kanak-kanak. Seramai lebih kurang 62 guru sekolah menengah dan 51 guru sekolah rendah menghadiri bengkel TOT yang dianjurkan seperti yang berikut:

Bil.	Program	Tarikh	Tempat
1.	<i>Training of Trainers</i> Modul Hak Asasi Manusia Pasca-UPSR/PT3 zon Selatan	3 – 5 Julai	Port Dickson, Negeri Sembilan
2.	<i>Training of Trainers</i> Modul Hak Asasi Manusia Pasca-UPSR/PT3 zon Utara	10 -12 Julai	Alor Setar, Kedah
3.	<i>Training of Trainers</i> Modul Hak Asasi Manusia Pasca-UPSR/PT3 zon Timur	17 – 19 Julai	Kota Bharu, Kelantan

Meskipun KPM tidak menjadikan modul tersebut sebagai wajib, namun SUHAKAM amat berbesar hati mendapat makluman bahawa beberapa sekolah telah menjalankan aktiviti tersebut kepada murid-murid mereka pada tahun ini, antaranya termasuklah SMK Sentul, SMK Gombak Setia dan SMK Taman Seri Kluang. SUHAKAM juga mengedarkan modul tersebut dalam bentuk cakera padat kepada semua sekolah ATHAM untuk menggalakkan mereka mengguna pakai modul tersebut.



Sesi TOT Modul Hak Asasi Manusia Pasca-UPSR/PT3 Zon Selatan pada 3-5 Julai di Port Dickson, Negeri Sembilan

Langkah seterusnya, SUHAKAM bercadang untuk menerbitkan dan mengedarkan modul tersebut dalam bentuk salinan bercetak kepada semua sekolah ATHAM; memperkembang bengkel TOT kepada sekolah ATHAM dan bukan ATHAM yang lain; membangunkan satu mekanisme untuk memantau pelaksanaan aktiviti di sekolah dalam dua tahun akan datang, bagi memastikan objektif memperkenalkan modul tersebut berjaya dicapai.

2. Program Kesedaran tentang Hak Kanak-kanak terhadap Keselamatan

Susulan maklum balas baik yang diterima daripada 12 Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) tentang Program Kesedaran Hak Kanak-kanak terhadap Keselamatan tahun lalu, SUHAKAM menganjurkan program yang serupa kepada 10 MRSM yang lain pada tahun ini yang melibatkan 5000 orang pelajar serta program susulan di beberapa buah MRSM yang telah dilawati pada tahun lalu. Pada tahun ini, program tersebut dilaksanakan di MRSM yang berikut:

Bil.	Lokasi	Tarikh
1.	MRSM Jeli, Kelantan	10 Mac
2.	MRSM Kota Putra, Terengganu	9 April
3.	MRSM Besut, Terengganu	9 April
4.	MRSM Batu Pahat, Johor	16 April
5.	MRSM Kubang Pasu, Kedah	29 April
6.	MRSM Tun Ghafar Baba (Jasin), Melaka	9 Mei

Program susulan pula dianjurkan di MRSM yang berikut:

Bil.	Lokasi	Tarikh
1.	MRSM Tumpat, Kelantan	1 Januari
2.	MRSM Pasir Salak, Perak	5 Februari
3.	MRSM Taiping, Perak	19 Februari
4.	MRSM Kuching, Sarawak	23 Februari
5.	MRSM Pontian, Johor	29 Mac
6.	MRSM Pengkalan Chepa, Kelantan	3 September

Program susulan tersebut merupakan kesinambungan daripada program pengenalan yang mana pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil dan diminta untuk menyediakan carta berdasarkan tema yang berikut:

- i. Apakah yang sekolah anda telah lakukan (aktiviti atau program) untuk mendidik pelajar mengenai isu buli?
- ii. Senior v junior, siapa biasanya membuli? Dan bagaimana untuk menghalang buli daripada berterusan?

Memandangkan SUHAKAM telah mengendalikan program di semua MRSM di seluruh negara sepanjang tiga tahun sebelum ini, SUHAKAM bercadang untuk beralih kepada sekolah ATHAM pada tahun hadapan.

3. Perbincangan Meja Bulat dengan Ahli Parlimen: Menyelaraskan Perundangan Negara dengan Piawaian Antarabangsa mengenai Kebebasan Menyatakan Pendapat, Akses kepada Maklumat dan Kebebasan Media

Bersempena Hari Antarabangsa Akses Universal kepada Maklumat yang disambut pada 28 September, SUHAKAM dengan kerjasama UNESCO dan Parlimen Malaysia telah menganjurkan Perbincangan Meja Bulat dengan Ahli Parlimen: Menyelaraskan

Perundangan Negara dengan Piawaian Antarabangsa tentang Kebebasan Menyatakan Pendapat, Akses kepada Maklumat dan Kebebasan Media pada 25 September. Selain meningkatkan kesedaran Ahli Parlimen yang baru dilantik tentang piawaian antarabangsa berkenaan kebebasan menyuarakan pendapat, kebebasan mendapatkan maklumat dan kebebasan media, perbincangan tersebut juga memberikan peluang kepada pembuat undang-undang untuk berbincang dengan lebih mendalam bersama pakar dari dalam dan luar negara untuk mengenal pasti kelemahan undang-undang domestik bagi mengurangkan jurang dengan piawaian antarabangsa. Seramai lebih kurang 70 peserta telah menyertai program tersebut. Selain Ahli Parlimen dan pegawai mereka, pegawai daripada Jabatan Peguam Negara, Parlimen Malaysia dan media juga turut hadir.



Perbincangan Meja Bulat dengan Ahli Parlimen: Menyelaraskan Perundangan Negara dengan Piawaian Antarabangsa mengenai Kebebasan Menyatakan Pendapat, Akses kepada Maklumat dan Kebebasan Media

Empat sesi perbincangan adalah seperti yang berikut:

- i. Sesi pertama tentang perkaitan antara piawaian antarabangsa, undang-undang negara dan Perlembagaan Persekutuan yang dikendalikan oleh Dr. Lim Ming Kuok. Ahli panel bagi sesi ini terdiri daripada Amos Toh, Penasihat Undang-Undang kepada Pelapor Khas tentang Kebebasan Menyuarakan Pandangan dan Pendapat; Jennifer Jokstad, Pegawai Hak Asasi Manusia di Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia (OHCHR) di Bangkok, dan Profesor Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi, Pemegang Kerusi Tun Razak Universiti Malaya.
- ii. Sesi kedua tentang akses kepada maklumat – pra-syarat kepada demokrasi yang berfungsi - dikendalikan oleh Masjalizah Hamzah. Tiga ahli panel bagi sesi ini ialah Kishali Pinto-Jayawardena, Pesuruhjaya kepada Hak kepada Maklumat (RTI) Sri Lanka, Toby Mandel, Pengasas dan Pengarah Eksekutif Pusat Undang-Undang dan Demokrasi, Badan Bukan Kerajaan (NGO) Antarabangsa Hak Asasi Manusia

- berpusat di Kanada; dan Steven Sim Chee Keong, Timbalan Menteri Belia dan Sukan Malaysia.
- iii. Sesi ke-tiga – “Kewajaran, Keperluan, Keabsahan dan Diperuntukkan oleh Undang-undang: Pertimbangan kepada Ucapan Berunsur Fitnah dan Kebencian” - yang dikendalikan oleh Pesuruhjaya Jerald Joseph. Ahli panel bagi sesi ini ialah Barbora Bukovska, Pengarah Perundangan *Article 19*; dan Edmund Bon, the Wakil Malaysia ke Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR).
 - iv. Sesi ke-empat tentang kerjasama antara Parlimen dengan pihak berkepentingan yang lain, yang dikendalikan oleh Dr. Lim Ming Kuok. Ahli panel bagi sesi ini ialah Bambang Harymurti, mantan Ahli Majlis Akhbar Indonesia dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TEMPO; Pieter Knapen, Setiausaha Agung Majlis Akhbar Belgium; dan Datuk A. Kadir Jasin, Penasihat Komunikasi dan Media kepada Perdana Menteri.

4. Seminar Hak Asasi Manusia dan Kepolisan

Polis merupakan barisan pertama yang melindungi hak asasi manusia. Mereka merupakan penjaga undang-undang, termasuk undang-undang hak asasi manusia. Menyedari akan peranan penting yang dimainkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), SUHAKAM dengan kerjasama PDRM menganjurkan “Seminar Hak Asasi Manusia dan Kepolisan” kepada pegawai polis peringkat atasan pada 2 Ogos di Maktab Polis Diraja Malaysia di Kuala Lumpur.

Seminar ini merupakan satu platform perbincangan tentang cara untuk mengimbangi ketenteraman awam dan hak asasi manusia, cabaran kontemporari serta kepentingan untuk memastikan hak orang awam dan anggota polis sentiasa diberikan keutamaan. Perkara ini termasuklah peruntukan kemudahan yang mencukupi serta memberi perhatian kepada hal kebajikan dan keselamatan anggota polis. Seminar tersebut juga membincangkan langkah-langkah yang diperlukan untuk mencapai keseimbangan antara ketenteraman awam dan hak asasi manusia yang lebih baik.

Seminar tersebut dirasmikan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun. Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) Dato' Indera Khairul Dzaimie menutup majlis dengan membaca ucapan daripada Ketua Setiausaha Kementerian. Seramai lebih kurang 40 orang peserta yang terdiri daripada pengarah dan timbalan pengarah pelbagai jabatan di Bukit Aman, Ketua Polis Negeri dan Komandan institut latihan PDRM menghadiri seminar ini. Empat pegawai kanan daripada KDN turut menyertai seminar ini bagi memastikan isu-isu yang dibincangkan akan diangkat kepada Kementerian untuk pertimbangan. Pesuruhjaya Profesor Dato' Dr Aishah Bidin mengendalikan sesi perbincangan. Ahli panel terdiri daripada Profesor Madya Dr. Shamrahayu Ab Aziz daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang berbicara tentang “Piawaian dan Amalan Hak Asasi Manusia Antarabangsa

dalam Penguatkuasaan Undang-undang”, Pesuruhjaya Dato’ Mah Weng Kwai yang membincangkan tentang ‘Pemerhatian dan Cadangan SUHAKAM berkenaan Hak Asasi Manusia kepada PDRM dan ACP Shanmugamoorthy daripada Bukit Aman yang menyentuh tentang “Hak Asasi Manusia dalam Konteks Kepolisan di Malaysia”.

5. Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah

Susulan sambutan baik yang diterima daripada peserta “Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (KBSJD)” zon tengah tahun 2017, SUHAKAM menganjurkan bengkel yang serupa di zon utara yang merangkumi negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak pada tahun 2018. Program yang diadakan pada 23 - 25 Julai di Pulau Pinang telah dihadiri oleh 34 orang Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (KBSJD). Bengkel ini membantu SUHAKAM dan PDRM untuk bertukar-tukar pandangan tentang isu hak asasi manusia dan kepolisan.

Terdapat jurang yang ketara antara markah ujian sebelum dan selepas peserta bengkel bagi menguji pengetahuan tentang hak asasi manusia dan pengaplikasiannya dalam tugas mereka. Markah purata bagi jawapan yang betul ujian sebelum bengkel ialah 36.3 peratus. Selepas bengkel, markah purata ialah 72.5 peratus. Seorang daripada peserta mencadangkan agar SUHAKAM menganjurkan bengkel yang serupa kepada ketua masyarakat untuk meningkatkan kefahaman mereka tentang hak asasi manusia. SUHAKAM bercadang untuk meneruskan program latihan ini kepada anggota polis di zon selatan dan utara pada tahun depan.

6. Bengkel Hak Asasi Manusia dan Keadilan

Pada 7 Julai, SUHAKAM dengan kerjasama ILKAP menganjurkan bengkel “Hak Asasi Manusia dan Keadilan” kepada 30 orang Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret dari Lembah Klang dan 10 orang pegawai undang-undang daripada Jabatan Peguam Negara, di ILKAP, Bangi. Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang hak asasi manusia di kalangan anggota kehakiman dan pengaplikasiannya di peringkat domestik. Bengkel ini juga menyediakan satu platform kepada peserta untuk memberi, menerima dan bertukar-tukar pandangan dan pengetahuan tentang hak asasi manusia.

Bengkel ini dibahagikan kepada lima sesi. Pertama, “Pengenalan kepada Triti Utama Hak Asasi Manusia Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)” disampaikan oleh Pegawai SUHAKAM, Rafidah Yahya, kedua, “Hak Asasi Manusia dalam Perlembagaan Persekutuan” disampaikan oleh Profesor Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi, ketiga “Isu Gender dan Hak Asasi Wanita di Malaysia” disampaikan oleh Pesuruhjaya Profesor Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh dan keempat, “Pengaplikasian Piawaian/Prinsip Hak Asasi Manusia dalam Sistem Keadilan

Jenayah" oleh Pesuruhjaya Dato' Mah Weng Kwai. Caroline Samuel dan Devendiran Paramanantham daripada UNHCR mengendalikan sesi kelima, iaitu "Perlindungan Pelarian: Operasi dan Mandat UNHCR di Malaysia".

Beberapa orang peserta memuji program tersebut dan mencadangkan agar tempoh yang dilanjutkan lebih daripada satu hari serta melibatkan hakim mahkamah rendah di negeri lain. SUHAKAM bercadang untuk menganjurkan bengkel latihan yang serupa di negeri lain pada tahun akan datang.

7. Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Pegawai Rekod dan Penolong Pegawai Perubatan di Penjara

Pada tahun 2018, SUHAKAM telah menganjurkan empat lagi bengkel hak asasi manusia dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia, dengan memberi fokus kepada "Hak kepada Kesihatan di Penjara dan Pengurusan Rekod Banduan yang Berkesan" sebagaimana di bawah:

Bil.	Program	Tarikh	Tempat
1.	Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Pegawai Rekod, Jabatan Penjara Malaysia	7 – 9 Ogos	Kota Kinabalu, Sabah
2.	Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Penolong Pegawai Perubatan, Jabatan Penjara Malaysia	15 – 16 Ogos	Akademi Koreksional Malaysia, Langkawi, Kedah
3.	Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Penolong Pegawai Perubatan, Jabatan Penjara Malaysia	15 – 17 Oktober	Institut Koreksional Malaysia, Tanjung Kling, Melaka
4.	Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Pegawai Rekod, Jabatan Penjara Malaysia	13 – 15 November	Ipoh, Perak

Dua bengkel hak asasi manusia kepada penolong pegawai perubatan merupakan kesinambungan daripada sesi yang serupa kepada pegawai perubatan yang dikaderkan ke Jabatan Penjara, yang dijalankan pada tahun 2017. Lebih kurang 60 orang penolong pegawai perubatan yang bertugas di penjara seluruh negara telah menyertai bengkel ini. Selain pegawai SUHAKAM yang menyampaikan maklumat mengenai piawaian hak asasi manusia antarabangsa berkaitan hak kepada kesihatan di penjara, SUHAKAM juga mengundang Dato' Dr. Zahari Noor, Ketua Jabatan Forensik Hospital Pulau Pinang dan Dr. Mohd Nor Hayat Mamat, Ketua Unit Perubatan di Jabatan Penjara untuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran tentang rawatan perubatan kepada banduan serta peranan penolong pegawai perubatan dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan di penjara.

Dua bengkel kepada Pegawai Rekod memberi fokus kepada pengurusan rekod banduan yang berkesan dan isu-isu yang boleh menghalang amalan hak asasi manusia dalam tugas harian pegawai. M. Masran Muhamad daripada Bahagian Keselamatan dan Inteligen Jabatan Penjara dijemput untuk berkongsi pengetahuan tentang pengurusan rekod dan pelanggaran hak asasi manusia yang mungkin boleh berlaku disebabkan sistem pengurusan rekod yang lemah. Bengkel ini berjaya meningkatkan pengetahuan peserta tentang hak asasi manusia dan kenyataan ini dapat dilihat menerusi purata markah jawapan yang betul ujian sebelum dan selepas bengkel:

Bil.	Program	Markah Purata Ujian Sebelum Bengkel	Markah Purata Ujian Selepas Bengkel
1.	Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Pegawai Rekod, Jabatan Penjara Malaysia, 7-9 Ogos	20%	67%
2.	Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Penolong Pegawai Perubatan, Jabatan Penjara Malaysia, 15-16 Ogos	51.25%	69.93%
3.	Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Penolong Pegawai Perubatan, Jabatan Penjara Malaysia, 15 – 17 Oktober	34.82%	79.48%
4.	Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Pegawai Rekod, Jabatan Penjara Malaysia, 13 – 15 November	46%	79%

Kedua-dua bengkel mendapat sambutan yang baik daripada peserta. Para peserta berkongsi beberapa cabaran yang mereka hadapi dan membuat beberapa pengesyoran untuk menambah baik penjara dengan mengambil pendekatan berasaskan hak asasi manusia. Kebanyakan peserta mencadangkan agar SUHAKAM meneruskan program latihan Pembangunan Modal Insan kepada Jabatan Penjara.

8. Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Pengarah Institusi Pemulihan AADK

Pada tahun ini, SUHAKAM meluaskan kerjasamanya dengan agensi lain, iaitu Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), melalui mesyuarat kerja dengan Ketua Pengarah AADK, Dato' Dr. Abd Halim Mohd Hussin pada awal tahun ini. Pada 12 – 14 Mac, SUHAKAM menganjurkan bengkel hak asasi manusia kepada 30 pengarah institusi pemulihan AADK termasuk Pengarah *Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC)*, *Cure and Care Vocational Centre (CCVC)* dan *Cure and Care Clinic (C&C)* di Malaysia. Bengkel latihan ini dianjurkan di Pusat Latihan AADK di Sungai Petani, Kedah. Pegawai daripada Ibu Pejabat AADK turut menghadiri bengkel ini.

Peserta diberikan perancangan tentang hak asasi manusia, SUHAKAM, piawaian hak asasi manusia antarabangsa mengenai layanan terhadap tahanan, hak kepada kesihatan di tempat tahanan dan isu-isu terkini hak asasi manusia di Malaysia. Mengambil kira pengesyoran peserta, SUHAKAM bercadang untuk memperluas bengkel kepada pegawai/kakitangan AADK, termasuk pegawai penguat kuasa, pegawai yang bertugas bagi rawatan dan pemulihan di institusi serta polis bantuan di AADK pada tahun akan datang.



Pegawai SUHAKAM sedang mengendalikan bengkel Hak Asasi Manusia kepada Pengarah-Pengarah AADK

9. Bengkel kepada Pegawai Imigresen Anjuran Bersama Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian

Berdasarkan MoU antara SUHAKAM dengan UNHCR pada tahun lalu, satu bengkel berkenaan dengan “Pemantauan Tahanan Imigresen kepada Pegawai Kanan Imigresen” dianjurkan pada 29-30 Januari di Putrajaya. Sesi tersebut bertujuan untuk membawa perubahan dasar bagi layanan kepada pelarian dan pemohon suaka serta menambah baik piawaian layanan di pusat tahanan. Program tersebut dihadiri oleh 32 orang pegawai kanan daripada pelbagai bahagian di ibu pejabat Jabatan Imigresen. Peserta juga dibawa melawat pejabat UNHCR untuk mendapatkan pengetahuan yang lebih baik berkenaan kerja-kerja yang dilakukan oleh agensi PBB di Malaysia, terutama sekali dalam pendokumentasian dan penentuan status pelarian.

Beberapa bengkel latihan juga dianjurkan secara bersama antara SUHAKAM dengan UNHCR kepada pegawai dan kakitangan yang bertugas di 11 depot tahanan imigresen di Semenanjung Malaysia, yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan mereka

terhadap piawaian antarabangsa berkenaan tahanan dan isu berkaitan pelarian. Berikut merupakan sesi yang telah dijalankan:

Bil.	Depot	Tarikh
1.	Bukit Jalil (Kuala Lumpur)	11 Oktober
2.	Kuala Lumpur International Airport (KLIA)	11 Oktober
3.	Semenyih (Selangor)	16 Oktober
4.	Lenggeng (Negeri Sembilan)	16 Oktober
5.	Machap Umboo (Melaka)	24 Oktober
6.	Pekan Nenas (Johor)	25 Oktober
7.	Juru (Penang)	1 November
8.	Langkap (Perak)	8 November
9.	Belantik (Kedah)	21 November
10.	Ajil (Terengganu)	27 November
11.	Tanah Merah (Kelantan)	29 November

10. Program *Training of Trainers* dan Modul Latihan berkenaan Perniagaan dan Hak Asasi Manusia kepada Pegawai Felda Global Ventures

Dalam MoU antara SUHAKAM dengan Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV) pada tahun lalu, SUHAKAM telah menyatakan komitmen untuk membangunkan satu modul latihan dan mengendalikan sesi *Training of Trainers (TOT)* berkenaan Perniagaan dan Hak Asasi Manusia kepada Pegawai Peringkat Operasi FGV.

Modul tersebut dibahagikan kepada tiga seksyen, iaitu “Pengenalan kepada Hak Asasi Manusia dan SUHAKAM”; “Pengenalan kepada Perniagaan dan Hak Asasi Manusia”; dan, “Isu-isu Hak Asasi Manusia berkaitan Perniagaan dan Hak Asasi Manusia”. Antara isu yang dibincangkan termasuklah hak pekerja gaji minimum, kontrak, keselamatan dan kesihatan, hak untuk terlibat dalam persatuan, kebebasan bersuara, penyimpanan pasport dan perumahan, gangguan seksual, diskriminasi, pemerdagangan orang dan buruh paksa, buruh kanak-kanak, alam sekitar, hak Orang Asli/Asal terhadap tanah adat dan pengusiran paksa serta mekanisme aduan.

Susulan daripada modul latihan tersebut, SUHAKAM mengendalikan bengkel TOT di Pusat Latihan FGV, Kuala Lumpur, pada 4 - 6 Disember kepada 30 orang pegawai FGV. Mereka kemudiannya akan mengendalikan sesi latihan satu hari pada tahun 2019 kepada pegawai peringkat operasi di semua ladang FGV.

11. Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Pentadbir Sekolah Tahfiz/Agama di Kuala Lumpur

Beberapa insiden telah dilaporkan berlaku di sekolah tahfiz atau sekolah agama di dalam negara, termasuk kematian 21 orang pelajar dalam kebakaran pada tahun 2017. Daripada peristiwa ini mendorong SUHAKAM untuk menganjurkan satu program kepada pentadbir sekolah tahfiz/agama untuk memberi pendidikan berkenaan hak kanak-kanak terhadap pendidikan dan keselamatan. Dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, SUHAKAM berjaya menganjurkan bengkel hak asasi manusia kepada seramai 38 pentadbir sekolah tahfiz di Kuala Lumpur pada 3 - 4 Disember.

Selain memberikan pendidikan kepada peserta berkenaan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), bengkel tersebut juga memberikan penerangan kepada peserta berkenaan keperluan keselamatan bangunan mereka. Sesi tersebut dikendalikan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur. Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga memberi pendidikan kepada peserta berkenaan aspek kesihatan di sekolah berasrama.

Bengkel tersebut mendapat sambutan yang sangat baik. Jabatan Agama mencadangkan agar bengkel ini dapat dianjurkan pada tahun hadapan kepada sekolah tahfiz yang lain di Wilayah Persekutuan yang tidak dapat menyertai bengkel kali ini.

12. Memorandum Persefahaman MoU dengan Universiti Utara Malaysia (UUM)

SUHAKAM dengan UUM menandatangani MoU pada 16 Januari 2018 untuk meningkatkan, menggalakkan dan membangunkan kerjasama berkaitan hak asasi manusia berkenaan pendidikan, kajian dan khidmat masyarakat. Beberapa program kerjasama telah dirancang bagi tempoh tiga tahun MoU.

Pada 25 April, SUHAKAM dan UUM bekerjasama untuk menyampaikan ceramah pengenalan berkaitan hak kanak-kanak, yang memfokuskan kepada isu buli kepada pelajar Sekolah Kebangsaan Tunku Abdul Rahman Putra di Kedah. Beberapa aktiviti telah dijalankan dengan dibantu oleh sukarelawan daripada UUM. Meskipun agak mencabar untuk memastikan pelajar (daripada Tingkatan 4 hingga Tingkatan 6) untuk memberikan perhatian sepanjang program, mereka memberikan penyertaan yang sangat memberangsangkan dalam aktiviti dan sesi soal jawab. Pada 26 April 2018, program yang serupa dianjurkan kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Ibrahim, Kedah.

Semasa ceramah, pelajar disoal tentang hak asasi manusia dan SUHAKAM. Kaji selidik spontan menunjukkan kurang daripada lima peratus daripada mereka mempunyai pengetahuan asas berkenaan hak asasi manusia. Hal ini mungkin kerana rumah dan sekolah mereka berada di kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, program tersebut berjaya memberikan pencerahan kepada pelajar berkenaan hak asasi manusia dan hak kanak-kanak.

13. Undangan untuk Menyampaikan Ceramah dan Latihan Hak Asasi Manusia

Pada tahun 2018, SUHAKAM telah menerima beberapa undangan daripada agensi kerajaan dan organisasi lain untuk menyampaikan ceramah dan mengendalikan bengkel latihan berkenaan topik hak asasi manusia secara spesifik dan umum, sebagaimana yang berikut:

Bil.	Topik	Tarikh	Tempat	Penganjur
1.	Ceramah Hak Asasi Manusia kepada Pegawai PDRM	29 Januari	Maktab Latihan PDRM, Cheras, Kuala Lumpur	Polis Diraja Malaysia (PDRM)
2.	Ceramah "Hak Asasi Manusia dalam Perlembagaan Persekutuan" kepada Kadet Pegawai Tadbir dan Diplomatik	5 Februari	INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur	Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
3.	Ceramah Hak Asasi Manusia kepada "Ijtimak Pentadbir-Pentadbir Maahad Tahfiz dan Pondok Negeri Pahang 2018"	13 Februari	Raub, Pahang	Jabatan Agama Islam Negeri Pahang
4.	Ceramah "Kematian dalam Tahanan: Perspektif Hak Asasi Manusia" kepada Pegawai Penjara	20 Mac	Akademi Koreksional Malaysia, Langkawi, Kedah	Jabatan Penjara
5.	Latihan Hak Asasi Manusia kepada Pegawai Penjara	24 Mac	Maktab Penjara Malaysia, Kajang, Selangor	Jabatan Penjara
6.	Latihan Hak Asasi Manusia kepada RELASIS UNiMAP	21 April	UNiMAP Perlis	Briged RELA Siswa Siswi (RELASIS)
7.	Latihan Hak Asasi Manusia kepada Pegawai Penjara	24 April	Pusat Latihan Pegawai Penjara, Taiping, Perak	Jabatan Penjara
8.	Ceramah "Hak Asasi Manusia dalam Perlembagaan Persekutuan" kepada Kadet Pegawai Tadbir dan Diplomatik	30 April	INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur	INTAN

Bil.	Topik	Tarikh	Tempat	Penganjur
9.	Latihan Hak Asasi Manusia kepada Pegawai Penjara	10 Mei	Penjara Seremban, Negeri Sembilan	Jabatan Penjara
10.	Latihan "Hak Asasi Manusia dan Hak Pekerja Migran" kepada Penggerak Malaysia	15 Mei	Pejabat SUHAKAM, Kuala Lumpur	Penggerak Malaysia
11.	Ceramah "Peranan SUHAKAM dalam Isu Hak Asasi Manusia" kepada PDRM	23 Mei	PULAPOL, Kuala Lumpur	PDRM
12.	Ceramah "Isu-isu Hak Asasi Manusia" kepada PDRM	24 Mei	PULAPOL, Kuala Lumpur	PDRM
13.	Ceramah "Hak Pesakit kepada Kesihatan" kepada Persatuan Jururawat Malaysia	28 Julai	Hospital Pulau Pinang, Pulau Pinang	Persatuan Jururawat Malaysia
14.	Ceramah "Hak Asasi Manusia" kepada Pegawai SPRM	31 Julai	Pejabat SPRM Kelantan, Kelantan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
15.	Kursus Hak Asasi Manusia kepada Pegawai/Kakitangan Sekolah Henry Gurney Teluk Mas	13 September	Sekolah Henry Gurney, Teluk Mas, Melaka	Jabatan Penjara
16.	Ceramah "Hak Asasi Manusia mengenai "Hak Asasi Manusia dan SUHAKAM", "Isu-Isu Semasa Hak Asasi Manusia", dan "Pemerdagangan Orang dari Perspektif Hak Asasi Manusia" kepada Rekrut PDRM dalam Kursus Asas	20 & 21 September	PULAPOL, Kuala Lumpur	PDRM
17.	Kursus Hak Asasi Manusia kepada Rekrut Penjara	21 September	PULAPEN, Taiping, Perak	Jabatan Penjara
18.	Kursus Hak Asasi Manusia kepada Pegawai Rumah Seri Kenangan, Johor Bahru	30 September	Rumah Seri Kenangan, Johor Bahru, Johor	Jabatan Kebajikan Masyarakat
19.	Kursus Hak Asasi Manusia kepada Pegawai Penguat kuasa Majlis Perbandaran Kulai	7 November	Mersing, Johor	Majlis Perbandaran Kulai

SUHAKAM mengalu-alukan undangan untuk mengendalikan bengkel latihan atau menyampaikan ceramah tentang hak asasi manusia daripada pihak berkepentingan yang lain dengan matlamat untuk mempromosikan hak asasi manusia di Malaysia.

PROMOSI DAN KEMASYARAKATAN

Sepanjang tahun ini, SUHAKAM terus melaksanakan mandat terasnya dalam meningkatkan kesedaran hak asasi manusia melalui pelbagai program kemasyarakatan dan berkolaborasi dengan pelbagai pihak berkepentingan di Malaysia.

1. Perlindungan Daripada Penyeksaan Dan Hukuman Lain Yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan Atau Menjatuhkan Maruah

a) Program UNCAT bersama pelbagai pihak berkepentingan

Susulan daripada sesi dialog Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (UNCAT) yang diadakan pada 5-7 Julai 2017, SUHAKAM menganjurkan satu lagi siri program UNCAT pada 2 - 5 Julai 2018 di Kuala Lumpur bersama pertubuhan Islam Malaysia dan pihak berkuasa agama, Ahli Parlimen dan pelbagai agensi kerajaan, serta Menteri Luar Negeri, YB Dato' Saifuddin Abdullah.

Program-program tersebut bertujuan untuk mengkaji halangan-halangan ketidaksertaan Malaysia kepada UNCAT terutamanya ketidakserasian undang-undang domestik, sivil dan syariah dengan UNCAT, serta mempelajari daripada bidang kuasa lain dan untuk mendapatkan sokongan daripada pelbagai pihak berkepentingan ke arah menyokong penyertaan Malaysia kepada konvensyen.

Antara isu dan syor utama yang diperolehi daripada program ini termasuklah:

- i. Anggapan bahawa agama Islam dan UNCAT tidak selaras tidak boleh menjadi halangan bagi Malaysia untuk meratifikasi konvensyen itu dan untuk memajukan agenda hak asasi manusia di negara ini.
- ii. Undang-undang Syariah tidak menjadi penghalang kepada penyertaan Malaysia kepada UNCAT kerana peruntukan kesalahan dan hukuman di bawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984 dan Akta Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 tidak tertakluk dalam definisi "penyeksaan" seperti yang terkandung dalam UNCAT.
- iii. Pendidikan dan kesedaran tentang UNCAT dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia hendaklah berdasarkan kepercayaan asas bahawa Islam melarang penyeksaan dan kekejaman.
- iv. Dialog yang lebih kerap dalam kalangan ulama dan ahli akademik Malaysia perlu diadakan untuk melihat kesesuaian UNCAT dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan prinsip-prinsip Islam yang diamalkan oleh masyarakat Islam.
- v. Malaysia perlu mencontohi amalan terbaik negara-negara Islam yang lain seperti Tunisia dan Qatar yang telah menggantikan hukuman sebat dengan bentuk hukuman lain bagi kesalahan jenayah seperti penjara.

- vi. Perlu ada perbincangan yang konstruktif dalam kalangan masyarakat Malaysia berhubung dengan penyertaan Malaysia dalam UNCAT walaupun pandangan mereka yang berbeza berkaitan dengan integrasi nilai sejagat ke dalam konteks domestik. Adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk memahami bahawa tujuan UNCAT bukanlah untuk mengenakan satu lagi nilai dan budaya dengan tujuan untuk melemahkan kepercayaan dan nilai keagamaan yang sedia ada di Malaysia.
- vii. "Pencegahan" merupakan elemen utama di bawah UNCAT yang bertujuan untuk melarang penyeksaan dan layanan buruk dan mempertahankan akauntabiliti Negara Ahli dalam melaksanakan langkah-langkah berkesan seperti yang digariskan dalam konvensyen.
- viii. Setiap Negara Ahli dibenarkan membuat pengisytiharan dan reservasi terhadap beberapa artikel dalam UNCAT. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu dibuat berdasarkan justifikasi yang kukuh supaya tidak menjejaskan objektif konvensyen tersebut.
- ix. Pelaksanaan hukuman sebat di sekolah bercanggah dengan Artikel 16 UNCAT yang menetapkan tanggungjawab Negara Ahli untuk membangunkan intervensi bagi mencegah penyeksaan, hukuman lain yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah. Terdapat keperluan bagi para pendidik untuk mengkaji semula kaedah tatatertib mereka dengan tujuan untuk menghormati maruah manusia kepada semua kanak-kanak ke arah mencapai matlamat pendidikan.
- x. Hak asasi manusia perlu diajar kepada kanak-kanak sekolah seperti yang dilaksanakan di Indonesia melalui program sekolah bertajuk "Komuniti Pelajar Hak Asasi Manusia" untuk menangani masalah buli dan juga melalui pengenalan mata pelajaran dalam menghormati hak rakyat dalam kurikulum sekolah
- xi. Tujuan sistem keadilan harus lebih fokus kepada pemulihan dan pengintegrasian bekas pesalah kembali ke dalam masyarakat sebagai warganegara yang baik dan bukannya hukuman.
- xii. Amalan rasuah termasuk dalam sistem penguatkuasaan undang-undang dan keadilan boleh memberi kesan buruk kepada usaha menghapuskan penyeksaan dan lain-lain bentuk menjatuhkan maruah seperti yang termaktub dalam resolusi (A / HRC / 37 / L.32) yang diterima pakai oleh Majlis Hak Asasi Manusia pada 23 Mac 2018.
- xiii. Meratifikasi UNCAT juga boleh membawa keyakinan bersama antara negara anggota PBB dalam konteks kerjasama antarabangsa yang berkaitan dengan pendakwaan dan/atau ekstradisi individu yang didakwa melakukan perbuatan penyeksaan.
- xiv. Pelaksanaan UNCAT adalah satu proses yang penting dan SUHAKAM perlu menggalakkan persefahaman antara agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang seperti PDRM.



Bengkel mengenai UNCAT bersama Komuniti Islam Malaysia pada 2 Julai 2018

b) Memorandum yang dikemukakan kepada Wakil Malaysia ke Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN mengenai Hak Asasi Manusia dan Kementerian Luar Negeri Malaysia

Menyedari akan peranan penting yang dimainkan oleh Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN mengenai Wakil Hak Asasi Manusia untuk Malaysia (AICHR Malaysia) dan Kementerian Luar Negeri Malaysia (KLN) dalam wacana hak asasi manusia di Malaysia dan rantau ASEAN, SUHAKAM dan Rakan Kampen ACT4CAT, iaitu Majlis Peguam, Amnesty International Malaysia (AIM), Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) dan Lawyers for Liberty telah menyerahkan memorandum kepada Wakil Malaysia ke AICHR Encik Edmund Bon Tai Soon dan wakil KLN pada 25 Jun menjelang Hari Antarabangsa Menyokong Mangsa Penyeksaan. Rakan Kampen ACT4CAT menggesa AICHR Malaysia dan KLN melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

- i. Sokongan terbuka ke arah meratifikasi UNCAT;
- ii. Menyokong dan memudah cara dialog antara Kerajaan Malaysia dan penandatanganan UNCAT yang lain di rantau ASEAN dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;
- iii. Mengundang dan mengalu-alukan pelapor khas dan pakar-pakar hak asasi manusia antarabangsa ke Malaysia; dan
- iv. Menetapkan ratifikasi UNCAT sebagai salah satu matlamat jangka panjang AICHR Malaysia.

Semasa menyampaikan memorandum kepada pihak terbabit, gabungan tersebut juga menekankan fakta bahawa enam negara anggota ASEAN, iaitu Kemboja, Indonesia, Laos, Filipina, Thailand dan Vietnam telah meratifikasi UNCAT dan 58 negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) telah meratifikasi konvensyen secara global.

AICHR mempunyai mandatnya dalam usaha untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia dan kebebasan asas rakyat ASEAN. Mandat ini harus memberi kuasa AICHR untuk menyokong ke arah meratifikasi UNCAT di Malaysia sebagai kerajaan ASEAN, termasuk Malaysia telah menyatakan sokongan menentang penyeksaan di bawah Artikel 14 Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN. Rakan kempen ini berharap agar AICHR Malaysia mengambil peranan proaktif dengan menyokong meratifikasi UNCAT di Malaysia.

Memandangkan peranan penting KLN dalam memudahkan proses meratifikasi triti dan memastikan pematuhan agensi pelaksana terhadap piawaian hak asasi antarabangsa, rakan kempen menganggap perlu bagi KLN untuk membuka pintu dan mengalu-alukan pelapor khas PBB untuk melakukan lawatan tambahan dan kajian terhadap Malaysia.



Rakan Kempen ACT4CAT diketuai oleh Datuk Lok Yim Pheng menyampaikan memorandum kepada Wakil Malaysia ke Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR) Encik Edmund Bon Tai Soon

Rakan kempen berasa gembira dengan jaminan yang telah diberikan oleh AICHR Malaysia bahawa mereka akan membawa memorandum tersebut kepada Menteri Luar Negeri dan berbincang dengan Menteri tentang cadangan untuk menjadi tuan rumah Dialog Peringkat Tinggi antara Kementerian untuk mengenal pasti harapan masa depan untuk Malaysia meratifikasi UNCAT dalam tempoh tertentu.

c) Penilaian Penggalan Sejagat Ketiga Malaysia

Di samping Penilaian Penggalan Sejagat Ketiga Malaysia (UPR) yang berlangsung pada 8 November di Geneva, Switzerland, delegasi SUHAKAM turut mengadakan mesyuarat berasingan dengan Association for the Prevention of Torture (APT) dan Convention Against Torture Initiative (CTI) pada 7 dan 8 November. Mesyuarat ini bertujuan memperkukuh kerjasama dengan rakan-rakan antarabangsa ke arah menyokong Malaysia meratifikasi UNCAT serta meningkatkan bidang tugas dalam mencegah tindakan penyeksaan di tempat-tempat tahanan.

SUHAKAM berasa gembira untuk menyatakan bahawa dalam UPR Ketiga Malaysia, terdapat 15 syor khusus dalam meratifikasi Malaysia kepada UNCAT dan enam syor menyeru antara lain, penghapusan penyeksaan dan segala bentuk tindakan penyeksaan dan tidak berperikemanusiaan atau hukuman yang zalim termasuk hukuman mati dalam kedua-dua sistem perundangan sivil dan syariah.

SUHAKAM berharap bahawa kerajaan akan memberi maklum balas positif terhadap syor-syor ini dengan tujuan untuk menghalang, dan akhirnya menghapuskan sebarang bentuk penyeksaan dan hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah di Malaysia.

2. Penyertaan Awam Dan Kemasyarakatan

a) Program SUHAKAM Bersama Masyarakat

SUHAKAM terus meningkatkan kesedaran orang ramai tentang hak asasi manusia melalui program SUHAKAM Bersama Masyarakat di pelbagai tempat di negara ini. Sepanjang tahun ini, SUHAKAM telah mengadakan lima siri yang diadakan di Wilayah Persekutuan dan tiga negeri berlainan dengan jumlah penyertaan seramai 1,848 orang telah mengambil bahagian. Butiran sesi adalah seperti yang berikut:

- i. PPR Beringin Kepong, Kuala Lumpur (25 Mac)
- ii. PPR Pantai Dalam, Kuala Lumpur (29 Mac)
- iii. Kuala Kangsar, Perak (24 Julai)
- iv. Hulu Terengganu, Terengganu (4 Oktober)
- v. Langkawi, Kedah (22 November)

Isu-isu yang dibangkitkan

Berikut ialah isu-isu utama yang dibangkitkan oleh peserta:

i. Pendidikan

Kebimbangan timbul berhubung dengan keperluan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pihak berkuasa agama negeri untuk melihat sekolah-sekolah agama, iaitu Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan sekolah tahfiz di Malaysia bagi memastikan sekolah-sekolah ini mematuhi standard yang diperlukan dari segi ciri keselamatannya, penyampaian kandungan, pembangunan kapasiti untuk guru-guru serta kualiti sistem pembelajaran.

Sesetengah ibu bapa juga turut menyuarakan kebimbangan mereka tentang bebanan beg sekolah dan kemungkinan risiko kesihatan yang dihadapi oleh anak-anak mereka kerana membawa beg sekolah yang terlalu berat dari dan ke sekolah secara rutin. Mereka berharap agar KPM meringankan beban beg pelajar tersebut dengan mengurangkan bilangan buku teks yang perlu dibawa ke sekolah.

Isu berkenaan dengan hak asasi kanak-kanak tanpa warganegara terhadap pendidikan juga dibangkitkan dalam salah satu sesi oleh rakyat yang prihatin, yang mengharapkan kanak-kanak tanpa warganegara diberi peluang yang sama untuk menerima pendidikan yang sewajarnya di Malaysia.

Wakil daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru di Langkawi turut membangkitkan kebimbangan tentang sekolah-sekolah yang berprestasi rendah di pulau tersebut. Wakil tersebut mencadangkan keperluan SUHAKAM untuk mengkaji isu ini dan membuat syor yang sewajarnya kepada KPM.

ii. Hak mengundi

Sesetengah peserta melahirkan kebimbangan mereka terhadap ketidaksamaan hak mengundi. Pengundi berdaftar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hanya boleh mengundi untuk memilih wakil Parlimen dan tidak seperti pengundi di negeri lain yang boleh mengundi kedua-dua perwakilan dalam dewan undangan negeri dan Parlimen. Walaupun mengakui hakikat bahawa Kuala Lumpur ditadbir secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Wilayah Persekutuan bersama pihak berkuasa tempatan, iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, para peserta berharap kerajaan akan memberi perhatian terhadap perkara ini.

iii. Kebebasan bersuara

Kebangkitan ucapan kebencian kaum dan agama dan berita palsu dalam media sosial merupakan kebimbangan utama bagi beberapa peserta. Mereka meminta SUHAKAM dan pihak berkepentingan utama lain untuk memainkan peranan masing-masing bagi menangani masalah tersebut.

iv. Pekerjaan

Seorang peserta meminta SUHAKAM untuk melihat penamatan seramai 1,200 penjawat awam daripada Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) di bawah kerajaan baharu.

v. Kebebasan beragama

Terdapat pertanyaan yang berulang tentang hak kebebasan beragama dalam konteks Malaysia dan peranan SUHAKAM dalam hal ini. Sesetengah peserta melihat Artikel 18 UDHR yang menyatakan hak individu untuk kebebasan berfikir, hati nurani dan agama sebagai ancaman kepada ajaran Islam di Malaysia. Begitu juga, mereka juga melihat meratifikasi Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) sebagai ancaman kepada masyarakat Islam di Malaysia.

Kaji selidik persepsi

SUHAKAM terus menjalankan kajian persepsi dengan para peserta setiap sesi untuk menilai pemahaman mereka terhadap hak asasi manusia dan tugas SUHAKAM secara umum.

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada 1,001 responden, berikut adalah hasil yang diperoleh:

- i. 87 peratus daripada responden berpendapat bahawa hak asasi manusia merupakan hak asas dan kebebasan yang dimiliki manusia sejak lahir, manakala 12 peratus hak asasi manusia dianggap hak asasi bagi kumpulan tertentu. Baki 1 peratus dilihat hak asasi manusia sebagai nilai-nilai asing atau ideologi Barat.
- ii. 85 peratus responden percaya bahawa hak asasi manusia melindungi semua orang termasuk tahanan dan banduan, sementara 10 peratus berpendapat bahawa hak asasi manusia hanya melindungi kanak-kanak dan wanita. Sebanyak 4 peratus daripada responden berpendapat perlindungan hak asasi manusia terhad kepada Orang Kurang Upaya dan 1 peratus hanya terhad kepada ahli politik.
- iii. 74 peratus daripada responden menyatakan bahawa mereka mengambil berat tentang hak asasi manusia, manakala 25 peratus menjawab bahawa dalam tahap tertentu mereka mengambil berat tentang hak asasi manusia dan 1 peratus tidak mengambil berat tentang hak asasi manusia.

- iv. 49 peratus daripada responden berpendapat bahawa SUHAKAM merupakan sebuah NGO yang memperjuangkan hak asasi manusia berbanding dengan 42 peratus yang berpendapat bahawa SUHAKAM ialah badan berkanun bebas yang mempromosi dan melindungi hak asasi manusia. Baki 9 peratus berpendapat bahawa SUHAKAM ialah sebuah jabatan kerajaan.
- v. 95 peratus daripada responden memahami bahawa SUHAKAM memberi perhatian terhadap semua isu yang berkaitan dengan hak asasi manusia di negara ini berbanding dengan 3 peratus yang menganggap SUHAKAM memberi perhatian terhadap isu berkaitan dengan kepentingan parti politik tertentu, dan 2 peratus menganggap SUHAKAM memberi perhatian terhadap isu salah laku agensi kerajaan.
- vi. 60 peratus daripada responden berpendapat bahawa SUHAKAM telah memenuhi tanggungjawab setakat mana yang mampu, manakala 25 peratus berpendapat bahawa SUHAKAM tidak cukup baik kerana kurangnya tindakan susulan daripada pihak kerajaan. Sebanyak 15 peratus daripada responden berpendapat bahawa SUHAKAM tidak dapat menjalankan fungsinya dengan cukup baik kerana kuasanya terbatas.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa lebih 70 peratus daripada responden mengambil berat tentang hak asasi manusia dan memahami konsep asas hak asasi manusia dan beranggapan bahawa perlindungan hak asasi manusia diperluaskan kepada semua orang termasuk tahanan dan banduan.

Terdapat perbezaan marginal (7 peratus) antara peratusan responden yang salah anggap SUHAKAM sebagai sebuah NGO hak asasi manusia (49 peratus) dan peratusan (42 peratus) responden yang memahami bahawa SUHAKAM sebuah badan berkanun yang mempromosi dan melindungi hak asasi manusia. Walau bagaimanapun, keputusan ini amat memberangsangkan bahawa majoriti (95 peratus) responden mengetahui bahawa SUHAKAM telah menjalankan pelbagai isu hak asasi manusia di negara ini.

Keputusan ini mencerminkan bahawa lebih daripada 60 peratus responden berpuas hati dengan prestasi SUHAKAM, manakala kira-kira 20 peratus daripada responden berasa bahawa SUHAKAM tidak melaksanakan peranannya dengan cukup baik dan mereka mengaitkannya dengan kurangnya tindakan susulan oleh pihak kerajaan atau kuasanya terbatas.

Keputusan ini menunjukkan keperluan berterusan bagi SUHAKAM untuk meningkatkan kesedaran orang ramai berkenaan dengan peranan dan fungsinya sebagai Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan yang merupakan sebuah badan yang tubuhkan oleh Parlimen untuk menghapuskan persepsi yang salah sebagai sebuah NGO.



Sesi SUHAKAM Bersama Masyarakat di Langkawi, Kedah

b) Pameran

SUHAKAM juga telah mengadakan 19 pameran dalam pelbagai acara yang dianjurkan oleh SUHAKAM dan organisasi lain seperti di bawah:

TARIKH	PENGANJUR	BUTIRAN
4 Februari	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Diadakan bersempena dengan sambutan Hari Wilayah Persekutuan, iaitu "Kenduri 1 Wilayah Persekutuan".
24 Februari	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Diadakan bersempena dengan sambutan Hari Wilayah Persekutuan, iaitu "Kenduri 1 Wilayah Persekutuan".
17 – 18 Mac	Kementerian Kewangan (MOF)	Diadakan bersempena dengan program siri MOF bertajuk "Fiesta NBOS" di Segamat, Johor.
25 Mac	SUHAKAM	Diadakan bersempena dengan program SUHAKAM Bersama Masyarakat di Kepong, Kuala Lumpur.
29 Mac	SUHAKAM	Diadakan bersempena dengan program SUHAKAM Bersama Masyarakat di Lembah Pantai, Kuala Lumpur.
31 Mac	HELP University	Diadakan bersempena dengan program HELP University yang bertajuk "The Tan Sri Dato' Seri Dr Abdul Malek Law Students' Conference 2018".
15 April	MOF	Diadakan bersempena dengan program siri MOF bertajuk "Fiesta NBOS" di Bentong, Pahang.

TARIKH	PENGANJUR	BUTIRAN
15 Mei	SBM Offshore	Diadakan bersempena dengan program SBM Offshore bertajuk "SBM KL Life Day 2018" di Platinum Sentral, Kuala Lumpur.
2-3 Jun	Greenpeace Malaysia	Diadakan bersempena dengan program Greenpeace Malaysia bertajuk "The Rainbow Warrior" di Pelabuhan Klang, Selangor.
16 – 18 Julai	Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)	Diadakan bersempena dengan program USAS bertajuk "World Conference on Islamic Thought and Civilization" di Ipoh, Perak.
24 Julai	SUHAKAM	Diadakan bersempena dengan program SUHAKAM Bersama Masyarakat di Kuala Kangsar, Perak.
14 Ogos	Monash University Malaysia (MUM)	Diadakan bersempena dengan program MUM bertajuk "Monash Internship and NGO Fair 2018" di Subang Jaya, Selangor
25 September	SUHAKAM dan UNESCO	Diadakan bersempena dengan program SUHAKAM and UNESCO bertajuk "Roundtable with Parliamentarians: Aligning National Legislation with International Standards on Freedom of Expression, Access to Information and Press Freedom" di Kuala Lumpur.
4 Oktober	SUHAKAM	Diadakan bersempena dengan program SUHAKAM Bersama Masyarakat di Hulu Terengganu.
6-7 Oktober	SUHAKAM	Diadakan untuk mempromosi kempen UNCAT kepada orang ramai di Kuching, Sarawak.
29-30 Oktober	Asian Confederation of Institutes of Internal Auditors Conference (ACIIA)	Diadakan bersempena dengan program "2018 ACIIA Conference" di Kuala Lumpur
3 November	Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Perumahan Awam Seri Negeri Sembilan, Bandar Baru Sentul	Diadakan bersempena dengan program Karnival Masyarakat Penyayang di Kuala Lumpur.
22 November	SUHAKAM	Diadakan bersempena dengan program SUHAKAM Bersama Masyarakat di Pulau Langkawi, Kedah.
8 Disember	SUHAKAM	Diadakan bersempena dengan sambutan Hari Hak Asasi Manusia 2018 di Kuala Lumpur.

3. Pemerkasaan Belia

SUHAKAM terus mendidik dan memperkasakan belia dalam prinsip hak asasi manusia melalui program "Youth for Rights" yang diadakan di pelbagai universiti tempatan. Sepanjang tahun ini, Suruhanjaya telah mengadakan tujuh bengkel dengan jumlah penyertaan seramai 1,535 belia yang terdiri daripada pelbagai universiti tempatan dan kumpulan belia seperti berikut:

- a) Universiti Selangor (UNISEL) dan Ahli Parlimen Belia Malaysia, Shah Alam, Selangor, 31 Mac.
- b) Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Kuala Lumpur, 2 Mei.
- c) Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar, Perak, 27 Jun.
- d) INTI International University & Colleges, Nilai, Negeri Sembilan, 26 September.
- e) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Nerus, Terengganu, 3 Oktober.
- f) Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, 12 November.
- g) Universiti Malaysia Pahang (UMP), Gambang, Pahang, 28 November.

Sebagaimana tahun sebelumnya, SUHAKAM terus menjalankan kaji selidik persepsi golongan belia untuk mengukur pemahaman mereka tentang hak asasi manusia serta tugas dan fungsi Suruhanjaya. Berikut ialah maklum balas yang diterima daripada 552 responden belia:

- i. Hampir semua, iaitu 95 peratus daripada responden berpendapat bahawa hak asasi manusia ialah hak asas dan kebebasan yang dimiliki manusia sejak lahir, manakala 4 peratus hak asasi manusia dianggap hak asasi bagi kumpulan tertentu. Baki 1 peratus dilihat hak asasi manusia sebagai nilai-nilai asing atau ideologi Barat.
- ii. Majoriti besar, iaitu 79 peratus responden percaya bahawa hak asasi manusia melindungi semua orang termasuk tahanan dan banduan, sementara 17 peratus berpendapat hak asasi manusia melindungi ahli politik. Baki lagi 2 peratus berpendapat bahawa hak asasi manusia melindungi kanak-kanak dan wanita dan 2 peratus berpendapat perlindungan hak asasi manusia terhadap kepada Orang Kurang Upaya.
- iii. Hampir separuh, iaitu 66 peratus daripada responden menyatakan bahawa mereka mengambil berat tentang hak asasi manusia, manakala 33 peratus dalam tahap tertentu mereka mengambil berat tentang hak asasi manusia. Baki 1 peratus tidak mengambil berat tentang hak asasi manusia.
- iv. 44.4 peratus daripada responden memahami bahawa SUHAKAM ialah badan berkanun bebas yang mempromosi dan melindungi hak asasi manusia berbanding dengan 42.4 peratus berpendapat bahawa SUHAKAM merupakan sebuah NGO yang memperjuangkan hak asasi manusia. Baki 13.2 peratus berpendapat bahawa SUHAKAM ialah sebuah jabatan kerajaan.

- v. 66 peratus daripada responden memahami bahawa SUHAKAM memberi perhatian terhadap semua isu yang berkaitan dengan hak asasi manusia di negara ini berbanding dengan 31 peratus yang menganggap SUHAKAM memberi perhatian terhadap isu yang berkaitan dengan isu salah laku agensi kerajaan. Baki 3 peratus menganggap SUHAKAM memberi perhatian terhadap isu kepentingan parti politik.
- vi. Sementara 57 peratus daripada responden berpendapat bahawa SUHAKAM telah memenuhi tanggungjawab setakat mana yang mampu, 20 peratus responden berpendapat bahawa SUHAKAM tidak melakukan peranannya dengan cukup baik kerana kuasanya terbatas. Baki 23 peratus berpendapat SUHAKAM tidak melakukan cukup baik kerana kurang tindakan susulan daripada pihak kerajaan.



Program "Youth for Rights" yang diadakan di Selangor pada 31 Mac

Walaupun kebanyakan golongan belia berpendapat bahawa hak asasi manusia melindungi semua orang termasuk tahanan dan banduan, 17 peratus percaya bahawa hak asasi manusia melindungi kumpulan tertentu, iaitu ahli politik dan hanya 4 peratus responden yang menyatakan perlindungan hak asasi manusia kepada golongan rentan seperti kanak-kanak dan wanita serta orang kurang upaya. Sebagai perbandingan, peratusan responden SUHAKAM Bersama Masyarakat yang berpendapat bahawa hak asasi manusia melindungi ahli politik adalah rendah.

Serupa dengan hasil kajian program SUHAKAM Bersama Masyarakat, terdapat perbezaan marginal antara peratusan responden yang salah anggap bahawa SUHAKAM sebagai sebuah NGO hak asasi manusia dan peratusan responden yang memahami bahawa SUHAKAM ialah badan berkanun yang mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

Walaupun 66 peratus daripada responden memahami bahawa SUHAKAM memberi perhatian terhadap semua isu yang berkaitan dengan hak asasi manusia, 30 peratus menganggap SUHAKAM memberi perhatian terhadap isu salah laku agensi kerajaan. Hal ini seolah-olah mencadangkan bahawa sesetengah belia cenderung melihat SUHAKAM sebagai mekanisme menangani ketidakpuasan hati yang mengendalikan aduan dan salah laku pegawai kerajaan.

Suruhanjaya berasa gembira terhadap penilaian keseluruhan daripada peserta yang menghadiri program "Youth for Rights" yang sangat menggalakkan. Peserta juga turut memberi pelbagai cadangan membina dalam meningkatkan penyampaian program.

MEDIA

GAMBARAN KESELURUHAN

Sepanjang tahun ini, SUHAKAM telah mengeluarkan 52 kenyataan media berhubung pelbagai isu hak asasi manusia termasuk isu kanak-kanak, Pilihan Raya ke-14, wanita, pendidikan, hukuman mati, migran, kebebasan berfikir, naluri hati dan agama, penukaran agama sebelah pihak, pemerdagangan manusia, kebebasan bergerak, Akta Hasutan, RUU Akta Anti Berita Tidak Benar 2018, RUU Anti-Diskriminasi, RUU Harmoni Nasional dan Suruhanjaya Pendamaian dan RUU Kebencian Agama dan Kaum, Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA), larangan merokok dan keadaan lokap polis.

Dapat dilihat bahawa liputan media, termasuk media arus perdana mencapai peningkatan menjelang tahun. Dapat disimpulkan bahawa walaupun kebanyakan media membuat liputan yang tepat berhubung pendirian SUHAKAM terhadap pelbagai isu hak asasi manusia di Malaysia melalui kenyataan medianya, terdapat beberapa media yang memberi laporan tidak tepat mengenainya. Hal ini telah mengelirukan pembaca dan menyebabkan mesej yang ingin disampaikan tidak dapat difahami oleh mereka.

Institusi media memainkan peranan yang amat penting dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia dan SUHAKAM berharap media akan terus menyokong, menyampai dan menyediakan maklumat yang lengkap, adil dan tepat kepada masyarakat umum berhubung isu hak asasi manusia. SUHAKAM akan meneruskan usahanya bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan etikaewartawanan dan perlindungan hak asasi manusia dan bagaimana perkara tersebut boleh menyumbang kearah pembentukan masyarakat yang lebih baik.

1. Media sosial

SUHAKAM sering kali menyalurkan maklumat berhubung aktiviti, sebarang kenyataan media dan mempromosi kefahaman tentang hak asasi manusia melalui Twitter, Facebook dan Instagram.

2. Dokumentari Hak Asasi Manusia

Pada bulan Jun, SUHAKAM bekerjasama dengan Persatuan Belia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia (UNAM) dalam projek untuk menghasilkan dokumentari bertajuk, "Hak Yang Hilang". Tujuan dokumentari adalah untuk meningkatkan kesedaran, mencetuskan perbincangan serta pemahaman masyarakat terhadap isu-isu perkahwinan kanak-kanak, Orang Asli dan pekerja asing.

Lebih daripada 20 sesi temu bual diadakan bersama-sama dengan pakar-pakar, Ahli Parlimen, pemimpin agama, pemimpin termasuk ahli komuniti. Dokumentari 20 minit ini telah ditayangkan semasa sambutan Hari Hak Asasi Manusia pada 9 Disember dan akan disiarkan melalui saluran Youtube SUHAKAM di <https://www.youtube.com/user/SukahamVideo>

PENERBITAN DAN PENGURUSAN DOKUMEN

Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Dokumen ditubuhkan pada tahun 2018. Bahagian ini mengandungi tiga unit, iaitu Penerbitan, Perpustakaan dan Pengurusan Dokumen. Objektif penubuhannya adalah untuk mempromosi, memperkasakan dan memajukan minda masyarakat serta menyebarkan maklumat tentang hak asasi manusia melalui bahan bercetak atau elektronik dalam pelbagai bidang dan tema.

1. Pertandingan Video Pendek

Pada tahun ini, SUHAKAM menganjurkan satu Pertandingan Video Pendek bagi mendapatkan pandangan umum tentang pemahaman mereka berkenaan dengan hak asasi manusia. Pertandingan ini dibuka penyertaannya kepada orang ramai mulai 15 Ogos hingga 15 Oktober 2018. Dengan tema "Hak asasi manusia dalam konteks masyarakat Malaysia", Unit Penerbitan telah menerima 117 penyertaan. Pemarkahan dan penilaian berdasarkan kandungan, plot, kreativiti dan aspek teknikal. Video pemenang telah dipamerkan di Festival Hak Asasi Manusia SUHAKAM pada 9 Disember 2018.

Bil.	Senarai Nama Pemenang	Tajuk	Tema
Juara	• Yuvan Raj Ganesan • Mathan Amuthan Selvam • Nanthakumaran Rajavijayan • Deena Pravinah a/p Nagaratnam • Dineshwaran Bole Ar Seng • Mohanakumaran a/l Rajavijayan • Kabilan a/l Shunmuganathan • Jaygentaran Raj a/l Mahagentharan	Roda (<i>Wheels</i>)	Orang Kurang Upaya (OKU)
Tempat Kedua	• Albert Wong Tuong Chui • Belinda Yii Sii Yung • Joan Sim Jo Jo • Dr. Ting Chuong Hock • Emilia Ting Ing Chieh • Yong Wan Rong • Lau Buong Yan	Bolehkah anda memberikan kasih sayang kepada kami? (<i>Can you give us more love?</i>)	Orang Kurang Upaya (OKU)
Tempat Ketiga	• Muhammad Zaim Aiman Bin Kamaruddin • Izz Danial Bin Muhammad Hisham • Dennis Vissa a/l Eh Run • Muhammad Alif Ikhwan Bin Mohd Nawi	Peluang (<i>Chance</i>)	Pendidikan



Hadiah tempat pertama diberikan kepada Roda yang memberi fokus kepada hak orang kurang upaya. Kumpulan ini diwakili oleh Nanthakumaran Rajavijayan, Deena Pravinah a/p Nagaratnam dan Yuvaraj Ganesan



Dr. Ting Chuong Hock, mewakili kumpulannya menerima hadiah tempat kedua bagi Pertandingan Video Pendek SUHAKAM 2018



Muhammad Zaim Aiman bin Kamaruddin dan Izz Danial bin Muhammad Hisham memenangi tempat ketiga, mewakili kumpulan mereka dari Sekolah Menengah Kebangsaan Tok Janggut, Kota Bharu, Kelantan

2. Bahan Bercetak untuk Orang Kurang Upaya - Brosur Braille

Unit Penerbitan terus mencetak pelbagai risalah dan brosur pada tahun 2018. Brosur "Hak Asasi Manusia untuk Semua" sebelum ini diterbitkan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Penerbitan ini diperluaskan lagi melalui bahasa Mandarin, Tamil, Iban dan Kadazan.

Sebagai langkah membantu mereka yang mengalami masalah penglihatan, Unit Penerbitan mengambil inisiatif untuk menerbitkan brosur yang sama dalam bentuk tulisan braille bagi edisi bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Adalah diharapkan bahawa usaha ini akan membantu mewujudkan kesedaran tentang hak asasi kepada golongan tersebut

SUHAKAM akan meneruskan usaha untuk menterjemahkan brosur lain ke dalam tulisan braille walaupun kosnya agak tinggi, namun maklumat tersebut dapat membantu kefahaman golongan kurang upaya cacat penglihatan.

Harapan Masa Depan

SUHAKAM berbangga dengan peningkatan minat daripada Parlimen, agensi kerajaan dan penguat kuasa, sekolah, universiti, sektor swasta dan masyarakat awam yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut tentang hak asasi manusia. Hal ini dibuktikan dengan peningkatan undangan yang diterima oleh SUHAKAM pada tahun ini untuk menyampaikan ceramah, mengendalikan bengkel latihan serta untuk membuka gerai pameran dan menyampaikan taklimat bertemakan hak asasi manusia secara umum atau khusus. Program latihan bersama dengan agensi kerajaan dan PBB, jabatan kehakiman dan universiti juga turut meningkat.

Bagi memenuhi mandat SUHAKAM dalam mempromosi dan menyediakan pendidikan hak asasi manusia, SUHAKAM – selepas pertemuan dengan Menteri Pendidikan pada 11 Disember – akan berusaha untuk merealisasikan "Pendidikan Hak Asasi Manusia (Diajar dan Diamalkan) di Semua Sekolah Menjelang Tahun 2020". Bagi mencapai matlamat ini, SUHAKAM akan meluaskan program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah (ATHAM) di sekolah-sekolah lain. SUHAKAM telah mendapat persetujuan daripada KPM untuk memperkembangkan program ATHAM ke 200 buah sekolah lain pada tahun 2019, menjadikan jumlah sekolah yang terlibat sebanyak 422.

Berhubung Modul Hak Asasi Manusia Pasca Pelajar PT3 dan UPSR yang telah lengkap dibangunkan, pada tahun hadapan, SUHAKAM akan mengadakan TOT yang melibatkan jurulatih utama daripada KPM. Pihak KPM telah bersetuju agar SUHAKAM melatih jurulatih utama di peringkat kebangsaan, yang kemudiannya mereka akan

ditugaskan untuk melatih jurulatih lain di peringkat daerah. Jurulatih ini seterusnya akan mengendalikan sesi latihan berkenaan pelaksanaan modul kepada guru-guru sekolah yang relevan. Bagi memperkukuh penetapan mata pelajaran hak asasi manusia di sekolah, SUHAKAM juga akan bekerjasama dengan KPM untuk memasukkan isu-isu hak asasi manusia dalam pendidikan sivik.

Selain itu, SUHAKAM juga akan mula membangunkan modul latihan hak asasi manusia untuk dipertimbangkan agar dimasukkan di dalam silibus yang diajar di Institut Aminudin Baki dan Institut Pendidikan Guru.

Berhubung dengan aktiviti bersama-sama dengan universiti, SUHAKAM akan meneruskan pelaksanaan program di bawah MoU dan mendekati universiti lain untuk menjalankan secara bersama aktiviti latihan dan pendidikan kepada pelajar. SUHAKAM berasa gembira kerana silibus hak asasi manusia kepada pelajar pradiploma telah diterima oleh UNISEL. Pada tahun depan, SUHAKAM akan mengendalikan sesi TOT kepada pensyarah UNISEL untuk membimbing mereka berkenaan pelaksanaan pengajaran silibus tersebut. SUHAKAM akan memperluas cadangan untuk memasukkan pendidikan hak asasi manusia di dalam silibus ke universiti lain.

Berkenaan dengan kesedaran masyarakat, pada tahun depan, SUHAKAM akan meneruskan kerja-kerja kemasyarakatan dalam bentuk dialog bersama akar umbi melalui program-program seperti program SBM Offshore, kempen dan pameran. Melalui program ini juga akan memberikan SUHAKAM peluang untuk membetulkan sebarang salah faham tentang objektif SUHAKAM dan hak asasi manusia. SUHAKAM juga akan mengadakan dialog berskala kecil dengan agensi kerajaan negeri seperti pihak berkuasa agama negeri untuk antara lainnya, menjalin kerjasama dan membincangkan isu-isu hak asasi manusia yang khusus. Program bersama pembangunan modal insan dengan agensi penguat kuasa seperti polis, imigresen dan penjara juga akan diperluaskan pada tahun depan.

Sebagai langkah seterusnya, SUHAKAM akan terus memberikan bimbingan kepada jurulatih FGV dalam beberapa sesi latihan hak asasi manusia kepada pengurus ladang yang terawal. Bagi memperluas capaiannya ke perniagaan lain, SUHAKAM akan menguar-uarkan ke seluruh negara berkenaan dengan latihan hak asasi manusia dalam perniagaan.

Kuasa Menasihat Berhubung Aspek Perundangan dan Dasar

GAMBARAN KESELURUHAN

SUHAKAM merupakan sebuah Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) yang bebas daripada kerajaan, dengan mandat dari segi perundangan yang luas untuk melindungi dan mempromosikan hak asasi manusia di peringkat nasional secara bebas. Sebagai sebuah NHRI, SUHAKAM berada di antara kerajaan dan masyarakat sivil dan bekerjasama dengan masyarakat sivil serta pelaku negara untuk menyediakan satu laporan yang tepat tentang keadaan hak asasi manusia, bersama-sama cadangan kepada kerajaan dan Parlimen, serta badan-badan kerajaan yang lain.

Mandat SUHAKAM merangkumi menasihati dan membantu kerajaan dalam merangka perundangan, dasar dan prosedur serta mengesyorkan kepada penyertaan triti hak asasi manusia antarabangsa. Dalam hal ini, SUHAKAM melalui Bahagian Perundangan dan Triti Antarabangsa menjalankan semakan semula pelbagai undang-undang sedia ada serta cadangan rang undang-undang untuk menilai kesan undang-undang tersebut kepada hak asasi manusia.

1. Pindaan kepada Akta SUHAKAM 1999 (Akta 597)

SUHAKAM secara konsisten melobi pindaan kepada Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 untuk mengukuhkan mandat dan kuasanya. Dalam hal ini, SUHAKAM mengemukakan beberapa cadangan pindaannya kepada Jawatankuasa Pembaharuan Institusi (IRC) serta Jawatankuasa Khas Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR).

SUHAKAM mengulangi pendirian dan cadangannya dalam kedua-dua mesyuarat supaya Malaysia menyertai baki triti hak asasi manusia antarabangsa dalam menyahut seruan kerajaan untuk memperbaiki hak asasi manusia Malaysia di peringkat dunia serta untuk memastikan prestasinya setanding dengan perkembangan global.

Cadangan-cadangan tersebut merangkumi aspek-aspek yang berikut:

- i. Pemilihan Anggota Suruhanjaya – Dicapangkan semua pesuruhjaya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor Parlimen dan pemilihan pesuruhjaya dijalankan oleh Parlimen melalui proses terbuka dan telus;
- ii. Komposisi Suruhanjaya – Dicapangkan supaya had statutori anggota seramai 20 orang dikekalkan dan sebahagian mereka dilantik sepenuh masa demi memastikan pesuruhjaya komited kepada tugas mereka dan bagi mengelakkan sebarang konflik kepentingan di mana-mana peringkat;
- iii. Tempoh Suruhanjaya – Dicapangkan tempoh lantikan pesuruhjaya dilanjutkan kepada lima tahun sepenggal kerana dalam tempoh itu akan membolehkan SUHAKAM untuk melaksanakan fungsinya dan mengawasi pelaksanaan aktiviti dan cadangannya dengan lebih efektif;
- iv. Kehilangan Kelayakan Pesuruhjaya – Dicapangkan supaya syarat bagi pengerusi untuk mendapatkan kebenaran daripada Menteri dimansuhkan;
- v. Kuasa untuk Melawat Tempat Tahanan – Dicapangkan SUHAKAM diberikan mandat statutori untuk melawat ke tempat tahanan tanpa notis awal agar SUHAKAM dapat memastikan tempat tersebut mematuhi prinsip hak asasi manusia;
- vi. Kuasa untuk Menjalankan Mediasi – Dicapangkan supaya peruntukan yang jelas dinyatakan dalam Akta untuk memberikan SUHAKAM kuasa untuk menjadi pengantara;
- vii. Berunding dengan SUHAKAM berhubung dengan perangkaan dan pindaan undang-undang – Dicapangkan satu peruntukan baharu diwujudkan untuk menjadikannya mandatori bagi kerajaan untuk berunding dengan SUHAKAM dalam hal perangkaan dan/atau pindaan kepada undang-undang sebelum dibentangkan ke Parlimen untuk perbincangan;
- viii. Dana Suruhanjaya – Dicapangkan supaya dana SUHAKAM disalurkan secara terus daripada Parlimen, selepas semakan cadangan bajet tahunan SUHAKAM;
- ix. Hubungan dengan Badan Kehakiman – Dicapangkan supaya satu peruntukan baharu untuk SUHAKAM hadir sebagai *amicus curiae* dalam kes mahkamah diwujudkan dalam akta bagi menyerlahkan lagi peranannya dalam membantu badan kehakiman berhubung isu hak asasi manusia;
- x. Kuasa berhubung Inkuiri – Dicapangkan supaya peruntukan bersifat punitif berhubung kuasa SUHAKAM untuk mendapatkan dokumen, maklumat atau apa-apa perkara lain, diperkenalkan bagi kegagalan untuk mematuhi apa-apa notis

- daripada SUHAKAM; dan juga untuk melindungi saksi SUHAKAM terhadap sebarang gangguan atau ugutan oleh mana-mana institusi, agensi atau individu;
- xi. Pelaksanaan Inkuiri oleh SUHAKAM – Dicapadangkan Seksyen 12(3) Akta Ibu melibatkan perkataan “berhenti untuk melakukan inkuiri” dipinda menjadi lebih jelas dan difahami;
 - xii. Keputusan Inkuiri –Dicapadangkan bahawa semua agensi berkaitan bertindak atas cadangan SUHAKAM termasuklah, di mana relevan, memulakan siasatan jenayah dan/atau pendakwaan atas satu-satu kesalahan;
 - xiii. Bahas Laporan Tahunan/Laporan Khas SUHAKAM – Dicapadangkan supaya peruntukan yang berkaitan dipinda untuk menyatakan secara jelas bahawa Parlimen hendaklah membahaskan laporan oleh SUHAKAM; dan
 - xiv. Jawatankuasa Pemilih Tetap Mengenai Hak Asasi Manusia – Dicapadangkan supaya satu Jawatankuasa Pemilih Tetap Parlimen (PSC) ditubuhkan agar SUHAKAM dan pihak berkepentingan lain boleh membincangkan hal-hal hak asasi manusia dengan Parlimen secara tetap.

Pada bulan Mei 2018, SUHAKAM memanjangkan cadangan pindaan rang undang-undangnya kepada IRC dan seterusnya kepada JKKMAR untuk pertimbangan.

2. Penyerahan Kertas Posisi kepada Jawatankuasa Pembaharuan Institusi (IRC)

Pada bulan Mei 2018, SUHAKAM mengatur satu mesyuarat dengan IRC bertujuan untuk mengemukakan cadangan, antara lain, berhubung penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) dan pelaporan ke Parlimen.

SUHAKAM juga mengemukakan kertas posisi berkaitan dengan triti hak asasi manusia antarabangsa yang berikut - Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR), Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (CAT), Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ICESCR), Konvensyen Antarabangsa tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi (ICERD), Konvensyen Antarabangsa tentang Perlindungan Semua Orang daripada Tindakan Kehilangan Paksa (ICPPED), Konvensyen Antarabangsa Tentang Perlindungan Hak Pekerja Migran dan Ahli Keluarga Mereka (ICRMW) dan Konvensyen Berhubung Status Pelarian (Konvensyen Pelarian 1951) – untuk pertimbangan.

Berdasarkan pemerhatian SUHAKAM, kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memenuhi piawaian dan semangat triti hak asasi manusia antarabangsa. Antara justifikasi yang terkandung dalam kertas posisi termasuklah:

- i. Pemansuhan hukuman mati mandatori dalam kesalahan yang berkaitan dadah;
- ii. Pemansuhan hukuman rotan daripada Akta Kanak-kanak 2001 dan pengenalan hukuman alternatif seperti khidmat masyarakat dan kaunseling;
- iii. Pengenalan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025;
- iv. Pengenalan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang mana diwujudkan bagi memperbaiki pembangunan sosioekonomi rakyat Malaysia;
- v. Komitmen Malaysia dalam mencapai sasaran dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG);
- vi. Pengeluaran Arahan berkaitan dengan pengurusan pelarian di Malaysia;
- vii. Pembangunan Rancangan Malaysia, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Negara, Dasar Wawasan Negara serta Dasar Transformasi Nasional untuk membasmi kemiskinan, meningkatkan pendapatan dan penstrukturan masyarakat; dan
- viii. Penubuhan pasukan petugas khas bagi meneliti isu kewarganegaraan di Malaysia.

Walaupun SUHAKAM mengambil maklum bahawa terdapat halangan bagi penyertaan Malaysia kepada baki triti, antaranya termasuklah keserasian antara peruntukan dalam triti dengan Perlembagaan Malaysia, dan amalan serta undang-undang domestik; SUHAKAM berpandangan bahawa perkara tersebut tidak wajar dijadikan sebagai satu halangan besar oleh Malaysia. Harus diingat bahawa tiada keperluan bagi Negara Pihak untuk meminda perundangan dan dasar domestiknya untuk memastikan pematuhan penuh dengan peruntukan triti sebelum penyertaan atau ratifikasi. Malah, terdapat prinsip "pencapaian secara progresif" yang ditekankan oleh piawaian hak asasi manusia antarabangsa untuk menggalakkan Negara Pihak mengambil langkah untuk memaksimumkan sumbernya bagi mencapai pencapaian penuh triti.

Oleh itu, sudah tiba masanya Malaysia mempertimbangkan untuk meratifikasi baki triti hak asasi manusia antarabangsa kerana dengan itu akan menyediakan platform untuk memantapkan Perlembagaan Persekutuan dan memperkukuh hak yang tidak diperuntukkan dengan secukupnya di dalamnya. Triti ini juga akan menyediakan perlindungan kepada individu untuk menikmati dan mengamalkan hak mereka dan menjelaskan kepada pihak penguat kuasa dalam menghormati hak asasi manusia. SUHAKAM menggesa kerajaan untuk mengambil langkah ke hadapan dengan menyertai atau meratifikasi triti hak asasi manusia dalam masa terdekat.

Selain penyerahan kepada IRC, kertas tersebut juga digunakan sebagai rujukan dalam melengkapi cadangan SUHAKAM kepada JKKMAR untuk pertimbangan dan keputusan dasar, yang mana salah satunya membabitkan ratifikasi kepada triti hak asasi manusia.

3. Penyerahan Kertas Justifikasi kepada Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC)

Pada bulan Ogos 2018, SUHAKAM diundang menghadiri Mesyuarat Persediaan bagi Membincangkan Kertas Pertimbangan yang akan Dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah Siri 4 (JKKMAR) pada 21 September. SUHAKAM ditugaskan untuk membentangkan kertas justifikasi bersama-sama cadangan berhubung Janji 26 Manifesto Kerajaan ke arah menambah baik "Tadbir Urus, Integriti dan Memerangi Rasuah".

Sehubungan dengan mesyuarat tersebut, SUHAKAM menyediakan kertas justifikasi yang memfokuskan kepada dua isu berkaitan dengan pengukuhan kuasa dan fungsi SUHAKAM melalui pindaan kepada Akta SUHAKAM; dan ratifikasi kepada triti hak asasi manusia antarabangsa. Intipati kertas justifikasi adalah seperti yang berikut:

a) Pengukuhan kuasa dan fungsi SUHAKAM

SUHAKAM mengenal pasti beberapa pindaan bagi membolehkan SUHAKAM menjadi lebih efektif dalam menjalankan fungsinya. Cadangan pindaan termasuklah perkara yang mempengaruhi tadbir urus, integriti dan kebertanggungjawaban dalam proses pemilihan Pesuruhjaya SUHAKAM; kuasa SUHAKAM untuk menasihati dan membantu kerajaan merangka perundangan dan arahan serta prosedur pentadbiran; kuasa SUHAKAM untuk menyiasat aduan berkenaan pelanggaran hak asasi manusia; membahaskan Laporan Tahunan/Laporan Khas SUHAKAM di Parlimen; dan kuasa SUHAKAM untuk mempromosi kesedaran serta menyediakan pendidikan berhubung hak asasi manusia.

b) Ratifikasi kepada triti hak asasi manusia antarabangsa

Selari dengan Janji 26 Manifesto, SUHAKAM mencadangkan supaya kerajaan menyertai atau meratifikasi kepada tujuh triti hak asasi manusia antarabangsa yang berikut:

- i. Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Sivill dan Politik (ICCPR);
- ii. Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (CAT);
- iii. Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ICESCR);
- iv. Konvensyen Antarabangsa Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi (ICERD);
- v. Konvensyen Antarabangsa tentang Perlindungan Semua Orang daripada Tindakan Kehilangan Paksa (ICPPED);
- vi. Konvensyen Antarabangsa tentang Perlindungan Hak Pekerja Migran dan Ahli Keluarganya (ICRMW); dan
- vii. Konvensyen Berhubung Status Pelarian (Konvensyen Pelarian 1951)

Hal ini akan menunjukkan komitmen Malaysia ke arah hak asasi manusia yang lebih baik, serta bagi menjamin prestasi negara berada setanding dengan pembangunan global.

Pada 21 September 2018, Pesuruhjaya Prof. Dato' Dr. Aishah Bidin sebagai ketua delegasi membentangkan kertas justifikasi SUHAKAM bersama-sama syornya di hadapan Kabinet dalam Mesyuarat JKKMAR. Mesyuarat tersebut diadakan di Bangunan Putra Perdana, Putrajaya dan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad. Ahli Kabinet pada dasarnya menyokong dan mengesahkan cadangan SUHAKAM berhubung dengan pemerkasaannya supaya fungsi dan peranannya dapat dijalankan dengan lebih efisien.

Walau bagaimanapun, SUHAKAM gagal mendapatkan persetujuan berhubung cadangan keduanya untuk meratifikasi triti hak asasi manusia antarabangsa. SUHAKAM dinasihati untuk menyemak semula cadangannya dengan mempertimbangkan norma, nilai dan budaya tempatan. SUHAKAM tidak berputus asa dengan keputusan tersebut dan akan mencari inisiatif untuk mengukuhkan kajiannya tentang isu-isu hak asasi manusia di Malaysia.

SUHAKAM masih berhubung dengan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) untuk memaklumkan kepada mereka tentang kemajuan tindakan yang diambil oleh SUHAKAM berkenaan cadangan yang disebutkan di atas.

Sebagai langkah susulan, pada bulan November 2018, SUHAKAM bertemu dengan Peguam Cara Negara dan Peguam Negara bagi mendapatkan pandangan dan nasihat mereka berkaitan dengan sebarang tindakan wajar yang SUHAKAM boleh pertimbangkan dalam mempercepat proses pindaan Aktanya dan bagi meyakinkan kerajaan terhadap cadangan tersebut. SUHAKAM terharu dengan respon baik daripada kedua-dua mesyuarat dan kesediaan Pejabat Peguam Negara dalam membantu SUHAKAM akan memperhalus cadangan rang undang-undangnya. SUHAKAM dijangka untuk menghantar versi rang undang-undangnya yang telah disemak ke Pejabat Peguam Negara menjelang akhir bulan Januari 2019.

Adalah diharapkan supaya pindaan yang dicadangkan akan dipertimbangkan secara menyeluruh oleh kerajaan kerana cadangan itu adalah penting bagi meningkatkan keberkesanan SUHAKAM, menjelaskan peruntukan yang tidak jelas dan membawa akta sepenuhnya selari dengan Prinsip Paris dan Prinsip Belgrade (yang mentakrifkan hubungan antara NHRI dan Parlimen, dengan tujuan untuk mengukuhkan dan menerangkan dengan lebih baik "kerjasama yang berkesan" sebagaimana termaktub dalam Prinsip Paris).

4. Semakan Undang-undang

SUHAKAM memainkan peranan yang penting dalam memajukan semua aspek kedaulatan undang-undang dan dalam mempromosikan serta memantau keberkesanan pemakaian piawaian hak asasi manusia antarabangsa di peringkat nasional, melalui semakan undang-undang. Pada tahun ini, SUHAKAM mempertimbangkan;

a) Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM)

Malaysia merupakan destinasi popular dalam kalangan pekerja migran sama ada untuk tujuan ekonomi mahupun negara transit. Walaubagaimanapun, terdapat risiko terhadap golongan rentan ini untuk menjadi mangsa pemerdagangan seksual dan kerja. SUHAKAM secara konsisten menyeru kerajaan supaya meningkatkan usaha mencegah dan memerangi pemerdagangan orang dan penyeludupan migran, serta memastikan perlindungan dan bantuan sepenuhnya diberikan kepada mangsa pemerdagangan dan penyeludupan di semua peringkat, selari dengan Protokol PBB untuk Menghukum, Mencegah dan Membanteras Pemerdagangan Orang terutamanya Wanita dan Kanak-kanak. Dalam hal ini, SUHAKAM menghargai usaha yang dilakukan oleh Majlis Anti-Perdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran (MAPO) untuk memperkukuh ATIPSOM.

SUHAKAM diundang oleh MAPO untuk memberikan beberapa syor bagi mempertingkatkan undang-undang untuk melindungi mangsa dengan lebih baik. Dalam penyediaan syornya, SUHAKAM berpandukan kepada Prinsip Panduan PBB Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (UNGP); Prinsip dan Garis Panduan yang Disyorkan terhadap Hak Asasi Manusia dan Pemerdagangan Orang; Protokol PBB untuk Menghukum, Mencegah dan Membanteras Pemerdagangan Orang terutamanya Wanita dan Kanak-kanak; Konvensyen PBB Membanteras Jenayah Terancang Merentasi Sempadan (UNTOC) dan Tambahan kepada UNTOC; Pelan Tindakan ASEAN Terhadap Pemerdagangan Orang, terutamanya Wanita dan Kanak-kanak; dan Majlis Konvensyen Eropah tentang Tindakan terhadap Pemerdagangan Manusia.

SUHAKAM turut merujuk kepada perkembangan yang dilakukan oleh United Kingdom dan Australia dalam memerangi pemerdagangan orang dengan masing-masing meluluskan Akta Perhambaan Moden 2015 dan Akta Perhambaan Moden 2018.

Berpandukan norma dan amalan terbaik antarabangsa ini, SUHAKAM mencadangkan satu peruntukan berkenaan rampasan aset; peraturan

baharu untuk mengenal pasti mangsa dan pengenalan penggunaan penyata perhambaan dan pemerdagangan orang sebagai bukti ketelusan rantai bekalan pekerja dalam sesebuah organisasi.

SUHAKAM turut mengesyorkan agar kanak-kanak didefinisikan sebagai 18 tahun ke bawah bagi melindungi kanak-kanak daripada diperdagangkan dan untuk memasukkan peruntukan bagi melindungi mangsa dan saksi daripada ugutan dan gangguan.

Walaupun SUHAKAM teruja untuk memastikan hukuman yang lebih tinggi kepada pesalah, namun SUHAKAM menentang hukuman sebat yang dicadangkan sebagai salah satu hukuman.

Memandangkan MAPO enggan untuk melaksanakan cadangan SUHAKAM untuk memasukkan penyata perhambaan dan pemerdagangan orang dalam cadangan pindaan, SUHAKAM telah berjumpa dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk membincangkan mekanisme yang bersesuaian untuk memantau rantai bekalan pekerja sesebuah organisasi yang berdaftar bawah SSM.

Dalam hal ini, SSM memaklumkan bahawa Seksyen 252 dan 253 Akta Syarikat 2016 mungkin bersesuaian untuk memantau rantai bekalan pekerja. Walau bagaimanapun, SSM mengingatkan SUHAKAM bahawa tindakan di bawah Seksyen 252 dan 253 dibuat secara sukarela dan bukan satu keperluan mandatori syarikat untuk mengemukakan penyata. Tambahan pula, tujuan peruntukan tersebut bukan untuk memerangi perhambaan moden tetapi hanyalah sebahagian tanggungjawab sosial korporat sebagai salah satu tunjang bawah UNGP.

Oleh itu, bagi memastikan ketelusan dalam rantai bekalan pekerja, SUHAKAM berharap agar MAPO mempertimbangkan semula dua pindaan tambahan kepada ATIPSOM 2007, iaitu pelaporan mandatori dan menjadikan SSM sebahagian daripada MAPO supaya dapat memantau laporan-laporan tersebut.

b) Rang Undang-undang Keharmonian

Hampir empat tahun sejak Majlis Perundangan Perpaduan Negara diminta oleh kerajaan untuk menyemak semula Rang Undang-undang Jenayah Kebencian Agama dan Kaum, Rang Undang-undang Perdamaian dan Keharmonian Nasional dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Perdamaian dan Keharmonian Nasional.

Walaubagaimanapun, isu keharmonian nasional dilihat semakin parah. Oleh itu, Jabatan Perpaduan Nasional dan Integrasi Nasional (JPNIN) diamanahkan untuk mempertimbangkan semula sama ada untuk menggubal undang-undang baharu yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional atau menambah baik rang undang-undang yang dicadangkan sebelum ini. JPNIN mendapatkan nasihat konsultasi daripada SUHAKAM berkenaan cadangan Akta Keharmonian Nasional.

Dalam hal ini, SUHAKAM mencadangkan kepada Sekretariat untuk mempertimbangkan semula tajuk akta tersebut supaya melambangkan semangat dan matlamat asal cadangan Akta Keharmonian Nasional yang bertujuan untuk menubuhkan suruhanjaya dan untuk menyediakan definisi jelas tentang maksud keharmonian nasional, perpaduan, perdamaian, dan integrasi. SUHAKAM mengambil perhatian bahawa cadangan Suruhanjaya Keharmonian Nasional ini tidak akan mempunyai panduan asas sekiranya tiada maksud yang jelas tentang keharmonian nasional, perpaduan, perdamaian, dan integrasi dalam rang undang-undang tersebut.

c) Rang Undang-undang Penginapan dan Perumahan Pekerja 2018 dan Peraturan Perumahan Pekerja 2018

Dalam Kumpulan Kerja 2 di bawah Majlis Perundingan Nasional Sumber Manusia, SUHAKAM diwakili oleh Pesuruhjaya Datuk Lok Yim Pheng, diminta untuk menyemak cadangan pindaannya berhubung cadangan Rang Undang-undang Penginapan dan Perumahan Pekerja 2018 dan Peraturan Perumahan Pekerja 2018.

Dalam menyemak cadangan rang undang-undang dan peraturan tersebut, SUHAKAM merujuk Artikel 11(1) ICESCR, Artikel 5 ICERD, Artikel 14 CEDAW, Artikel 27(1) CRC, Artikel 43 ICRMW, dan Artikel 28 Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya. Secara dasarnya, SUHAKAM menyokong niat rang undang-undang ini untuk meluaskan hak perumahan kepada semua sektor pekerjaan termasuklah tempatan dan asing. SUHAKAM mengemukakan komennya pada bulan September 2018.

Walaubagaimanapun, pada 2 Oktober 2018, SUHAKAM dimaklumkan bahawa disebabkan oleh isu teknikal, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah menarik balik cadangan untuk membentangkan rang undang-undang dan peraturan ini. Sebaliknya, Kumpulan Kerja tersebut mencadangkan untuk membuat pindaan kepada perundangan sedia ada, iaitu Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446). SUHAKAM kecewa dengan keputusan ini,

memandangkan cadangan rang undang-undang dan peraturan ini dilihat dapat memberikan hak perumahan yang lebih baik kepada semua.

(d) Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446)

Kumpulan Kerja 2 di bawah Majlis Perundingan Nasional Sumber Manusia telah meminta pandangan SUHAKAM terhadap cadangan pindaan Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446).

SUHAKAM menyambut baik beberapa cadangannya terhadap Rang Undang-undang Penginapan dimasukkan dalam cadangan pindaan Akta 446, antaranya termasuklah;

- i. Bantuan perubatan tidak lagi eksklusif kepada pekerja estet sahaja, tetapi terpakai juga kepada semua pekerja dalam sektor lain; dan
- ii. Pengurus penginapan merupakan seorang kaunselor terlatih dan perlu memantau bangunan dua kali sebulan dan rekod tersebut disimpan di tempat kerja. Pengurus juga bertanggungjawab untuk memastikan pekerja dibawa ke hospital apabila terdapat aduan mengenai kesihatan pekerja, atau sekiranya pekerja dilihat mengalami masalah kesihatan. Rekod ini juga perlu disimpan di tempat kerja.

SUHAKAM memandang serius isu pekerja kanak-kanak. SUHAKAM percaya bahawa satu-satunya jalan penyelesaian bagi isu ini adalah dengan penyediaan pusat jagaan kanak-kanak, walaupun terdapat kurang daripada 10 kanak-kanak bawah empat tahun. Selain itu, SUHAKAM mencadangkan agar akta ini mengguna pakai peruntukan yang sama dalam cadangan Peraturan Perumahan khasnya berkenaan isu gangguan seksual dan piawaian minimum penginapan sebagaimana yang dicadangkan oleh SUHAKAM sebelum ini. SUHAKAM turut memohon agar maksud estet diperluaskan supaya pusat jagaan kanak-kanak dibenarkan di estet walaupun terdapat kurang daripada 10 kanak-kanak bawah empat tahun. SUHAKAM juga mahu hukuman penalti diperkenalkan kepada mereka yang berterusan melakukan kesalahan dalam Rang Undang-undang Penginapan.

SUHAKAM berharap agar cadangan pindaan ini dapat membantu mengurangkan risiko buruh paksa. Selain itu, SUHAKAM berharap agar bilangan terkini inspektor buruh dapat ditingkatkan kepada bilangan yang sewajarnya supaya dapat memastikan majikan mematuhi undang-undang.

e) Pindaan Akta Kerja 1955

Sebagai ahli Kumpulan Kerja 2, SUHAKAM sekali lagi diminta untuk mengemukakan pandangan berkaitan cadangan pindaan Akta Kerja 1955. SUHAKAM berpendapat bahawa cadangan pindaan tersebut telah merangkumi definisi “kontraktor untuk buruh” dan “kontrak perkhidmatan” dengan lebih jelas dan menyeluruh. SUHAKAM juga bersetuju dengan cadangan mewujudkan seksyen baharu mengenai ciri-ciri mereka yang diandaikan sebagai pekerja kerana cadangan itu akan meluaskan perlindungan dalam Akta Kerja. SUHAKAM juga berbesar hati dengan penggantian perkataan “kakitangan domestik” kepada “pekerja domestik”. Perubahan ini memberikan pengiktirafan yang lebih baik kepada pekerja domestik dan menegakkan maruah mereka. Cadangan pindaan juga memberi layanan yang lebih baik kepada pasangan pekerja dengan menjadikan pasangan sebagai salah seorang yang dimaksudkan sebagai ahli keluarga terdekat. Cadangan pindaan turut termasuk peruntukan larangan buruh paksa, pelanjutan tempoh cuti bersalin selama 90 hari kepada semua sektor, cara yang lebih mudah untuk membuat aduan tentang gangguan seksual, penambahbaikan waktu rehat pekerja dan membenarkan aturan waktu kerja yang fleksibel. SUHAKAM amat bersyukur dengan pemansuhan had gaji dalam Jadual Pertama Akta Kerja, yang mana cadangan ini memberikan hak sama rata kepada semua pekerja.

Walaubagaimanapun, masih terdapat beberapa peruntukan dalam cadangan pindaan yang memerlukan penelitian mendalam. Walaupun definisi buruh paksa telah diperluaskan dengan memasukkan elemen “penipuan” sebagai sebahagian daripada takrifannya, SUHAKAM khawatir jika pelaku salah memanipulasikan istilah ini. SUHAKAM ingin supaya maksud “penipuan” dinyatakan dalam peruntukan buruh paksa. SUHAKAM juga mencadangkan agar pekeliling yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah berkenaan dengan tiada diskriminasi berasaskan gender, agama, bangsa, keupayaan, bahasa, status perkahwinan dan kehamilan mematuhi prinsip hak asasi manusia. SUHAKAM juga ingin agar hukuman yang setimpal untuk menghalang majikan daripada menyalahguna dan mengeksploitasi pekerja merekadiwujudkan.

SUHAKAM mengambil perhatian niat penggubal untuk membenarkan wanita bekerja malam dengan memansuhkan keseluruhan bahagian dalam Bahagian VIII. Walau bagaimanapun, bagi tujuan keselamatan dan maruah wanita, SUHAKAM berpandangan bahawa dengan kewujudan seksyen 60A(10) tidak mampu untuk memastikan keselamatan pekerja yang bekerja malam. Oleh itu, SUHAKAM mencadangkan agar Seksyen 34, Seksyen 354 di Bahagian VIII dan Seksyen 102(2) (b) dikekalkan.

Akhirnya, SUHAKAM berharap agar pengiktirafan yang lebih baik terhadap pekerja domestik dan mencadangkan Menteri untuk menggunakan kuasanya bawah Seksyen 102 untuk menyediakan peraturan yang lebih baik bagi memastikan proses pengambilan pekerja migran sama ada untuk tujuan domestik atau sebagainya adalah beretika dan selari dengan piawaian hak asasi manusia. Peraturan itu termasuklah ketelusan dalam kontrak bertulis yang jelas menerangkan terma pekerjaan dan keadaan kerja. Terma itu juga perlu dalam bahasa yang difahami oleh pekerja. Kerajaan juga perlu memastikan pekerja domestik mendapat akses kepada mekanisme aduan terutamanya apabila hak mereka dicabuli, atau kontrak telah dilanggar. Mekanisma tersebut mestilah disertakan dengan mandat yang sewajarnya untuk menyelesaikan isu ini, termasuklah peruntukan untuk menjatuhkan penalti kepada majikan. Seterusnya, kerajaan mestilah bertindak pantas meminda undang-undang dan dasar bagi mengukuhkan perlindungan menyeluruh kepada pekerja domestik dan pekerja migran.

Untuk itu, SUHAKAM memuji undang-undang baharu dan pindaan yang dicadangkan (dalam Rang Undang-undang Penginapan dan Perumahan Pekerja 2018 dan Peraturan Perumahan Pekerja 2018, Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 dan Akta Kerja 1955) yang akan membantu meningkatkan hak pekerja. Undang-undang ini juga akan menjadi batu loncatan ke arah ratifikasi Konvensyen ILO Berhubung Penghapusan Buruh Paksa 1957 (No. 105), Diskriminasi (Pekerjaan dan Penjawatan) 1958 (No. 111), Polisi Pekerjaan 1964 (No. 122) dan Pemeriksaan Pekerja (Pertanian) 1969 (No. 129).

Dengan adanya pindaan ini, Malaysia dilihat melangkah ke arah untuk mencapai prinsip asas sebagaimana yang terkandung dalam Deklarasi ILO Mengenai Prinsip dan Hak Asasi di Tempat Kerja. Walau bagaimanapun, SUHAKAM tetap berharap agar penambahbaikan terhadap Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 bagi kebebasan berpersatuan, pengiktirafan hak untuk perjanjian kolektif dan penghapusan buruh kanak-kanak yang efektif dapat turut dilihat dengan teliti.

f) Rang Undang-undang Warga Emas

SUHAKAM menghadiri satu mesyuarat yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada 3 Mei 2018 yang berkaitan dengan pembangunan akta khusus untuk warga emas di Malaysia. Dalam mesyuarat tersebut, ahli-ahli penyelidik daripada Universiti Malaya membentangkan hasil kajian mereka tentang tahap dan akibat penyeksan dan

pengabaian warga emas dalam negara serta kekurangan dalam undang-undang sedia ada mengenai warga emas di Malaysia.

Hasil utama mesyuarat tersebut ialah KPWKM akan menyediakan satu kertas untuk menggubal satu rang undang-undang baharu mengenai warga emas dan membentangkannya kepada Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara untuk kelulusan. Setelah diluluskan, KPWKM akan memulakan proses mendraf rang undang-undang tersebut.

SUHAKAM menyokong penuh pembangunan rang undang-undang tersebut yang bertujuan iaitu meningkatkan perlindungan kepada warga emas di Malaysia dan memastikan hak asas mereka ditegakkan.

5. Undang-undang Keselamatan

Susulan perubahan dalam kerajaan selepas 9 Mei 2018, SUHAKAM dilantik menjadi ahli jawatankuasa khas bagi menyemak semula pelbagai undang-undang berkaitan dengan keselamatan serta hukuman mati mandatori, yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN). Dalam mesyuarat tersebut, SUHAKAM mengulangi pendiriannya bahawa keseimbangan yang sewajarnya perlu wujud dalam penggunaan undang-undang keselamatan bagi melindungi negara daripada ancaman keselamatan, dan dari sudut lain bagi melindungi hak asasi manusia dan kebebasan asas.

6. Anti-Hukuman Mati

Projek Pemansuhan Hukuman Mati Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (APF)

SUHAKAM bersama-sama rakan sekutunya, secara konsisten melobi kearah pemansuhan hukuman mati di Malaysia. Pada tahun 2017, SUHAKAM telah berjaya dalam bidaannya terhadap Projek Pemansuhan Hukuman Mati Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (APF). Objekti projek ini adalah untuk mengukuhkan kapasiti Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (NHRI), khususnya yang terletak di negara yang masih mengekalkan hukuman mati, dan untuk mempromosi pemansuhan hukuman mati.

Bagi tujuan projek ini, SUHAKAM bertemu dengan beberapa cendekiawan Islam terkemuka serta tokoh agama lain pada tahun 2017 dan awal tahun 2018 untuk menerangkan berkenaan pemansuhan hukuman mati dan mendapatkan respon mereka tentang isu ini. Berdasarkan mesyuarat tersebut, SUHAKAM mendapati bahawa

mereka menyokong usaha SUHAKAM untuk memansuhkan hukuman mati. Dalam masa yang sama, SUHAKAM turut menganjurkan bengkel berkenaan hukuman mati kepada pelajar universiti di Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) masing-masing pada bulan November dan bulan Disember 2017. Daripada bengkel tersebut, dapat diperhatikan bahawa selepas pembentangan SUHAKAM, beberapa pelajar telah menukar pendirian mereka – daripada mengekalkan hukuman mati, sebilangan mereka berpandangan pemansuhan hukuman mati wajar dilaksanakan secara berperingkat.

Selari dengan komitmen kerajaan sebagaimana yang terkandung dalam Janji 27 Manifesto Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori dalam semua Akta, pada 28 Jun 2018, SUHAKAM menganjurkan satu Seminar Kebangsaan Mengenai Hukuman Mati dan seminar ini dihadiri oleh wakil daripada agensi kerajaan, ahli Parlimen, diplomat, badan-badan agama, badan bukan kerajaan (NGO), pengamal undang-undang, ahli akademik dan pelajar.

Hasil seminar tersebut, SUHAKAM menyediakan satu laporan dengan menyatakan syor yang berikut kepada kerajaan:

- i. Supaya kerajaan menegakkan komitmennya di bawah Janji 27 Manifesto untuk memansuhkan hukuman mati mandatori dalam semua akta;
- ii. Supaya kerajaan memperkenalkan moratorium penggunaan hukuman mati sementara menunggu semakan undang-undang yang berkaitan; dan
- iii. Supaya kerajaan menyertai ICCPR dan Pilihan Protokol kepada ICCPR dengan matlamat untuk memansuhkan hukuman mati, tanpa sebarang keraguan.



Pesuruhjaya Dato' Mah Weng Kwai menyampaikan ucapan aluan pada Seminar Kebangsaan mengenai Hukuman Mati

SUHAKAM mengemukakan sesalinan laporan kepada Setiausaha dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat serta Jawatankuasa Khas Undang-undang Keselamatan. SUHAKAM berharap agar kerajaan akan mempertimbangkan dengan serius laporan Seminar Nasional tersebut dan menegakkan komitmennya bagi menghapuskan hukuman mati mandatori. Walau bagaimanapun, SUHAKAM masih kekal dengan pendiriannya bahawa hukuman mati dalam semua jenayah hendaklah dihapus dan digantikan dengan alternatif lain.

SUHAKAM juga sedar akan kepentingan meningkatkan kesedaran berhubung isu hukuman mati dalam kalangan pelbagai peringkat komuniti, termasuklah kakitangan kerajaan, organisasi masyarakat sivil, ahli akademik, pelajar dan masyarakat umum. Oleh hal yang demikian, SUHAKAM bersama-sama rakan sekutunya akan meneruskan usaha mengenal pasti cara dan langkah lain untuk melobi pemansuhan hukuman mati di negara ini.

7. Fungsi SUHAKAM di Mahkamah

Peguam pemerhati di mahkamah

SUHAKAM mengulangi pendiriannya bahawa sistem kehakiman merupakan satu organ negara yang penting untuk melindungi dan menyediakan semak dan imbang tentang hak asas individu. Sejak tahun 2011, SUHAKAM bertindak secara aktif sebagai peguam pemerhati dalam kes yang melibatkan pelbagai isu hak asasi manusia dan amat berterima kasih kepada mahkamah kerana menerima permohonan SUHAKAM untuk bertindak sedemikian. Pada tahun 2018, SUHAKAM bertindak sebagai peguam pemerhati dalam kes-kes yang berikut:

- i. Chan Tsu Chong & lain-lain *lwn* Suruhanjaya Pilihan Raya & 2 yang lain – Semakan Kehakiman berhubung Persempadanan Semula;
- ii. PP *lwn* Lam Chang Nam – penculikan Pastor Raymond Koh Keng Joo;
- iii. Pang Wee See & Yee Ooi Pah @ Yee Ooi Wah *lwn* Pendaftar Besar Kelahiran dan Kematian, Malaysia; Cheong Kok Fai & Yok Lian *lwn* Pendaftar Besar Kelahiran dan Kematian, Malaysia; Than Siew Beng & Alexander Than Keng Mun *lwn* Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara & Lain-lain; Lim Jen Hsian & Lim Zu Yi *lwn* Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara; dan Augustina a/l Lourdsamy & Lain-lain *lwn* Madhuvita Janjara Augustin – kes-kes ini menyentuh isu taraf kewarganegaraan anak angkat dan kanak-kanak yang sah taraf;
- iv. Maqsood Ahmad & 38 yang lain *lwn* Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama & 4 yang lain – kes yang melibatkan kebebasan beragama dan mengamalkan kepercayaan;
- v. Satu kes melibatkan penahanan 11 tahanan Uighur; dan
- vi. Rosliza binti Ibrahim *lwn* Kerajaan Negeri Selangor – satu kes yang berkaitan dengan kebebasan beragama.

Bagi tujuan ini, SUHAKAM telah diwakili oleh peguam daripada Majlis Peguam, iaitu Mansoor Saat, Collin Andrew, Annou Xavier dan Larissa Ann Louis. Perwakilan dilakukan secara *pro bono*.

Selain bertindak sebagai peguam pemerhati di mahkamah sivil, SUHAKAM juga telah diberi kebenaran untuk bertindak sebagai peguam pemerhati di Mahkamah Syariah. Adalah diharapkan supaya pelaksanaan sebenar dapat dilakukan dalam masa terdekat melibatkan kes yang sesuai. Sehingga kini, SUHAKAM masih berhubung dengan pihak berkepentingan yang relevan termasuklah Persatuan Peguam Syarie untuk membiasakan mereka dengan konsep peguam pemerhati.

Bagi mempromosi dan menegakkan hak asasi asas masyarakat, SUHAKAM mengulangi hasratnya untuk memainkan peranan yang lebih aktif di kedua-dua mahkamah dengan kapasiti sebagai rakan mahkamah (*amicus curiae*) supaya SUHAKAM boleh memberikan pandangan dan nasihatnya mengikut piawaian dan prinsip hak asasi manusia. Dengan cadangan pindaan kepada akta penubuhannya, adalah diharapkan agar visi ini dapat direalisasikan kelak.

Harapan Masa Depan

SUHAKAM perlu menyatakan bahawa terdapat perbezaan antara dasar luar Malaysia berhubung hak asasi manusia dengan apa yang dilaksanakan di peringkat nasional; hak asasi manusia masih dilihat kurang diberi keutamaan dalam dasar-dasar negara.

SUHAKAM bercita-cita untuk menjadikan hak asasi manusia sebagai realiti di peringkat tempatan dan akar umbi di Malaysia tetapi untuk mencapai matlamat tersebut, SUHAKAM juga perlu relevan dan berkesan, mempunyai sokongan politik yang kuat, sumber ekonomi dan pentadbiran yang mencukupi, serta komposisi Pesuruhjaya dan kakitangan yang pelbagai dan majmuk. Hal ini masih belum dapat direalisasikan lagi. SUHAKAM menyatakan kebimbangan berkaitan dengan had undang-undang penubuhannya. SUHAKAM mencadangkan pindaan kepada Akta 597 sejak tahun 2002 untuk meningkatkan kebebasan dan keberkesanannya. Pada tahun 2009, Akta 597 telah dipinda dua kali, antara lain, untuk menjadikan proses pemilihan dan pelantikan anggota Suruhanjaya lebih telus. Walau bagaimanapun, masih banyak yang perlu dilakukan untuk mengukuhkan lagi mandat, kuasa dan sumber SUHAKAM yang mana penting kepada keberkesanan SUHAKAM dan seterusnya menyelaraskan Akta SUHAKAM dengan Prinsip Paris.

Aduan dan Pemantauan

1. Inkuiri Berkaitan Aduan


Pada tahun 2018, SUHAKAM menerima sebanyak 1180 aduan. Berdasarkan perbandingan bagi tahun sebelumnya, bilangan aduan diterima oleh pejabat Kuala Lumpur telah meningkat hampir 50 peratus, iaitu sebanyak 565 aduan, manakala 558 aduan diterima oleh Pejabat Sabah dan 57 aduan diterima oleh Pejabat Sarawak bagi sepanjang tahun. Aduan diterima menerusi memorandum, e-mel, surat, panggilan telefon, hadir sendiri ke pejabat SUHAKAM, sistem aduan dalam talian dan aduan yang dibuat semasa program SUHAKAM Bersama Masyarakat.

Jadual 1 Senarai Memorandum yang diterima pada tahun 2018


BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Memorandum daripada Persatuan Kebajikan Urimai berkaitan status warganegara (tiada kewarganegaraan) dan tidak mendapat akses kepada pendidikan.	10 Januari
2.	Memorandum oleh SUARAM berkenaan kelewatan polis menjalankan siasatan terhadap kes kemalangan trafik melibatkan kanak-kanak.	12 Januari
3.	Memorandum oleh Ahli Parlimen Sungai Siput (Jeyakumar Devaraj) melibatkan deklarasi status agama bagi kanak-kanak, susulan daripada perceraian ibu bapa yang menganut agama lain sebelum perkahwinan.	24 Januari
4.	Memorandum daripada peserta Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) di Kampung Orang Asli Bekok, Kudong berkenaan isu yang dihadapi oleh Orang Asli.	26 Januari

BIL.	PERKARA	TARIKH
5.	Memorandum oleh Jaayendiran a/l Kumaresan yang dipukul semasa direman oleh Polis Diraja Malaysia.	2 Mac
6.	Memorandum daripada Parti Sosialis Malaysia yang memohon SUHAKAM untuk menyiasat kehilangan tanah adat Orang Asli di Kampung Tiga, Pos Terisu, Cameron Highlands akibat ditipu oleh bekas guru di SK Pos Terisu.	16 Mac
7.	Memorandum oleh SUARAM berkenaan Pegawai Kastam dilanggar oleh tonto.	2 April
8.	Memorandum oleh Jawatankuasa Bertindak Penduduk Kampung Baru, Jalan Padang Tembak Bukit Pinang, Alor Setar, Kedah berkaitan isu tanah.	6 April
9.	Memorandum oleh aktivis pelajar yang mendesak SUHAKAM untuk menyiasat keganasan di UIA.	9 April
10.	Memorandum oleh G25 kepada SUHAKAM berkaitan Pilihan Raya Umum 14.	20 April
11.	Memorandum oleh peguam bagi ahli keluarga si mati berhubung kematian Mariappan a/l Manivannan di Penjara Bentong, Pahang.	26 Jun
12.	Memorandum oleh SUARAM berkaitan perlindungan terhadap pelarian Sri Lanka dan pencari suaka daripada "refoulement".	3 Julai
13.	Memorandum oleh Persatuan Kebajikan Vidiyalin Aarambam Selangor berkaitan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012	5 Julai
14.	Memorandum oleh SUARAM berkaitan: 1. Gangguan seksual terhadap kanak-kanak oleh guru di sekolah. 2. Gangguan polis terhadap individu yang menyalurkan maklumat berkaitan isu perjudian.	16 Julai
15.	Memorandum oleh Mapin, Merhom, MRC, ERC dan CENHRA berkaitan keadaan Rohingya di Malaysia.	23 Julai
16.	Memorandum oleh SUARAM berkaitan individu yang dilaporkan hilang sejak bulan Mac 2018.	26 Julai
17.	Memorandum oleh Nambikkai berkaitan isu: 1. Tahanan SOSMA tidak diberikan layanan yang sewajarnya di dalam penjara. 2. Banduan ditahan di Penjara Hong Kong.	14 Ogos
18.	Memorandum oleh SUARAM berkaitan isu kekasaran oleh pihak polis.	6 September
19.	Memorandum oleh Parti Rakyat Malaysia Cawangan Kapar berkaitan kematian Haymhen Kumar.	14 September
20.	Memorandum oleh Gamis berkaitan isu pilihan raya kampus.	14 September
21.	Memorandum oleh Pemantau Malaysia Baharu berkaitan salah guna kuasa oleh pihak polis.	14 September

BIL.	PERKARA	TARIKH
22.	Memorandum oleh Lawyers For Liberty berkaitan kematian Soosaimanicckam a/l Joseph di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia, Lumut, Perak.	9 November 2018
23.	Memorandum oleh NGO Desak Sampai Mansuh (DSM) Berkenaan Hak Asasi Mangsa Fitnah SOSMA.	12 Disember 2018
24.	Memorandum oleh Jawatankuasa Bertindak India Malaysia (MIAFORCE) berkaitan memohon untuk membentuk penyiasatan bebas terhadap serangan di Kuil Sri Maha Mariamman dan Kematian Adib.	27 Disember 2018



Rajah 1 Jumlah Aduan yang Diterima dari Tahun 2014-2018



Rajah 2 Bilangan Kes Selesai dan Masih dalam Siasatan, 2018

Selepas pertimbangan sewajarnya, SUHAKAM memutuskan 131 aduan adalah di luar bidang kuasanya. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 61.6 peratus bagi aduan yang diterima di luar bidang kuasa SUHAKAM bagi tahun sebelumnya.

Daripada 1,049 aduan berkaitan hak asasi manusia yang diterima, SUHAKAM telah menyelesaikan sebanyak 581 aduan, sementara selebihnya, masih dalam siasatan.

Jadual 2 Pecahan Aduan berkaitan Hak Asasi Manusia, 2018

BIL.	PERKARA	SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK
1.	Maruah diri	-	-	-
2.	Diskriminasi/Hak Kesaksamaan (perkauman, agama, jantina, OKU, fahaman politik dan lain-lain)	22	-	4
3.	Hak untuk hidup	16	1	1
4.	Hak kebebasan dan keselamatan diri	34	3	-
5.	Pemerdagangan/Penyeludupan Manusia	4	-	1
6.	Tindakan seksaan/layanan atau hukuman zalim	53	3	1
7.	Tangkapan, tahanan dan pembuangan negeri	109	61	1
8.	Hak pembelaan/perbicaraan adil dan terbuka	24	2	3
9.	Hak kepada privasi	7	-	-
10.	Kebebasan bergerak	5	1	-
11.	Hak untuk mendapatkan suaka dan status pelarian	17	-	-
12.	Hak kepada kewarganegaraan	31	381	1
13.	Hak kepada pemilikan harta	12	35	-
14.	Kebebasan berfikir, menentukan salah benar dan beragama	5	-	1
15.	Hak berpendapat dan bersuara	-	-	-
16.	Kebebasan berhimpun secara aman	1	1	1
17.	Kebebasan bersatu	-	-	-
18.	Hak untuk mengambil bahagian dalam kerajaan/hak sebagai pengundi	3	-	-
19.	Hak kepada pekerjaan dan hak pekerja migran	22	16	2
20.	Hak untuk berehat dan menikmati masa lapang	7	-	-

BIL.	PERKARA	SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK
21.	Hak kepada taraf kehidupan yang mencukupi (makanan, pakaian, perumahan, penjagaan kesihatan)	54	15	1
22.	Hak kepada pendidikan	9	5	2
23.	Hak untuk menyertai kegiatan kebudayaan masyarakat	-	-	-
24.	Hak Alam Sekitar	3	2	-
25.	Hak Tanah Adat Anak Negeri	31	12	5
26.	Hak Kanak-kanak	3	-	-
27.	Lain-lain	4	10	1
JUMLAH		476	548	25

2. Aktiviti – Lawatan Pusat Tahanan

BIL.	TARIKH	PUSAT TAHANAN	ISU BERDASARKAN PEMERHATIAN
1.	27 Februari 2018	Balai Polis Sabak Bernam, Selangor	Kuarters polis perlu diselenggara dengan baik bagi menjaga kebajikan kakitangan. Kertas cadangan untuk membaik pulih kuarters dua tingkat telah dihantar ke IPK Selangor dan kos dianggarkan sekitar RM200,000.
2.	27 Februari 2018	Balai Polis Sungai Besar dan Sekinchan, Selangor	Terdapat kekurangan cctv untuk memudahkan pemantauan terhadap tahanan. Selanjutnya, ketiadaan kipas pengudaraan dalam lokap menyebabkan keadaan panas di lokap. Sekali lagi, kekurangan kakitangan terus menjadi isu berulang kerana banyak kekosongan perjawatan yang perlu diisi. Kualiti perkhidmatan hanya boleh dikekalkan sekiranya mempunyai jumlah kakitangan yang mencukupi. Tahanan tidak diberikan peralatan kebersihan diri asas yang mencukupi dan ini menyebabkan kebersihan diri berada pada tahap yang teruk. Menurut Perkara 18, Peraturan Minimum Standard Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Layanan terhadap Tahanan, setiap tahanan perlu diberikan peralatan kebersihan diri “sebagaimana yang diperlukan untuk kesihatan dan kebersihan, agar mereka dapat mengekalkan penampilan yang baik dan tidak menjatuhkan maruah diri”. (Peraturan 18, Peraturan Nelson Mandela)

BIL.	TARIKH	PUSAT TAHANAN	ISU BERDASARKAN PEMERHATIAN
			SUHAKAM mendapati tahanan kebiasaannya tidak menerima rawatan kesihatan semasa dimasukkan ke tempat tahanan. Hakikatnya isu ini boleh diselesaikan dengan menyediakan bilik rawatan yang luas. Inilah antara fasiliti lain yang dibina secara spesifik untuk tujuan ini. Terdapat kekurangan bagi proses kaunseling untuk tahanan juvana di tempat tahanan. Tahanan juvana perlu diberikan kaunseling untuk mengembalikan mereka ke jalan yang benar. Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menerima beberapa syor berkaitan isu ini. SUHAKAM mendapati bagi kedua-dua balai polis ini, terdapat keperluan bagi pendedahan lebih lanjut berkenaan SOP Polis Diraja Malaysia dan Peraturan Lokap 1953 berkaitan pengurusan tahanan.
3.	15 Mac 2018	Depot Imigresen Lenggeng, Negeri Sembilan	Kebersihan makanan dan minuman yang dihidangkan semasa lawatan Suruhanjaya sangat teruk, dan kebersihannya lebih kurang sama seperti yang dihidangkan kepada tahanan. Hal ini bukan kali pertama pembekal makanan menerima amaran berkaitan kualiti makanan. Kekurangan pembantu pegawai perubatan tambahan. Nisbah tahanan dan pembantu pegawai perubatan juga sangat tinggi. Kekurangan kakitangan untuk menjaga sel. Pertambahan bilangan kakitangan boleh mengelakkan daripada berlakunya kekerapan situasi yang tidak diingini seperti pergaduhan antara tahanan. Kekurangan dana turut membawa kepada banyak masalah lain, dan tidak terhad kepada kekurangan sistem penapis air di setiap blok, sistem pengudaraan yang teruk juga memberi kesan suhu tidak terkawal di dalam sel. Selain itu, penyelenggaraan lampu jalan sekitar depot juga teruk bagi menjalankan pemantauan pada waktu malam. Selanjutnya, tahanan yang sakit dari Depot Imigresen Lenggeng perlu berbaris dalam barisan yang sama dengan orang awam semasa menerima rawatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma sehingga menyebabkan tempoh menunggu menjadi lama.

BIL.	TARIKH	PUSAT TAHANAN	ISU BERDASARKAN PEMERHATIAN
4.	15 Mac 2018	Depot Imigresen Semenyih, Selangor	Terdapat kekurangan dana untuk memperbaiki lantai kayu yang rosak di Blok A dan juga untuk memasang sistem penapis air di setiap blok untuk bekalan air bersih. Terdapat kekurangan peralatan asas, ubatan dan peralatan kecemasan bagi membantu kakitangan perubatan memberikan perkhidmatan kesihatan yang baik. Selain itu, tahap kebersihan di depot juga teruk, termasuklah tahanan wanita tidak dibekalkan tuala wanita. Sanitasi yang teruk dalam kawasan tertutup boleh menyebabkan berlakunya jangkitan dan penyebaran penyakit berjangkit, memandangkan tahanan selalunya ditempatkan dalam kawasan sempit dan tertutup. Kekurangan pembantu pegawai perubatan tambahan terus menjadi masalah, kerana nisbah antara tahanan dan pembantu pegawai perubatan sangat tinggi.
5.	21 April 2018	Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Kuala Lumpur, Selangor dan Perlop, Perak	Kekurangan fasiliti dan penyelenggaraan di lokap seperti cctv, tempat menyimpan pakaian untuk tahanan serta ruang untuk aktiviti riadah. Selain itu, terdapat juga kekosongan perjawatan di pejabat yang perlu diisi dengan kadar segera.
6.	27 April 2018	Depot Imigresen Belantik, Kedah	Disebabkan proses siasatan yang berterusan, kanak-kanak Rohingya yang ditempatkan di depot imigresen tidak menerima pendidikan sewajarnya. Hak pendidikan merupakan hak asasi manusia yang asas dan siasatan tidak sepatutnya menghalang kanak-kanak Rohingya di depot daripada menerima pendidikan, memandangkan terdapat NGO yang bersedia untuk membantu memberikan pendidikan asas kepada mereka.
7.	6 Julai 2018	Depot Imigresen Langkap, Perak	Blok baharu untuk tahanan lelaki tidak dapat digunakan kerana pagar dan cctv masih tidak siap dipasang sepenuhnya. Sehingga kini, Jabatan Kerja Raya dan Kementerian Dalam Negeri masih belum mengambil sebarang tindakan. Tahanan wanita juga tidak diberikan tuala wanita yang mencukupi dan ini menyebabkan keadaan sanitasi menjadi teruk. Situasi ini juga berpotensi berlakunya penyebaran penyakit berjangkit, terutamanya dalam persekitaran kecil dan tertutup serta ditambah dengan sanitasi yang teruk.

BIL.	TARIKH	PUSAT TAHANAN	ISU BERDASARKAN PEMERHATIAN
			Tahanan wanita bersama bayi dipaksa berkongsi sel dengan tahanan wanita lain. Penempatan tahanan wanita bersama bayi dengan tahanan wanita lain dalam ruang sempit adalah tidak baik bagi kesihatan ibu dan bayi. Mereka perlu dihantar ke tempat yang mempunyai fasiliti untuk tahanan wanita bersama bayi sementara menunggu fasiliti yang sesuai disiapkan di Depot Imigresen Langkap. Kekurangan kakitangan terus menjadi isu, dan ini menyebabkan tugas tidak dapat diselesaikan mengikut waktu yang ditetapkan.
8.	10 Julai 2018	Pusat Reman Polis Kuantan, Pahang	Sistem bekalan air di tempat tahanan tidak berfungsi dengan baik kerana terdapat beberapa paip bocor di dalam sel tahanan. Isu ini diburukkan lagi dengan masalah penyelenggaraan kerana kebocoran yang berlaku boleh merosakkan dinding bangunan. Sekiranya dibiarkan, kos membaiki pada masa hadapan akan menjadi lebih besar. Selain itu, kakitangan tidak mempunyai tempat khusus untuk menyimpan barangan peribadi mereka semasa bertugas. SUHAKAM mendapati sistem pengudaraan teruk di blok tahanan disebabkan keadaan kipas pengudaraan yang tidak berfungsi dengan baik. Kekurangan peralatan asas bagi kebersihan diri seperti tuala wanita untuk tahanan wanita juga merupakan isu di tempat tahanan ini. Kekurangan ini akan mengurangkan piawaian kebersihan secara keseluruhan, yang akhirnya akan membawa kepada peningkatan kos rawatan kerana tahanan mudah terdedah kepada penyakit berjangkit. Kekurangan kakitangan akan menyebabkan kelewatan dan kesukaran dalam melaksanakan tugas.

BIL.	TARIKH	PUSAT TAHANAN	ISU BERDASARKAN PEMERHATIAN
9.	21 September 2018	Unit Tahanan Tentera Laut Diraja Malaysia, Sungai Wangi, Perak	Kekurangan fasiliti asas untuk memastikan keselamatan dan keselesaan kakitangan. Tiada bilik khusus untuk lawatan keluarga atau peguam, sebaliknya, bilik rawatan yang luas telah dijadikan tempat untuk pelawat. Situasi ini menyukarkan rawatan kepada pesakit semasa membawa lawatan keluarga atau peguam.

3. Penambahbaikan keadaan di tempat tahanan

a) Pemansuhan sistem kumbahan di penjara lama

Sejak penubuhannya pada tahun 1999, SUHAKAM telah melawat ke tempat tahanan secara berkala sebagai sebahagian daripada mandatnya. SUHAKAM mendapati terdapat banyak ruang penambahbaikan yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan di dalam penjara. Pada tahun 2014, SUHAKAM telah menjalankan kajian "Hak kepada Kesihatan di dalam Penjara" bagi memastikan keadaan di tempat tahanan di dalam negara selari dan konsisten dengan perlembangan serta piawaian kesihatan, keselamatan dan maruah diri. Semasa kajian dan lawatan yang dijalankan sepanjang beberapa tahun, SUHAKAM mendapati terdapat penjara yang tidak mempunyai tandas di dalam sel, terutamanya penjara lama seperti Penjara Taiping, Penjara Reman Pulau Pinang, Penjara Seremban, Penjara Pengkalan Chepa serta Pusat Pemulihan Akhlak di Muar dan Batu Gajah. Akibatnya, banduan perlu membuang air kecil dan air besar di dalam bekas di sel mereka. Pada waktu pagi, banduan perlu mengosongkan bekas najis mereka ke dalam tangki septik.



Lawatan SUHAKAM bersama agensi kerajaan ke Penjara Reman Pulau Pinang berkenaan dengan menghapuskan sistem bekas najis di penjara lama.

Oleh itu, satu daripada syor SUHAKAM dalam laporan "Hak kepada Kesihatan di dalam Penjara" adalah untuk memastikan setiap sel mempunyai tandas sendiri. SUHAKAM telah mengadakan tiga mesyuarat dan dua lawatan dengan agensi berkaitan ke Penjara Taiping dan Penjara Reman Pulau Pinang pada tahun 2018. Sesi mesyuarat ini dihadiri oleh wakil daripada Jabatan Penjara Malaysia, KDN, KKM, Kementerian Kerja Raya, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Warisan Negara, dan Jabatan Perkhidmatan Pembentungan. Semasa sesi tersebut, SUHAKAM dimaklumkan hanya Penjara Seremban, Penjara Pengkalen Chepa dan Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah yang akan ditambah baik dengan membina tandas di dalam sel. Sementara tiga lagi penjara lama tidak sesuai untuk diubah suai berdasarkan keadaan sedia ada dan struktur bangunan tersebut. Semasa lawatan, SUHAKAM juga mendapati bangunan penjara lama sudah usang dan banyak antaranya tidak sesuai untuk menempatkan bilangan banduan yang ramai bagi jangka masa panjang.

Bagi meneruskan usaha ini, SUHAKAM mengadakan pertemuan dengan KDN, EPU dan Jabatan Penjara untuk terus mendesak menggantikan sistem kumbahan di Penjara Taiping, Penjara Reman Pulau Pinang dan Pusat Pemulihan Akhlak, Muar. Selain itu, SUHAKAM juga akan melawat Pusat Pemulihan Akhlak, Muar bersama Menteri Kerja Raya dan agensi berkaitan untuk mencari jalan penyelesaian bagi menambah baik keadaan di tempat tahanan tersebut.

b) "Custodial medical unit" (CMU)

Pada bulan Mac 2017, SUHAKAM telah mengadakan sesi perbincangan meja bulat bersama agensi kerajaan berkaitan bagi membincangkan Laporan SUHAKAM berkenaan "Kematian dalam Tahanan Polis: Kajian tentang Keadaan Lokap dan Faktor yang Menyumbang kepada Kematian" yang dikeluarkan pada tahun 2016. Laporan tersebut menggariskan beberapa faktor yang menyumbang kepada kematian dalam tahanan dan langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil oleh kerajaan bagi mengurangkan insiden kematian di dalam lokap polis. Hasil daripada sesi perbincangan tersebut, SUHAKAM mengemukakan beberapa syor bagi penambahbaikan kepada pihak berkepentingan. Satu daripada syor spesifik adalah untuk menubuhkan "Custodial Medical Unit (CMU)" di lokap polis.

Syor-syor tersebut telah diterima secara positif oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan PDRM. Sebagai langkah awal, terdapat cadangan untuk menubuhkan CMU di lima lokap berpusat polis seluruh negara. PDRM memaklumkan kepada SUHAKAM bahawa cadangan tersebut hanya boleh dilaksanakan sekiranya mempunyai bajet yang mencukupi. Kos untuk membina lima buah CMU adalah sebanyak RM500,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu). Kos ini merangkumi sumber manusia, logistik dan

fasiliti. SUHAKAM mengambil inisiatif dengan mengadakan pertemuan bersama Menteri Kewangan bagi menyokong penyediaan bajet khas untuk penubuhan CMU tersebut.

4. Penahanan dibawah Undang-undang Pencegahan

a) Kes berkaitan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) Akta 2012 (SOSMA)

Pada tahun 2018, SUHAKAM menerima sebanyak 33 kes melibatkan penahanan dibawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) Akta 2012 (SOSMA). Kebanyakan individu yang ditahan adalah dari negeri Perak dan mereka ditahan di Penjara Taiping. Individu-individu ini disyaki menjadi ahli kumpulan jenayah terancang.

Ahli keluarga banduan mendakwa kepada SUHAKAM bahawa pihak polis menggunakan kekerasan dan melakukan penyiksaan semasa proses soal siasat untuk memaksa mereka membuat pengakuan palsu bahawa mereka terlibat dengan kumpulan kongsi gelap yang dikenali sebagai Geng x. Banduan juga dipaksa menandatangani dokumen dengan mata bertutup. Pihak berkuasa tidak pernah menerangkan kepada banduan berkenaan isi kandungan dokumen yang ditandatangani walaupun selepas diminta oleh banduan. Tambahan pula, ahli keluarga banduan tidak dimaklumkan berkenaan tarikh sebutan kes di mahkamah dan mereka tidak dibenarkan memasuki mahkamah semasa sesi sebutan kes, tetapi sebaliknya, media dibenarkan menghadiri sesi tersebut. Ahli keluarga memaklumkan pendapatan dan kerjaya mereka terjejas disebabkan oleh penangkapan tersebut dan mereka tidak tahu alasan ditahan walaupun selepas beberapa bulan dalam tahanan.

SUHAKAM mengambil beberapa tindakan bagi menangani isu ini. SUHAKAM menggesa pegawai penyiasat supaya mendapatkan kebenaran dari mahkamah agar ahli keluarga banduan dibenarkan menghadiri sebutan kes. Pegawai penyiasat juga diingatkan untuk memaklumkan tarikh sebutan kes kepada ahli keluarga banduan terutamanya banduan yang tidak diwakili peguam serta memaklumkan dengan jelas tentang sebab penahanan. SUHAKAM juga mengemukakan syor-syornya kepada pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia dan Jabatan Peguam Negara berkenaan tempoh masa yang panjang antara tarikh sebutan kes sehingga menyebabkan tempoh penahanan menjadi panjang. Selain itu, SUHAKAM juga melawat dan merekod keterangan banduan di Penjara Taiping serta memanjangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh banduan kepada Jabatan Penjara Malaysia. SUHAKAM turut merekod keterangan pegawai penyiasat bagi kes ini. Berdasarkan siasatan, banduan dituduh bawah Seksyen 43, Akta Pertubuhan dan kebanyakan banduan telah mengaku bersalah serta menjalani hukuman penjara antara 12 sehingga 18 bulan. Walau bagaimanapun, membuktikan keganasan dan penyiksaan terhadap banduan oleh pihak polis merupakan tugas yang mencabar bagi SUHAKAM.

SUHAKAM juga menggesa PDRM menjalankan siasatan di dalam bilik soal siasat yang mempunyai CCTV dan membenarkan ahli keluarga melawat banduan tanpa sebarang kelewatan sepanjang tempoh reman mereka.

Selain itu, SUHAKAM telah mengemukakan syor-syor kepada kerajaan berhubung isu SOSMA. Kini kerajaan sedang mengkaji semula SOSMA dan POCA kerana kedua-dua akta ini dianggap menindas hak asasi manusia. SUHAKAM juga diundang oleh KDN untuk memberikan ulasan berkenaan kedua-dua akta ini.

b. Tahanan Juvana dibawah Akta Pencegahan Jenayah

Pada 19 Julai 2018, SUHAKAM mengadakan lawatan ke Penjara Kluang, Johor. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan tahanan juvana (bawah umur) yang ditahan bawah POCA. Penjara Kluang merupakan Pusat Pemulihan Khas bagi tahanan POCA. Penjara ini diwartakan pada 28 Mac 2014 dengan kapasiti seramai 2500 banduan. Semasa lawatan SUHAKAM, sejumlah 43 orang telah ditahan dibawah POCA, yang mana 39 banduan terdiri daripada juvana, manakala empat banduan lagi merupakan golongan dewasa.

Isu-isu

Semasa lawatan, SUHAKAM menemu bual 39 banduan juvana. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, SUHAKAM menerima dua aduan sebagaimana yang berikut:

- i. Dua banduan menyatakan mereka telah dipukul dan diseksa di Ibu pejabat Polis (IPD) Sungai Petani dan dibawa ke beberapa balai polis untuk siasatan. SUHAKAM turut dimaklumkan banduan dipaksa mengaku salah dan akibatnya, mereka kini ditahan dibawah POCA. Mereka telah disiasat berhubung kes rompakan.
- ii. Aduan kedua berkaitan banduan dipukul dan diseksa di Balai Polis Dukun, Negeri Sembilan. Banduan menyatakan mereka sering ditukar gari dan dihantar ke beberapa IPD, iaitu IPD Sepang, IPD Shah Alam, IPD Subang Jaya, IPD Serdang dan IPD Banting. Banduan juga mengadu dipaksa mengaku salah dan akibatnya mereka ditahan dibawah POCA.

Hukuman terhadap tahanan tanpa bicara adalah bertentangan dengan Perkara 9, Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR), iaitu tiada sesiapa pun boleh dikenakan tangkapan, tahanan atau pembuangan negeri secara sewenang-wenangnya. Selain itu, Perkara 10 UDHR menegaskan setiap individu berhak mendapatkan perbicaraan yang adil bagi sebarang tuduhan yang dikenakan terhadapnya. Dalam Perkara 11 (1) menyatakan setiap orang yang dituduh dengan kesalahan jenayah adalah dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah.

Di samping itu, Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan juga mendukung kebebasan setiap individu. Perkara ini menghalang mana-mana individu daripada ditahan tanpa sebarang alasan dan tanpa bicara. Perkara 7(2) menyatakan mana-mana individu yang telah dibebaskan tidak boleh disabitkan atas kesalahan sama berulang kali melainkan mendapat arahan Mahkamah Tinggi. Walaupun Perlembagaan Persekutuan menyatakan tentang hak ini, namun undang-undang seperti POCA masih lagi mengabaikannya.

Perkara 5, Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) menyatakan tiada sesiapa pun boleh menerima layanan zalim, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah. Perkara 1, Konvensyen Menentang Penyeksaan (CAT) pula menyatakan sebarang tindakan yang menyebabkan kesakitan atau penderitaan, sama ada secara fizikal dan mental, dengan sengaja untuk tujuan tertentu, adalah satu bentuk penderaan yang melanggar hak asasi manusia.

Seksyen 330 Kanun Keseksaan menyebut sesuatu kesalahan itu boleh dihukum penjara sehingga tujuh tahun dan denda kepada mana-mana individu yang secara sengaja menyebabkan kecederaan kepada orang lain, bagi tujuan mendapatkan pengakuan atau maklumat yang membawa kepada pengakuan terhadap pertuduhan atau untuk mengembalikan harta.

Tindakan pegawai polis yang sering bertukar ganti dalam mengendalikan tahanan merupakan satu kesalahan penyalahgunaan kuasa. Seksyen 117, Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) menyatakan, tanpa mengira kes jenayah yang terlibat, suspek tidak boleh ditahan lebih daripada 14 hari bagi tempoh hukuman yang melebihi 14 tahun penjara, dan tujuh hari bagi hukuman jenayah yang kurang daripada 14 tahun. Sekiranya individu ditahan dan dituduh dibawah kesalahan jenayah, individu tersebut perlu dibawa ke mahkamah bagi setiap pertuduhan dan tidak dihantar dari satu balai polis ke balai polis yang lain.

Syor-syor

- i. SUHAKAM menegaskan pendiriannya untuk memastikan supaya perlindungan terhadap hak kanak-kanak dipelihara. Semua dasar dan tindakan yang menjejaskan kanak-kanak perlu dikaji semula oleh pihak berkuasa dan kerajaan supaya dasar itu dirangka mengikut kepentingan terbaik kanak-kanak. Berdasarkan konteks hak kanak-kanak di tempat tahanan, SUHAKAM sekali lagi menegaskan bahawa kanak-kanak tanpa mengira status kerakyatannya tidak harus diletakkan di tempat tahanan. SUHAKAM menggea supaya kerajaan mempertimbangkan tempat alternatif bagi kanak-kanak yang ditahan.

- ii. SUHAKAM memahami tujuan POCA dikuatkuasakan adalah untuk mencegah jenayah. SUHAKAM bersetuju penjenayah yang didapati bersalah mestilah dibawa ke muka pengadilan. Walau bagaimanapun, SUHAKAM berpandangan undang-undang tersebut perlu mempunyai perlindungan yang mencukupi kepada semua pihak bagi mengelakkannya disalah guna. SUHAKAM juga menekankan pelaksanaan undang-undang di negara ini tidak seharusnya mengetepikan prinsip hak asasi manusia. Sebagai contoh, seseorang itu adalah tidak bersalah sehinggalah dibuktikan bersalah. Mereka perlu dibicarakan secara adil dan bebas di mahkamah.
- iii. SUHAKAM juga mengulangi syornya kepada kerajaan mengkaji semula semua undang-undang yang membenarkan hukuman dijalankan tanpa perbicaraan, termasuklah POCA, supaya selari dengan prinsip hak asasi manusia yang termaktub dalam UDHR dan Perlembagaan Persekutuan. SUHAKAM berharap agar badan perundangan memainkan peranannya dalam melindungi hak mereka yang ditahan dibawah POCA, khususnya tahanan juvana.

5. Tukar Gari

SUHAKAM terus menerima aduan berkaitan dengan penyalahgunaan prosedur reman, sebagai contoh, praktis digunakan oleh PDRM untuk membawa tahanan ke beberapa balai polis bagi tujuan siasatan kes lain selepas membawa mereka ke Mahkamah Majistret. Pada tahun 2018, SUHAKAM menerima tujuh aduan berkaitan isu tukar gari. SUHAKAM ingin menegaskan syornya dalam Laporan Tahunan 2012 bahawa pihak polis perlu menjalankan siasatan awal sebelum melakukan tangkapan. Tangkapan seharusnya dibuat sekiranya terdapat alasan kukuh bahawa individu tersebut terlibat dengan jenayah atau untuk menghalang individu tersebut daripada melakukan jenayah atau melarikan diri.

6. Kematian dalam Tahanan

Pada tahun ini, SUHAKAM menerima empat aduan berkaitan dengan kematian dalam tahanan:

- i. M. Thanaseelan di lokap polis Shah Alam, Selangor
- ii. S. Mariappan di Penjara Bentong, Pahang
- iii. Soosaimanicckam a/l Joseph di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia, Lumut, Perak
- iv. Md Faizal Md Yeit di lokap polis Batu Pahat, Johor

Pada masa laporan ini ditulis, ketiga-tiga kes ini masih dalam siasatan. Manakala bagi kes Md Faizal Md Yeit ianya telah selesai.

Kematian Md Faizal Md Yeit

Pada 26 September 2018, SUHAKAM menerima aduan kematian Md Faizal Md Yeit dalam tahanan polis di Balai Polis Batu Pahat, Johor pada 24 September 2018. Berdasarkan Seksyen 12 (2), Akta Dadah Berbahaya 1952, Md Faizal telah ditahan dan direman atas dakwaan memiliki dadah.

SUHAKAM mengambil maklum bahawa Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS), PDRM dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) telah menjalankan siasatan dalam kes ini berdasarkan laporan kematian si mati yang disiarkan dalam media massa. SIAP telah merekodkan keterangan pihak polis yang didakwa terlibat dalam insiden ini dan juga keterangan daripada ahli keluarga si mati. Sehubungan itu, SUHAKAM memutuskan untuk meneliti keadaan kesihatan si mati sebelum berada dalam tahanan polis, rawatan yang diterima oleh si mati sebelum kematiannya, dan sebab serta cara kematiannya.

Hasil siasatan dan penelitian dokumen yang diserahkan oleh PDRM, Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI) dan Klinik Kesihatan Batu Pahat (KKBP), SUHAKAM menyimpulkan tiada sebarang kecuai yang berlaku di pihak polis.

Walau bagaimanapun, hasil siasatan mendapati terdapat tindakan yang perlu diambil bagi beberapa isu. Oleh itu, SUHAKAM telah mengemukakan syor-syor, sebagaimana berdasarkan Seksyen 4(2)(b), Akta 597 untuk dipertimbangkan:

i. Menjalankan siasatan dalam tempoh awal reman

SUHAKAM mengesyorkan semua keterangan Orang Kena Tahan (OKT) direkodkan seawal mungkin. Mahkamah Majistret mestilah memberikan perhatian khusus kepada isu ini dan mengenal pasti sekiranya terdapat keperluan untuk menyambung tempoh reman. Kelaziman menyambung tempoh reman atas alasan yang tidak munasabah seperti tidak mempunyai masa menjalankan siasatan semasa awal reman tidak harus diterima. Penahanan individu di lokap polis juga menyekat hak asasi manusia bagi seseorang individu.

ii. Penyediaan buku log rawatan bagi OKT

SUHAKAM mengesyorkan sentri menyediakan buku log rawatan bagi setiap OKT, untuk merekod nama mereka, ubat-ubatan yang diperlukan oleh OKT (sekiranya diketahui), dan kuantiti serta masa pengambilan dos sebagai rujukan kepada sentri yang bertugas semasa syif berlainan.

iii. Rawatan awal kepada tahanan

Diagnosis dan rawatan awal penting untuk menyelamatkan nyawa pesakit. SUHAKAM dimaklumkan semasa kejadian ulser gastrik berlubang, diagnosis awal dan rawatan yang betul boleh menyelamatkan nyawa pesakit. Doktor yang terlibat dalam rawatan mestilah mengambil kira sejarah kesihatan pesakit (yang merupakan tahanan). Suruhanjaya mengesyorkan supaya doktor memberikan rawatan awal yang teliti seperti ujian darah, pemeriksaan sinar-x serta pemeriksaan kesihatan lain yang bersesuaian.

iv. Menggantikan peralatan kesihatan yang rosak

SUHAKAM difahamkan mesin sinar-x di KKBP telah rosak selama dua tahun dan ini menyebabkan pemeriksaan bagi mengenal pasti penyakit yang dialami pesakit tidak dapat dibuat dengan sempurna. SUHAKAM juga dimaklumkan masalah ini telah dibawa kepada perhatian jabatan berkaitan dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Purata pesakit termasuklah tahanan yang menerima rawatan di KKBP adalah tinggi memandangkan KKBP merupakan antara klinik yang terbesar di Batu Pahat. Sehubungan itu, SUHAKAM mengesyorkan agar peralatan dan mesin perubatan yang tidak dapat digunakan lagi digantikan segera.

v. Taklimat dari ahli patologi kepada keluarga si mati

SUHAKAM mengesyorkan supaya ahli keluarga si mati diberikan akses kepada mayat. SUHAKAM juga mengesyorkan supaya koroner memberikan penjelasan terperinci kepada ahli keluarga si mati bagi mengelakkan berlakunya salah faham tentang kematian si mati.

SUHAKAM selanjutnya mengesyorkan supaya ahli patologi terlibat dalam memberikan taklimat sebelum dan selepas proses autopsi kepada ahli keluarga si mati bagi memastikan mereka mendapat maklumat yang tepat.

7. Pemantauan Perhimpunan Awam

Pada tahun ini, SUHAKAM memantau tiga perhimpunan awam. SUHAKAM mendapati penganjuran perhimpunan berjalan dengan lancar. Penganjur dan pihak berkuasa bekerjasama erat dalam memastikan tidak berlaku sebarang masalah besar atau insiden yang tidak diingini semasa perhimpunan berlangsung.

Jadual Perhimpunan yang dipantau pada tahun 2018

BIL.	PERHIMPUNAN	TARIKH
1.	Perhimpunan Pilihan raya Bebas dan Adil di Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur	28 Mac
2.	"Himpunan Hari Habitat" dari Jalan Tun Perak ke Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur	30 September
3.	Himpunan Anti ICERD di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur	8 Disember

8. Siasatan Awam berhubung kehilangan individu

SUHAKAM telah menjalankan siasatan awam berhubung kehilangan Pastor Raymond Koh, aktivis sosial Amri Che Mat serta Pastor Joshua Hilmy dan isterinya, Ruth Sitepu. Pastor Raymond Koh dilaporkan diculik oleh sekumpulan individu pada 13 Februari 2017 di Petaling Jaya dan insiden tersebut dirakam menerusi CCTV. Amri pula dilaporkan hilang pada 24 November 2016 di Kangar, Perlis, semasa beliau keluar untuk berjumpa dengan kawannya. Terdapat saksi yang melihat Amri telah dilarikan oleh sekumpulan individu lebih kurang 500 meter dari rumahnya. Selain itu, terdapat dakwaan wujudnya persamaan berhubung cara Amri dan Pastor Koh diculik. Sementara itu, Pastor Joshua dan Ruth pula dilaporkan hilang sejak bulan November 2016.



Inkuiri Awam mengenai kehilangan Pastor Raymond Koh, Amri Che Mat dan Joshua & Ruth Hilmy

SUHAKAM menerima aduan daripada organisasi bukan kerajaan dan ahli keluarga berkenaan kehilangan individu-individu tersebut pada bulan April 2017. SUHAKAM kemudian memutuskan untuk mengadakan siasatan awam berhubung kehilangan individu tersebut dan memulakan sesi inkuiri pada bulan Oktober 2017. Pada masa ini, SUHAKAM hanya menyelesaikan inkuiri berhubung dengan kehilangan Pastor Raymond dan Amri Che Mat serta tidak dapat menjalankan inkuiri berhubung dengan kehilangan Joshua dan Ruth Hilmi pada tahun 2018.

Inkuiri berhubung kehilangan Pastor Raymond Koh telah berakhir pada 8 Disember dan sebanyak 16 saksi telah memberikan keterangan dalam inkuiri. Sementara bagi kes Amri Che Mat, inkuiri berakhir pada 31 Oktober yang mana seramai 24 saksi telah dipanggil memberikan keterangan di hadapan panel inkuiri. Semua pihak, termasuk peguam bagi ahli keluarga, wakil daripada Majlis Peguam, pegawai PDRM dan pegawai SUHAKAM telah diarahkan untuk mengemukakan hujahan bertulis. Panel Inkuiri akan mengeluarkan hasil dapatan dan syor-syor kepada umum dalam masa terdekat.

Harapan Masa Depan

SUHAKAM menerusi Kumpulan Aduan dan Pemantauan akan terus menjalankan fungsinya dalam melindungi hak asasi manusia di Malaysia. Tindakan susulan bagi aduan yang tidak dapat diselesaikan pada tahun 2018 akan diteruskan pada tahun 2019. Bahagian ini juga akan menambah baik kaedah pemantauan dengan menjalankan audit penuh ke tempat tahanan bagi memastikan standard hak asasi manusia dipatuhi oleh pihak berkuasa. SUHAKAM juga merancang untuk memperkasakan Bahagian Aduan dan Pemantauan dengan menjalankan lawatan ke tempat tahanan di rantau ASEAN bagi mempelajari amalan terbaik mereka dalam mengendalikan tahanan.



BAB 2

Mempertahankan/ Membela Hak Asasi Manusia untuk Komuniti Rentan

Orang Asal/ Orang Asli

Gambaran Keseluruhan

Hak Orang Asal/Orang Asli kekal menjadi fokus SUHAKAM pada tahun yang dikaji. Selain melaksanakan program-program peningkatan kesedaran awam untuk komuniti, SUHAKAM turut menerima aduan-aduan yang berkaitan dengan pelanggaran hak asasi dan tindakan susulan terhadap syor-syor yang telah dibuat dalam Inkuiri Nasional Hak Tanah Orang Asal/Orang Asli.

Kesukaran untuk mendapat pengiktirafan hak tanah adat daripada kerajaan merupakan cabaran utama kepada Orang Asal/Orang Asli di Malaysia.

Di Malaysia, hal-hal berkaitan tanah merupakan bidang kuasa di bawah kerajaan negeri, memandangkan tanah dan hutan merupakan di antara sumber kekayaan kepada hampir setiap kerajaan negeri. Tambahan pula, polisi semasa kerajaan tidak memberikan pengiktirafan terhadap hak tanah Orang Asal/Orang Asli. Kebanyakan undang-undang di Malaysia tidak mempunyai peruntukan yang mengiktiraf hak adat Bumiputera Orang Asal/Orang Asli. Namun begitu, terdapat beberapa keputusan mahkamah yang menyebelahi komuniti Orang Asal/Orang Asli. Keputusan ini telah memberikan secebis harapan kepada mereka di sebalik kesukaran yang dihadapi¹. Malah, Orang Asal/Orang Asli telah meminta agar kerajaan baharu menggunakan

¹ Kes-kes yang dimenangi termasuklah kes Adong Kuwau di Kota Tinggi, Johor; Sagong Tasi di Sepang, Selangor; Mohamad Nohing di Bera, Pahang; and Yibet di Kuantan, Pahang. Kes-kes lain ialah kes Wong Chu Wai di Bidor; Sangka Chuka di Kampung Peta, Johor; Eddy Salim dari suku Seletar di Johor; dan Pos Belatim dan Pos Balar di Gua Musang, Kelantan - <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/11/15/orang-asli-use-court-cases-to-formulate-new-laws/#mhX76Swry1PA8Oom.99>

kes-kes mahkamah yang sedia ada dalam merangka undang-undang baharu untuk melindungi hak-hak mereka.

Selain hak tanah, terdapat beberapa program oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk meningkatkan taraf kehidupan komuniti ini dengan menyediakan rumah, pendidikan dan akses yang lebih baik kepada kesihatan.

Komuniti Orang Asal/Orang Asli di Malaysia lazimnya akan dirujuk sebagai Orang Asal/Orang Asli. Orang Asli merupakan Orang Asal/Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Orang Asli di Semenanjung Malaysia

1. Hak kepada Pendidikan

SUHAKAM telah mengadakan lawatan ke lima buah sekolah, lapan petempatan Orang Asli dan telah menghadiri tiga persidangan yang berkaitan dengan hak kepada pendidikan untuk Orang Asli. Satu masalah utama yang telah dikenal pasti ialah ketidakhadiran ke sekolah, terutamanya di kawasan pedalaman, tidak menguasai kemahiran 3M (menulis, membaca dan mengira) dalam kalangan pelajar sekolah rendah, dan keciciran sekolah yang lazimnya terjadi apabila peralihan dari sekolah rendah ke sekolah menengah.

Bagi golongan dewasa pula, masalah buta huruf merupakan sesuatu yang umum berlaku kepada mereka. Adalah dianggarkan sebanyak 75 peratus orang dewasa yang telah ditemui ketika lawatan tersebut adalah buta huruf. Hal ini terjadi kerana, mereka mendapati bahawa adalah sukar untuk melindungi dan menjaga hak mereka terutamanya yang melibatkan hal tanah dan pendidikan.

Walau bagaimanapun, melalui pemerhatian yang telah dijalankan didapati masalah kelemahan kemahiran 3M dan masalah ketidakhadiran ke sekolah dapat dikurangkan sekiranya wujud kerjasama dalam kalangan keluarga dan guru bagi mengatasi masalah ini.

Selain faktor yang telah dinyatakan di atas, masalah kekurangan fasiliti di sekolah-sekolah Orang Asli turut diperhatikan. Terdapat sekolah-sekolah yang tidak mempunyai bekalan air terawat dan bekalan elektrik yang mencukupi. Keadaan ini telah mengganggu keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, KPM berusaha untuk mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan ini. Antaranya termasuklah menubuhkan Kolej Latihan Khas untuk melatih guru-guru Orang Asli dan menugaskan mereka di sekolah-sekolah Orang Asli selain mengubah suai kurikulum untuk pelajar di 96 buah sekolah Orang Asli.

2. Hak kepada Tanah Adat Bumiputera Orang Asli

SUHAKAM kesal dengan kurangnya komitmen oleh pihak berkuasa, terutamanya kerajaan negeri, dalam mengiktiraf hak tanah Orang Asli. Kebanyakan kerajaan negeri tidak mengambil sebarang pendekatan untuk melindungi tanah Orang Asal/Orang Asli tetapi membenarkan syarikat pembalakan dan perladangan menceroboh hak tanah Orang Asli dengan memberikan hak pajakan tanah kepada mereka. Kerajaan negeri bergantung pada keuntungan hasil hutan dan tanah yang dipajakkan kepada syarikat swasta dan antara lainnya, agensi kerajaan negeri pula diberikan hak untuk menjalankan aktiviti perladangan, pembalakan, perkebunan, dan pembinaan empangan.

Sekatan oleh Orang Asli yang berlaku di Gua Musang, Kelantan, memperlihatkan kesukaran Orang Asli untuk mempertahankan hak tanah mereka. SUHAKAM telah melawat ke tempat sekatan yang dilakukan di Kg. Kuala Wook, Kg. Pasik dan Kg. Cawas pada bulan Februari. Komuniti setempat memaklumkan bahawa mereka memilih untuk membuat sekatan sebagai pilihan terakhir supaya pihak berkuasa mendengar tuntutan mereka dan seterusnya mencari jalan penyelesaian yang bersesuaian untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Orang Asli menyatakan bahawa tujuan sekatan tersebut bukan berniat untuk mencabar kuasa yang diperuntukkan kepada pihak berkuasa, namun tindakan itu merupakan cara untuk menzahirkan rasa ketidakpuasan hati mereka terhadap kerajaan negeri kerana tidak berusaha untuk menyelesaikan isu tanah yang dihadapi sejak sekian lama. Selain itu, tindakan tersebut bertujuan untuk menyelamatkan hutan daripada terus dirosakkan oleh syarikat pembalakan, perladangan dan perlombongan. Orang Asli turut menyatakan bahawa pencerobohan terhadap tanah mereka telah merosakkan tanah perkuburan, sumber air minuman dan pemusnahan hutan. Sekatan tersebut telah menimbulkan ketidakpuasan hati antara beberapa pihak, terutamanya kepada syarikat swasta, dan peristiwa ini telah dilaporkan oleh media pada bulan Ogos 2017 dan bulan Oktober 2018. Dalam laporan media tersebut, dilaporkan bahawa beberapa pihak yang tidak dikenali telah merosakkan sekatan tersebut bagi mendapatkan akses lebih mudah untuk menceroboh hutan dan telah menyebabkan berlakunya kekecohan antara kedua-dua pihak.

Pada tahun yang sama, SUHAKAM juga telah melawat beberapa petempatan Orang Asli di Perak, Pahang dan Kelantan bagi mendapatkan maklumat secara langsung serta menentusahkan setiap aduan yang diterima dan seterusnya mendapatkan jawapan bagi setiap aduan tersebut.

3. Penglibatan dengan kerajaan negeri

Pada tahun 2018, SUHAKAM telah menerima 48 aduan yang berkaitan dengan pencerobohan hak tanah Orang Asli. Kebanyakan aduan adalah daripada Orang Asli di Kelantan, Perak, Pahang, dan Johor.

Memandangkan tanah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, SUHAKAM juga mengadakan pertemuan dengan beberapa agensi kerajaan negeri bagi membincangkan hak tanah Orang Asli. Di Kelantan, SUHAKAM mengadakan perbincangan dengan Jabatan Tanah dan Galian, Jabatan Hutan dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) pada 12 Mac 2018. Pertemuan ini merupakan tindakan susulan hasil daripada mesyuarat dengan Ketua Menteri Kelantan pada 26 September 2017 dan agensi kerajaan negeri pada 19 hingga 22 Februari 2018.

Menurut wakil Orang Asli, selain berpunca daripada polisi kerajaan negeri yang tidak mesra Orang Asli, masalah lain yang menyumbang kepada pencerobohan adalah kerana tidak mengguna pakai prinsip persetujuan makluman awal, bebas dan telus. Dalam kebanyakan kes, komuniti Orang Asli tidak dimaklumkan terlebih dahulu sebelum sebarang lesen dikeluarkan kepada syarikat swasta. Jikalau kebenaran diberikan sekalipun, kebenaran itu hanyalah berdasarkan kepada keputusan Tok Batin atau ketua kampung semata-mata dan mereka ini dilantik oleh JAKOA. Komuniti Orang Asli tidak bersetuju dengan prosedur ini kerana berpendapat bahawa Tok Batin telah dipaksa untuk memberikan persetujuan memandangkan mereka dilantik oleh agensi kerajaan dan bimbang akan kehilangan elaun sebagai ketua kampung.

Wakil Orang Asli berkata mereka memahami tentang kebergantungan kerajaan pada hutan sebagai sumber pendapatan negeri terutamanya di Kelantan. Mereka mencadangkan agar kerajaan negeri mencari alternatif lain bagi menjana pendapatan seperti menerusi aktiviti eko-pelancongan kerana langkah itu akan turut membantu untuk memelihara hutan. Aktiviti seperti ini pastinya akan melibatkan komuniti Orang Asli berkongsi pengetahuan mereka tentang perhutanan.

Jabatan Perhutanan Kelantan memberikan respon yang positif dengan mencadangkan agar diwujudkan “hutan komuniti” sebagai sebahagian daripada pendekatan bersifat sementara sebelum hak tanah adat diiktiraf oleh kerajaan negeri. Konsep hutan komuniti yang dicadangkan oleh Jabatan Perhutanan Kelantan ini akan melibatkan Orang Asli dalam aktiviti pemantaun dan pengurusan hutan. Jabatan Hutan turut mencadangkan agar konsultasi awam diadakan sebelum pengeluaran sebarang lesen dilakukan kepada syarikat swasta, manakala Orang Asli pula akan dilantik sebagai renjer hutan supaya mereka boleh memantau serta melaporkan sebarang aktiviti haram yang dijalankan di hutan.

Menurut Jabatan Perhutanan Kelantan, sebarang aktiviti pembalakan akan dihentikan sepenuhnya menjelang tahun 2030. Jabatan tersebut turut menjelaskan bahawa kali terakhir kebenaran untuk pembalakan diberikan adalah pada tahun 2013.

Dalam dialog yang sama, JAKOA menyatakan bahawa mereka telah merangka pelan pembangunan Orang Asli di Gua Musang untuk tempoh lima tahun dengan jangkaan kos sebanyak setengah juta ringgit. Pembangunan tersebut akan meliputi perkara yang berikut:

- i. Pembinaan sebanyak 1180 unit rumah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) untuk Orang Asli.
- ii. Pembinaan jalan sepanjang 203 km di Petempatan Orang Asli di Gua Musang.
- iii. Pemasangan lampu jalan.
- iv. Pembinaan kompleks yang akan berfungsi sebagai Pusat Sehenti untuk Orang Asli. Tanah lot seluas 9.7 hektar telah disediakan di Kuala Betis – Lojing untuk tujuan ini.

SUHAKAM mengambil maklum tentang projek yang bakal dijalankan akan memberikan faedah kepada komuniti, namun mereka tidak pernah dimaklumkan tentang program pembangunan tersebut. Wakil Orang Asli yang turut serta dalam dialog tersebut menyatakan bahawa mereka tidak tahu tentang program pembangunan yang bakal dijalankan itu.

Dalam mencapai matlamat jangka panjang, SUHAKAM telah memohon untuk mengadakan mesyuarat susulan dengan Menteri Besar Kelantan untuk membincangkan lebih lanjut tentang hak tanah Orang Asli selain membincangkan program pengurusan hutan lestari yang mungkin boleh dijalankan. Lawatan SUHAKAM ke petempatan Orang Asli di Lojing dan Kuala Betis, Gua Musang, membuktikan bahawa keadaan yang dialami oleh mereka adalah lebih teruk dan bertentangan dengan respon-respon yang diberikan oleh agensi kerajaan negeri Kelantan kepada SUHAKAM. Perbincangan untuk mencari penyelesaian jangka panjang adalah sangat penting dan SUHAKAM berharap agar dapat mewujudkan kerjasama yang membina dengan kerajaan negeri Kelantan.

SUHAKAM telah menerima aduan yang hampir serupa daripada komuniti Orang Asli di Perak. SUHAKAM telah mengadakan mesyuarat dengan Menteri Besar Perak pada 20 September untuk membincangkan hak tanah Orang Asli dan isu hak asasi manusia yang berkaitan dengan mereka. Menteri Besar berjanji bahawa kerajaan negeri akan melibatkan komuniti Orang Asli dalam membincangkan isu yang telah dibangkitkan.

SUHAKAM juga telah menulis surat kepada Menteri Besar Pahang berkenaan isu tanah Orang Asli di negeri itu dan akan mengadakan dialog dengan agensi kerajaan negeri.

Tindakan Susulan Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah Orang Asal/Orang Asli

SUHAKAM ingin menyatakan kekecewaannya kerana melengah-lengahkan pelaksanaan syor-syor yang telah dibuat dalam laporan Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah Orang Asal/Orang Asli. SUHAKAM bimbang sekiranya keadaan ini berterusan, tentulah akan menyebabkan hak Orang Asal/Orang Asli akan lebih terjejas. SUHAKAM tidak pasti akan pendirian kerajaan baharu berkenaan dengan syor-syor Inkuiri Nasional ini dan status jawatankuasa yang dipengerusikan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri. Namun begitu, SUHAKAM mengambil maklum bahawa hal-hal berkaitan Orang Asli telah dipindahkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada Perpaduan Negara dan Kesejahteraan Sosial. SUHAKAM juga bercadang untuk mewujudkan kerjasama yang membina dengan menteri tersebut demi meringankan beban komuniti ini.

Beberapa aktiviti dijalankan oleh SUHAKAM sebagai sebahagian daripada tindakan susulan terhadap syor-syor Inkuiri Nasional:

- i. Satu mesyuarat telah diadakan pada 3 Ogos dengan JAKOA dan kerajaan negeri Selangor berkenaan dengan pewartaan tanah Orang Asli di Selangor.
- ii. Pada 4 Jun, SUHAKAM telah bekerjasama menganjurkan forum "*Sustainable Forest Management and a New Hope for Malaysia*" bersempena Hari Alam Sekitar Sedunia. Forum tersebut memfokuskan kepada hak asasi manusia dan alam, khususnya untuk mencapai dan melaksanakan SDG 15 dalam konteks pengurusan hutan secara lestari melalui polisi dan program yang berkesan. Syor ke-13 dalam Inkuiri Nasional SUHAKAM juga turut dibincangkan semasa forum tersebut dengan membincangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mempromosikan penglibatan Orang Asal/Orang Asli dalam aktiviti pengurusan hutan.

Orang Asal/Orang Asli di Sabah

Sejak penubuhannya, Pejabat SUHAKAM di Sabah telah melibatkan diri dalam kerja-kerja yang melibatkan hak-hak tanah dan sumber Orang Asal/Orang Asli, khususnya berkaitan dengan tuntutan mereka terhadap tanah adat Bumiputera yang seiring dengan Seksyen 15 Ordinan No. 10 tahun 1930.

Pada tahun 2018, SUHAKAM telah menerima sebanyak 56 aduan tuntutan hak adat Bumiputera (NCR). Aduan-aduan ini berkaitan dengan pencerobohan atau

perampasan tanah yang dituntut sebagai tanah NCR; pemasukan tanah, yang dituntut sebagai tanah NCR, ke dalam pewartaan taman atau hutan simpan; tuntutan bertindih; kelewatan proses permohonan tanah, permintaan serta pengeluaran surat ikatan hak milik Bumiputera dan pewartaan tanah simpanan komunal.

Berikut adalah dua kes yang melibatkan tuntutan tanah NCR oleh Bumiputera Sabah.

Daerah Pitas – Projek Udang Akuakultur berhampiran Sungai Telaga

Projek Udang Akuakultur merupakan projek keenam di bawah Program Transformasi Ekonomi Malaysia yang telah dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia ke-10. Projek tersebut adalah untuk memperbaiki kualiti udang eksport Malaysia melalui pembentukan model Zon Integrasi Akuakultur. Model ini membolehkan pengeluaran udang berkualiti tinggi yang diperakui dan menyasarkan pasaran mewah.

Dengan mewujudkan projek ini di daerah Pitas, atau lebih tepat lagi berhampiran Sungai Telaga, kerajaan berharap agar dapat menghapuskan kemiskinan tegar di daerah tersebut menerusi penyediaan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Projek ini menyasarkan pembangunan untuk kawasan seluas 10000 hektar tanah, termasuklah sebahagian besar kawasan paya bakau, dan dijangka dapat dibangunkan sepenuhnya menjelang tahun 2020. Projek ini dilaksanakan oleh Kumpulan Yayasan Sabah Group dan Sunlight Inno Seafood Sdn. Bhd.

Kerja penebangan yang tidak menuruti lunas undang-undang ketika di awal projek tersebut telah mengganggu ekosistem kawasan bakau tersebut. Kawasan bakau tersebut merupakan tempat tinggal haiwan seperti monyet proboscis (*Nasalis larvatus*), macaque (*Macaca nemestrina*), macaque ekor panjang (*M. fascicularis*), Kucing Hutan Borneo (*Catopuma badia*), Tupai Terbang (*Pteropus vampyrus*), memerang, *Brahminy kite* (*Haliastur indus*), *oriental darter* (*Anhinga melanogaster*), *adjutant stork* (*Leptoptilos javanicus*), buaya estuarine (*Crocodylus porosus*), dan tupai. Sesetengah spesies yang dinyatakan merupakan spesies terancam dan dilindungi di bawah Enakmen Hidupan Liar dan senarai CITES.

Penduduk kampung yang tinggal di enam buah perkampungan terletak berhampiran di kawasan tersebut ialah Kg. Telaga, Kg. Boluuh, Kg. Datong, Kg. Sungai Eloj, Kg. Gumpa dan Kg. Ungkup (G6), mengatakan bahawa mereka memiliki hak adat Bumiputera di kawasan tersebut. Majoriti penduduk di kawasan tersebut adalah terdiri daripada kumpulan miskin tegar.

Mereka merupakan Orang Asal Bumiputera yang merangkumi kaum Rungus, Tombonuo dan etnik Suluk Sungai. Mereka turut menggelarkan diri mereka sebagai "Orang Dua Alam" atau "*People of Two Worlds*". Hal ini kerana mereka menghabiskan separuh daripada hidup mereka untuk bercucuk tanam dan menangkap ikan, menangkap ketam, mengutip kupang, dan sebagainya sama ada untuk kegunaan sendiri atau dijual. Mereka lazimnya tidak melibatkan diri dalam aktiviti penangkapan ikan laut dalam. Mereka bergantung pada paya bakau sebagai sumber pendapatan dan protein.

Penubuhan Projek Akuakultur Udang telah merosakkan sebahagian besar kawasan paya bakau, seterusnya menjejaskan penduduk di kawasan itu sejak tahun 2013. Mereka bukan sahaja tidak diberikan akses untuk memasuki kawasan yang telah lama menjadi tempat mereka mencari rezeki, malah syarikat turut meletakkan halangan di sesetengah anak sungai dengan meletakkan penghalang besar. Wanita tempatan pula kerap diganggu oleh kakitangan syarikat dan tidak dibenarkan berada di kawasan bakau. Akibatnya, penduduk mengalami kekurangan bekalan makanan dan kehilangan punca pendapatan.

Tindakan oleh Pejabat SUHAKAM Sabah

Setelah menerima aduan daripada penduduk kampung, Pejabat Sabah telah menghubungi beberapa agensi kerajaan negeri dan memaklumkan tentang keadaan yang telah menimpa penduduk kampung, namun malangnya, tidak mendapat sebarang respon.


Selepas Pilihan Raya Umum ke-14, SUHAKAM menjalankan lawatan ke lapangan buat kali kedua pada 12-14 Oktober 2018. Kebanyakan penduduk melahirkan rasa tidak puas hati dan kekecewaan mereka memandangkan kerajaan baharu juga tidak mengambil apa-apa tindakan. Walau bagaimanapun, sehari selepas lawatan ke Projek Udang dilakukan, Menteri Pertanian Sabah, Datuk Junz Wong, melawat kawasan projek tersebut. Dalam lawatan tersebut, beliau mengumumkan bahawa sebarang aktiviti penebangan paya bakau tidak lagi dibenarkan. Beliau turut mengumumkan bahawa, kementeriannya telah menolak permohonan syarikat supaya diberikan kawasan tambahan seluas 1,000 ekar untuk projek udang tersebut.

Daerah Tongod – Tuntutan NCR terhadap Corak Nakhoda Sdn. Bhd.

Pejabat SUHAKAM Sabah telah menerima aduan daripada penduduk empat buah kampung, iaitu Kg. Kiliwatong, Kg. Kiandungo, Kg. Makagatan dan Kg. Sogo-Sogo. Penduduk mendakwa bahawa, pada tahun 1990, Dewan Undangan Negeri Sabah



Datuk Godfrey Gregory Joitol menyampaikan ceramah berkenaan dengan peranan dan fungsi SUHAKAM kepada penduduk kampung.



Kawasan Merah telah dibersihkan dari tahun 2013 -2015; Kawasan Hijau merupakan kawasan tambahan seluas 1,000 ekar yang telah diluluskan oleh kabinet negeri. *(Kawasan ini adalah sebelum Datuk Junz Wong mengumumkan penolakan permohonan syarikat)*. Hanya kawasan ini yang tinggal untuk kelangsungan hidup penduduk kampung G6.

NOTA: Kawasan Merah merupakan kawasan yang telah dibersihkan, manakala kawasan yang bertanda hijau merupakan baki 1,000 ekar tanah bakau yang masih lagi merupakan tanah kerajaan dan belum diwartakan.

telah meluluskan pelaksanaan *Tongod Regional Planning Study* (TRPS). Namun begitu, kajian ini tidak pernah dilaksanakan. Komuniti setempat ternanti-nanti program pembangunan seperti yang dirancang, namun tidak pernah menjadi realiti. Pada tahun 1997, pentadbiran baharu ketika itu telah memutuskan untuk membatalkan TRPS. Kawasan tanah yang terlibat telah diberikan kepada pihak lain dan akhirnya telah dijual kepada Corak Nakhoda Sdn. Bhd.

Akibatnya, penduduk telah kehilangan hutan yang menjadi tempat mereka berburu, memancing, dan memungut hasil hutan seperti rotan dan damar. Penduduk turut mendakwa bahawa syarikat tersebut telah meratakan segala tanaman yang ditanam oleh mereka. Selain buah-buahan, kawasan tadahan yang menjadi sumber air minuman turut terjejas. Kampung Tekulong, ketika zaman British telah dimasukkan ke dalam peta sebagai tanah NCR, turut menjadi mangsa dan telah ditanam kelapa sawit oleh syarikat tersebut.

Sebaik sahaja penduduk mengetahui bahawa tanah tersebut dipajakan kepada syarikat Corak Nakhoda, mereka menentanginya.

Menurut penduduk kampung, tuntutan utama mereka kepada kerajaan ialah meminta kerajaan mengambil tindakan supaya tanah tersebut dikembalikan kepada mereka supaya mereka dapat bercucuk tanam dan melakukan aktiviti yang dapat menambah pendapatan mereka.

Orang Asal di Sarawak

Semasa tahun kajian, Pejabat SUHAKAM di Sarawak meneruskan kerja-kerja untuk meningkatkan kesedaran hak tanah adat Orang Asal/Orang Asli. Perlindungan terhadap hak tanah adalah sangat penting kepada komuniti Orang Asal/Orang Asli yang mana ekonomi, sosial dan perkembangan kebudayaanya adalah berdasarkan hubungan mereka dengan tanah.

Pejabat SUHAKAM Sarawak telah mengadakan program dan dialog dengan Ketua Kaum atau Tuai Rumah, Tua Kampung di kampung ataupun di rumah panjang, dan Ketua Masyarakat atau turut dikenali sebagai Temenggung, Pemanca dan Penghulu. Pada tahun 2018, sebanyak lima program bantuan telah dijalankan di beberapa bahagian di Sarawak.

Antara isu yang menjadi perhatian SUHAKAM termasuklah hak mereka terhadap tanah adat Bumiputera. Di Sarawak, tanah kerajaan adalah berdasarkan kepada satu tarikh

yang telah ditetapkan dan Orang Asal/Orang Asli mestilah membuktikan secara lisan atau berdokumen yang membuktikan bahawa mereka telah menerokai tanah adat Bumiputera sebelum 1 Januari 1958. Tanpa bukti tersebut, mereka akan dianggap sebagai setinggan di atas tanah kerajaan. Sekalipun mereka boleh membuktikan hak tanah adat mereka, komuniti Orang Asal, namun mereka tidak memiliki dokumen pemilikan terhadap tanah tersebut. Justeru, komuniti Bumiputera menginginkan agar mereka dapat diberikan perlindungan hak tanah adat yang mereka boleh tunjukkan sebagai bukti bahawa mereka telah menduduki tanah tersebut melalui pengukuran plot tanah individu. Namun begitu, proses ini adalah sangat perlahan. Setakat ini, hanya pengukuran sempadan luar yang telah dilaksanakan.²

Tuntutan dan pertelingkahan tanah adat melibatkan kawasan yang dimasukkan dalam lesen pemajakan yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri kepada syarikat swasta untuk penanaman kelapa sawit, atau penanaman hutan atau hutan yang kawasannya telah diberikan lesen untuk menjalankan aktiviti pembalakan atau tanah kerajaan. Beban pembuktian sekiranya berlakunya tuntutan adalah terletak kepada Orang Asal. Sekiranya kedua-dua pihak gagal untuk menyelesaikan pertelingkahan, mereka boleh membawa perkara tersebut ke mahkamah. Namun perlu diingat bahawa proses ini memakan masa dan memerlukan kos yang tinggi.

Selain itu, Orang Asal yang terlibat dalam petempatan semula disebabkan oleh pembinaan empangan Bakun dan Murum turut menghadapi masalah yang telah berlarutan sejak sekian lama, termasuklah kekurangan tanah untuk bercucuk tanam, peluang pekerjaan, jalan serta bekalan air dan juga sekolah sementara untuk anak mereka.

Selain pertikaian tanah NCR, antara isu lain adalah tentang pemilihan pemimpin tempatan menerusi pilihan raya sebagaimana yang dinyatakan dalam UNDRIP³. Di Sarawak, polisi semasa membolehkan penduduk rumah panjang atau kampung untuk menjalankan "pilihan raya" dengan mencadangkan seseorang individu, dan nama

2 Sempadan luar merupakan fasa pertama pengukuran menerusi projek pengukuran perimeter yang ditaja oleh Kerajaan Persekutuan. Fasa kedua pula akan melibatkan pengukuran plot individu yang akan dilakukan pada masa akan datang.

3 Artikel 18 UNDRIP: Orang Asal/Asli mempunyai hak untuk terlibat dalam membuat keputusan terhadap perkara-perkara yang boleh memberikan kesan kepada hidup mereka melalui wakil yang dilantik oleh mereka, menggunakan prosedur mereka, dan mengekalkan serta membangunkan institusi untuk membuat keputusan mereka.

tersebut akan dihantar ke pejabat daerah, tetapi cadangan itu tertakluk kepada sokongan Ahli Dewan Undangan Negeri sebelum nama tersebut dihantar kepada Setiausaha Negeri untuk keputusan akhir. Pada masa ini, pemilihan tersebut adalah berdasarkan kepada pekeliling pentadbiran yang digunakan sejak awal tahun 1970-an. Ketua Masyarakat, walau bagaimanapun, dilantik terus oleh Setiausaha Kerajaan, meskipun pencalonan atau cadangan pemimpin politik di kawasan tersebut tertakluk kepada syarat sebagaimana yang terkandung dalam pekeliling yang dikeluarkan pada awal tahun 1980-an. Terdapat aduan tentang kelewatan dan proses yang tidak telus dalam pemilihan ketua kaum. Pada tahun 2018, Pejabat Sarawak menerima dua aduan tentang penolakan pelantikan semula Ketua Masyarakat.

Antara isu lain yang dihadapi oleh kaum Bumiputera di kawasan pedalaman adalah tidak memiliki sijil kelahiran dan kad pengenalan yang boleh digunakan untuk menentukan status kewarganegaraan. Hal ini disebabkan oleh beberapa sebab seperti kelewatan pendaftaran kelahiran, kekurangan dokumen sokongan yang diperlukan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) atau status perkahwinan ibu bapa yang diragui. Akibat daripada masalah dokumentasi seperti ini akan memberikan masalah kepada seseorang individu itu untuk mendapatkan akses pendidikan dan kesihatan yang memuaskan.

Pejabat SUHAKAM Sarawak akan melakukan usaha berterusan dalam membela hak Orang Asal di Sarawak.

Komitmen Antarabangsa untuk Orang Asal/Asli

Sesi ke-17 Forum Tetap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Isu Orang Asal/Asli (UNPFII) telah diadakan pada 16 – 27 April 2018 bertempat di Ibu pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York. Forum Tetap merupakan badan penasihat di peringkat tertinggi kepada Majlis Ekonomi dan Sosial dengan mandat untuk menguruskan isu-isu Orang Asal/Asli. Tema pada tahun ini ialah “*Indigenous peoples' collective rights to lands, territories and resources.*” Pesuruhjaya SUHAKAM dan seorang pegawai telah menghadiri Forum Tetap tersebut.

Semasa sesi tersebut, SUHAKAM telah diberikan peluang untuk berucap kepada panel dalam sesi yang bertajuk “*Advancing the Rights of Indigenous Peoples: National and Regional Human Rights Mechanisms*” di samping Inter-American Commission on Human Rights (IACHR) dan Norwegian National Human Rights Institution (NIM).

Persoalan-persoalan seperti yang berikut telah dibangkitkan:

- i. Bagaimanakah NHRIs atau IACHR mempromosikan dan melindungi hak Orang Asal/Asli? Apakah tindakan yang telah diambil oleh institusi, khususnya dalam tahun yang terkini?
- ii. Tema yang berulang dalam setiap aktiviti kerja yang dijalankan oleh beberapa NHRIs dan IACHR merupakan cabaran kepada hak Orang Asal/Asli khususnya yang berkaitan dengan tanah, atau operasi entiti perniagaan yang berasaskan sumber seperti perniagaan agri dan galian. Bagaimanakah setiap institusi hak asasi menangani cabaran terhadap hak asasi manusia Orang Asal/Asli? Bagaimanakah entiti perniagaan ini dapat menghormati hak Orang Asal/Asli?
- iii. Pejuang hak asasi manusia telah menghadapi pelbagai tindak balas di seluruh dunia. Forum Tetap tersebut telah mencadangkan agar NHRIs bekerjasama dengan Orang Asal/Asli untuk merangka strategi bagi melindungi dan menyediakan sokongan kepada pejuang hak asasi manusia. Apakah tindakan spesifik yang telah diambil atau boleh diambil?

SUHAKAM telah menjalankan program untuk mempromosi dan melindungi hak Orang Asal/Asli seperti Inkuiri Nasional terhadap hak tanah Orang Asal/Asli, menjalankan bengkel dan ceramah untuk komuniti Orang Asal/Asli bagi meningkatkan kesedaran mereka tentang hak asai dan melakukan lawatan ke sekolah untuk memantau kualiti pendidikan dan fasiliti kanak-kanak Orang Asal/Asli.

Selain itu, dalam Penilaian Penggalan Sejagat untuk Malaysia ketika Sesi ke-31 Kumpulan Kerja UPR pada 8 November 2018, Finland telah meminta maklumat terkini tentang pelaksanaan syor SUHAKAM yang terkandung dalam Inkuiri Nasional. Kerajaan telah mengatakan bahawa telah mengambil inisiatif untuk memulakan dialog dengan wakil daripada komuniti Orang Asal/Asli berkenaan dengan hak tanah dan dialog ini turut melibatkan setiap negeri di Semenanjung Malaysia.

Syor-syor

SUHAKAM mengesyorkan agar langkah-langkah yang berikut dilaksanakan dalam mengiktiraf hak-hak Orang Asal/Asli:

- i. Melaksanakan syor-syor yang telah dibuat dalam NI tanpa sebarang kelewatan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada Kesatuan Nasional dan Kesejahteraan Sosial mestilah bekerjasama dengan semua agensi kerajaan negeri dalam memantau pelaksanaan syor-syor yang telah dibuat bagi menjaga hak-hak Orang Asal/Asli. Kementerian tersebut juga mestilah bekerjasama dengan rakan sejawat mereka di Sabah dan Sarawak.

- ii. Semua kerajaan negeri mestilah mengiktiraf hak tanah adat Orang Asal/Asli dan mewartakan tanah adat kepada komuniti orang Asal/Asli. Kerajaan negeri juga seharusnya bekerjasama dengan komuniti Orang Asal/Asli di dalam aktiviti menjana keuntungan berasaskan hutan seperti ekopelancongan.
- iii. Mengguna-pakai prinsip makluman awal, bebas dan telus sebelum melaksanakan sebarang program pembangunan untuk komuniti Orang Asal/Asli.
- iv. Mengambil pendekatan bersifat sementara sebagaimana yang telah digunakan oleh Jabatan Perhutanan Kelantan didalam mengiktiraf hak tanah Orang Asal/Asli.
- v. Ordinan Tanah Sabah (CAP 68) sepatutnya dinilai semula dan dipinda bagi mengelakkan kekaburan dan kekeliruan. Bengkel yang melibatkan pakar, wakil Orang Asal/Asli, dan pihak yang berminat untuk mengenal pasti sebarang perubahan yang diperlukan hendaklah dianjurkan.
- vi. Menambah baik fasiliti sekolah dan latihan untuk guru-guru di sekolah Orang Asli.
- vii. Kebolehan dan kapasiti pegawai serta kakitangan yang terlibat dalam mengurus serta mentadbir tanah dan hutan hendaklah ditambah baik secara berterusan supaya dapat menjadikan mereka lebih peka terhadap hak asasi manusia.
- viii. Proses pengurusan dan pentadbiran hutan seharusnya dilakukan dengan lebih telus. Proses perundingan dengan komuniti yang terkesan seharusnya dilakukan dan apabila projek-projek seperti pembinaan empangan, pewartaan hutan simpan, kawasan tadahan air, pemuliharaan hidupan liar, Taman Sabah, skim petempatan semula, projek agrikultur dan komersial dan lain-lain projek lagi. Kerajaan negeri mesti memastikan bahawa, tidak terdapat petempatan manusia wujud dalam setiap tindakan pewartaan terhadap sesebuah kawasan yang akan diwartakan. Dengan kata lain, langkah ini seharusnya bersifat proaktif dan bukannya tidak reaktif.
- ix. Sekiranya perlu, pengantara bagi pihak-pihak yang terlibat sepatutnya diguna pakai dalam kes-kes yang melibatkan pertikaian tanah daripada menyelesaikannya menerusi proses undang-undang yang pastinya memerlukan kos yang tinggi.
- x. Kerajaan juga bertanggungjawab dalam memastikan Orang Asal/Orang Asli mendapat akses yang mencukupi terhadap sumber maklumat dan seterusnya dapat memudahkan mereka untuk melakukan rundingan secara adil dan saksama terhadap tuntutan mereka.
- xi. Negara ahli UNPFII mestilah komited untuk melibatkan diri dalam dialog dengan Orang Asal/Orang Asli dan NHRIs, kerana kewujudannya adalah untuk merancang dan membangunkan pelan strategi nasional bagi membolehkan pelaksanaan UNDRIP dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya, termasuklah pemantauan, penilaian dan penyediaan laporan tahunan berkaitan kemajuan pelaksanaannya.

Harapan Masa Depan

Tanah menjadi semakin berkurang sebagai sumber kepada kerajaan dan komuniti Orang Asal/Orang Asli. SUHAKAM berharap agar dapat memperkuat jalinan perhubungan kepada kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri untuk mencapai penyelesaian jangka panjang terhadap hak tanah komuniti Orang Asal/Orang Asli. Adalah menjadi harapan SUHAKAM agar syor-syor NI dilaksanakan tanpa sebarang kelewatan.

Kanak-Kanak

SUHAKAM mendapati pelanggaran dan pengabaian terhadap hak kanak-kanak terus berlaku di Malaysia. Pada tahun ini, isu berkaitan kanak-kanak tanpa warganegara, pencari suaka dan pelarian kanak-kanak, kanak-kanak jalanan, kanak-kanak di tempat tahanan, kes penderaan kanak-kanak, eksploitasi dan perkahwinan kanak-kanak telah dibangkitkan semula.

1. Kewarganegaraan

Pada tahun 2018, SUHAKAM menerima 413 aduan berkaitan kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen atau permohonan kewarganegaraan bagi kanak-kanak yang dibuat oleh ibu bapa mereka ditolak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) disebabkan ketidakselarasan undang-undang.

Sehingga bulan April 2018, dianggarkan seramai 2500⁴ kanak-kanak tanpa warganegara sedang menunggu untuk memperoleh dokumentasi lengkap di Malaysia. SUHAKAM percaya bilangan kanak-kanak tanpa warganegara sebenarnya jauh lebih besar dengan jumlah tinggi dicatatkan di Sabah disebabkan oleh kemasukan pendatang asing yang melahirkan anak di Malaysia. Terdapat ibu bapa yang gagal mendaftarkan kelahiran anak mereka di JPN disebabkan status imigresen mereka. Semasa sesi perbincangan meja bulat pada 11 Julai tentang “Tiada warganegara

⁴ The Star Online, “The State of Statelessness”, The Star Online (1 April 2018) <<https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/04/01/the-state-of-statelessness-for-those-born-in-malaysia-but-without-a-citizenship-their-life-is-left-i/>> diakses pada 2 Januari 2019

di Sabah", peserta mengaitkan isu ini dengan peningkatan bilangan kanak-kanak jalanan yang terdiri daripada pengemis di negeri tersebut.

Apabila dimaklumkan pemberian status kewarganegaraan merupakan hak prerogatif kerajaan yang selari dengan Perlembagaan Persekutuan, SUHAKAM kecewa dengan kurangnya empati dan simpati terhadap kanak-kanak yang berada dalam situasi tersebut bukan disebabkan oleh kesalahan mereka. Sebagai negara yang mempunyai pemimpin yang lantang bersuara tentang hak asasi manusia di negara-negara lain dan negara pihak Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), kerajaan perlu sentiasa memberikan keutamaan terhadap kepentingan terbaik kanak-kanak dan tidak mengambil sebarang tindakan yang boleh melanggar hak dan diskriminasi terhadap kanak-kanak. (Sila rujuk Bab Aduan dan Pemantauan dan Sub Topik 2 berkenaan tanpa kewarganegaraan untuk maklumat lanjut)

2. Penahanan kanak-kanak warga asing yang tidak mempunyai dokumen

Kanak-kanak warga asing sama ada ditemani ibu bapa dan tidak ditemani ibu bapa terus ditahan dibawah Akta Imigresen di Malaysia. Semasa lawatan SUHAKAM ke Depot Imigresen Pekan Nenas, terdapat wanita mengandung dan kanak-kanak yang ditahan atas kesalahan tinggal lebih masa di Malaysia dan cubaan melarikan diri tanpa kebenaran. Mereka merupakan antara 131 warga Sri Lanka yang ditahan oleh Jabatan Imigresen di perairan Johor semasa perjalanan ke Kanada atau New Zealand. Semasa lawatan lain ke depot yang sama, beberapa tahanan mendakwa mereka tidak diberikan rawatan kesihatan yang baik termasuklah wanita dan kanak-kanak. Menerusi maklum balas kepada SUHAKAM, depot imigresen telah memberikan butiran lengkap berhubung rawatan kesihatan yang diberikan kepada tahanan. (Sila rujuk Bab Aduan dan Pemantauan untuk maklumat lanjut)

Pada tahun 2013, SUHAKAM telah memulakan usaha terhadap alternatif kepada penahanan kanak-kanak untuk mengeluarkan mereka dari tempat tahanan dibawah Akta Imigresen. Pada tahun ini, SUHAKAM meneruskan usahanya dan bekerjasama dengan UNHCR, wakil Malaysia ke AICHR, dan Gabungan Penahanan Antarabangsa (IDC) untuk menganjurkan konsultasi tertutup pada 5 Februari 2018.

Matlamat konsultasi adalah untuk mengenal pasti kebaikan alternatif kepada penahanan (ATD) kanak-kanak, wanita mengandung dan wanita menyusukan anak yang terjejas disebabkan penempatan secara paksa di Malaysia. Konsultasi tersebut turut melihat kebaikan mengadakan pemantauan secara bebas dan berkala ke tempat tahanan. Hasil dari konsultasi tersebut, berikut merupakan langkah-langkah yang akan diambil oleh setiap pihak:

- i. Menjelaskan saringan terhadap golongan rentan dan membangunkan alat penilaian serta mekanisme rujukan untuk mengenal pasti golongan rentan seperti kanak-kanak, wanita mengandung dan golongan kurang upaya di peringkat awal dan untuk memberikan penjagaan yang baik terhadap golongan rentan ini berdasarkan keperluan mereka.
- ii. Mencadangkan pindaan kepada SOP sedia ada di tempat tahanan, dan untuk bekerjasama dengan agensi kerajaan termasuk depot imigresen berkaitan isu spesifik seperti ATD.
- iii. Menjalinkan kerjasama dengan Majlis Peguam dan pihak berkepentingan bagi membincangkan kemungkinan untuk meluaskan Skim Bantuan Guaman Kebangsaan kepada kes imigresen termasuk pelarian, pencari suaka dan individu tanpa warganegara.
- iv. Bagi melaksanakan strategi di atas, tiga kumpulan akan ditubuhkan dan setiap kumpulan ditugaskan berdasarkan bidang yang berikut:
 - a. ATD untuk Kanak-Kanak dan Golongan Rentan Lain
 - b. Tangkapan, Penahanan dan Prosedur Pembebasan
 - c. Piawaian Penahanan

Bagi meneruskan usaha ini, kumpulan kerja berkaitan tempat tahanan imigresen yang dianjurkan oleh UNHCR (melibatkan pihak berkepentingan termasuk SUHAKAM) akan mengadakan mesyuarat bagi membincangkan penubuhan pelbagai kumpulan yang terdiri daripada pihak berkepentingan dan tindakan susulan yang akan diambil.

Sebagai langkah awal, SUHAKAM mengesyorkan semua kanak-kanak yang tidak ditemani ibu bapa yang berada di depot tahanan imigresen diserahkan kepada masyarakat sivil yang mempunyai rumah perlindungan sebagai sebahagian daripada projek perintis ATD. SUHAKAM berharap agar tindakan ini dapat dilaksanakan kepada semua kanak-kanak yang berada di dalam depot tahanan imigresen atau kanak-kanak yang dijumpai oleh pihak berkuasa. Tindakan ini bagi memastikan kepentingan terbaik kanak-kanak dapat ditegakkan.

3. Penahanan Kanak-Kanak bawah Undang-undang Pencegahan

SUHAKAM mengulangi pendiriannya bahawa penahanan tanpa bicara merupakan pelanggaran hak asasi manusia yang serius dan akta berkaitan penahanan tersebut perlu dimansuhkan. SUHAKAM bimbang akan kanak-kanak yang ditahan menggunakan undang-undang lapuk seperti POCA 1959.

Semasa lawatan SUHAKAM ke Penjara Kluang pada 19 Julai, terdapat 39 banduan yang dikategorikan sebagai juvana. SUHAKAM menemu bual beberapa orang

banduan dan mengenal pasti dua dakwaan serius yang berkaitan tukar gari, kekasaran polis dan pengakuan paksa. SUHAKAM menegaskan insiden seperti ini melanggar prinsip hak asasi manusia. Perlembagaan Persekutuan menjamin hak untuk bebas daripada penyeksaan, dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah dan berhak untuk mendapatkan perbicaraan yang adil. Selain itu, Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan menjamin kebebasan bagi setiap individu, dan, sekiranya ditangkap, mereka harus dimaklumkan tentang alasan penahanan, membenarkan untuk diwakili peguam dan dibawa kepada majistret dalam tempoh 24 jam penahanan. Di samping itu, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan sebarang dakwaan berkaitan penahanan yang menyalahi undang-undang mesti dibicarakan di mahkamah. Walau bagaimanapun, setiap penahanan dibawah POCA tidak tertakluk kepada semakan kehakiman. Berkenaan dakwaan terhadap kekasaran polis, Seksyen 330 Kanun Keseksan jelas menyatakan bahawa melakukan kecederaan secara sengaja bagi maksud mendapatkan pengakuan adalah satu kesalahan yang boleh dihukum dibawah undang-undang.

Sehubungan itu, SUHAKAM menggesa penggubal undang-undang untuk memastikan undang-undang yang melanggar perlembagaan dihapuskan dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi.

4. Perkahwinan Kanak-kanak

Selama beberapa dekad, Malaysia telah mendaftar sebanyak 15000⁵ perkahwinan melibatkan kanak-kanak; 10000 daripadanya merupakan perkahwinan melibatkan pasangan muslim, manakala 4999 terdiri daripada pasangan bukan muslim.⁶

Pada masa ini, perkahwinan melibatkan kanak-kanak di Malaysia tidak menyalahi undang-undang. Usia bagi bukan muslim untuk berkahwin dibawah undang-undang sivil ialah 18 tahun. Walau bagaimanapun, kanak-kanak perempuan berusia 16 tahun ke atas tetapi masih dibawah 18 tahun, boleh berkahwin selepas mendapat lesen perkahwinan khas daripada Ketua Menteri bawah Seksyen 21(2) Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976. Bagi kanak-kanak perempuan muslim, usia minimum untuk berkahwin ialah 16 tahun, manakala, hakim Mahkamah Syariah akan memberikan kebenaran bagi perkahwinan kanak-kanak perempuan dibawah usia 16 tahun. Hal ini memperlihatkan diskriminasi undang-undang di Malaysia bagi usia perkahwinan antara lelaki dan wanita.

5 Yiswaree Palansamy, "Reject lawmakers with 'perverted' mindset, Selangor Speaker tells women", Malaymail (Kuala Lumpur, 5 April 2017) <<https://www.malaymail.com/s/1349589/reject-lawmakers-with-perverted-mindsets-selangor-speaker-tells-women>>

6 Ibid.

Pada tahun ini, Malaysia sekali lagi menjadi perhatian antarabangsa apabila lelaki berusia 45 tahun berkahwin dengan kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun di Kelantan dengan restu daripada ibu bapa kanak-kanak berkenaan. Pengantin lelaki menyatakan perkahwinannya dengan kanak-kanak perempuan terbabit adalah untuk membantu keluarga mereka. Walaupun perkahwinan kanak-kanak ini mendapat bantahan keras banyak pihak, namun terdapat juga pihak yang mempertahankan perkahwinan tersebut termasuk menyatakan perkahwinan kanak-kanak merupakan satu “keperluan” bagi keadaan tertentu dan perkahwinan itu tidak bercanggah dengan agama.⁷ Berdasarkan sudut pandang hak asasi manusia, secara konsisten menegaskan perkahwinan kanak-kanak merupakan pelanggaran hak asasi manusia yang serius yang memberi impak terhadap hak kanak-kanak kepada kesihatan, pendidikan, kesaksamaan, tidak berlakunya diskriminasi dan hidup bebas daripada keganasan dan eksploitasi. Bagi kes seperti ini, kepentingan terbaik kanak-kanak telah diletakkan di tempat kedua berbanding kepentingan dan keinginan orang dewasa. Tambahan pula, SUHAKAM berpandangan undang-undang yang membenarkan perkahwinan kanak-kanak boleh dianggap sebagai menghalalkan pedofilia.⁸

Di peringkat antarabangsa, Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah meluluskan resolusi bersejarah pada tahun 2012 berhubung dengan perkahwinan awal dan secara paksa terhadap kanak-kanak serta mendesak “semua negara untuk menguatkuasakan dan menegakkan undang-undang dan dasar bagi tujuan mencegah dan menghentikan perkahwinan awal dan secara paksa terhadap kanak-kanak serta melindungi mereka yang berisiko dan untuk memastikan perkahwinan dijalankan berdasarkan persetujuan, kebebasan dan kebenaran daripada kedua-dua pasangan..”⁹

Tambahan pula, artikel 16(2) Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW) menyatakan “pernikahan dan perkahwinan seorang kanak-kanak tidak akan memberi kesan perundangan dan semua tindakan yang perlu, termasuk tindakan perundangan, akan diambil bagi menetapkan umur minimum perkahwinan, serta mewajibkan pendaftaran rasmi perkahwinan dalam daftar perkahwinan”. Sebagai sebuah negara ahli CEDAW, Malaysia wajib menghentikan amalan perkahwinan kanak-kanak dan meminda undang-undang yang berkaitan.

7 Yimmie Yong, Zakiah Koya, R. Aravinthan, “Kelantan: Underage marriage is necessary”, *The Star online* (30 November 2018) <<https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/11/30/kelantan-underage-marriage-is-necessary/>> diakses pada 10 Januari 2019.

8 SUHAKAM, “Kenyataan Media 24/2018: Perkahwinan Kanak-kanak”, SUHAKAM (Kuala Lumpur, 1 Julai 2018) <<https://www.suhakam.org.my/2018/07/>> diakses pada 13 Januari 2019.

9 Perhimpunan Agung PBB: Perkahwinan awal dan secara paksa terhadap kanak-kanak: resolusi diterima pakai oleh Perhimpunan Agung pada 18 November 2014, A/RES/69/156.

Dari perspektif agama, satu laporan yang dikeluarkan bersama oleh UNICEF dan Universiti Al-Azhar, Mesir menyatakan “perkahwinan kanak-kanak hanyalah merupakan adat; dan bukan sebahagian daripada Syariah atau ibadah dan perkahwinan kanak-kanak boleh membawa kesan buruk. Oleh itu, usia yang sesuai untuk berkahwin hendaklah selepas 18 tahun. Perkahwinan merupakan ibadah dan tanggungjawab sosial yang menuntut kemampuan dan kesediaan bagi suami dan isteri untuk bertanggungjawab, maka tidak seharusnya dibebankan kepada kanak-kanak”.¹⁰

Di samping itu, Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia menerusi perbincangan yang diadakan pada 21 – 22 Oktober 2014 memutuskan perkahwinan kanak-kanak tidak lagi dilihat sebagai amalan yang sihat dan wajib atau sunnah (digalakkan)¹¹ dalam Islam. Keputusan ini adalah merupakan satu langkah yang baik untuk tidak menggalakkan perkahwinan kanak-kanak berlandaskan agama, serta menekankan perlunya peraturan yang lebih baik untuk tidak membenarkan perkahwinan kanak-kanak.

SUHAKAM mengesyorkan agar kerajaan meminda semua undang-undang domestik dan syariah supaya usia perkahwinan yang dibenarkan kepada 18 tahun bagi lelaki dan wanita. Hal ini adalah untuk memastikan keseragaman undang-undang dan Malaysia mematuhi tanggungjawabnya dalam pelbagai triti antarabangsa.

Undang-undang keluarga Islam, termasuk perkahwinan, terletak dibawah bidang kuasa Negeri dalam Jadual Kesembilan, Bahagian II – Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, SUHAKAM berpandangan kerajaan perlu mempertimbangkan untuk memperkenalkan undang-undang yang melarang perkahwinan kanak-kanak sebagaimana berdasarkan Perkara 76(1)(a) dan (2) Perlembagaan Persekutuan.

Sebagai negara pihak CRC, Malaysia perlu membuat satu undang-undang persekutuan yang mengikat semua negeri di Malaysia serta sistem sivil dan syariah bagi melaksanakan sepenuhnya semangat peruntukan dalam CRC dan Resolusi PBB berkaitan dengan perkahwinan awal dan secara paksa terhadap kanak-kanak. Dengan itu, kerajaan dapat melaksanakan tanggungjawabnya di peringkat antarabangsa dan mewujudkan keharmonian bagi undang-undang sivil dan syariah di Malaysia berkaitan dengan usia perkahwinan.

¹⁰ *Child Marriage Is No More Than A Custom; It Is Not Part Of Sharia Or Worship, Says UNICEF*, 07 April 2017 <http://www.malaysiandigest.com/news/668188-child-marriage-is-no-more-than-a-custom-it-is-not-part-of-sharia-or-worship-says-unicef.html>

¹¹ Isu Perkahwinan Kanak-kanak: Kajian Dari Aspek Agama, Kesihatan dan Psikologi: <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/isu-perkahwinan-kanak-kanak-kajian-dari-aspek-agama-kesihatan-dan-psikologi>

Sementara itu, antara langkah perlindungan yang perlu diberi pertimbangan oleh kerajaan termasuklah melantik peguam khusus bagi pihak kanak-kanak dibawah usia 18 tahun apabila terdapat permohonan untuk berkahwin. Langkah ini dapat memastikan kanak-kanak diberikan hak untuk mengemukakan pandangannya dan membuat keputusan tanpa pengaruh atau paksaan daripada ahli keluarga dan/atau pihak ketiga. Tindakan ini bagi memastikan sebarang keputusan untuk berkahwin dibuat dalam pengetahuan, kebebasan dan pertimbangan sepenuhnya daripada kedua-dua pasangan.

SUHAKAM juga menggesa kerajaan untuk mempertimbangkan prosedur bagi membendung situasi yang mana perogol dan sesiapa yang melakukan penderaan seksual dibenarkan untuk berkahwin dengan mangsanya sebagai balasan supaya mangsa tidak membuat laporan kepada pihak berkuasa. Oleh itu, SUHAKAM menyeru kerajaan:

- i. Memperkasakan agensi penguatkuasaan untuk bertindak walaupun tiada aduan rasmi yang dibuat oleh mangsa atau aduan telah ditarik balik oleh mangsa;
- ii. Menyediakan pendidikan seks yang wajib dan komprehensif di sekolah untuk memastikan kanak-kanak memahami anggota badan mereka dan tidak dikenakan sebarang bentuk eksploitasi seksual dan dipaksa berkahwin; dan
- iii. Menyediakan perkhidmatan sokongan yang sesuai bagi kanak-kanak, terutamanya remaja perempuan yang sensitif terhadap keperluan khas mereka dengan memberi tumpuan untuk memperkasakan mangsa dan memberi peluang kepada kanak-kanak untuk membuat keputusan yang tepat.

5. Suruhanjaya Kanak-kanak Nasional

Memandangkan terdapat pelbagai isu dan keadaan undang-undang domestik berkaitan kanak-kanak yang tidak menentu di Malaysia, SUHAKAM menggalakkan dan menyokong sepenuhnya cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Kanak-kanak Nasional sebagaimana yang diumumkan oleh YB Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada bulan Julai. SUHAKAM berpandangan Suruhanjaya tersebut dapat memastikan hak kanak-kanak dilindungi sepenuhnya dan secara efektif serta direalisasikan di Malaysia dengan mengambil kira piawaian yang telah ditetapkan dalam CRC.

SUHAKAM telah mengadakan pertemuan dengan Timbalan Menteri pada 30 Ogos untuk membincangkan cadangan berkaitan Suruhanjaya Kanak-kanak Nasional. Hasil daripada mesyuarat tersebut, SUHAKAM perlu menyerahkan kertas cadangan kepada KPWK untuk pertimbangan mereka. Bagi tujuan ini, SUHAKAM menganjurkan konsultasi dengan organisasi masyarakat sivil (CSO) yang berkaitan pada 1 November 2018

bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas berkenaan cadangan berkaitan Suruhanjaya tersebut. Maklum balas dan syor-syor yang diperoleh daripada konsultasi tersebut juga dimasukkan kedalam kertas cadangan.

Sehubungan itu, KPWK mengemukakan satu konsultasi bersama ahli parlimen, agensi kerajaan yang berkaitan dan CSO pada 23 November 2018 di pejabat mereka di Putrajaya untuk mendapatkan pandangan dan syor-syor berkaitan cadangan pelantikan Pesuruhjaya Kanak-kanak berdasarkan rangka kerja SUHAKAM. Beberapa isu yang dibangkitkan oleh peserta adalah berhubung dengan jenis dan struktur organisasi bagi Suruhanjaya Kanak-kanak, bidang kuasa dan fungsi Suruhanjaya Kanak-kanak serta kerjasama antara Pesuruhjaya dengan agensi kerajaan yang lain.

Hasil daripada konsultasi tersebut, KPWK bersetuju untuk berkongsi maklumat lanjut berkenaan kertas cadangan terkini tentang Suruhanjaya Kanak-kanak dengan semua peserta sebelum dibentangkan di Parlimen. SUHAKAM akan membuat tindakan susulan kepada KPWK berkenaan perkara ini.

Harapan Masa Depan

Setiap manusia dilahirkan sama rata dari segi hak dan maruah diri serta hak kanak-kanak merupakan hak asasi manusia. Kanak-kanak berhak dilayan secara sama rata dan bermaruah dan hak mereka juga perlu dihormati oleh golongan dewasa. Memandangkan kanak-kanak terdedah untuk dieksploitasi dan disalah guna oleh golongan dewasa, mereka diberikan perlindungan khas sebagaimana yang diperuntukkan dalam CRC. Sebagai negara pihak dalam konvensyen ini, SUHAKAM kagum dengan kerajaan yang sentiasa memastikan kepentingan terbaik kanak-kanak dihormati serta dijadikan pertimbangan utama dalam asas perancangan, menggubal dan melaksanakan undang-undang, polisi dan program yang memberi kesan kepada mereka.

SUHAKAM akan terus bekerjasama dengan KPWK bagi membentuk dan merealisasikan penubuhan Suruhanjaya Kanak-kanak Nasional yang bebas di Malaysia dengan berpandukan CRC. Suruhanjaya tersebut bertanggungjawab untuk mempromosi dan memberi perlindungan terhadap hak kanak-kanak secara keseluruhannya. Pada masa sama, SUHAKAM akan meneruskan kerjasama dengan pelbagai kementerian, agensi penguatkuasaan, pihak berkuasa agama dan organisasi masyarakat sivil untuk menangani aduan, menasihati kerajaan bagi menyemak semula undang-undang berkaitan serta menarik semula baki reservasi dalam CRC, serta mempromosi kesedaran awam secara meluas tentang tanggungjawab bersama untuk melindungi kanak-kanak dan kepentingan mereka.

Wanita

Kesaksamaan gender merupakan teras hak asasi manusia, namun ramai wanita masih mengalami diskriminasi dalam banyak keadaan dan ini termasuklah diskriminasi di tempat kerja dan hak mereka untuk bekerja.

Malaysia menyertai konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW) pada tahun 1995. Konvensyen ini digambarkan sebagai undang-undang antarabangsa hak wanita, tetapi SUHAKAM mendapati masih ada jurang dalam kesedaran dan pengoperasian penuh CEDAW, terutamanya bagi wanita dan kanak-kanak perempuan yang terpinggir.

1. Sesi ke-69 Jawatankuasa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW)

SUHAKAM telah menghadiri Sesi ke-69 Jawatankuasa CEDAW pada 20 Februari 2018 di Palais des Nations, Geneva. Dalam sesi itu, laporan berkala ketiga hingga kelima Malaysia tentang kemajuannya dalam pelaksanaan CEDAW telah dikaji oleh Jawatankuasa tersebut.

Jawatankuasa CEDAW telah memberikan masa kepada NHRI semasa sesi ke-69 untuk membentangkan maklumat khusus secara lisan berkenaan Negara Pihak yang telah dijadualkan untuk penilaian pada sesi tersebut. Sehubungan itu, isu-isu yang berikut, antara lain, telah dibentangkan oleh SUHAKAM untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa:

- i. SUHAKAM mengalu-alukan usaha kerajaan untuk memasukkan 'gender sebagai satu asas larangan bagi diskriminasi di Malaysia. Bagi melaksanakan perkara

ini, SUHAKAM menyeru agar kerajaan memperkenalkan satu undang-undang kesaksamaan gender dengan segera.

- ii. SUHAKAM telah menekankan cabaran yang telah dialami oleh isteri-isteri bukan warganegara di Malaysia dan kekurangan perlindungan bagi mereka dalam soal hak kepada kewarganegaraan. Ketidaksaksamaan undang-undang tentang kewarganegaraan meletakkan beban yang berat kepada ibu-ibu yang perlu melalui proses yang lebih sukar untuk mendaftar anak mereka kerana kelulusan untuk permohonan kewarganegaraan mengambil masa bertahun-bertahun. Selain itu, proses permohonan juga kurang telus dan tidak selaras.
- iii. SUHAKAM menyeru kerajaan agar memperkenalkan semula cadangan pindaan kepada Akta Pembaharuan Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 berkenaan dengan penukaran agama kanak-kanak oleh seorang ibu atau bapa kerana perkara ini akan memberikan satu asas undang-undang untuk memastikan hak yang sama bagi kedua-dua pihak dalam hak berkaitan agama anak mereka jika perkahwinan mereka dibubarkan.
- iv. Berkenaan dengan orang yang mempunyai orientasi seksual dan identiti gender yang berlainan, SUHAKAM menekankan bahawa semua manusia tanpa mengira orientasi seksual mereka harus menikmati hak asasi manusia sepenuhnya.
- v. SUHAKAM menekankan bahawa kerajaan harus mengambil pendirian dan pendekatan yang lebih terbuka dalam mengendalikan hak pencari suaka, wanita dan kanak-kanak perempuan pelarian dan tiada status kewarganegaraan yang telah berada di Malaysia, kerana golongan rentan ini tidak menikmati hak kepada pendidikan, pekerjaan, penjagaan kesihatan yang percuma dan sering ditahan di pusat tahanan di bawah kerangka undang-undang sedia ada di Malaysia. Oleh itu, SUHAKAM mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan alternatif kepada penahanan, seperti penempatan komuniti.

Semasa sesi ke-69 Jawatankuasa CEDAW, SUHAKAM menekankan perkara yang berikut:

- i. Didapati bahawa delegasi Malaysia kurang bersedia dan bersungguh-sungguh dalam proses penilaian apabila jawapan-jawapan yang diberikan tidak mencerminkan keadaan sebenarnya; tidak tepat atau mengelirukan dan gagal untuk menjawab soalan-soalan yang ditanyakan oleh Jawatankuasa tersebut.
- ii. Terdapat penekanan yang berlebihan oleh delegasi tentang agama dalam menjawab soalan-soalan yang ditanyakan.
- iii. Disebabkan penyelarasan yang kurang, delegasi memberikan tanggapan bahawa kurangnya kesungguhan dalam mencari penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi dari segi diskriminasi terhadap wanita.

Walaupun menyedari laporan-laporan berkala ini bertujuan untuk memaklumkan kemajuan terkini tentang dasar, inisiatif dan langkah-langkah yang diambil oleh negara untuk menghapuskan diskriminasi terhadap wanita, SUHAKAM melihat bahawa banyak soalan yang ditanyakan oleh Jawatankuasa tidak dijawab dengan memuaskan oleh delegasi dari kerajaan Malaysia, memberikan tanggapan bahawa tiada kemajuan langsung dalam beberapa perkara. SUHAKAM sentiasa bersedia untuk mengadakan perbincangan dengan kementerian-kementerian yang berkenaan dan semua pihak berkepentingan mengenai promosi dan perlindungan hak wanita di Malaysia.

2. Diskriminasi

SUHAKAM bimbang dengan larangan untuk memakai hijab di beberapa hotel yang dikenakan kepada pekerja wanita Muslim yang bekerja di barisan hadapan industri perhotelan di Malaysia. Walaupun larangan ini telah ditarik balik di kebanyakan hotel yang mengamalkan dasar sebegini, SUHAKAM menyeru agar kerajaan memperkenalkan satu undang-undang kesaksamaan untuk memastikan organisasi swasta dan awam melindungi hak wanita untuk mengamalkan agama dan kepercayaan mereka tanpa diskriminasi di tempat kerja. Walaupun kerajaan menyatakan sedang berusaha untuk merangka rang undang-undang kesaksamaan gender, SUHAKAM menggesa agar kerajaan mempercepat proses tersebut kerana perkara itu telah lama ditangguhkan.

3. Perlindungan Wanita di Mahkamah Syariah

SUHAKAM bimbang dengan amalan rotan dalam sistem kehakiman Malaysia. Dalam kes dua wanita yang didapati bersalah kerana cuba melakukan hubungan seks, SUHAKAM menyesali bahawa Mahkamah Syariah Terengganu telah memilih untuk menjatuhkan hukuman rotan kepada mereka. SUHAKAM berpendapat bahawa hukuman tersebut bukan sahaja merupakan hukuman yang kejam, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah tetapi merotan mereka di depan khalayak ramai akan menyebabkan penghinaan dan mencalarakan reputasi kedua-dua wanita dan keluarga mereka. SUHAKAM faham bahawa undang-undang berkenaan memperuntukkan hukuman rotan, tetapi hakim juga harus menjalankan budi bicara mereka mengikut prinsip belas kasihan dan maruah manusia dalam Islam.

SUHAKAM mengimbas kembali semasa penilaian Malaysia baru-baru ini oleh Jawatankuasa CEDAW, yang telah menekankan bahawa wanita Muslim di Malaysia kurang bernasib baik kerana interpretasi Syariah yang dipilih di Malaysia dan tidak dapat maju setanding dengan wanita yang beragama lain, walaupun dengan jaminan kesaksamaan dalam perlembagaan.

Oleh itu, SUHAKAM mengulangi seruannya untuk memansuhkan hukuman sedemikian dalam semua undang-undang sivil dan syariah untuk mematuhi piawaian antarabangsa.

4. Hak Pasangan Bertaraf Warga Asing

Pasangan bertaraf warga asing di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran termasuklah hak pada pekerjaan. Isteri-isteri bukan warganegara bergantung sepenuhnya kepada suami mereka untuk mengekalkan status sah mereka dalam negara. Pasangan yang berwarganegara Malaysia diperlukan untuk hadir bagi setiap permohonan untuk Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang dan pembaharuannya yang kerap, bersama-sama dengan permohonan untuk Pemastautin Tetap dan Kewarganegaraan; mereka juga perlu menyediakan sokongan untuk bekerja. Ini bersamaan dengan pergantungan selama berdekad-dekad.

Sekiranya suami pasangan tersebut enggan hadir di Jabatan Imigresen, status imigresen isteri bukan warganegara di negara ini mungkin akan terjejas, menyebabkan wanita terdedah kepada keadaan seperti keganasan rumahtangga, pengasingan, pengabaian atau kematian suami. Terdapat juga kekurangan ketelusan dan keselarasan dalam proses permohonan, apabila tiada penjelasan diberikan bagi tempoh visa yang lebih singkat, penangguhan dalam meluluskan permohonan Pemastautin Tetap atau alasan untuk menolak permohonan tersebut.

SUHAKAM menyeru agar Kerajaan Malaysia mengambil pendirian dan pendekatan yang lebih terbuka dalam mengendalikan hak pasangan bertaraf warga asing dengan mengkaji semula proses permohonan untuk pemastautin tetap dan memastikan hak mereka dilindungi dan ditegakkan.

5. Rogol dalam perkahwinan

Selama bertahun-tahun SUHAKAM telah menggesa kerajaan untuk menjenayahkan rogol dalam perkahwinan dengan memansuhkan pengecualian di bawah Seksyen 375 Kanun Keseksaan, yang mana menyatakan bahawa "persetubuhan oleh seseorang lelaki dengan isterinya dengan perkahwinan yang sah di bawah undang-undang bertulis pada masa itu berkuat kuasa, atau diiktiraf di Malaysia sebagai sah, bukanlah rogol" dan untuk menambah satu peruntukan jelas berhubung rogol dalam perkahwinan. Namun, berdasarkan perbincangan terkini di Parlimen, telah dinyatakan bahawa kerajaan belum bersedia untuk menjadikan rogol dalam perkahwinan sebagai kesalahan kerana kesukaran untuk membuktikannya di mahkamah. Walaupun begitu, SUHAKAM ingin menegaskan bahawa rogol dalam perkahwinan merupakan

satu pelanggaran hak asasi manusia wanita. Artikel 2 Deklarasi PBB Penghapusan Keganasan terhadap Wanita mendefinisikan rogol dalam perkahwinan sebagai satu keganasan terhadap wanita. Oleh itu, SUHAKAM mengekalkan pendiriannya supaya rogol dalam perkahwinan hendaklah dijadikan satu kesalahan agar dapat melindungi wanita daripada keganasan.

6. Rang Undang-undang Gangguan Seksual

Walaupun terdapat garis panduan dan kod amalan pencegahan gangguan seksual sedia ada di tempat kerja, masih tiada undang-undang khusus yang berkaitan dengan gangguan seksual. Pada 2011, kerajaan telah memasukkan definisi gangguan seksual dan peruntukan lain yang berkaitan dalam Akta Kerja 1955. Walaupun SUHAKAM memujitindakan tersebut, namun didapati mendapati definisi tersebut masih kurang menyeluruh dan proses aduan serta penalti tidak diliputi sewajarnya. SUHAKAM telah mencadangkan supaya KPWK dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk menyemak semula peruntukan yang mengawal selia gangguan seksual dan mempertimbangkan untuk mempunyai undang-undang berasingan dan lebih menyeluruh mengenai gangguan seksual. Dalam hal ini, SUHAKAM mengalu-alukan pengumuman kerajaan baru-baru ini berhubung niat untuk memperkenalkan satu undang-undang baharu untuk mencegah gangguan seksual di tempat kerja.

7. Pembela hak asasi manusia wanita

Walaupun mengambil maklum bahawa konsep pembela hak asasi manusia tidak diterima dengan baik di Malaysia, namun kumpulan tersebut melobi kerja-kerja mereka secara aktif di Malaysia. Terdapat sebilangan besar NGO dan individu yang terlibat dan berdedikasi dalam melobi prinsip dan piawaian hak asasi manusia khususnya untuk golongan yang kurang bernasib baik.

SUHAKAM menyatakan kebimbangan dan kekecewaannya berhubung penangkapan lewat malam peguam hak asasi manusia, Siti Kasim. SUHAKAM difahamkan bahawa penangkapannya adalah berkaitan dengan satu tuduhan menculik anak guamnya serta menghalang pihak polis daripada menjalankan tugas mereka. SUHAKAM kesal bahawa penangkapannya dibuat tanpa penyiasatan yang sewajarnya oleh pihak polis. Tindakan pihak polis memecah pintu rumah tidak boleh diterima dan jelas bertentangan dengan Prinsip Asas PBB Mengenai Tugas Peguam dan Deklarasi Pembela Hak Asasi Manusia yang mana pegawai-pegawai polis tidak melaksanakan tugas mereka dengan mengambil kira dan menghormati hak asasi manusia.

Justeru, SUHAKAM berharap agar kes-kes seperti ini tidak lagi berulang dan pegawai polis dan/atau mana-mana penguat kuasa yang mempunyai kuasa untuk menahan mana-mana individu boleh melaksanakan tugas mereka mengikut garis panduan yang disediakan dan piawaian hak asasi manusia sebagaimana yang terkandung dalam instrumen PBB. SUHAKAM juga menyeru kerajaan untuk menggubal undang-undang atau dasar bagi memastikan pembela hak asasi manusia dilindungi di Malaysia.

Harapan Masa Depan

Walaupun SUHAKAM mengambil maklum bahawa kerajaan telah menunjukkan pelbagai usaha dan membuat beberapa inisiatif untuk menangani dan meningkatkan hak wanita, namun masih banyak yang perlu dilakukan untuk meningkatkan kesedaran hak wanita kepada semua pihak berkepentingan utama, kakitangan awam dan swasta serta seluruh wanita di Malaysia. SUHAKAM berharap dengan era Malaysia baru, hak asas wanita dapat ditangani secara holistik dan ditegakkan melalui pelbagai inisiatif oleh kerajaan dengan kerjasama pihak berkepentingan utama yang relevan bagi memastikan Malaysia berada setanding dengan piawaian dan norma antarabangsa dalam melindungi dan menegakkan hak wanita. SUHAKAM akan meneruskan pemantauannya dan menyediakan cadangan kepada kerajaan berkenaan perangkaan undang-undang, dasar dan garis panduan mengenai wanita serta memastikan ianya selari dengan prinsip hak asasi manusia.

Tanpa Kewarganegaraan

Seseorang individu dianggap sebagai individu tanpa kerakyatan apabila individu itu tidak memiliki kerakyatan yang sah, atau tidak memiliki sebarang dokumen yang menyokong status kewarganegaraannya. Status tanpa kerakyatan ini terjadi apabila individu tersebut tidak memiliki dokumen pengenalan yang dikeluarkan undang-undang kerajaan tempatan. Walau bagaimanapun, seseorang yang memiliki kerakyatan yang tidak jelas tidak harus dilabel sebagai “tidak mempunyai kerakyatan” sehinggalah dibuktikan oleh badan kerajaan yang bertanggungjawab. Oleh itu, langkah-langkah proaktif perlu diambil untuk menangani masalah ini.

Malaysia ialah sebuah negara yang telah lama menghadapi isu individu tanpa kerakyatan berikutan migrasi buruh yang berlaku dalam era pra-kemerdekaan. Migrasi ini berlaku disebabkan tekanan ekonomi dan politik yang dialami oleh negara-negara yang bersempadanan dengan Malaysia. Di Malaysia Timur, Sabah dan Sarawak bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia. Di samping itu, kedudukan geografi negeri Sabah yang berkongsi sempadan perairan dengan negara Filipina juga menyumbang kepada migrasi penduduk dari Filipina sejak berabad-abad lamanya.

Berdasarkan kepada pemetaan dan projek bantuan undang-undang yang dikendalikan oleh Development of “Human Resources in Rural Areas” (DHRRA) di bawah Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR)¹², mendapati bahawaterdapat 12400 individu tanpa kerakyatan yang tinggal

12 <https://www.unhcr.org/ending-statelessness-in-malaysia.html>

di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, badan tersebut gagal melaporkan bilangan individu tanpa kerakyatan yang berada di luar Semenanjung Malaysia disebabkan keadaan Malaysia Timur yang kompleks, seperti isu bermigrasi campur yang berlaku di Sabah.

Selain itu, badan tersebut turut melaporkan bahawa terdapat 12,078 permohonan kewarganegaraan telah dihantar ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) oleh DHRRA dan sebanyak 2,359 individu telah mendapat status kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia.

Isu tanpa kerakyatan dan kewarganegaraan ini adalah satu subjek yang rumit. Pemberian status kewarganegaraan adalah urusan sulit yang dijalankan oleh kerajaan sesebuah negara. Dalam hal ini, pendekatan kerajaan Malaysia yang dilihat lebih berhati-hati telah menyebabkan isu ini berlanjutan sehingga kini. Hal ini menyebabkan pihak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) telah menerima banyak aduan. SUHAKAM telah menerima sebanyak 413 aduan tentang masalah permohonan kewarganegaraan pada tahun ini.

1. Kanak-kanak tanpa Kerakyatan

Berikut senarai kes aduan kanak-kanak tanpa kerakyatan yang diterima oleh SUHAKAM:

- i. Pihak SUHAKAM mendapati bahawa kanak-kanak yang lahir di luar nikah akan diberikan status kewarganegaraan mengikut status kewarganegaraan ibu kandungnya, walaupun kedua-dua ibu bapa kanak-kanak tersebut telah berkahwin selepas kelahirannya. Sebaliknya, kanak-kanak itu tidak akan mendapat status kewarganegaraan sekiranya ibu kandung kanak-kanak tersebut gagal dikenal pasti. Secara amnya, jika seorang warganegara Malaysia berkahwin dengan warga asing dan perkahwinan tersebut didaftarkan di Malaysia, maka bayi mereka yang lahir sebelum pasangan tersebut berkahwin akan mendapat status warganegara Malaysia.
- ii. Pengadu ialah seorang remaja berumur 16 tahun yang telah dilahirkan pada tahun 2001. Bapa remaja tersebut ialah warganegara Malaysia, manakala ibunya warganegara Indonesia. Walau bagaimanapun, perkahwinan pasangan tersebut hanya didaftarkan kepada Jabatan Agama Islam Selangor pada tahun 2003. Bapa pengadu telah membuat permohonan kewarganegaraan untuk anak beliau, namun permohonan tersebut telah ditolak pada tahun 2013.
- iii. Kes ketiga adalah mengenai sepasang suami isteri warganegara Malaysia yang telah mengambil seorang anak angkat secara sah. Namun kanak-kanak tersebut tidak mempunyai kewarganegaraan sejak lahir. Pasangan tersebut berada dalam kebuntuan apabila JPN menolak permohonan pemberian status

kewarganegaraan kepada anak mereka. Walaupun JPN meluluskan permohonan anak angkat tersebut, penafian hak kewarganegaraan kanak-kanak itu akan menyebabkan dia dilanda masalah lain pada masa depan.

SUHAKAM telah sedia maklum bahawa pemberian status kewarganegaraan merupakan pengiktirafan tertinggi yang diberikan oleh kerajaan. Oleh itu, keistimewaan tersebut seharusnya tidak dilihat sebagai suatu hak, sebaliknya lebih kepada suatu bentuk penghargaan daripada kerajaan. Walau bagaimanapun, menafikan hak kerakyatan untuk kanak-kanak yang lahir di Malaysia akan menyebabkan banyak kemudahan asas seperti kesihatan, pendidikan, dan kehidupan pada masa depan akan terjejas. Perkara ini akan menyumbang kepada masalah sosial negara jika tidak ditangani dengan baik.

2. Isu tanpa kerakyatan di Sabah

Di Sabah, kanak-kanak tanpa kerakyatan ini lahir di Malaysia dan mempunyai kaitan sejarah dengan negara jiran seperti Filipina dan Indonesia menerusi jalur keturunan ibu bapa mereka. Persoalan utama yang perlu dilihat dalam isu ini ialah, adakah kanak-kanak yang lahir di negeri Sabah tetapi dianggap sebagai warga asing oleh kerajaan Malaysia tersebut harus dilihat sebagai warganegara Filipina atau Indonesia?

Dalam kes ibu bapa yang berwarganegara Indonesia, isu ini adalah lebih jelas. Kanak-kanak warga migrasi Indonesia yang lahir di Sabah dan tidak memiliki dokumen jelas boleh didaftarkan ke Konsulat Jenderal Republik Indonesia di Kota Kinabalu. Konsulat tersebut akan membantu mengeluarkan sijil kelahiran bagi kanak-kanak tersebut. Walau bagaimanapun, proses pendaftaran kelahiran adalah rumit bagi kanak-kanak yang datang dari kawasan pedalaman Sabah. Hal ini kerana kos perjalanan dari kawasan pedalaman ke bandar sangat tinggi. Oleh itu, walaupun usaha mendapatkan status warganegara Indonesia nampak mudah, namun realitinya proses tersebut sukar untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kanak-kanak Indonesia biasanya tidak akan jatuh ke dalam kategori *de jure*, iaitu tanpa kerakyatan.

Sebaliknya, situasi ini amat berbeza bagi kanak-kanak Filipina. Negara Filipina secara amnya tidak mempunyai pejabat konsulat di Sabah. Hal ini disebabkan implikasi tuntutan sejarah yang menyelubungi hubungan diplomatik negara Filipina dan negeri Sabah. Filipina sehingga kini masih menuntut Sabah sebagai sebahagian daripada wilayah jajahan Kesultanan Sulu. Tuntutan ini dinafikan sekerasnya oleh rakyat Sabah, dan secara tidak langsung menyumbang kepada kewujudan sentimen anti-Filipino dalam negeri. Selain itu, proses mendapatkan status kerakyatan untuk kanak-kanak

Filipina yang lahir di Sabah adalah sukar berikutan masalah pengangkutan dan kos perjalanan, di samping pemegang kad IMM13 tidak boleh meninggalkan Sabah. Kebanyakan perwakilan daripada kedutaan negara Filipina yang menyediakan khidmat pendaftaran bergerak (yang melawat Sabah dalam waktu-waktu tertentu) tidak mengetahui akan kewujudan rakyat mereka di kawasan pedalaman Sabah. Justeru, walaupun kerajaan Filipina diketahui mudah memberikan status kewarganegaraan kepada kanak-kanak tanpa kerakyatan, pelarian dan pendatang, namun kebanyakan mereka tidak dapat memperolehnya.

Di bawah adalah contoh aduan yang diterima oleh Pejabat SUHAKAM Sabah:

Aisyah adalah seorang kanak-kanak berumur 10 tahun dan berbangsa Suluk. Dia merupakan salah seorang pemegang kad IMM13. Kedua-dua datuk dan nenek Aisyah datang ke Sabah sebagai pelarian pada tahun 1970an. Apabila ditanya tentang perbezaan di antara negeri Sabah dan negara Filipina, Aisyah menjawab dia tidak tahu apa-apa pun tentang negara Filipina. Malah Aisyah juga memaklumkan bahawa dia tidak mempunyai keluarga yang berada di sana dan tidak pernah ke Filipina. Dia turut menegaskan bahawa dia tidak mempunyai sebarang kaitan dengan negara tersebut. Sebagai pemegang kad IMM13, Aisyah dan kedua-dua ibu bapanya adalah 'sah' dari segi undang-undang untuk berada di Sabah. Namun demikian, Aisyah dan keluarganya masih dianggap sebagai warganegara Filipina oleh kerajaan Malaysia. Sama ada kerajaan Filipina akan memberikan status kewarganegaraan kepada mereka atau tidak, yang ditegaskan adalah pengakuan Aisyah dan keluarganya bahawa mereka tidak mahu menjadi warganegara Filipina. Hal ini kerana mereka sudah sehati dengan kehidupan di Malaysia. Oleh sebab itu, mereka menolak apabila ditawarkan pengurusan dokumen oleh Pejabat Statistik Kebangsaan Filipina.

Isu tanpa kerakyatan yang berlaku di Sabah adalah sangat rumit. Hal ini disebabkan faktor keberadaan seseorang penduduk yang telah lama menetap di Sabah, namun tidak memiliki kewarganegaraan yang jelas. Golongan ini juga menolak status kewarganegaraan Filipina kerana mereka beranggapan bahawa status warganegara Malaysia akan diberikan kepada golongan ini kelak. Selain itu, masalah pelarian Filipina turut mempengaruhi isu ini. Golongan ini telah melarikan diri ke Malaysia untuk mengelak daripada dibunuh oleh tentera Filipina mahupun puak pemisah Islam di negara tersebut. Ironinya, warga Suluk di Sabah juga dianggap sebagai pendatang Filipina walaupun kebanyakan mereka tidak menyokong tindakan "kolonialisme" kerajaan Filipina di kawasan-kawasan majoriti penduduk Muslim. Tambahan pula,

kanak-kanak golongan ini telah didedahkan dengan peperangan dan kekejaman yang berlaku di Filipina. Mereka dididik bahawa segala kekurangan yang mereka alami di Malaysia adalah jauh lebih baik daripada segala kesukaran yang ada di Filipina. Menurut ibu bapa mereka, Malaysia adalah lebih selamat jika dibandingkan dengan negara asal. Hakikatnya, keadaan pergolakan yang masih berlaku di Zamboanga City, iaitu di bahagian selatan kepulauan Mindanao meyakinkan golongan ini bahawa keadaan di sana masih tidak selamat untuk mereka kembali. Justeru, kebanyakan pelarian Filipina yang berada di Malaysia tidak behasrat untuk kembali ke negara itu. Disebabkan hal ini, pengecaman antara pelarian asal dan "migran ekonomi" sudah tidak dapat dikenal pasti.

Isu tanpa kerakyatan sering dikaitkan dengan perkara-perkara yang berkaitan perbuatan pelanggaran undang-undang. Walaupun seseorang mampu membezakan antara kanak-kanak tanpa kerakyatan dengan kanak-kanak tanpa dokumen, pengalaman yang dialami oleh kanak-kanak dalam kedua-dua kategori ini adalah sama walaupun mereka berbeza dari aspek etnik, sejarah keluarga dan jenis bantuan yang diterima daripada negara asal. Hakikatnya, kanak-kanak Filipina dan Indonesia yang jatuh kedalam kedua-dua kategori berisiko ditangkap oleh pihak berkuasa sekiranya dijalankan operasi pemeriksaan dokumen, contohnya dalam serbuan bas, kompleks beli-belah, atau petempatan setinggian. Di Sabah, isu pendatang tanpa kerakyatan yang sah (*legal statelessness*) harus dianalisis dari aspek "*effective statelessness*" yang terhasil daripada keadaan migrasi yang tidak teratur. Dalam hal ini, pemegang kad IMM13 memiliki dokumen yang sah walaupun berstatus tanpa kerakyatan. Konteks ini seterusnya membawa kepada persoalan baharu, iaitu adakah golongan yang berstatus tanpa kerakyatan mempunyai lebih banyak kelebihan berbanding dengan golongan yang tidak mempunyai dokumen?

Bagi menjawab soalan ini, rundingan meja bulat telah diadakan berkenaan isu tanpa kerakyatan di Sabah pada 11 Julai 2018. Objektif perbincangan ini adalah untuk:

1. Mengetahui dan menangani isu-isu berbangkit masalah dokumentasi yang dialami oleh rakyat Sabah;
2. Membincangkan masalah berkaitan pendatang tanpa izin dan kesannya kepada hak asasi rakyat di Sabah; dan
3. Mengetahui pasti cadangan kaedah pelaksanaan berkesan bagi mengatasi masalah tersebut.

Sebanyak 150 perwakilan daripada pelbagai agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, parti-parti politik dan orang awam telah menyertai sesi rundingan tersebut.

Dalam rundingan tersebut, dua isu besar telah dibangkitkan:

i. Pemegang kad IMM13

Kad IMM13 ialah pas yang diberikan kepada pelarian. Kad ini pada asalnya diberikan kepada pelarian Filipina yang melarikan diri daripada peperangan yang berlaku bahagian selatan negara. Peperangan tersebut berlaku di antara kerajaan Filipina di bawah pentadbiran Ferdinand Marcos dan juga Moro Islamic Liberation Front pada awal tahun 1970-an. Permit ini dikeluarkan atas saranan daripada Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR) yang membantu dalam proses penyediaan dokumentasi dan pendaftaran. Kesemua pelarian tersebut sepatutnya didaftar dan diberikan bantuan kebajikan di samping dibenarkan untuk mencari peluang pekerjaan. Pelarian-pelarian ini juga berhak untuk mendapatkan status penduduk tetap mengikut syarat-syarat tertentu dan bukannya kewarganegaraan. Di samping itu, terdapat juga dakwaan bahawa kebanyakan dokumen IMM13 telah dipalsukan.

ii. Kanak-Kanak Jalanan (Tanpa Dokumen)

Saban tahun, terdapat ramai kanak-kanak jalanan dijumpai menjadi peminta sedekah di sekitar Kota Kinabalu. Peserta rundingan meja bulat menegaskan bahawa aktiviti meminta sedekah ini bukan adat dan kebiasaan masyarakat setempat mahupun penduduk asal negeri Sabah.

3. Tanggungjawab Antarabangsa terhadap Masalah tanpa Kewarganegaraan

SUHAKAM telah menerajui isu kerakyatan menerusi pelbagai projek untuk menangani isu kewarganegaraan yang rumit di Sabah. SUHAKAM ini juga mengadakan kerjasama erat dengan agensi-agensi lain seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina (CHR Philippines) dan Komisi Nasional Hak Asasi Manusia Indonesia (Komnas HAM) untuk menangani masalah tersebut. Sehingga kini, SUHAKAM sedang dalam proses menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bersama dengan kedua-dua suruhanjaya tersebut untuk menangani secara kolektif masalah isu tanpa kerakyatan yang berlaku di Sabah dari aspek hak asasi kemanusiaan.

SUHAKAM, CHRP dan Komnas HAM telah bersetuju bahawa tindakan-tindakan yang berikut boleh diajukan secara kolektif sekiranya terma-terma rujukan diwujudkan:

- Penyelidikan hendaklah dijalankan oleh Institusi-Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) ini untuk mengetengahkan keadaan geopolitik dan dorongan sejarah yang membelenggu masalah tersebut. Sebagai contoh, punca dan faktor-faktor yang membawa kepada migrasi penduduk.

- Ketiga-tiga NHRI ini hendaklah bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia bagi memastikan tiada sebarang unsur rasuah yang berlaku sewaktu proses pendaftaran dan dokumentasi orang tanpa kerakyatan berbangsa Indonesia dan Filipina di Sabah.
- Mengadakan lebih banyak kerjasama dengan kedutaan negara Indonesia dan Filipina.
- SUHAKAM, CHRP dan Komnas HAM menyediakan cadangan penambahbaikan dan meningkatkan usaha mengadakan perbincangan isu tanpa kerakyatan secara kolektif di peringkat ASEAN.
- SUHAKAM, CHRP dan Komnas HAM menggunakan Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals) dan Kajian Berkala Sejagat (Universal Periodic Review) untuk membangkitkan isu tanpa kerakyatan kepada kerajaan negara masing-masing.
- Memulakan dialog bilateral antara Indonesia dan Malaysia atau antara Filipina dan Malaysia berkenaan dengan isu tanpa kerakyatan.

Pada bulan Ogos 2018, SUHAKAM telah menulis surat rasmi kepada Menteri di Kementerian Luar Negeri, YB Dato' Saifuddin bin Abdullah, berhubung dengan hasil perundingan meja bulat tentang masalah dan cabaran isu tanpa kerakyatan di Sabah yang diadakan pada 11 Julai, 2018. Dalam surat tersebut, SUHAKAM telah membangkitkan aspek keselamatan orang tanpa kerakyatan dan mencadangkan untuk mewujudkan tatacara penyediaan permit penduduk tetap yang melindungi kepentingan keselamatan golongan ini.

Selain itu, SUHAKAM juga mengetengahkan isu perkhidmatan konsular khususnya dari negara Filipina. SUHAKAM juga membangkitkan peranan kementerian dalam menggalakkan pembukaan kedutaan negara Filipina di Sabah sebagai langkah memperbanyakkan perkhidmatan konsular ke negeri tersebut. Di samping itu, SUHAKAM turut menasihati kerajaan untuk menyokong Konvesyen 1954 berkaitan Status Orang Tanpa Kerakyatan dan Konvensyen Pengurangan Keteraturan 1961 (*The 1954 Convention relating to the Status of Stateless Persons and the 1961 Convention on the Reduction of Statelessness*). Sehingga kini, SUHAKAM belum menerima maklum balas daripada pihak kementerian.

Cadangan

1. Dalam mengetengahkan isu ini, SUHAKAM secara keseluruhannya mencadangkan pihak kerajaan untuk menerima instrumen hak asasi manusia seperti Konvesyen 1954 berkaitan Status Orang Tanpa Kerakyatan dan Konvensyen Pengurangan Keteraturan 1961 bagi memastikan kanak-kanak tidak berisiko untuk kehilangan

status kewarganegaraan. Mempersetujui instrumen hak asasi ini, kanak-kanak secara tidak langsung mempunyai jaminan untuk diberikan status kewarganegaraan dengan syarat mereka tidak memiliki kerakyatan di samping mendapat jaminan perlindungan walaupun berstatus tanpa kerakyatan.¹³

2. Kerajaan perlu juga mengambil kira cadangan penambahbaikan yang dikemukakan dalam sesi ke-44 Jawatankuasa Hak Asasi Kanak-Kanak. Dalam sesi tersebut, Jawatankuasa ini telah menyatakan cadangan mereka setelah meneliti kes hak asasi kanak-kanak di Malaysia, iaitu: kerajaan melaksanakan sistem pendaftaran kelahiran secara percuma dan menjalankan kempen kesedaran ke kawasan pedalaman. Jawatankuasa ini juga mencadangkan supaya kerajaan memperbaiki sistem pendaftaran kelahiran kanak-kanak warga asing yang lahir di Malaysia, kanak-kanak ibu tunggal dan juga kanak-kanak yang lahir di kawasan pedalaman di Malaysia. Selain itu, kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen hendaklah diberikan kemudahan asas seperti kesihatan dan pendidikan, sementara menunggu proses penyelesaian dokumen.
3. SUHAKAM juga meminta agar hak kanak-kanak untuk diberikan kewarganegaraan dihormati. SUHAKAM menegaskan perlunya ada satu mekanisme untuk menangani isu tanpa kerakyatan di Malaysia bagi memastikan setiap kanak-kanak telah didaftarkan sewaktu kelahiran dan diberikan kewarganegaraan. Biro Populasi, Pelarian dan Pendatang juga harus ditubuhkan, di samping melantik pakar atau orang rujukan dalam biro tersebut.¹⁴
4. Pendaftaran kelahiran¹⁵
 - i. Melanjutkan proses pendaftaran 14 hari sehingga sekurang-kurangnya tiga bulan untuk memudahkan mereka yang berada di kawasan pedalaman.
 - ii. Jabatan Pendaftaran seharusnya diwajibkan untuk mendaftar semua permohonan tanpa tangguhan.
 - iii. Lebih banyak kempen kesedaran diadakan sebagai langkah memaklumkan kepada ibu bapa untuk mendaftarkan anak mereka.
 - iv. Pendaftaran anak luar nikah – telah dicadangkan lebih banyak usaha dijalankan bagi menggalakkan ibu bapa mendaftarkan kelahiran tersebut bagi mengelakkan kanak-kanak tersebut dihalang daripada mendaftar persekolahan.¹⁶
5. Dasar Pengambilan Anak Angkat juga seharusnya dikaji lebih mendalam untuk mengenal pasti dan memudahkan proses mendapatkan kewarganegaraan.

¹³ SUHAKAM Report on Forum on Reducing Violence, Harm and Exploitation of Children' (2006) (page 34).

¹⁴ *Ibid*, hlm. 9.

¹⁵ SUHAKAM Annual Report 2001, hlm. 40

¹⁶ SUHAKAM Annual Report 2005, hlm. 86

Harapan Masa Depan

SUHAKAM akan mengadakan lebih banyak kerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara dan Kementerian Dalam Negeri untuk mencari penyelesaian terhadap isu ini. Kerajaan baharu hendaklah lebih bertegas dalam melaksanakan kuasa politik untuk menyelesaikan masalah rakyat khususnya golongan kanak-kanak di negara ini.

Pelarian dan Pencari Suaka

Artikel 14 Perisytiharaan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) menjamin bahawa setiap orang memiliki hak untuk menikmati hidup di negara pemberi suaka daripada sebarang penganiayaan dan hak ini tidak boleh digunakan dalam hal pendakwaan yang benar-benar timbul daripada jenayah bukan politik atau daripada tindakan yang bertentangan dengan tujuan dan prinsip Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Menurut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) setakat akhir bulan Disember 2018, terdapat lebih kurang 163,860 pelarian dan pencari suaka yang berdaftar dengan UNHCR di Malaysia¹⁷. Sebanyak 141,780 dari Myanmar termasuklah 88,880 Rohingya; 26,180 Chin; 9,800 Myanmar Muslim; 4,000 Rakhine dan Arakan dan lain-lain etnik.

Terdapat juga 22,070 pelarian dan pencari suaka daripada negara lain termasuklah:

- 6,080 Pakistan
- 3,040 Yaman
- 2,990 Syria
- 1,790 Sri Lanka
- 2,960 Somalia
- 1,740 Afghanistan
- 1,480 Iraq
- 790 Palestin

¹⁷ <https://www.unhcr.org/en-my/figures-at-a-glance-in-malaysia.html>. Diakses pada Disember 2018

Sebanyak 67 peratus pelarian dan pencari suaka terdiri daripada 33 peratus perempuan dan terdapat 42,480 kanak-kanak bawah umur 18 tahun.

1. Latihan untuk agensi penguatkuasaan

SUHAKAM bekerjasama secara rapat dengan UNHCR berkaitan dengan penjagaan hak pelarian dan pencari suaka di Malaysia. Pada tahun 2017, SUHAKAM telah menandatangani MoU dengan UNHCR dan telah melaksanakan aktiviti seperti yang terkandung dalam MoU tersebut. Sebagaimana yang dilaporkan dalam Bab 1 (rujuk muka surat 30), salah satu aktiviti yang dijalankan ialah latihan untuk pegawai kanan imigresen yang telah diadakan pada 29-30 Januari. Sesi tersebut telah menekankan perubahan polisi layanan kepada pelarian dan pencari suaka selain untuk memperbaiki piawaian layanan di pusat tahanan. Aktiviti ini telah disusuli dengan aktiviti di 11 pusat tahanan imigresen yang menyasarkan kakitangan bawahan untuk meningkatkan tahap kesedaran tentang piawaian antarabangsa pusat tahanan.

2. Alternatif kepada penahanan

SUHAKAM, bersama-sama dengan Organisasi Masyarakat Sivil, telah lama menyokong alternatif kepada penahanan terhadap kanak-kanak di depot tahanan imigresen. Menurut Jabatan Imigresen, kanak-kanak tidak ditahan atas sebab melanggar undang-undang imigresen. Walau bagaimanapun, jabatan perlu membawa kanak-kanak tersebut bersama sekiranya ibubapa atau penjaga mereka ditahan kerana tidak mahu membiarkan kanak-kanak tersebut tidak berteman. Pada tahun 2018, terdapat lebih 1,000 kanak-kanak ditahan di depot imigresen.¹⁸ SUHAKAM telah melawat pusat tahanan imigresen di Malaysia dan didapati tidak terdapat fasiliti untuk kanak-kanak. Mereka terpaksa berhadapan dengan keadaan yang tidak kondusif di pusat tahanan. Keadaan ini pastinya akan memberi kesan kepada perkembangan sendiri mereka memandangkan keadaan di dalam pusat tahanan pasti akan memberikan kesan jangka panjang kepada mereka. Justeru, SUHAKAM menyokong penuh kewujudan projek perintis, sebagaimana yang dipersetujui oleh kerajaan, untuk menyediakan pusat perlindungan kanak-kanak yang dioperasikan oleh Organisasi Masyarakat Sivil. (rujuk muka surat 104)

Selain program latihan dan perbincangan tentang alternatif kepada penahanan, SUHAKAM juga menerima aduan daripada pelarian dan pencari suaka. Dalam tahun yang dikaji, sebanyak 11 aduan telah diterima. Beberapa aduan adalah berkaitan dengan tangkapan dan penahanan pemegang kad dan mereka yang memiliki

¹⁸ <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/10/17/immigration-dept-has-over-1000-children-in-detention-centres/>
access diakses pada 20 Disember 2018

surat pengesahan status daripada UNHCR oleh Jabatan Imigresen. Lazimnya, aduan sedemikian akan diajukan kepada UNCHR untuk tujuan pengesahan dokumen dan status. Terdapat juga aduan berkenaan tahap penjagaan kesihatan di pusat tahanan. Dalam kes seperti ini, SUHAKAM akan melakukan lawatan ke depot bagi memastikan bantuan perubatan disediakan. SUHAKAM turut menerima aduan tentang penderaan dan layanan buruk di dalam pusat tahanan.

Tahanan imigresen lazimnya merupakan suatu bentuk penahanan yang bersifat sementara sebelum seseorang itu dihantar pulang ke negara asal. Namun, terdapat aduan berkaitan kelewatan penghantaran pulang pelarian atau individu yang tidak memiliki dokumen pengenalan disebabkan oleh kekurangan dokumen yang berkaitan serta kesukaran untuk mendapatkan kerjasama daripada kedutaan negara asal individu tersebut. Dalam kes seperti ini, SUHAKAM akan berhubung dengan kedutaan yang berkenaan dan memaklumkan kepada mereka tentang dokumen yang diperlukan bagi tujuan penghantaran semula rakyat mereka ke negara asal. Terdapat juga beberapa kes yang dirujuk kepada Organisasi Antarabangsa untuk Migrasi (IOM) untuk diberikan bantuan kewangan supaya pelarian tersebut dapat pulang ke negara asal.

Pada tahun ini, SUHAKAM menerima aduan berhubung penahanan 131 Individu Sri Lanka yang cuba meninggalkan Malaysia pada bulan Mei 2018. Kesemua mereka ditangkap oleh pihak berkuasa imigresen di perairan wilayah Johor (Perairan Johor) ketika mereka cuba untuk pergi ke Kanada dan New Zealand. Para tahanan–dibahagikan secara berkelompok, iaitu pelarian berdaftar, individu yang tidak berdaftar, pencari suaka dan pemegang surat pelantikan UNHCR – telah ditahan secara berasingan di tiga tempat. Tahanan lelaki ditahan di Pusat Pemulihan Ulu Choh dan wanita di Penjara Simpang Renggam. Wanita hamil dan ibu bapa dengan kanak-kanak telah ditahan di Depot Imigresen Pekan Nenas. Mereka yang ditahan di penjara didakwa dengan dua kesalahan, iaitu untuk meninggalkan negara tanpa izin dan yang kedua kerana tinggal melebihi tempoh masa di negara ini. Kumpulan yang diadakan di Depot Imigresen tidak dibawa ke mahkamah tetapi mereka ditahan untuk tujuan penghantaran pulang ke negara asal.

SUHAKAM telah campur tangan dan membantu mereka dengan melawat mereka dan bekerjasama dengan UNHCR selain turut bekerjasama dengan peguam. Disebabkan campur tangan ini, 39 pemegang kad UNCHR telah dibebaskan. Bagi mereka yang dibawa ke mahkamah, tuduhan terhadap mereka telah digugurkan kecuali enam orang lelaki, termasuk rakyat Malaysia, yang didakwa di bawah Akta Pemerdangangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) kerana menjadi dalang untuk

kesemua mereka melarikan diri tanpa kebenaran. Ketika laporan ini dibuat, Jabatan Imigresen telah menghantar kesemua warganegara Sri Lanka pulang ke negara asal walaupun sesetengah daripada mereka takut untuk pulang ke negara asal.

Walaupun cuba untuk menyelesaikan masalah pelarian dan pencari suaka, SUHAKAM percaya terdapat tugas yang lebih perlu diselesaikan oleh pihak berkuasa. SUHAKAM menggesa kerajaan agar komuniti pelarian di Malaysia diberikan kebenaran untuk bekerja dan mendapat pendidikan formal. Akses kepada penjagaan kesihatan juga penting kerana SUHAKAM menerima banyak aduan tentang ketidakupayaan mereka untuk membayar bil perubatan. Pemegang kad UNHCR mendapat diskaun 50 peratus tetapi bukan pemegang kad UNHCR bukan sahaja menghadapi kesukaran menyelesaikan bil perubatan mereka tetapi juga berisiko untuk ditangkap. KKM telah mengeluarkan surat pekeliling yang memerlukan semua hospital dan klinik kerajaan melaporkan kepada Jabatan Imigresen apabila pesakit tanpa dokumen pengenalan diri termasuk bukan pemegang kad UNHCR datang untuk rawatan. Walaupun hospital akan menyediakan rawatan yang diperlukan, pihak hospital juga diwajibkan untuk membuat laporan kepada Jabatan Imigresen. Oleh itu, sesetengah pelarian dan pencari suaka yang memerlukan rawatan dan mereka yang mempunyai penyakit kroni akan menghilangkan diri daripada menerima rawatan, dan menimbulkan risiko penyakit berjangkit kepada kesihatan awam jika mereka tidak dirawat. SUHAKAM telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Kesihatan pada 16 Oktober dan meminta kementerian mengkaji semula pekelilingnya kerana kandungannya menghalang pelarian dan pencari suaka untuk mendapatkan rawatan kerana takut ditahan. SUHAKAM percaya pendekatan yang lebih holistik mesti diambil oleh kerajaan. Mengenakan sekatan terhadap pelarian dan pencari suaka untuk mendapatkan rawatan bukanlah penyelesaian yang tepat.

3. Komitmen antarabangsa untuk pelarian dan pencari suaka

Pekerja asing tanpa dokumen, pelarian dan tanpa warga Negara kekal sebagai golongan yang paling lemah dari segi status imigresennya yang tidak teratur. SUHAKAM melahirkan kekecewaan kepada kerajaan kerana gagal untuk memastikan pelarian diberikan hak untuk bekerja yang sah dari segi undang-undang walaupun memberikan komitmen untuk berbuat demikian. Tidak ada kemajuan dalam mengambil langkah-langkah untuk meratifikasi Konvensyen Pelarian 1951.

Sebagai respon terhadap cadangan yang dibuat oleh Negara-negara pada Penilaian Penggalan Sejagat Malaysia (UPR) pada Sesi ke-31 Kumpulan Kerja UPR pada 8 November 2018, kerajaan menyatakan akan bekerjasama dengan UNHCR untuk meningkatkan tahap kehidupan pemegang kad UNHCR. Kerajaan juga turut

menekankan program perintis yang dimulakan pada tahun 2017 untuk pemegang kad UNHCR Rohingya yang akan membolehkan mereka diambil bekerja secara sah oleh syarikat. SUHAKAM berpendapat bahawa program sebegini tidak begitu berjaya dan dengan itu, tidak ada apa-apa yang perlu dibanggakan.

Syor-syor

1. Menyertai Konvensyen Berhubung Status Pelarian 1951, dan Protokol Tambahan 1967 untuk memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada pelarian dan pencari suaka di Malaysia.
2. Memberikan layanan yang sama kepada semua pelarian dan pencari suaka tanpa mengira agama, bangsa dan negara asal.
3. Melaksanakan alternatif kepada penahanan, terutamanya untuk kanak-kanak, ibu hamil dan ibu yang masih menyusukan anak kepada kumpulan lemah yang lain. Penahanan pelarian dan pencari suaka ini hanya akan memburukkan lagi keadaan mereka kerana depot imigresen tidak mempunyai kemudahan untuk bersesuaian untuk mereka. Penahanan akan menyebabkan trauma dan meninggalkan kesan kepada psikologi mereka.
4. Membenarkan pelarian dan pencari suaka untuk bekerja dan memberikan pendidikan formal untuk anak-anak mereka. Pekerjaan dan pendidikan akan menjamin keselamatan sosial bagi masyarakat dan menjadikan mereka lebih berdaya saing semasa mereka berada di Malaysia.
5. Menyediakan akses mudah kepada kesihatan dan menghapuskan tindakan menangkap mereka yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri serta bukan pemegang kad UNHCR ketika mendapatkan rawatan.

Harapan masa depan

SUHAKAM akan bekerja rapat dengan semua pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, UNHCR dan Organisasi Masyarakat Sipil dalam memperjuangkan hak pelarian dan pencari suaka. Hak asasi masyarakat harus dilindungi kerana kedudukannya yang lemah dan rendah. Keadaan politik dan ekonomi memaksa mereka untuk melarikan diri dari negara asal demi keselamatan dan menjadi tugas kita untuk melindungi dan menyediakan tempat perlindungan kepada mereka.

Pemerdagangan Orang

Gambaran Keseluruhan

Pemerdagangan orang merupakan jenayah antarabangsa yang kejam. Dalam hal ini, di mana manusia dibeli dan dijual untuk mendapatkan keuntungan melalui aktiviti pelacuran paksa, buruh paksa dan perhambaan domestik. Jenayah ini merupakan jenayah yang kedua terbesar di dunia dan semakin pantas berkembang. Pertubuhan Buruh Sedunia (ILO) menganggarkan bahawa pemerdagangan orang merupakan industri global yang bernilai \$150 bilion.

Pemerdagangan orang juga dikenali sebagai perhambaan zaman moden yang melanggar hak asasi manusia seperti hak untuk hidup, bermaruah dan keselamatan diri, hak kebebasan untuk bergerak, serta hak untuk tidak diseksa dan/atau layanan yang menjatuhkan maruah, kejam, tidak berperikemanusiaan dan menghukum.

Punca utama pemerdagangan orang adalah pelbagai dan selalunya berbeza daripada satu negara dengan negara lain, tetapi penyeludup kebiasaannya menyasarkan mereka yang berada dalam keadaan yang terdedah. Satu daripada faktor yang biasa keadaan setempat yang mana populasinya ingin berhijrah untuk mencari keadaan yang lebih baik seperti: kemiskinan, kekurangan peluang sosioekonomi, dan keadaan yang tidak selamat akibat konflik bersenjata dan politik.

Malaysia dianggap sebagai negara destinasi dan kadangkala sebagai negara sumber dan negara persinggahan untuk mangsa pemerdagangan orang. Jenis

pemerdagangan orang yang biasa di Malaysia ialah pemerdagangan buruh, pemerdagangan seks, buruh paksa dan sebagainya. Mangsa pemerdagangan buruh termasuklah buruh murah yang bekerja dalam pelbagai sektor antaranya termasuklah pertanian, pembinaan, pembantu rumah, dan pembuatan. Mereka ini diambil bekerja secara tidak sah tanpa sebarang perlindungan sosial.

Pemerdagangan seks sering dikaitkan dengan pemerdagangan wanita dan kanak-kanak perempuan ke dalam industri seks atau kegiatan pelacuran disebabkan permintaan kepada perkhidmatan seksual. Wanita asing yang muda diumpan dengan janji palsu untuk pekerjaan yang sah di Malaysia tetapi kemudiannya dipaksa terlibat dalam industri seks komersial. Mereka berhadapan dengan ancaman yang berterusan sekiranya tuntutan penyeludup tidak dipenuhi.

Pelarian dan pencari suaka di Malaysia juga terdedah kepada pemerdagangan orang kerana kekurangan pengiktirafan terhadap status mereka telah menghalang mereka daripada bekerja secara sah di Malaysia. Kebanyakan daripada mereka diseludup melalui sempadan.

Malaysia menjadi ahli kepada Protokol untuk Mencegah, Menyekat dan Menghukum Pemerdagangan Orang terutama dalam kalangan Wanita dan Kanak-kanak, tambahan kepada Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menentang Jenayah Terancang Transnasional. Di peringkat serantau, Malaysia menjadi ahli dalam beberapa instrumen yang mengikat dan tidak mengikat termasuklah Konvensyen ASEAN bagi Menentang Pemerdagangan Manusia Terutama Membabitkan Wanita dan Kanak-kanak (ACTIP).

Usaha kerajaan untuk memerangi pemerdagangan orang bermula dengan meluluskan undang-undang yang menentang pemerdagangan orang dan menjadikan aktiviti pemerdagangan orang sebagai satu jenayah. Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran 2007 atau ATIPSOM merangkumi dengan jelas maksud "pemerdagangan orang" sebagaimana yang ditakrifkan oleh Protokol Pemerdagangan Orang dan Majlis Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran (MAPO) yang memainkan peranan utama dalam mencapai objektif dan matlamat ATIPSOM. Akta tersebut telah dipinda pada tahun 2010 dan 2015.

Pindaan 2015 menyediakan perlindungan yang lebih baik untuk mangsa. Sebagai contoh, akta ini membenarkan mereka untuk bergerak bebas dengan prospek untuk mendapatkan pekerjaan, dan juga menyediakan mekanisme pemulihan kepada mangsa pemerdagangan orang dan meningkatkan peranan masyarakat sivil dan

agensi kerajaan. Walau bagaimanapun, birokrasi dan kekurangan kesungguhan terus menjadi penghalang dalam memerangi jenayah ini.

Meskipun pelbagai usaha telah dilakukan untuk memerangi perdagangan orang, Malaysia telah diturunkan kepada Kedudukan Kedua Senarai Pemerhatian dalam laporan Perdagangan Orang (TIP) 2018 oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat. Hal ini kerana Malaysia gagal untuk mematuhi piawaian minimum bagi menghapuskan perdagangan manusia di bawah Akta Perlindungan Mangsa Perdagangan Orang Amerika Syarikat 2000 (TVPA) dan kerana kurangnya perkembangan yang ketara oleh kerajaan dalam menangani isu perdagangan orang di Malaysia berbanding dengan tahun sebelumnya.

Usaha SUHAKAM

Fokus SUHAKAM dalam perdagangan orang bermula pada tahun 2003 dengan lawatan ke Penjara Wanita Kajang yang mana ramai wanita telah ditahan reman selepas mereka ditahan ketika serbuan di pusat hiburan. Sejak itu, SUHAKAM telah menganjurkan beberapa perbincangan, kajian, program meningkatkan kesedaran dan mengemukakan syor-syor kepada kerajaan apabila perlu.

SUHAKAM telah menerima banyak aduan berkenaan dengan perdagangan orang dan bertindak sebagai penghubung antara pengadu dan agensi penguat kuasa bagi memastikan tindakan yang sewajarnya diambil untuk setiap aduan.

Pada tahun 2015, SUHAKAM telah menerima memorandum daripada Majlis Peguam dan Persatuan Kebangsaan Hak Asasi Manusia (HAKAM) yang menggesa SUHAKAM untuk mengadakan siasatan awam berikutan daripada penemuan kubur beramai-ramai di Wang Kelian, Perlis. SUHAKAM telah membincangkan isu tersebut dan telah menjalankan siasatan dengan melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan. Siasatan ini masih diteruskan.

SUHAKAM memainkan peranan aktif dalam menekankan kepentingan untuk mematuhi prinsip-prinsip hak asasi manusia dalam setiap proses, sama ada semasa menggubal undang-undang, menjalankan penguatkuasaan dan melindungi serta memulihkan mangsa.

SUHAKAM mendapati bahawa:

- i. Kurangnya kesedaran dalam kalangan semua pihak berkepentingan termasuklah pegawai di barisan hadapan, agen penguatkuasaan undang-undang dan juga

- masyarakat umum tentang ciri-ciri dan bahayanya pemerdagangan orang;
- ii. Wujudnya keperluan untuk memudahkan istilah-istilah yang berkaitan kerana kurangnya kesedaran mungkin disebabkan oleh ketidakupayaan untuk memahami istilah "pemerdagangan orang". Adalah menjadi keperluan untuk menerangkannya dengan istilah tempatan supaya lebih mudah difahami.
- iii. Undang-undang yang sedia ada mestilah dipadankan dengan pelaksanaan, amalan dan kesedaran awam yang baik disebabkan oleh isu pemerdagangan orang yang bersifat rumit.
- iv. Kerjasama dan pemahaman antarabangsa amat penting, terutamanya antara negara asal, transit dan destinasi. Kedutaan di Malaysia boleh memainkan peranan penting dengan memahami pola umum aktiviti pemerdagangan orang bagi memastikan keselamatan warganegara mereka termasuklah mangsa yang telah diselamatkan.
- v. Mengambil pendekatan berasaskan hak asasi manusia adalah penting dalam melindungi mangsa pemerdagangan orang. SUHAKAM mengalu-alukan usaha berterusan kerajaan dalam melindungi hak mangsa di rumah perlindungan sepertimana yang ditekankan dalam Pelan Strategik Nasional dan penubuhan mahkamah khas untuk mempercepat kes yang berkenaan.

Selama bertahun-tahun, SUHAKAM telah mengemukakan beberapa syor kepada kerajaan untuk memerangi pemerdagangan orang. Syor-syor tersebut adalah seperti yang berikut:

- i. Penyertaan kepada Konvensyen Antarabangsa mengenai Perlindungan Hak Asasi Pekerja Migran dan Anggota Keluarganya (1990); Konvensyen yang berkaitan dengan Status Pelarian (1951) dan Protokol yang Berkaitan dengan Status Pelarian (1967) dan juga Konvensyen terhadap Jenayah Terancang Transnational (Protokol Migran).
- ii. Memperkasakan mekanisme untuk mendakwa pesalah dan melindungi mangsa. Tindakan ini harus dilaksanakan dengan kerjasama kumpulan masyarakat sivil dan pihak misi diplomatik dan juga pihak berkepentingan di peringkat antarabangsa dan serantau;
- iii. Menggesa kedutaan untuk meningkatkan peranan mereka dalam mencegah pemerdagangan orang;
- iv. Kesemua mangsa perlu diberikan pemeriksaan kesihatan yang segera sebaik sahaja tiba di rumah perlindungan dan juga menerima lawatan secara berkala oleh kakitangan perubatan;
- v. Memberikan latihan yang meluas untuk meningkatkan kemahiran pegawai penguat kuasa undang-undang di seluruh negara dalam mengenal pasti mangsa

- pemerdagangan orang;
- vi. SUHAKAM juga menegaskan bahawa mencegah, mengenal pasti dan membantu mangsa pemerdagangan orang memerlukan pelbagai sistem dan pendekatan yang diselaraskan. SUHAKAM juga mengesyorkan siasatan bebas dengan matlamat untuk meletakkan pemerdagangan orang dalam agenda politik negara.
 - vii. Mengkaji Seksyen 2(1) Akta Kerja 1955 berkenaan undang-undang "kontrak untuk buruh" yang mungkin menyebabkan eksploitasi pekerja oleh agen pengambilan pekerja dan majikan; dan
 - viii. Media perlu memainkan peranan yang penting untuk mewujudkan kesedaran tentang pemerdagangan orang yang sedang berlaku.

Harapan Masa Depan

Pemerdagangan orang merupakan perhambaan zaman moden yang melanggar hak asasi dan kebebasan asas seseorang. SUHAKAM akan memperkasakan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan dan meneruskan usaha untuk memerangi aktiviti pemerdagangan orang di Malaysia.

Pekerja

Hak pekerja merupakan antara cabang fokus SUHAKAM. Terdapat beberapa aktiviti yang dijalankan pada tahun ini oleh SUHAKAM yang berkaitan dengan hak pekerja termasuklah pekerja migran. SUHAKAM telah menerima sejumlah 40 aduan berkaitan dengan hak ini.

Sebagaimana yang dilaporkan di bawah topik Perniagaan dan Hak Asasi Manusia Bahagian 3, SUHAKAM telah mempromosikan perniagaan dan hak-hak asasi manusia dengan aktif sebagai salah satu cara bagi memastikan hak pekerja. SUHAKAM menganjurkan tiga forum “Mempromosikan Persefahaman dan Pemakaian Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (UNGP)” di Terengganu, Putrajaya dan Johor masing-masing pada 12, 16 dan 20 Ogos. Selain memperkenalkan dan mengukuhkan pemahaman tentang UNGP, forum tersebut turut mengenal pasti dan mempromosikan amalan terbaik dan pengajaran berguna dalam melaksanakan perniagaan dan hak asasi manusia. Forum ini juga merupakan sebahagian daripada projek meningkatkan kesedaran tentang UNGP yang dijalankan oleh SUHAKAM dengan sokongan UNDP Asia-Pasifik.

SUHAKAM turut menerbitkan terjemahan tiga dokumen, iaitu UNGP, Soalan-soalan Kerap Ditanya tentang Prinsip Panduan Perniagaan dan Hak Asasi Manusia dan Tanggungjawab Korporat untuk Menghormati Hak Asasi Manusia: Sebuah Panduan Tafsiran. Dokumen-dokumen ini akan digunakan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang UNGP dan isu yang berkaitan dengan perniagaan dan hak-hak asasi manusia.

1. Pindaan Akta-akta kerja

Pada tahun ini, SUHAKAM telah diundang oleh Majlis Konsultatif Nasional Sumber Manusia untuk menyediakan input dalam pindaan dua akta yang berkaitan dengan hak pekerja (rujuk muka surat 62 & 63). Undang-undang tersebut ialah Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) dan Akta Kerja 1955. Untuk pindaan Akta 446, SUHAKAM menyatakan komennya tentang piawaian minimum penginapan, gangguan seksual, pusat penjagaan kanak-kanak dan penjagaan kesihatan pekerja. Bagi pindaan Akta Kerja pula, SUHAKAM mengemukakan komennya tentang isu yang berkaitan dengan kontraktor untuk buruh, kontrak perkhidmatan dan perlindungan yang lebih baik untuk pekerja domestik. SUHAKAM turut memberikan pandangannya tentang buruh paksa, cuti bersalin yang dipanjangkan kepada semua sektor, pengenalan mekanisme aduan bagi gangguan seksual, hari rehat dan aturan waktu bekerja yang fleksibel.

2. Pekerja migran

Kumpulan pekerja ini mendakwa bahawa mereka sering disalahgunakan di tempat kerja. Mereka mengalami penetapan gaji minimum, pekerjaan yang bahaya dan lain-lain. Memandangkan Malaysia komited untuk mempromosikan pekerjaan yang baik dan peningkatan ekonomi bawah Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), maka adalah mustahak bagi pihak berkepentingan memastikan pekerja migran menikmati perlindungan yang sama diberikan kepada pekerja Malaysia.

Pekerja migran menghadapi situasi pasport mereka dipegang oleh majikan, walaupun perbuatan itu merupakan satu kesalahan di bawah Akta Pasport 1966. Hal ini boleh menjuruskan kepada penyalahgunaan dan komplikasi kepada pekerja memandangkan menunjukkan dokumen yang sah adalah penting sekiranya terdapat pemeriksaan oleh pihak berkuasa. Dalam aduan yang diterima oleh SUHAKAM, amalan ini masih dilaksanakan oleh majikan kerana bimbang pekerja akan melarikan diri. SUHAKAM berpendapat bahawa amalan ini adalah tidak wajar dan bertentangan dengan hak dan semangat dalam Konvensyen Antarabangsa Pelindungan Hak Pekerja Migran dan Ahli Keluarga Mereka (ICRMW) yang menegakkan hak pekerja migran untuk meninggalkan mana-mana negara, memasuki dan kekal di negara asal mereka.

SUHAKAM turut memberikan perhatian terhadap pengumuman dan komen yang diberikan oleh Menteri Sumber Manusia yang baharu, termasuklah antara cadangan untuk memotong 20 peratus daripada gaji pekerja migran sebagai cara untuk menghalang mereka daripada melarikan diri¹⁹ dan memastikan mereka bekerja

¹⁹ The Star Online 16 Disember 2018, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/12/16/kula-proposes-20-deduction-of-foreign-workers-wages/>.

lebih lama dari tempoh masa yang dibenarkan dalam Akta Kerja²⁰. Pekerja migran ini berhadapan dengan masalah seperti bayaran perekrutan yang sangat mahal, kerja lebih masa yang lama, suasana tempat kerja yang tidak selamat, dan gaji rendah. Pekerja migran sentiasa menagih belas kasihan daripada majikan kerana kerentanan mereka sentiasa dipaksa bekerja dalam persekitaran kerja yang tidak kondusif kerana hutang mereka dengan agen perekrutan dan latar belakang yang miskin di negara asal. Adalah menjadi harapan SUHAKAM agar Kementerian Sumber Manusia (KSM) mengambil tindakan untuk melindungi pekerja migran dengan mengenal pasti masalah mereka. Sebarang dasar baharu mestilah hanya untuk memperkukuh perlindungan kepada mereka.

3. Komitmen Antarabangsa terhadap Pekerja Migran

Respon kepada syor yang dibuat oleh Negara-Negara kepada Malaysia di Penilaian Penggalan Sejagat Malaysia ketiga semasa Sesi ke-31 Kumpulan Kerja UPR pada 8 November 2018, kerajaan menyatakan bahawa satu inisiatif telah dilancarkan oleh kerajaan baharu bagi penubuhan satu sistem dalam talian untuk memohon pekerja asing tanpa membezakan negara asal dan penubuhan Jawatankuasa Bebas untuk menyemak semula mekanisme sedia ada berhubung pengendalian pekerja asing termasuklah proses perekrutan.

Kerajaan turut menyatakan bahawa mereka sedang bekerjasama secara aktif dengan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dalam beberapa projek bagi melindungi pekerja dengan lebih baik dan meningkatkan pematuhan kepada piawaian buruh antarabangsa. Dalam maklum balas terhadap syor yang diberikan untuk menyertai Konvensyen Antarabangsa Perlindungan Hak Pekerja Migran dan Ahli Keluarga Mereka, kerajaan menyatakan telah diadakan semakan teknikal antara pihak berkepentingan yang berkaitan. Selain itu, majikan, organisasi pekerja dan CSO akan dilibatkan sebagai sebahagian daripada proses konsultasi tiga pihak. SUHAKAM memuji komitmen kerajaan dalam hal ini.

Syor-syor

1. Kerajaan perlu membangunkan dan melaksanakan Pelan Tindakan Nasional mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR).
2. Kerajaan perlu menggalakkan sektor perniagaan untuk mengambil kira Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (UNGPs).

²⁰ Free Malaysia Today 18 Disember 2018, <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2018/12/18/activist-baffled-by-kulas-defence-of-top-glove-after-expose/>.

3. Melaksanakan pindaan dalam akta-akta kerja- Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) dan Akta Kerja 1955 bagi perlindungan yang lebih baik kepada para pekerja.
4. Menyertai Konvensyen Antarabangsa Perlindungan Hak Pekerja Migran dan Ahli Keluarga Mereka (ICRMW).
5. Meratifikasi Konvensyen ILO mengenai Pekerja Domestik (No. 189).

Harapan Masa Depan

Pekerja merupakan tulang belakang bagi kemajuan mana-mana negara. Mereka perlu dilindungi dan disediakan suasana kerja yang kondusif. SUHAKAM akan terus bekerjasama dengan KSM dan pihak berkepentingan lain bagi memastikan hak pekerja dipatuhi oleh semua pihak.

Orang Kurang Upaya

Perlindungan hak asasi manusia yang diberikan melalui undang-undang hak asasi manusia antarabangsa adalah untuk semua manusia tanpa perbezaan. Namun begitu, Orang Kurang Upaya (OKU) sering kali dipinggirkan dalam perbahasan tentang hak asasi manusia yang menyebabkan ramai daripada kalangan mereka tidak dapat menikmati hak asasi manusia secara menyeluruh. Secara umumnya, mereka berhadapan dengan diskriminasi dan halangan yang menyekat mereka daripada mengambil bahagian dalam masyarakat secara sama rata, sementara usaha untuk menangani kesejahteraan mereka kebanyakannya hanya secara amal.

Konvensyen PBB mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) adalah satu bentuk revolusi yang menandakan perubahan daripada pendekatan berdasarkan amal kepada pendekatan hak asasi manusia. Malaysia telah menyertai CRPD pada 6 Julai 2010, yang menggambarkan komitmennya di peringkat antarabangsa untuk memastikan OKU menikmati standard kesaksamaan yang sama, hak dan maruah seperti orang lain.²¹ Sebenarnya, usaha Malaysia untuk meningkatkan taraf OKU telah bermula lebih awal. Sebagai contoh, usaha untuk menjaga kebajikan OKU merupakan ciri tetap dalam pelan pembangunan lima tahun di Malaysia dan digariskan dalam

²¹ Populasi OKU yang tepat di Malaysia masih tidak pasti. Sehingga bulan Julai 2018, terdapat sejumlah 474579 OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Walau bagaimanapun, Jabatan menganggarkan bahawa bilangan sebenar adalah lebih tinggi dengan baki yang belum Berjaya didaftarkan. Dewan Negara, 29 Ogos 2018, Vol. 5, p.57; Nor Khalilah Gusti Hassan, "OKU bekerja dalam sector awam masih rendah", *Sinar Online* (Kuantan, 9 Julai 2018); Nor Khalilah Gusti Hassan, "OKU bekerja dalam sector awam masih rendah", *Sinar Online* (Kuantan, 9 Julai 2018)

Dasar Sosial Kebangsaan 1990. Tambahan lagi, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1946 untuk meneliti perihal pembangunan golongan rentan, termasuk OKU. Baru-baru ini, Malaysia telah menggubal Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) yang menyatakan tentang perlindungan meluas terhadap hak-hak golongan OKU, antara lainnya, termasuk akses kepada kemudahan awam, sekolah, pekerjaan, penjagaan kesihatan, serta mengambil bahagian dalam politik dan kehidupan awam. Akta ini juga memperuntukkan pembentukan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya. Antara tanggungjawabnya adalah untuk melaksanakan Dasar OKU Kebangsaan dan Pelan Tindakan OKU Kebangsaan. Dasar OKU Kebangsaan telah menetapkan secara khusus mengenai hak dan kebebasan OKU.

Walaupun begitu, daripada pelbagai konsultasi, lawatan, penyelidikan dan aduan yang diterima daripada OKU selama ini, SUHAKAM mendapati bahawa OKU di Malaysia kekal sebagai kumpulan kurang bernasib baik dengan sebahagian besar daripada mereka masih ketinggalan dalam aspek ekonomi, sosial, budaya, keagamaan, hak sivil dan politik kerana diskriminasi cara langsung dan/atau tidak langsung.

Pada tahun ini sahaja, SUHAKAM telah menerima lapan aduan yang melibatkan OKU yang menyatakan bahawa hak mereka sering kali diabaikan oleh kerajaan dan masyarakat. Kebanyakan mereka mengadu bahawa banyak bangunan, kemudahan dan perkhidmatan awam masih tidak mesra dengan keperluan mereka. Akibatnya, hak mereka untuk mengambil bahagian sepenuhnya dalam kehidupan ekonomi dan sosial, bahkan yang asas sekali pun seperti pergi ke hospital, sekolah, mencari pekerjaan dan menjalankan kerjajarian, dibatasi oleh diskriminasi cara tidak langsung. Salah seorang pengadu memaklumkan tentang kemudahan awam yang tidak mesra OKU di Kuala Kangsar, Perak, termasuk pejabat pos, bank, balai polis, bangunan kerajaan dan juga masjid. Di samping itu, penggunaan pengangkutan awam terutamanya bas merupakan sesuatu yang hampir mustahil untuk orang yang berkerusi roda.

Kekurangan kemudahan yang mesra OKU turut meliputi kemudahan di rumah ibadat. Semasa Seminar Kebangsaan mengenai Hak Asasi Manusia dan Islam yang dianjurkan bersama JAKIM pada 27 November di PWTC Kuala Lumpur, seorang peserta buta membangkitkan tentang kesukaran golongan OKU untuk mengamalkan agama mereka kerana kekurangan kemudahan yang bersesuaian dengan mereka di masjid. Beliau turut menyentuh tentang tanggungjawab untuk memastikan OKU dapat menikmati hak asasi mereka termasuk kebebasan beragama, adalah dituntut dalam Islam. Isu

yang sama juga turut dibangkitkan oleh peserta OKU semasa Seminar Masjid Mesra OKU (Seminar mengenai kemudahan masjid yang mesra OKU) pada 20 Oktober yang telah dianjurkan secara bersama oleh SUHAKAM dan pihak pengurusan Masjid Bandar Seri Putra dan OKU Berdaya Hulu Langat. Seminar ini merupakan salah satu aktiviti di bawah fokus SUHAKAM yang lebih meluas mengenai hak kebebasan beragama. Selain meningkatkan kesedaran, seminar ini juga bertujuan untuk menyediakan platform kepada pihak berkepentingan untuk membincangkan mengenai cabaran dan keperluan OKU berhubung dengan hak asasi mereka untuk beribadah serta menghasilkan satu resolusi bagi pelaksanaan polisi masjid mesra di seluruh negara. Seminar tersebut telah dirasmikan oleh Dr. Zaliha Mustafa, Setiausaha Politik kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan antara penceramah jemputan lain ialah Encik Francis John, Pesuruhjaya SUHAKAM, Encik Jamali Mohd. Adnan, Ketua Penolong Pengarah Kanan; Dr. Mohd. Pital Zainal, Timbalan Nazir Masjid Bandar Seri Putra; Datin Siti Muhibah Hj. Nor, Ahli OKU Berdaya Hulu Langat; dan Prof. Dr. Ruzita Mohd. Amin, Ketua Unit OKU di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Peserta seminar membangkitkan beberapa isu seperti yang berikut:

- i. Kesedaran masyarakat tentang kepentingan masjid dan tempat ibadat yang mesra orang kurang upaya masih sangat rendah. Ahli-ahli jawatankuasa masjid yang perlu diberikan maklumat dan latihan mengenai kepentingan dan menyelenggara masjid mesra OKU.
- ii. Sehingga kini, masih banyak masjid di Malaysia yang tidak mempunyai tanjakan dengan selusur, tempat letak kereta khas, laluan taktil, tandas OKU, juru bahasa bagi orang pekak ketika khutbah Jumaat, papan tanda braille untuk orang buta dan lain-lain lagi.
- iii. Kebanyakan masjid juga gagal untuk mematuhi Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1984, serta MS1184: *Universal Design and Accessibility in the Build Environment – Code of Practice (Second Version)*.
- iv. Satu daripada halangan dalam memastikan keperluan mesra OKU di masjid ialah implikasi kewangan yang tinggi untuk memperoleh dan menyelenggara kemudahan tersebut yang mungkin meliputi kemudahan mekanikal berteknologi tinggi seperti tempat wudhu; sedangkan pihak pengurusan masjid amat bergantung kepada sumbangan kewangan oleh jemaah dan masyarakat.
- v. Peserta seminar juga bersetuju bahawa Akta Orang Kurang Upaya 2008 perlu dipinda dengan memasukkan langkah penguatkuasaan undang-undang, sementara peruntukan CRPD perlu diintegrasikan ke dalam semua operasi dalaman organisasi.



Tempat wuduk SAHALA

Selain kemudahan dan perkhidmatan awam, banyak majikan di Malaysia gagal menyediakan kemudahan mesra OKU di tempat kerja. Kekurangan ini bukan sahaja berbahaya untuk pekerja OKU, tetapi merupakan kegagalan oleh majikan dalam menyediakan peluang kepada OKU untuk mempamerkan kebolehan terbaik dalam persekitaran yang bersesuaian dengan mereka.

Kemudahan kerajaan juga tidak terkecuali daripada masalah ini. Beberapa aduan yang diterima oleh SUHAKAM berkaitan dengan OKU di pusat tahanan yang tidak dapat menguruskan diri dan terpaksa meminta rakan-rakan tahanan di dalam sel untuk membantu rutin harian peribadi mereka. Mereka juga mendakwa tidak menerima penjagaan kesihatan dan rawatan perubatan yang mencukupi dan berkala.

SUHAKAM berpendapat bahawa Malaysia mempunyai undang-undang dan dasar yang mencukupi untuk membendung isu-isu yang dinyatakan daripada terus berlaku. Sebagai contoh, Seksyen 26 dan Seksyen 27 Akta Orang Kurang Upaya 2008 menjamin hak OKU untuk mengakses kemudahan, ameniti dan perkhidmatan awam. Tambahan lagi, Seksyen 34(A) Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UBBL 1984) yang boleh dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa tempatan, memperuntukkan keperluan kepada akses OKU di bangunan dan kemudahan. UBBL 1984 juga telah menetapkan syarat pembinaan bangunan dan kemudahan untuk mematuhi Standard Malaysia (MS) 1183 dan 1184 dalam menyediakan cara menyelamatkan diri bagi orang kurang upaya dan akses orang kurang upaya kepada bangunan awam. Walau bagaimanapun, kurang peruntukan undang-undang untuk penguatkuasaan.

Sebagai contoh, meski pun Akta Orang Kurang Upaya 2008 menyenaraikan hak dan kebebasan OKU secara meluas, namun dalam akta itu tidak mempunyai peruntukan kepada penalti dan remedi bagi sebarang pelanggaran serta pengabaian. Justeru, sebarang kelewatan dalam pelaksanaan peruntukan melibatkan hak OKU mungkin tidak mempunyai kesan dari sudut undang-undang. Selain itu, pihak berkuasa tempatan harus memperhebat pemeriksaan bangunan dan kemudahan awam lama bagi memastikan pengubahsuaian dilakukan supaya memenuhi keperluan untuk OKU seperti yang termaktub dalam Undang-undang Kecil.

SUHAKAM akan terus berusaha bagi memastikan penglibatan golongan OKU dalam kehidupan awam dengan bekerjasama rapat dengan agensi berkaitan dan organisasi berasaskan komuniti demi memastikan undang-undang diterjemahkan menjadi amalan di Malaysia melalui penguatkuasaan dan pemantauan. SUHAKAM sedang bekerjasama dengan ahli panel Seminar Masjid Mesra OKU untuk menyiapkan resolusi yang akan dikemukakan kepada KPWK dalam mendapatkan komitmen mereka, khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk mengambil langkah-langkah bagi memastikan kesejahteraan OKU dipertingkatkan. Antara langkah-langkah ini termasuklah bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk mewujudkan persekitaran yang membolehkan kemakmuran OKU. Selain itu, SUHAKAM bercadang untuk memperluaskan penglibatannya dengan pertubuhan agama lain dalam mempromosi rumah ibadat mesra OKU.

Harapan Masa Depan

Masalah yang dihadapi oleh OKU terus berlaku kerana mereka sentiasa dipinggirkan, pada dasarnya disebabkan oleh kegagalan pihak berkuasa untuk menguatkuasakan konvensyen, undang-undang dan undang-undang kecil sedia ada yang bertujuan untuk memperkasakan dan memastikan peluang untuk golongan OKU mengambil bahagian dalam kehidupan awam dan sedar akan hak mereka kepada perkembangan diri dan kebebasan. SUHAKAM akan terus bekerjasama dengan golongan OKU dan organisasi mereka bagi mengenal pasti dan mengutarakan isu-isu semasa yang timbul dengan matlamat untuk mencari jalan penyelesaian serta penggubalan undang-undang dan penguatkuasaan secara sistemik.

Pada masa hadapan, SUHAKAM akan bekerjasama dengan pihak pengurusan rumah-rumah ibadat yang lain bagi memastikan penyediaan akses fizikal kepada OKU. SUHAKAM juga akan menyiapkan dan menghantar cadangan resolusi berkenaan rumah ibadat mesra OKU untuk dipertimbangkan dan diterima pakai oleh KPWK. Tambahan lagi, SUHAKAM akan mendapatkan maklum balas daripada KPWK dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tentang pelaksanaan syor-syor dalam Laporan SUHAKAM 2015 berkenaan Hak kepada Pendidikan untuk Kanak-Kanak dengan Masalah Pembelajaran – Memfokuskan kepada Pendidikan Sekolah Rendah.

Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender (LGBT)

Latar Belakang

Di Malaysia, komuniti lesbian, gay, bisexual dan transgender (LGBT) sering kali dianggap sebagai tabu. Pematuhan kepada pengelasan dua jantina secara tradisi menyebabkan diskriminasi terhadap komuniti LGBT dan pelanggaran hak asasi mereka. Mereka tidak diterima dalam arus perdana di Malaysia, kehidupan mereka menjadi mencabar, dan oleh itu, adalah wajar untuk mereka dikelaskan sebagai golongan rentan.

SUHAKAM mengulangi bahawa semua individu, tanpa mengira orientasi seksual atau identiti gender, mereka mempunyai hak asas yang sama sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

1. Isu-isu

Meskipun dengan pertukaran kerajaan di Malaysia, komuniti LGBT masih berterusan menjadi sasaran kerajaan dan masyarakat umum. Antara kes yang menarik perhatian umum termasuklah peletakan jawatan oleh Numan Afifi yang merupakan aktivis daripada komuniti LGBT. Pelantikan beliau sebagai pegawai akhbar kepada Kementerian Belia dan Sukan telah menyebabkan beliau menerima kecaman yang teruk. Numan telah menganjurkan acara berbuka puasa Hari Kebangsaan pada tahun 2017. Pengkritik menegaskan bahawa adalah tidak wajar untuk "pejuang LGBT" menjadi seorang kakitangan kerajaan. Kedua, hukuman sebat yang dikenakan oleh Mahkamah Tinggi Syariah kepada dua orang wanita yang mengaku bersalah

untuk cuba melakukan hubungan seks sejenis. Kes ini telah menarik perhatian media antarabangsa dan sebilangan komuniti antarabangsa mengutuk hukuman sebat dengan menggelarkannya sebagai memalukan dan merendahkan maruah. Selepas itu, seorang wanita transgender telah diserang dengan kejam sambil disaksikan oleh tujuh orang lain di Seremban. Serangan itu telah menyebabkan wanita itu mengalami patah tulang rusuk, patah tulang belakang dan limpanya pecah. Melalui siasatan pihak polis, penyerang itu dengan mudah menyatakan bahawa mereka tidak menyukai golongan transgender dan rasa ingin menyerang individu terbabit. Satu lagi perkara yang memberikan tekanan kepada komuniti LGBT adalah apabila pengarah Festival George Town memberitahu bahawa beliau telah diarahkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama), YB Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa untuk menurunkan beberapa potret. YB Datuk Seri Dr. Mujahid menyatakan bahawa tindakan mempromosikan budaya LGBT tidak akan disokong di Malaysia. Pameran itu menampilkan siri potret beberapa rakyat Malaysia yang bergambar dengan Jalur Gemilang yang telah diambil pada tahun lepas sempena memperingati 60 tahun kemerdekaan Malaysia.

2. Impak Komuniti

SUHAKAM telah bekerjasama dengan komuniti transgender dan telah menjalankan kajian dengan bantuan *Justice for Sisters* dalam menangani diskriminasi yang dihadapi oleh komuniti LGBT. Kajian tersebut meneliti diskriminasi terhadap transgender di Kuala Lumpur dan Selangor berkaitan hak mereka untuk pekerjaan, penjagaan kesihatan, Pendidikan, perumahan dan maruah diri.

3. Kumpulan Sasar

SUHAKAM mengenal pasti pihak berkepentingan yang berkaitan daripada Kementerian Kesihatan, Jabatan Penjara dan Pejabat Perdana Menteri. Orang awam juga merupakan kumpulan sasaran yang utama untuk membasmi stigma dan diskriminasi.

4. Aduan

Dalam tempoh ini bulan Jun 2010 hingga 2 Mac 2017, SUHAKAM menerima empat aduan tentang diskriminasi yang berkait dengan LGBT, ucapan kebencian dan cabaran dengan sistem keadilan jenayah. Pada tahun ini, SUHAKAM menerima aduan daripada wanita transgender berkenaan dengan diskriminasi di tempat kerja beliau.

5. Situasi Undang-undang

Sistem dwiperundangan yang terdiri daripada undang-undang jenayah Persekutuan dan undang-undang Syariah merumitkan dan pada masa yang sama mendiskriminasikan komuniti LGBT. Piawaian antarabangsa adalah jelas apabila merujuk kepada hak untuk

tidak didiskriminasi sebagaimana yang telah dinyatakan dalam prinsip teras UDHR. Perlembagaan Malaysia menjamin kesaksamaan dan kebebasan asasi individu, walau bagaimanapun, jantina masih lagi ditakrifkan sebagai binari dan tidak dilihat dengan lebih meluas. Kanun Keseksaan masih menjadikan seks oral dan liwat antara orang dewasa dengan persetujuan sebagai jenayah yang merupakan peruntukan semasa zaman penjajahan lagi. Bagi transgender yang beragama Islam, undang-undang Syariah melarang sekeras-kerasnya untuk mengekspresikan transgender.

6. Amalan Terbaik/ Norma Antarabangsa

Terdapat banyak instrumen antarabangsa yang mewujudkan kewajipan kepada negara untuk mencegah keganasan dan diskriminasi yang berdasarkan kepada identiti gender dan orientasi seksual. Undang-undang hak asasi manusia antarabangsa seperti UDHR, ICCPR dan ICESCR dengan jelas menyatakan bahawa tiada diskriminasi dan perlindungan kepada hak individu meliputi semua manusia. Oleh yang demikian, prinsip tanpa diskriminasi adalah meliputi semua undang-undang hak asasi manusia antarabangsa yang utama. Prinsip ini juga dipanjangkan kepada mekanisma hak asasi manusia yang lain seperti Majlis Hak Asasi Manusia dan Prosedur Khasnya.

Usaha SUHAKAM

Pada tahun 2016, SUHAKAM memulakan kajian untuk mengenal pasti bentuk diskriminasi yang telah dialami terutamanya oleh golongan transgender yang berada di Kuala Lumpur dan Selangor dan untuk memahami bagaimana hak asasi mereka telah dilanggar. Objektif utama kajian ini adalah untuk membantu SUHAKAM bagi mengenal pasti langkah-langkah yang strategik memastikan hak asasi golongan transgender dihormati.

Hasil Dapatan

Kajian terhadap golongan transgender membincangkan tentang identiti gender yang kemudiannya merentasi ekspresi gender dan orientasi seksual. Melalui kajian ini, SUHAKAM bercadang untuk membongkar diskriminasi yang dihadapi oleh komuniti ini berkaitan dengan hak mereka untuk pendidikan, pekerjaan, perumahan dan penjagaan kesihatan.

Kajian ini menunjukkan bahawa semua responden transgender bersetuju bahawa pada satu peringkat dalam kehidupan mereka, mereka berhadapan dengan beberapa bentuk diskriminasi semata-mata kerana identiti dan ekspresi gender mereka. Di samping itu, mereka juga mengalami gangguan, penderaan dan keganasan oleh pihak berkuasa, agen bukan kerajaan dan juga orang awam.

Ada pihak yang menyatakan bahawa mereka merupakan mangsa buli di sekolah dan di institusi pendidikan tinggi oleh rakan sebaya, guru dan pensyarah. Sebagai orang dewasa, mereka didiskriminasikan lagi dengan pelbagai dasar di tempat kerja dan menghadapi gangguan di tempat kerja. Terdapat juga bukti yang golongan transgender tidak hanya menghadapi cabaran untuk membolehkan identiti mereka diiktiraf, tetapi juga dalam akses kepada perkhidmatan awam yang asas seperti penjagaan kesihatan dan pendidikan. Pengabaian terhadap sensitiviti yang berkaitan dengan identiti mereka menyebabkan institusi awam menjadi tidak mesra kepada komuniti ini. Malahan, mengisi borang juga boleh menjadi pengalaman buruk bagi seorang transgender.

Syor-syor

Berdasarkan kajian tersebut, SUHAKAM mengesyorkan supaya perlindungan dan promosi hak golongan transgender disesuaikan dengan piawaian dan norma hak asasi manusia antarabangsa melalui:

1. Kesedaran dan Pendidikan

Kurangnya pendidikan dan/atau kesedaran dan pemahaman terdapat isu orientasi seksual dan identiti gender dan juga hak asasi manusia boleh menyebabkan sikap berat sebelah dan prejudis daripada umur yang muda, yang mana menyokong amalan diskriminasi dan keganasan terhadap orang yang berlainan orientasi seksual dan identiti gender termasuklah transgender. SUHAKAM menekankan betapa pentingnya untuk mengintegrasikan isu hak asasi manusia ke dalam kurikulum di semua peringkat pengajian bermula dengan peringkat sekolah rendah. Pendidikan hak asasi manusia akan menanam pemahaman terhadap hak semua orang. Kaedah ini merupakan pendekatan yang penting untuk menangani kes buli di sekolah dan di semua peringkat dalam sistem pendidikan.

2. Dialog dan Wacana yang Berterusan

Sementara mengakui akan kerumitan dan sensitiviti berhubung isu ini di Malaysia, SUHAKAM menggariskan bahawa Malaysia dibina berasaskan maruah diri dan hormat-menghormati antara satu sama lain. Dalam hal ini, dialog dan perbincangan dengan pelbagai pihak berkepentingan yang berterusan melibatkan pihak kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil, media, perniagaan dan badan profesional lain adalah perlu bukan sahaja untuk menerangkan amalan diskriminasi yang dialami oleh transgender, tetapi juga sebagai satu platform penyelesaian apabila langkah-langkah untuk menangani isu ini dikenal pasti dan diterima pakai.

3. Rangka Kerja Undang-undang dan Dasar terhadap Diskriminasi

Diskriminasi terhadap golongan transgender dalam pendidikan, kesihatan, pekerjaan dan perumahan adalah lazim dan meluas. Undang-undang dan/atau dasar tentang kesaksamaan dan tidak mendiskriminasi yang menyeluruh diperlukan untuk menyediakan perlindungan undang-undang daripada amalan diskriminasi kepada semua orang termasuklah golongan LGBT. Kerangka undang-undang seperti itu akan memastikan bahawa tiada orang yang akan dilayan seperti warganegara kelas kedua oleh masyarakat.

4. Proses Keadilan Jenayah


Semua orang termasuk transgender perlu dilayan dengan sama rata di sisi undang-undang. Prinsip ini seharusnya tidak dihadkan kepada akses pada keadilan tetapi juga layanan yang diterima semasa proses keadilan jenayah. Kajian mendapati bahawa transgender adalah terdedah kepada keganasan dan penderaan dalam sistem keadilan jenayah. Kerajaan perlu mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) yang mengurangkan penangkapan sewenang-wenangnya serta memberhentikan dan mempersoalkan golongan LGBT. Latihan perlu diadakan kepada agensi penguat kuasa untuk mengelakkan amalan stereotaip, pemprofilan dan penyalahgunaan.

5. Membina Kapasiti dan Latihan

Kebiasaannya, diskriminasi berlaku secara tidak sengaja. Panggilan nama atau ucapan menghina mungkin tidak bermaksud untuk menakutkan golongan LGBT atau membuatkan mereka merasa ditindas. Latihan merupakan kunci untuk menangani kelakuan yang tidak profesional, mendera, buli dan sebarang tindakan negatif yang lain terhadap golongan LGBT. Latihan akan meningkatkan kefahaman dan empati. Sebagai contoh, aktiviti yang mengkaji stereotaip umum memberikan kesedaran berhubung salah faham tentang komuniti LGBT dan bagaimana pernyataan yang tidak betul boleh merosakkan suasana pekerjaan dan pembelajaran.

Harapan Masa Depan

Bergerak ke hadapan, SUHAKAM akan terus menyokong agensi kerajaan yang berkaitan termasuklah pihak berkuasa agama dalam dapatan kajian tersebut. SUHAKAM mengulangi bahawa setiap individu tanpa mengira orientasi seksual atau identiti gender mereka mempunyai hak asasi yang sama seperti mana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan seharusnya menikmati hak asasi manusia sepenuhnya.



BAB 3

Jaminan Prestasi dan Piawaian Hak Asasi Manusia

Demokrasi, Tadbir Urus yang Baik dan Hak Asasi

1. Pilihan Raya

Beberapa kumpulan hak asasi seperti BERSIH 2.0, Badan Peguam Malaysia, G25 dan parti-parti politik telah mengadakan perjumpaan dengan SUHAKAM untuk meluahkan kekesalan mereka terhadap penyelewengan yang berlaku dalam pilihan raya yang lepas. Kumpulan-kumpulan ini juga membuat aduan tentang pelanggaran peraturan dalam musim pilihan raya yang lepas serta kecacatan pelaksanaan dasar, undang-undang, dan tatacara Suruhanjaya Pilihan Raya yang dilihat berat sebelah.

Di bawah Artikel 21(3) Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan Artikel 25(b) Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR), seseorang individu berhak untuk mengundi dengan bebas, atau berhak menjadi calon pilihan raya dan bertanding secara adil dalam pilihan raya.

Oleh sebab isu yang dibawa adalah berkenaan diskriminasi terhadap hak asasi kemanusiaan, SUHAKAM telah mengambil tindakan dengan memantau proses pilihan raya. Perkara ini adalah untuk memastikan hak-hak pengundi dilindungi. Sebelum aktiviti pemantauan dijalankan, pihak SUHAKAM telah beberapa kali memohon untuk berjumpa dengan pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebelum berlangsungnya Pilihan Raya umum ke-14. Perjumpaan tersebut dibuat untuk membincangkan isu-isu hak asasi yang dibawa kepada SUHAKAM. Walau bagaimanapun, SPR tidak memberi sebarang maklum balas kepada permohonan SUHAKAM.

Disebabkan itu, SUHAKAM telah mengambil keputusan sendiri untuk membuat pemantauan sepanjang Pilihan Raya Umum ke-14 berlangsung. SUHAKAM juga sedia maklum bahawa SPR telah mengundang pemerhati luar dari 14 buah negara yang terdiri daripada negara-negara ASEAN, Komanwel, rantau Asia, dan benua Eropah. Menurut pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya, selain pemerhati luar yang diundang, pihak SPR tidak akan melantik mana-mana pihak untuk menjadi pemerhati. Oleh sebab itu, SUHAKAM telah mengambil keputusan untuk memohon kebenaran daripada SPR untuk menjadi pemerhati bebas sewaktu proses pilihan raya berlangsung.

Walau bagaimanapun, permohonan SUHAKAM telah ditolak. SUHAKAM seterusnya mengambil tindakan untuk menjadi pemerhati luar menerusi mandat yang termaktub dalam Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999.

Pilihan Raya Umum ke-14 telah merekod sejarah apabila buat pertama kali, Malaysia telah mengalami perubahan tampuk pentadbiran kerajaan. Selepas berakhirnya pilihan raya tersebut, SPR telah menjemput beberapa organisasi termasuk SUHAKAM untuk menjadi pemerhati bebas bagi Pilihan Raya Kecil Sungai Kandis. Pilihan raya tersebut diadakan disebabkan wakil rakyat parti PKR kawasan tersebut iaitu Mat Shuhaimi Shafiei telah meninggal dunia akibat kanser limfoma pada 2 Julai 2018²².

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan sewaktu berlangsungnya proses Pilihan Raya Kecil Sungai Kandis, SUHAKAM telah merekodkan beberapa isu pencabulan hak asasi. Aduan-aduan tersebut adalah seperti yang berikut:

i. Beli undi

Sewaktu proses pilihan raya berlangsung, didapati parti politik daripada pihak kerajaan dan pembangkang telah mengadakan program-program bersama pengundi untuk memberikan ganjaran. Program-program seperti sesi makan tengah hari atau makan malam bersama parti politik diadakan untuk menarik undi pada masa pilihan raya.

ii. Barisan menunggu yang panjang

Pilihan Raya Umum ke-14 telah mencatatkan jumlah kehadiran pengundi yang ramai, iaitu sebanyak 82.32 peratus. Perkara ini telah menyebabkan barisan menunggu giliran yang panjang sewaktu pilihan raya. Hal ini dirumitkan lagi dengan kawasan pusat mengundi seperti dewan masyarakat yang kecil yang tidak mampu menampung kehadiran pengundi yang ramai. Selain itu, keadaan pusat mengundi dan saluran mengundi yang terhad turut menyumbang kepada kesesakan barisan menunggu giliran membuang undi.

22 <http://www.thestar.com.my/news/nation/2018/08/04/sungai-kandis-byelection-voter-turnout-only-31-as-at-1pm/#zBfv1YmxAOsuxiiX.99>

iii. Kekurangan persediaan dan penyelarasan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya

SUHAKAM mendapati berlakunya beberapa masalah sewaktu proses pilihan raya berlangsung yang menyebabkan ketidakpuasan hati para pengundi.

iv. Kebolehcapaian ke pusat mengundi

Pemerhati SUHAKAM mendapati beberapa pusat mengundi tidak bercirikan mesra pengundi OKU. Selain itu, kebanyakan pusat mengundi ini juga tidak menitik beratkan keselesaan dan keselamatan kumpulan pengundi lain seperti golongan warga tua.

v. Ketidakteraturan pilihan raya

Persempadanan semula bahagian pilihan raya untuk kerusi parlimen dan negeri di Semenanjung Malaysia dan negeri Sabah telah menyebabkan timbul ketidakpuasan hati dan ditentang oleh parti-parti politik yang bertanding. Perkara ini juga mendapat tentangan daripada organisasi Bersih 2.0. Proses persempadanan semula ini didakwa dilakukan untuk memihak parti pemerintah di samping memisahkan pengundi mengikut etnik.

vi. Kebebasan media

SUHAKAM turut mendapati terdapat laporan media berat sebelah yang lebih memihak parti kerajaan yang memerintah sepanjang berlangsungnya pilihan raya, khususnya oleh media arus perdana. Menurut pengamal media, kerajaan pemerintah berkuasa terhadap media dan mereka terpaksa melaporkan lebih banyak berita mengenai Barisan Nasional.

vii. Kebenaran menjadi pemerhati bebas

Keyakinan terhadap proses pilihan raya bermaksud mana-mana organisasi bebas untuk memohon menjalankan kegiatan pemantauan tanpa sebarang masalah. Walau bagaimanapun, SUHAKAM tidak mendapat kebenaran untuk menjadi pemerhati bebas sewaktu Pilihan Raya Umum ke-14 berlangsung. Sebaliknya, SPR memberi kebenaran kepada organisasi lain dari dalam dan luar negara untuk menjadi pemerhati bebas pilihan raya. Maklumat mengenai kumpulan-kumpulan ini walau bagaimanapun tidak didedahkan kepada orang awam.

viii. Pembiayaan politik

Sepanjang pilihan raya berlangsung, terdapat banyak aktiviti kempen yang dijalankan oleh parti-parti politik. Banyak bendera lambang parti politik telah dikibarkan di sepanjang jalan raya, di samping kegiatan kempen menerusi surat khabar dan pancaran LCD di tempat terbuka. Kesemua gerakan promosi politik ini dijalankan dengan giat dalam masa sebulan sebelum pilihan raya. Namun demikian, tidak jelas dari mana datangnya sumber pembiayaan untuk aktiviti kempen parti/calon politik tersebut.

Pilihan Raya Kecil Sungai Kandis

Pilihan Raya Kecil Sungai Kandis merupakan pilihan raya pertama diadakan selepas berakhirnya PRU-14. SPR telah menjemput SUHAKAM untuk menjadi pemerhati bebas pilihan raya tersebut. Hal ini menjadi satu titik perubahan ketara memandangkan SPR pernah menolak permohonan SUHAKAM untuk menjadi pemerhati bebas sewaktu PRU-14. Selain SUHAKAM, SPR turut menjemput lima organisasi masyarakat madani²³ termasuk BERSIH 2.0. Perkara ini melambangkan reformasi dalam sistem pilihan raya pasca PRU-14. Kesemua pemerhati bebas ini telah bekerjasama menjalankan aktiviti yang berikut:

- i. Penamaan calon
- ii. Kempen pilihan raya
- iii. Pengeluaran kertas undi pos
- iv. Memeriksa kandungan kotak undi
- v. Pengundian
- vi. Pengiraan undi
- vii. Membuka sampul dan mengira undi pos
- viii. Mengenal pasti jumlah undian rasmi / mengisytiharkan keputusan undi

SUHAKAM mendapati bahawa SPR kini bersikap lebih terbuka untuk cadangan dan penambahbaikan. SPR juga kini dilihat lebih proaktif dan membuat beberapa penambahbaikan terhadap sistem pilihan raya terutamanya isu-isu yang berlaku dalam PRU-14. Berikut adalah antara penambahbaikan yang dilakukan SPR:

- i. Masa mengundi dilanjutkan kepada 30 minit
- ii. Bilangan saluran mengundi ditambah
- iii. Membuka saluran mengundi tambahan di pusat-pusat mengundi yang kecil bagi mengelak kesesakan dan barisan panjang
- iv. Menyediakan perkhidmatan kenderaan angkut untuk pengundi
- v. Melantik pegawai iringan SPR kepada pemerhati bebas untuk memudahkan penyampaian maklumat

2. Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya

SUHAKAM memuji tindakan kerajaan membentuk Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya. Jawatankuasa ini berfungsi sebagai sebuah gerakan khas yang memantau undang-undang dan sistem pilihan raya di Malaysia²⁴.

23 Bersih dan Adil Network Sdn Bhd(BERSIH 2.0), Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM), Persatuan Orang Kota Bharu (POKB), Kelab Pemikir Politik Nasional (KPPN) dan ENGAGE.

24 <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/08/16/government-sets-up-electoral-reform-committee/#jtoaBUYbSuYEsTh.99>

Jawantankuasa ini diberi tempoh dua tahun untuk memantau proses pengundian dan menghantar laporan cadangan penambahbaikan kepada kerajaan. Jawantankuasa ini juga perlu merujuk pihak berkepentingan termasuklah parti-parti politik, ahli-ahli politik, badan-badan bukan kerajaan, pengundi dan lain-lain. Selain itu, jawantankuasa ini turut dilaporkan akan mengkaji semula sistem dan amalan terbaik di negara-negara demokratik lain yang telah mencapai standard yang sesuai dan mempunyai sistem pengurusan pilihan raya berdasarkan prinsip-prinsip demokratik yang diterima oleh semua pihak sebagai “bebas, adil, dan telus”.

CADANGAN

Membeli Undi (Politik Wang)

- i. Pelaksanaan tegas Seksyen 8 (Penjamuan) dan Seksyen 10 (Rasuah) di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.
- ii. Melarang kerajaan daripada memberi apa-apa kontrak, mengumumkan apa-apa bentuk ganjaran, dan memberi bantuan kepada pengundi dalam tempoh pilihan raya (dari hari pembubaran parlimen dan Dewan Undangan Negeri).
- iii. Mengharamkan amalan pembelian runcit dan bentuk hadiah lain seperti hamper, kupon tunai, cabutan bertuah semasa tempoh pilihan raya.
- iv. Kerajaan sementara tidak boleh menjanjikan apa-apa bentuk belanjawan jika mereka menang dalam pilihan raya. Tindakan ini dianggap sebagai rasuah.

Barisan Panjang

- i. Menilai semula kapasiti pusat mengundi sedia ada sekiranya dapat menampung jumlah pengundi yang semakin meningkat.
- ii. Penggunaan balai raya sebagai pusat mengundi dilihat tidak lagi bersesuaian disebabkan keadaannya yang terlalu kecil dan kedudukannya yang tidak dapat diakses di kawasan-kawasan tertentu akibat daripada kesesakan lalu lintas.
- iii. SPR perlu memastikan terdapat kemudahan yang mencukupi seperti bangku, tempat berteduh, dan minuman untuk golongan pengundi warga emas.
- iv. Membuka lebih banyak tempat mengundi untuk memenuhi keperluan bilangan pengundi yang semakin meningkat.
- v. Pegawai-pegawai SPR hendaklah dalam keadaan terlatih dan bersedia untuk melicinkan lagi proses pilihan raya.

Kekurangan persediaan dan penyelarasan oleh SPR

- i. SPR hendaklah melatih pegawai-pegawai lantikan mereka agar proses pilihan raya dapat dikendalikan dengan cekap dan baik.

- ii. SPR juga perlu memastikan keseragaman dalam pelaksanaan peraturannya dan memastikan pegawai-pegawai mereka diberikan taklimat sewajarnya untuk mengelak salah laku sewaktu proses pilihan raya.
- iii. Ejen Mengira Undi dipastikan perlu berada di tempat mengundi 30 minit sebelum proses pengundian bermula. Peraturan ini adalah untuk memastikan mereka dapat memerhati penyediaan kotak-kotak undi dan menjamin bahawa tidak ada isi kandungan dalam kotak-kotak tersebut sebelum bermulanya pengundian.

Kebolehcapaian ke Pusat Pengundian

- i. Semua pusat mengundi hendaklah senang diakses dan bercirikan mesra OKU.
- ii. Saluran Pertama dan Saluran Kedua hendaklah dibuka untuk golongan kurang upaya dan ditempatkan di tingkat bawah.
- iii. SPR perlu bekerjasama dengan pusat-pusat kesihatan bagi memastikan terdapat kerusi roda yang mencukupi sepanjang sesi pilihan raya.

Ketidaksetaraan Pilihan Raya

- i. Orang awam perlu diberikan taklimat ringkas sebelum sesi membuang undi.
- ii. Senarai pemilih perlu sentiasa dikemaskini oleh pihak yang bertanggungjawab.
- iii. Membenarkan umur 21 tahun sebagai syarat had umur mengundi.
- iv. Pegawai-pegawai SPR perlu sentiasa berada dalam keadaan berkecuali dan menjalankan tugas mereka dengan amanah tanpa menyebelahi mana-mana pihak.
- v. Borang Penyata (Borang 14) hendaklah ditandatangani oleh Ketua Tempat Mengundi dan salinan borang tersebut hendaklah diserahkan kepada Ejen Pengira Undi untuk menjamin ketelusan.
- vi. Tindakan keras perlu dikenakan kepada calon pilihan raya dan ketua jabatan sekiranya bangunan kerajaan digunakan untuk tujuan menjalankan kempen politik.

Kebebasan Media

- i. Kerajaan hendaklah menjamin kebebasan media daripada terikat dengan mana-mana pihak.
- ii. Pengamal media melaporkan berita sahih dan tidak menyebelahi mana-mana pihak.
- iii. Media arus perdana (siaran/cetakan) hendaklah dibenarkan untuk melaporkan berita tanpa dipengaruhi oleh mana-mana kuasa. Mereka juga perlu telus melaporkan keadaan sebenar dan tidak hanya menumpukan kepada kerajaan semasa.
- iv. Majlis Media Kebangsaan perlu melaksanakan dan mengendalikan amalan-amalan ini.

Akses kepada Pemerhati Bebas

- i. SPR perlu bersikap terbuka dalam menerima permohonan organisasi yang berminat untuk menjadi pemerhati bebas.
- ii. Maklumat pemerhati bebas hendaklah didedahkan kepada umum.
- iii. Membenarkan golongan ini untuk memantau pilihan raya tanpa sebarang sekatan.

Pembiayaan Politik

- i. Semua bentuk pembiayaan perlu diumumkan.
- ii. Perlunya diwujudkan undang-undang tertentu untuk mengendali pembiayaan politik.

3. Pelancaran Laporan mengenai Demokrasi di Rantau Asia Tenggara

Pada 23 April 2018, SUHAKAM dan Yayasan Kofi Annan (*Kofi Annan Foundation*) telah melancarkan laporan persidangan mengenai Demokrasi di Rantau Asia Tenggara: Pencapaian, Cabaran dan Prospek (*Democracy in Southeast Asia: Achievements, Challenges and Prospects*). Majlis pelancaran tersebut turut mengundang Alan Doss, presiden Yayasan Kofi Annan dan Damaso Magbual yang mewakili National Citizens' Movement for Free Elections (NAMFREL).

Laporan tersebut diterbitkan menerusi persidangan yang diadakan pada 2-3 September 2017 di Kuala Lumpur. Persidangan tersebut dianjurkan oleh SUHAKAM dengan kerjasama Yayasan Kofi Annan dan disokong sepenuhnya oleh kerajaan lepas. Persidangan tersebut telah membawa barisan pemimpin, kakitangan dan perwakilan daripada negara-negara diplomatik, ahli sarjana dan juga aktivis-aktivis dari seluruh rantau untuk bersama-sama membincangkan integriti pilihan raya dan menyumbang kepada penilaian aspek demokrasi di negara-negara rantau Asia Tenggara. Selain itu, pendekatan pengukuhan demokrasi dan integriti pilihan raya turut diketengahkan dalam laporan tersebut.

Dalam laporan tersebut, beberapa kesimpulan telah dicapai berkenaan dengan isu-isu kritikal yang dihadapi:

- i. Anjakan paradigm adalah perlu untuk menepis persepsi bahawa berlakunya pertukaran antara demokrasi dan pembangunan.
- ii. Kuasa undang-undang perlu diteguhkan semula untuk menghentikan pencabulan terhadap politik dan mengembalikan kepercayaan terhadapnya. Hal ini termasuk memperkasakan badan kehakiman dan agensi penguatkuasaan undang-undang dalam negara-negara di rantau Asia Tenggara.
- iii. Badan Pengurusan Pilihan Raya perlu tegas dalam mempertahankan kebebasan organisasi mereka untuk menjamin kelancaran proses pilihan raya dan integritinya.

- iv. Isu pembiayaan politik boleh ditangani menerusi pembentukan satu dasar rangka kerja yang kukuh dan dilaksanakan dengan tegas oleh barisan kepimpinan.
- v. Kesemua pemimpin perlu mengasingkan elemen politik daripada identiti untuk menjaga pluralisme dan kepelbagaian yang terdapat di rantau Asia Tenggara. Hal ini penting untuk menjamin keamanan, kestabilan dan keadilan serantau.
- vi. Halangan yang menafikan keupayaan rakyat untuk terlibat dalam proses politik dan pembinaan dasar hendaklah dirungkaikan bagi menjamin hak-hak berpolitik.

Cadangan Penambahbaikan

- i. Prinsip-prinsip demokrasi hendaklah menjadi nadi kepada pembangunan agenda dan menjadi sumber inspirasi terhadap pembentukan masa depan.
- ii. Pemerkasaan peranan institusi undang-undang adalah perlu untuk menyediakan persekitaran politik yang demokratik. Di samping itu, pegawai penguatkuasa mestilah amanah dalam melaksanakan peranan mereka untuk berkhidmat dan melindungi rakyat. Badan kehakiman juga perlu tegas dalam pengasingan kuasanya dan melaksanakan undang-undang tanpa terikat dengan mana-mana pihak.
- iii. Badan kehakiman dan badan pengurusan pilihan raya mestilah menegakkan hak rakyat untuk berpolitik dan menjamin pilihan raya dikendalikan secara adil dan telus. Rakyat harus menuntut hak berpolitik dan memegang teguh hak tersebut.
- iv. Pembiayaan politik hendaklah diselia dan dipantau oleh organisasi bebas, seperti mengawal selia sebarang pembiayaan berbentuk sumbangan dan belanjawan. Selain itu, pembiayaan untuk tujuan kempen politik juga perlu diaudit di samping melaporkan sebarang bentuk penerimaan sumbangan dan belanjawan secara telus. Sebarang bentuk pecah amanah hendaklah dilaporkan dan disiasat secara menyeluruh.
- v. Pluralisme, kemasukan dan kepelbagaian perlulah dilindungi di bawah undang-undang. Pemimpin politik hendaklah mempertahankan hak kepada semua kumpulan identiti. Pemimpin juga perlu bersuara mempertahankan kumpulan tersebut apabila dicabuli. Mana-mana institusi mahu pun individu yang melanggar undang-undang perlu dikenakan tindakan tegas.
- vi. Menjelaskan halangan penyertaan kepada orang awam, khususnya golongan minoriti dan yang terpinggir. Seterusnya, menggalakkan lebih banyak penglibatan aktiviti awam.

Daripada kesimpulan-kesimpulan laporan tersebut, dapat dilihat bahawa banyak penambahbaikan yang perlu dilakukan dalam negara-negara rantau Asia Tenggara. Faktor-faktor seperti keadaan ekonomi yang tidak menentu, jurang dalam kerajaan, perubahan pendekatan kepada autoritarianisme dan populis, di samping politik perkauman menghalang usaha penambahbaikan berlaku dalam arena politik Asia Tenggara.

Sewaktu majlis pelancaran berlangsung, Alan telah mengetengahkan beberapa pendekatan yang boleh diambil untuk melaksanakan integriti pilihan raya:

- Mewujudkan jawatankuasa pilihan raya yang profesional dan bebas;
- Membangunkan norma dan amalan-amalan yang mewujudkan persekitaran persaingan kepelbagaian parti;
- Mengalihkan semua halangan untuk mendapatkan penyertaan menyeluruh dalam arena politik.
- Mengawal selia pembiayaan politik secara telus.
- Damaso juga menyatakan bahawa pentingnya untuk mewujudkan satu akta pembiayaan dalam kalangan negara ASEAN. Beliau juga menyatakan bahawa pilihan raya yang efektif hanya dapat dijalankan sekiranya dikendalikan oleh badan yang bebas dan tidak berkepentingan. Damaso turut menambah bahawa kerjasama antara organisasi masyarakat sivil dan badan pengurusan pilihan raya akan menjamin kreadibiliti dan ketelusan pelaksanaan pilihan raya.

Harapan masa depan

SUHAKAM berharap kerajaan baharu akan menggandakan usaha memperbaiki sistem pilihan raya negara agar prosesnya lebih telus dan adil untuk rakyat. Perubahan anggota SPR dan juga pembentukan Jawatankuasa Pembaharuan Pilihan Raya secara tidak langsung mencerminkan iltizam kerajaan baharu. SUHAKAM juga berhasrat untuk terus menjadi pemerhati bebas untuk memantau sebarang bentuk perubahan dari semasa ke semasa.

Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan

Sejak tahun 2002, SUHAKAM telah menggesa pembangunan pelan tindakan hak asasi manusia Malaysia agar kerajaan bertanggungjawab dan memperkenalkan pendekatan sistematik untuk menggerakkan hak asasi manusia di negara ini dengan meletakkannya dalam konteks dasar awam. Oleh itu, SUHAKAM amat gembira apabila Kabinet akhirnya mengumumkan bahawa kerajaan akan membangunkan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP) yang pertama di Malaysia pada tahun 2012. Kerajaan mengambil masa selama enam (6) tahun untuk Kerajaan mengkaji dan membangunkan NHRAP yang kemudiannya dilancarkan pada 1 Mac tahun ini oleh mantan Perdana Menteri Dato' Seri Najib Razak. Dalam tempoh tersebut, perundingan awal telah dijalankan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri, manakala lima buah universiti tempatan telah ditugaskan oleh kerajaan untuk menjalankan kajian undang-undang domestik. Kerajaan kemudiannya melantik perunding untuk mengadakan konsultasi di seluruh negara dan merangka NHRAP, sebelum pelan ini dimuktamadkan dan dilancarkan.

Pelancaran NHRAP Malaysia merupakan pencapaian penting dan telah lama ditunggu-tunggu oleh SUHAKAM. Walau bagaimanapun, NHRAP menerima banyak kritikan, baik dalam proses pembangunan dan kandungannya, yang mana sebahagian besarnya merupakan kebimbangan yang turut sama dikongsi oleh SUHAKAM.

Dari segi pembangunan Pelan tersebut, kerajaan telah melantik perunding luar pada bulan November 2015 yang bertanggungjawab menjalankan kajian, berunding dengan pihak berkepentingan dan akhirnya membangunkan draf

NHRAP. Walaupun tidak ada sebarang halangan bagi kerajaan untuk mendapatkan khidmat perunding luar, SUHAKAM berpendapat bahawa kerajaan telah bertindak tanpa pertimbangan yang teliti apabila kerajaan telah melantik perunding yang tidak mempunyai kepakaran dan pengetahuan dalam bidang hak asasi manusia untuk membangunkan NHRAP pertama Malaysia. Hal ini kerana apabila Kabinet mengumumkan untuk membangunkan NHRAP, terdapat banyak organisasi masyarakat sivil dan peguam hak asasi manusia di Malaysia, selain kewujudan institusi hak asasi manusia kebangsaan. Oleh itu, perunding itu mempunyai peluang - selaras dengan SOP - untuk berunding dengan banyak organisasi dan penasihat hak asasi manusia dalam menyediakan draf NHRAP. SUHAKAM kecewa apabila mendapati bahawa semasa pembentukan NHRAP, banyak organisasi masyarakat sivil mendakwa bahawa mereka tidak dirujuk secukupnya dan kebanyakan daripada mereka hanya dirujuk semasa di perundingan awal proses tersebut. Berkenaan dengan SUHAKAM, badan ini telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pemandu NHRAP pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, semasa pembangunan NHRAP, SUHAKAM hanya dirujuk dalam dua mesyuarat oleh perunding. SUHAKAM mengulangi bahawa sebagai institusi hak asasi manusia kebangsaan, SUHAKAM bersama-sama dengan CSO dan ahli akademik lain, sepatutnya dijadikan rakan kongsi untuk bekerjasama dengan perunding dan agensi pelaksana untuk merancang dan membangunkan NHRAP. Walau apa pun, semasa proses pembangunan, SUHAKAM telah mengemukakan cadangan kepada perunding berkenaan parameter dan intipati NHRAP. Malangnya, sebahagian besar cadangan SUHAKAM tidak diterima sebagai sebahagian daripada dokumen NHRAP.

NHRAP mengandungi lima teras utama:

- i. Hak Sivil dan Politik,
- ii. Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan,
- iii. Hak Golongan Rentan,
- iv. Hak Orang Asal, dan
- v. Tanggungjawab Global

SUHAKAM melihat teras-teras tersebut sebagai bercita-cita tinggi kerana terasnya bersifat sangat umum dan boleh merangkumi semua subjek hak asasi manusia seperti yang disebutkan dalam UDHR. Di sebalik potensi ini, NHRAP telah dikecam oleh beberapa organisasi masyarakat sivil sebagai “dokumen yang sangat bermasalah” yang gagal untuk menangani punca-punca pelanggaran hak asasi manusia dan telah merendahkan kedudukan Malaysia dalam komuniti global berkenaan hak asasi manusia dengan komitmen politik yang lemah berbanding standard hak asasi manusia global PBB. Kebanyakan pihak yang berkepentingan mendesak supaya NHRAP ditulis semula.

NHRAP mengandungi 294 pelan tindakan bagi 83 bidang keutamaan yang dikategorikan di bawah lima (5) teras. SUHAKAM berpendapat bahawa bahagian-bahagian tertentu NHRAP adalah komprehensif terutamanya strategi untuk hak-hak Orang Asli. Sebaliknya, bahagian-bahagian lain NHRAP dilihat gagal menangani penyebab utama dan sistemik yang berterusan terhadap pelanggaran hak asasi manusia di negara ini. Berikut isu utama yang diperhatikan oleh SUHAKAM:

- i. Pada dasarnya, NHRAP gagal untuk menetapkan tindakan bagi menangani penyebab utama dan sistematik ketidaksetaraan dan pencabulan hak asasi manusia di Malaysia. Sebagai contoh, NHRAP tidak menangani perkara berkenaan hubungan kaum dan diskriminasi anti-kaum, yang bukan hanya relevan dalam konteks rakyat Malaysia yang pelbagai bangsa, tetapi juga merupakan sebahagian daripada prinsip teras hak asasi manusia.
- ii. Kebanyakan objektif yang disebutkan dalam NHRAP mengabaikan prinsip-prinsip hak asasi manusia yang sangat asas kerana gagal memenuhi piawaian pencapaian minimum yang ditetapkan oleh UDHR, serta triti hak asasi manusia antarabangsa yang lain. Sebagai contoh, strategi NHRAP untuk mengemas kini SOP berkenaan perkahwinan kanak-kanak tidak mengambil kira kepentingan terbaik kanak-kanak dan melindungi hak kanak-kanak seperti yang dijanjikan oleh Malaysia apabila meratifikasi CRC. SUHAKAM menekankan perlunya pelan tindakan hak asasi manusia kebangsaan untuk menetapkan piawaian tertinggi mengikut undang-undang hak asasi manusia antarabangsa. Menetapkan piawaian yang lebih rendah berkemungkinan akan mengakibatkan pelanggaran hak asasi manusia sistemik tidak dapat ditangani secara efektif, yang menjadikan NHRAP tidak bererti. Sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang menyokong UDHR, Malaysia harus berusaha memastikan piawaian pencapaian secepat diterjemahkan sepenuhnya dan diterjamahkandalam konteks domestik.
- iii. Semasa proses pembangunan NHRAP, SUHAKAM telah menekankan kepada pihak Perunding untuk memastikan bahawa kesemua tindakan NHRAP mengikut kriteria S.M.A.R.T. (spesifik, boleh diukur, boleh dicapai, realistik dan tepat pada masanya) untuk sebab yang jelas. Walaupun mereka mengambil maklum cadangan ini, banyak perkara tindakan itu tidak jelas dan tidak memenuhi satu atau lebih kriteria. Sebagai contoh, banyak tindakan berkenaan penambahbaikan hak untuk pendidikan adalah sangat umum kerana ia tindakan itu tidak merujuk kepada mana-mana program dan garis masa tertentu untuk pelaksanaan.
- iv. Selaras dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia, pelan tindakan hak asasi manusia kebangsaan mesti ditegakkan berdasarkan prinsip bahawa hak asasi manusia adalah ada kepada semua manusia tanpa perbezaan. Oleh itu, berhubung dengan NHRAP Malaysia, pelan ini mestilah dapat menangani semua orang yang

- tinggal di Malaysia tanpa mengira kewarganegaraan, etnik bangsa, agama, status imigresen dan status lain. Walau bagaimanapun, semakan terhadap NHRAP mendapati bahawa walaupun dokumen itu telah menangani isu-isu mengenai berkaitan dengan rakyat Malaysia secara meluas, dan melindungi hak pelarian dengan baik, pelan ini belum cukup untuk menangani hak-hak bukan warganegara seperti pekerja migran dan orang tanpa warganegara di Malaysia.
- v. Dalam tahun-tahun sebelum pelancaran NHRAP, SUHAKAM memerhatikan bahawa banyak insiden yang menunjukkan kemunduran hak-hak sivil dan politik tertentu di Malaysia. Khususnya, dalam tempoh tersebut, beberapa dokumen dan maklumat berkepentingan awam telah diklasifikasikan sebagai rahsia rasmi di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA) oleh kerajaan, tindakan disiplin diambil terhadap pelajar universiti yang berhimpun untuk menyuarakan pendapat terhadap kerajaan atau pegawainya, permit pencetakan beberapa media atas talian ditolak oleh kerajaan atas dalam alasan kerana mereka melaporkan berita “sensasi” dan “kontroversi”. Oleh itu, adalah membimbangkan apabila isu-isu kritikal berkenaan hak kebebasan bersuara dan perhimpunan, akses kepada maklumat serta kebebasan akhbar tidak langsung dimasukkan dalam NHRAP. SUHAKAM menekankan tanggungjawab kerajaan untuk bersikap tidak berat sebelah dalam menangani isu hak asasi manusia dan kerajaan tidak seharusnya mengabaikan subjek hak asasi manusia hanya kerana boleh menyebabkan kesulitan kepada kerajaan.
 - vi. SUHAKAM kecewa dengan tindakan-tindakan yang agak lemah yang ditetapkan untuk kategori Obligasi Antarabangsa, yang mana kerajaan hanya akan menjalankan kajian kebolehlaksanaan sepanjang tempoh 10 tahun untuk menilai sama ada Malaysia bersedia untuk menyertai baki triti hak asasi antarabangsa. Tambahan pula, menetapkan tindakan sedemikian adalah tidak masuk akal memandangkan kerajaan telah pun memulakan kajian kebolehlaksanaan untuk triti-triti tersebut sebelum NHRAP. Sebagai contoh, selepas semakan semula Malaysia di bawah UPR pada tahun 2014, kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa antara agensi untuk menjalankan kajian serupa. Oleh itu, NHRAP sepatutnya menetapkan langkah-langkah progresif ke arah matlamat Malaysia memuktamadkan tempoh masa dengan penyertaan kepada triti hak asasi antarabangsa teras yang selebihnya.

Melihatkan kepada isu-isu yang terkandung dalam NHRAP, atas desakan SUHAKAM, kerajaan bersetuju untuk memasukkan satu petikan dalam dokumen NHRAP untuk menegaskan bahawa pelan ini ialah dokumen hidup yang akan disemak secara berkala untuk menangani sebarang jurang serta cabaran dan isu yang timbul untuk memastikan pematuhan Perlembagaan Persekutuan dan piawaian hak asasi manusia

antarabangsa. Di samping itu, kerajaan menyatakan komitmennya melaksanakan indikator khusus untuk NHRAP melalui perundingan dengan pihak berkepentingan bagi memperkukuhkan hak asasi manusia yang bermakna kepada rakyat.

Bagi mengulangi kebimbangan SUHAKAM, perkara-perkara di atas juga telah dimaklumkan kepada kerajaan, khususnya Jawatankuasa Pembaharuan Institusi (IRC) melalui penyerahan bertulis pada 8 Jun.

Harapan Masa Depan

Melangkah ke hadapan, SUHAKAM menggesa kerajaan untuk mempercepat proses semakan NHRAP melalui perundingan dengan pihak berkepentingan utama seperti organisasi masyarakat sivil hak asasi manusia. Di samping itu, kerajaan mesti memastikan bahawa pelaksanaan NHRAP disokong dengan sewajarnya dengan peruntukan dana yang mencukupi kepada agensi dan pertubuhan yang bertanggungjawab terutamanya bagi tujuan melaksanakan tindakan NHRAP.

Perniagaan dan Hak Asasi Manusia

SUHAKAM bertanggungjawab untuk memastikan perlindungan dan promosi hak asasi manusia melalui aktivitinya termasuklah bersama dengan pihak swasta. Aktiviti hak asasi manusia SUHAKAM adalah untuk mempromosikan kebebasan dan maruah diri. Melalui Bahagian Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ESCRD), SUHAKAM memberi fokus dan sokongan terhadap isu-isu yang melibatkan perniagaan dan hak asasi manusia, tindakan susulan terhadap laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli, hak kepada kesihatan untuk tahanan yang menghidap Hepatitis C, hak kepada pendidikan untuk kanak-kanak dengan ketidakupayaan fizikal dan tindakan susulan terhadap kajian tentang hak transgender, terutamanya hak kepada pekerjaan, pendidikan, perumahan, penjagaan kesihatan dan maruah diri.

Sebagai kovenan yang Malaysia masih belum sertai Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ICESCR) merupakan hak asasi manusia mengenai keadaan asas, sosial dan ekonomi yang diperlukan untuk hidup dengan bermaruah dan bebas, berkait dengan pekerjaan dan hak pekerja, keselamatan sosial, kesihatan, pendidikan, makanan, air, perumahan, persekitaran yang sihat dan kebudayaan.

SUHAKAM percaya bahawa semua syarikat mempunyai tanggungjawab untuk menghormati hak asasi manusia dalam operasi dan perniagaan mereka. Pekerja mereka terutamanya mestilah dihormati dengan hak untuk dilayan secara saksama dan tanpa diskriminasi, hak untuk berpersatuan, keadaan tempat kerja yang adil dan saksama serta hak untuk bebas daripada perhambaan dan sebarang pencabulan hak asasi yang lain.

Sejak beberapa tahun, lalu penekanan lebih telah diletakkan kepada jangkaan bahawa syarikat beroperasi sebagai warganegara yang bertanggungjawab. Banyak syarikat telah mengambil inisiatif baharu untuk mematuhi keperluan akauntabiliti yang lebih baik, terutamanya piawaian antarabangsa yang antara lainnyanya termasuklah tanggungjawab korporat untuk menghormati hak asasi manusia. Berdasarkan latar belakang ini, dan dengan kepercayaan yang kukuh bahawa perniagaan yang lestari tidak dapat berkembang di negara yang mana kemiskinan, rasuah dan ketidaksamaratan yang kesemuanya merupakan pelanggaran hak asasi manusia masih wujud, SUHAKAM dengan aktif mengejar agenda perniagaan dan hak asasi manusia di Malaysia.

Pada tahun ini, SUHAKAM mendapat geran daripada Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) untuk Projek bagi Menyokong Pembangunan Pelan Tindakan Kebangsaan untuk Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR) Malaysia dengan Mempromosi Pemahaman dan Aplikasi Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (UNGP) di Malaysia dengan matlamat untuk mempromosikan kesedaran, kefahaman dan aplikasi UNGP di dalam negara terutamanya antara perusahaan bersaiz kecil dan sederhana (SMEs). Sementara SUHAKAM dapat meyakinkan kerajaan sebelum ini untuk membangunkan NAPBHR untuk Malaysia, penyusunan semula organisasi kerajaan telah membawa kepada



Forum Mempromosi dan Mengaplikasikan Prinsip Panduan PBB
Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia

kelewatan dalam pembangunan NAPBHR. Tanpa mengambil kira hal ini, SUHAKAM telah menganjurkan forum untuk mempromosikan pemahaman dan aplikasi Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (UNGP) di beberapa buah negeri dengan sokongan UNDP-Asia Pasifik. SUHAKAM juga telah menerbitkan terjemahan Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, Soalan Kerap ditanya dan Panduan tafsiran mengenai tanggungjawab Korporat untuk menghormati Hak Asasi Manusia bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang UNGP dan isu yang berkaitan.

SUHAKAM mengiktiraf kepentingan untuk membina hubungan yang baik dengan syarikat dan kumpulan lain dalam mengembangkan pengiktirafan mengenai nilai hak asasi manusia dalam syarikat. Dengan berbuat demikian, SUHAKAM terus meneroka pelbagai saluran melalui perkongsian untuk mempromosikan penghormatan dan pematuhan hak asasi manusia yang lebih baik dalam operasi syarikat Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) melalui memorandum persefahaman yang telah ditandatangani pada bulan Mac 2017. Pada tahun ini, pihak yang terlibat secara aktifnya membincangkan dan mengkaji semula dasar sedia ada untuk memastikan mereka mematuhi dan menghormati prinsip hak asasi manusia.

Selain itu, satu perbincangan meja buai mengenai “Pematuhan Sosial FGV dan Inisiatif Hak Asasi Manusia” telah dianjurkan oleh FGV dengan sokongan SUHAKAM pada 20 April untuk membincangkan inisiatif yang telah diambil oleh FGV bagi menangani kebimbangan yang dibangkitkan oleh Wall Street Journal melalui artikel pada tahun 2016 berhubung dengan pelanggaran hak asasi manusia di ladang FGV. Perbincangan tersebut merupakan sebahagian daripada inisiatif FGV untuk membangunkan dan menambah baik dasar dan prosedur kelestarian serta hak asasi manusianya.

Penglibatan pihak berkepentingan secara strategik dan efektif, yang bermaksud komitmen jangka masa panjang di semua peringkat telah diiktiraf oleh SUHAKAM sebagai asas dalam memenuhi tanggungjawab yang lebih menyeluruh untuk menghormati hak asasi manusia.

Pada 9 Julai, The Forest Trust (TFT) dan SUHAKAM telah menganjurkan Perundingan tentang Kanak-kanak dalam Perladangan di Sabah. Perundingan ini juga membincangkan isu rantai bekalan dan membentangkan penemuan utama daripada Laporan Kanak-kanak dalam Perladangan di Sabah (CiP) dan mencari maklum balas daripada pihak berkepentingan bagi mendapatkan maklumat yang

kemas kini tentang dasar/pentadbiran daripada pengawal selia berkenaan isu yang memerlukan penjelasan yang mendalam dan meneroka potensi untuk bekerjasama dengan pihak berkepentingan bagi memperkasakan perlindungan kanak-kanak di ladang.

Di peringkat antarabangsa, SUHAKAM menyertai Forum Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia ketujuh pada 26-28 November di Geneva, Switzerland yang merupakan pentas global untuk membincangkan dan berkongsi pengalaman tentang usaha untuk menggerakkan UNGP daripada dokumen kepada amalan. Tema pada tahun ini ialah "PENGHORMATAN PERNIAGAAN KEPADA HAK ASASI MANUSIA – Membina atas apa yang Berjaya". Antara isu yang dibincangkan semasa forum tiga hari ini termasuklah usaha wajar hak asasi manusia, pendekatan untuk penglibatan yang bermakna dengan pihak yang terjejas, pengalaman dalam menangani pelanggaran hak asasi manusia, perlindungan dan amalan kerajaan, SDGs 2030, perubahan iklim, rasuah dan gender.

SUHAKAM melalui Pesuruhjaya Profesor Dato' Dr. Aishah Bidin menjadi ahli panel dan memberi sumbangan dalam dua sesi forum yang bertajuk "Peranan Institusi Hak Asasi Kebangsaan dalam memudahkan akses kepada remedi bagi impak hak asasi manusia yang berkaitan dengan Perniagaan" dan "Akauntabiliti dan Remedi: Meneroka Hubung Kait antara Jenis Mekanisme Rungutan yang Berlainan".

SUHAKAM berharap agar komitmen kerajaan untuk membangunkan pelan tindakan kebangsaan untuk perniagaan dan hak asasi manusia sebagai mana yang telah diumumkan semasa Forum Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia keenam akan diteruskan supaya Malaysia dapat maju ke hadapan dalam membudayakan penghormatan kepada hak asasi manusia oleh sektor perniagaan di semua peringkat operasi mereka termasuk operasi di luar negara.

Dalam melanjutkan usahanya untuk mengarusperdanakan agenda perniagaan dan hak asasi manusia di Malaysia, SUHAKAM telah menganjurkan forum di tiga buah negeri, iaitu Terengganu, Johor dan Putrajaya yang melibatkan penyertaan daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuklah agensi kerajaan negeri, perniagaan, persatuan perniagaan dan juga organisasi masyarakat sivil. Adalah diperhatikan bahawa semua peserta bersemangat semasa sesi panel dan menunjukkan minat untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang perniagaan dan hak asasi manusia serta UNGP termasuklah manfaat, cabaran dan hadnya. Mereka juga berminat tentang bagaimana entiti perniagaan dapat digalakkan untuk menggunakan UNGP.

SUHAKAM percaya bahawa adalah mustahak untuk melibatkan semua pihak berkepentingan yang berkaitan untuk mempromosikan agenda perniagaan dan hak asasi manusia serta pelaksanaan UNGP di peringkat persekutuan dan negeri dan di lokasi berbeza di dalam negara.

Harapan Masa Depan

SUHAKAM berharap agar kerajaan akan berpegang pada komitmennya untuk membangunkan Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR) bagi memastikan supaya perniagaan dan syarikat menghormati serta melindungi hak asasi manusia dalam operasi mereka. SUHAKAM akan terus menyokong pembangunan NAPBHR dan menggandakan usaha untuk mempromosikan kesedaran berkaitan dengan isu perniagaan dan hak asasi manusia bagi memastikan syarikat patuh kepada hak asasi manusia.

Badan Keagamaan dan Hak Asasi Manusia

Hak asasi manusia dan agama dikaitkan secara intrinsik, yang mana agama-agama di dunia menuntut penganutnya menunjukkan dan menyebarkan promosi dan perlindungan hak asasi manusia. Tanpa mengira fahaman yang berbeza, mereka berkongsi prinsip dan ajaran teras yang sama dalam menjalankan hal ehwal manusia seperti hak dan tanggungjawab individu secara kolektif, menghormati dan melindungi martabat manusia, keadilan dan tidak diskriminasi. Oleh itu, adalah perlu bagi institusi keagamaan dan organisasi hak asasi manusia untuk menjalin perkongsian bagi mencapai matlamat bersama ini.

Di Malaysia, agama yang banyak diamalkan termasuk Islam yang menyumbang lebih daripada setengah atau 61.3 peratus²⁵ daripada penduduk Malaysia, diikuti oleh Buddha 19.8 peratus,²⁶ Kristian 9.2 peratus²⁷ dan Hindu 6.3 peratus²⁸ daripada penduduk. Agama atau kepercayaan lain yang diakui oleh kumpulan-kumpulan kecil di Malaysia termasuklah Konfusianisme, Taois, dan suku-suku kaum Cina yang lain.

Antara agama di Malaysia, agama Islam adalah yang paling menonjol, bukan sahaja dalam perkadaran para penganut, tetapi juga dari segi kedudukan Islam dalam


25 Department of Statistics, Malaysia (DOSM), "Population Distribution and Basic Demographic Characteristic Report 2010 (Updated: 05/08/2011)", (DOSM, 7 May 2015), <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthem&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TihUUT09&bul_id=MDMxdHZjWtk1SjFzIzNkRXYzcVZjd09> accessed 26 December 2018

26 Ibid.

27 Ibid.

28 Ibid.

Peratus pembahagian populasi mengikut agama di Malaysia, 2010



Sumber: Jabatan Statistik Malaysia (DOSM), "Laporan populasi dan demografik asas Laporan 2010, (Dikemas kini pada 5 Ogos 2011)"

sistem keadilan dan pemerintahan. Perlembagaan Persekutuan Malaysia menyatakan bahawa "Islam ialah agama Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan harmoni di mana-mana bahagian untuk Persekutuan".²⁹ Selain itu, Perlembagaan memperuntukkan bahawa kecuali Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak, Raja atau Sultan masing-masing negeri ialah Ketua agama Islam. Melalui Perkara 3(2), Perlembagaan Persekutuan Raja-Raja memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mewakili mereka di peringkat Persekutuan untuk perkara ini, manakala negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak hendaklah memberi Yang di-Pertuan Agong kedudukan Ketua agama Islam.

Raja-raja bagaimanapun masih mengekalkan kuasa terhadap urusan agama di negeri masing-masing. Selain mufti negeri, setiap negeri di Malaysia mempunyai jabatan agama Islam sendiri yang bertanggungjawab membantu Yang di-Pertuan Agong dan/atau Sultan dalam hal ehwal Islam di peringkat negeri. Di peringkat Kerajaan Persekutuan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang melapor kepada Menteri untuk urusan agama di bawah Jabatan Perdana Menteri, yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk merangka dan menyeragamkan undang-undang Islam (Syarak) bagi menyelaraskan pentadbiran Islam di Malaysia dan untuk menyelaraskan dan membangunkan pendidikan Islam.³⁰ Malaysia juga mempunyai dua sistem keadilan yang terdiri daripada undang-undang dan mahkamah sivil dan syariah.

²⁹ Federal Constitution of Malaysia 1957, Art.3 (1)

³⁰ JAKIM, Fungsi JAKIM <<http://www.islam.gov.my/mengenai-jakim/fungsi-jakim>>. Diakses pada 4 Januari 2019.

Mengambil kira pada tahun ini, SUHAKAM meneruskan fokusnya pada hak asasi manusia dan agama dengan melipat gandakan penglibatannya dengan pihak berkuasa agama Islam dan organisasi masyarakat Islam serta menerokai bidang kerjasama dengan organisasi berasaskan agama yang lain.

Keperluan untuk bekerjasama lebih dekat dengan pihak berkuasa agama Islam dan organisasi di Malaysia timbul berikutan banyak perdebatan umum tentang ketidakserasian antara Islam dan hak asasi manusia, yang telah ditimbulkan oleh beberapa insiden termasuk persepsi orang ramai terhadap dan menentang kumpulan LGBT, laporan tentang situasi wanita Islam di Malaysia oleh Organisasi Masyarakat Sipil semasa Sidang ke-69 Jawatankuasa CEDAW, hukuman mati dalam undang-undang syariah dan kesannya terhadap kemungkinan Malaysia untuk menyertai UNCAT dan beberapa kejadian lain. Mempolitikkan hak asasi manusia oleh beberapa ahli politik telah memburukkan lagi salah tanggapan ini.

Sebahagian daripada usaha untuk membetulkan pemahaman orang ramai tentang hubungan antara Islam dan hak asasi manusia, SUHAKAM memperluas usahanya untuk memasukkan subjek hak asasi manusia ke dalam khutbah solat Jumaat. Mempertingkatkan usahanya bersama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) daripada tahun sebelumnya, SUHAKAM telah bertemu dengan Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dusuki, yang ketika itu menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada bulan Januari tahun ini, dan Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Haji Mohamad Nordin Ibrahim pada bulan Jun untuk mendapatkan sokongan selanjutnya. SUHAKAM difahamkan bahawa kedudukan JAKIM berdasarkan prinsip teras hak asasi manusia yang sejajar dengan tuntutan Islam. Sehubungan itu, kedua-dua pihak bersetuju bahawa terdapat keperluan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai untuk membetulkan salah tanggapan tentang ketidakserasian dan mengenal pasti pengecualian serta sejauh mana untuk memperkasakan masyarakat Islam di Malaysia dengan maklumat yang betul tentang perkara tersebut.

Inisiatif pertama yang dilakukan oleh JAKIM sejurus selepas pertemuan dengan Datuk Haji Mohamad Nordin Ibrahim ialah memberi satu sesi kepada SUHAKAM untuk taklimat penerangan kepada pihak berkuasa agama negeri semasa Persidangan Ketua Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia (PKJ) pada 28 Jun. SUHAKAM mengambil kesempatan untuk mengetengahkan isu-isu dan inisiatif hak asasi dengan tujuan menggambarkan hubungan antara Islam dan hak asasi manusia serta peranan penting pihak berkuasa agama negeri bagi memajukan hak asasi manusia. Sesi taklimat itu berjaya kerana dapat membuka platform kerjasama antara SUHAKAM dan pihak berkuasa agama negeri. Semua ketua jabatan agama negeri sebulat suara bersetuju

dengan syor SUHAKAM untuk memperluas kerjasama yang ada dengan JAWI yang mengemukakan cadangan input tentang subjek Islam dan hak asasi manusia yang boleh dipertimbangkan dan dibaca semasa khutbah Jumaat. Berikut ialah input daripada SUHAKAM yang telah diterima secara positif, dimasukkan dan dibaca semasa khutbah Jumaat:

BIL.	INPUT YANG DIKEMUKAKAN OLEH SUHAKAM	KHUTBAH JUMAAT BERDASARKAN INPUT YANG DIKEMUKAKAN OLEH SUHAKAM	TARIKH KHUTBAH JUMAAT DIBACA
1.	Hak kepada Kesihatan	Khutbah khas memperingati Israk Mikraj – JAWI	13 April
2.	Hak Pelarian	<i>Kemuliaan Membela Golongan Teraniaya</i> – JAWI	6 Julai
3.	Hak Orang Asli	Demi Islam Demi Negara – JAWI	31 Ogos
4.	Hak kepada Pelindungan daripada Seksaan dan Hukuman atau layanan zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah	Hak Perlindungan daripada Kezaliman - JAWI	26 Oktober
5.	Menyantuni Orang Kurang Upaya	Malaysia Harmoni - JAWI Menyantuni Orang Kurang Upaya - JHEAINS	7 Disember

Selain khutbah, SUHAKAM dan JAKIM menganjurkan bersama Seminar Kebangsaan mengenai Islam dan Hak Asasi Manusia pada 27 November di Kuala Lumpur. Selain menentukan dan mengesahkan kedudukan hak asasi manusia dalam Islam, seminar secara amnya bertujuan untuk menyediakan platform bagi membincangkan cara terbaik mempromosikan hak asasi manusia dalam konteks Malaysia. Seminar ini menarik kira-kira 200 orang peserta daripada agensi, masyarakat sivil, universiti dan orang ramai.

YB Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama) merasmikan seminar tersebut. Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa promosi dan perlindungan hak asasi manusia dituntut dalam Islam dan hanya dalam bidang tertentu hak asasi manusia akan memerlukan perbincangan lanjut dari sudut pandangan Islam sebelum diaplikasi di Malaysia. Meskipun demikian, beliau menambah bahawa hak asasi memenuhi syarat untuk menegakkan keadilan dan kemuliaan manusia, serta penghormatan terhadap kepelbagaian setiap manusia adalah sebahagian ajaran Islam dan ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW. Beliau menggalakkan semua rakyat Malaysia agar menghormati hak asasi manusia dan memastikan perpaduan negara, harmoni dan integrasi dalam kalangan masyarakat.



YB Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof bersama Tan Sri Razali Ismail dan Datuk Haji Mohamad Nordin Ibrahim di seminar Kebangsaan Mengenai Islam dan Hak Asasi Manusia

Seminar yang dibarisi oleh pakar-pakar terkenal berkenaan agama Islam dan hak asasi manusia dibahagikan kepada tiga kumpulan masing-masing untuk menangani isu-isu tertentu:

TEMA TOPIK	AHLI PANEL
Hak Asasi di Malaysia: Kerangka dan Aplikasi Prinsip-prinsip Sejagat	• Prof Dato' Dr. Abdul Monir Yaacob, Naib Presiden Undang-undang dan Peraturan, Universiti Islam Malaysia • Prof Dr. Mohd Azizuddin Mohd Sani, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Utara Malaysia
Tanggungjawab dan Perlindungan Hak Asasi Manusia kepada Golongan Rentan	• YA Prof. Adjung Dato' Dr. Hj. Mohd Naim Hj Mokhtar, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia; • Prof. Datin Dr. Raihanah Abdullah, Pengarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya; • Encik Umar Mukhtar, Pegawai Hal Ehwal Islam, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (Malaysia).
Ke Arah Mencapai Kesenambungan Islam dan Hak Asasi Manusia di Malaysia	• Prof. Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Abd Majid, Pengerusi Majlis Dakwah Negara (MDN) Prof. Dr. Wan Kamal Mujani, Dekan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Hasil perbincangan seminar adalah seperti yang berikut:

- (i) Penyampaian hasrat Menteri, semua penceramah bersetuju bahawa prinsip-prinsip utama hak asasi manusia pada dasarnya bersesuaian dengan Islam ke arah mencapai keadilan, kesaksamaan dan penghormatan terhadap maruah manusia. Adalah penting bagi pendukung hak asasi manusia dan masyarakat di Malaysia untuk merujuk dan mencontohi Nabi Muhammad SAW dan Sahifah Madinah yang jelas mempromosi dan menuntut masyarakat menghormati antara satu sama lain dan memastikan keadilan. Walau bagaimanapun, pendekatan ke arah mencapai hak asasi manusia di Malaysia memerlukan perbincangan yang lebih membina untuk menghormati ajaran Islam.
- (ii) Jabatan Kehakiman Syariah dan Mahkamah Syariah berpandukan kepada dua prinsip utama, iaitu Qath'i (definitif) dan Zhanni (spekulatif) dalam menegakkan keadilan dalam sistem perundangan Islam. Qathi 'ditakrifkan sebagai undang-undang yang berasaskan dalil al-Qur'an dan Hadis yang tidak terbuka untuk tafsiran atas dasar bahawa terdapat hujah yang jelas dan kesatuan daripada empat mazhab Islam (Syafi'i, Hanafi, Maliki, Hambali) bahawa tidak akan ada kompromi tentang perkara-perkara tertentu. Zhanni pula ditakrifkan sebagai undang-undang spekulatif yang membenarkan interpretasi yang berbeza. Sebagai contoh, mazhab Syafi'i menyatakan bahawa wanita Islam memerlukan kebenaran penjaga sebelum mereka dibenarkan berkahwin. Sebaliknya, mengikut mazhab Hanafi, kebenaran penjaga tidak diperlukan untuk wanita Islam berkahwin. Satu lagi contoh yang dipetik ialah perceraian yang mana Enakmen Syariah merujuk kepada mazhab Maliki dan Hambali yang membenarkan isteri yang dianiaya memohon perceraian melalui fasakh atas sebab keganasan rumah tangga.
- (iii) Hak asasi manusia sebenarnya merupakan perkara sosial dan bukan agenda politik. Walau bagaimanapun, di Malaysia, terdapat kecenderungan untuk mempolitikkan isu sosial ini. Walaupun kemajuan hak asasi manusia mungkin memerlukan komitmen politik, SUHAKAM harus memastikan bahawa perkara ini tidak disalahgunakan oleh ahli-ahli politik bagi kepentingan politik mereka sendiri.
- (iv) Cabaran utama di Malaysia berhubung dengan hak asasi manusia adalah untuk menterjemah prinsip-prinsip hak asasi manusia antarabangsa yang dilihat sebagai universal dalam konteks domestik di Malaysia. Untuk hal ini berjaya, norma dan kepercayaan tempatan harus dipertimbangkan dan prinsip-prinsip antarabangsa harus diselaraskan dengan konteks setempat.
- (v) Berkenaan dengan meratifikasi triti hak asasi manusia antarabangsa, memerlukan proses holistik yang meliputi pendidikan awam dan penyelidikan menyeluruh. Kandungan asal dalam triti yang kebanyakannya tersedia dalam bahasa Inggeris mungkin tidak difahami dengan tepat oleh majoriti yang berbahasa Melayu di Malaysia. Di samping itu, perlu ada pertimbangan yang teliti terhadap keyakinan majoriti Melayu-Islam dan pengaruh mereka di negara ini.



Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh (moderator) bersama panel YBhg Prof. Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Abd Majid dan YBhg Prof. Dr. Wan Kamal Mujani pada Sesi Ketiga: *Way forward on Islam and Human Rights in Malaysia*

Hasil daripada semua aktiviti di atas pada hakikatnya menegaskan bahawa bertentangan dengan sentimen awam sekarang yang mana prinsip teras hak asasi manusia bukan hanya bersesuaian tetapi dituntut dalam Islam. Di samping itu, melalui seminar ini mengesahkan matlamat bersama yang boleh dikendalikan secara kolektif oleh pihak berkuasa agama Islam dengan pendokong hak asasi manusia untuk kemajuan hak asasi manusia di Malaysia.

Harapan Masa Depan

Melangkah ke hadapan, selain inisiatif bersama yang sedia ada, SUHAKAM akan terus bekerjasama dengan JAKIM dan pihak berkuasa agama negeri lain untuk mengadakan dialog berskala kecil di peringkat negeri dalam tema khusus hak asasi manusia. Aktiviti seperti ini telah dimulakan oleh SUHAKAM dengan NGO Islam seperti kempen kesedaran tentang UNCAT bersama Pusat Penyelidikan dan Advokasi Hak Asasi Manusia (CENTHRA) serta Seminar Masjid Mesra OKU yang dilaksanakan dengan kerjasama pihak pengurusan Masjid Bandar Sri Putra bersama dengan OKU Berdaya Hulu Langat. (Sila rujuk Bab 1 dan 2 untuk butiran aktiviti UNCAT dan OKU).

Keterlibatan Antarabangsa

Sebagai Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI), fungsi dan tugas SUHAKAM melangkaui sempadan negara. Peranan SUHAKAM dalam melaksanakan mandat untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia dilanjutkan lagi perlaksanaannya di peringkat serantau dan antarabangsa melalui keterlibatan dengan NHRI lain, rangkaian serantau dan antarabangsa seiring dengan mekanisme PBB. Sementara komitmen yang dibuat secara domestik memainkan peranan penting bagi menentukan hala tuju kemajuan hak asasi manusia di peringkat antarabangsa, perkara yang sama boleh dikatakan tentang komitmen antarabangsa yang mempengaruhi kemajuan hak asasi manusia dan prinsip-prinsipnya di peringkat kebangsaan.

Melalui komitmen antarabangsa, SUHAKAM terus melaksanakan tugasnya dengan mengukuhkan kerjasama dan usahasama dengan jaringan NHRI dan sumbangan kepada mekanisme PBB. SUHAKAM memenuhi komitmen ini melalui Bahagian Koordinasi Antarabangsa dan Hubungan Media (ICMRD) yang telah digabungkan sebagai satu unit pada tahun 2018.

Sepanjang tahun ini, SUHAKAM telah menghadiri dan mengambil bahagian dalam mesyuarat-mesyuarat, persidangan dan juga bengkel-bengkel. SUHAKAM turut menganjurkan sesi perundingan dan taklimat untuk agensi kerajaan, wakil-wakil diplomatik, masyarakat sivil dan media untuk Penilaian Berkala Sejagat (UPR) Malaysia yang Ketiga. Dalam menjalankan peranannya sebagai badan penasihat kerajaan, SUHAKAM menyerahkan syor-syor kepada Majlis Hak Asasi Manusia pada bulan Mac untuk Penilaian Berkala Sejagat dan terus menasihatkan Kerajaan berhubung cara untuk menambah baik pendekatan Kerajaan terhadap proses UPR. SUHAKAM

turut menyumbang kepada badan dan jaringan antarabangsa dengan mengambil bahagian dalam tinjauan dan berkongsikan input berhubung situasi hak asasi manusia di Malaysia.

Selanjutnya, sebagai NHRI berstatus 'A', SUHAKAM diberikan penghormatan dalam memainkan peranan penting bagi proses membuat keputusan terhadap pelbagai jaringannya dan terus mengambil bahagian dalam forum-forum berkenaan isu-isu hak asasi manusia sesuai dengan statusnya.

Pada tahun 2018, SUHAKAM telah mengukuhkan pengiktirafannya di peringkat domestik dan antarabangsa, meningkatkan kesedaran tentang mekanisme antarabangsa yang diaplikasikan dalam konteks tempatan dan secara keseluruhannya menyumbang kepada gerakan antarabangsa hak asasi manusia. Sekali lagi, melalui Bahagian Koordinasi Antarabangsa dan Hubungan Media (ICMRD), SUHAKAM berjaya meningkatkan usahanya dalam membangkitkan kesedaran tentang proses UPR melalui platform media sosial.

1. Penilaian Berkala Sejagat (UPR) Malaysia yang Ketiga

Pada 8 November, rekod hak asasi manusia Malaysia telah dinilai pada sesi ke-31 Kumpulan Kerja UPR. Penilaian tersebut dibuat dalam bentuk dialog interaktif antara Negara Anggota PBB dan berasaskan kepada tiga dokumen iaitu laporan kerajaan, kompilasi maklumat PBB dan ringkasan pihak berkepentingan. Sebanyak 111 negara telah mengambil bahagian dalam penilaian tersebut dan ahli troika terdiri daripada Afrika Selatan, Cuba dan Nepal.



Delegasi SUHAKAM di Sesi ke-31, Kumpulan Kerja UPR semasa UPR Malaysia yang Ketiga

SUHAKAM telah menghadiri sesi penilaian dan sejumlah 268 syor-syor diterima oleh Malaysia. Berikut isu-isu yang dikemukakan semasa pembentangan Ketua Delegasi:

- i. Fokus hak asasi manusia diperbaharui berikutan peralihan kuasa selepas Pilihan Raya ke-14.
- ii. Komitmen kerajaan untuk menyertai baki instrumen utama hak asasi manusia.
- iii. Pengiktirafan kerajaan terhadap peranan SUHAKAM dan masyarakat sivil melalui libat urus dan usahasama.
- iv. Keputusan untuk memansuhkan hukuman mati dan pelaksanaan moratorium.
- v. Menangguhkan penggunaan Akta Hasutan, penubuhan Jawatankuasa Khas untuk menilai Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Komunikasi dan Multimedia serta penilaian penangguhan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas), dan Akta Pencegahan Keganasan.
- vi. Pembaharuan institusi dan kehakiman.
- vii. Rancangan Malaysia ke-11 – meningkatkan piawai sosio-ekonomi rakyat dan mengurangkan kadar jurang kemiskinan.
- viii. Perjanjian Ketua Menteri dan kerajaan untuk menetapkan umur perkahwinan kepada 18 tahun.
- ix. Berhubung hak wanita, Malaysia telah melepasi sasaran 30 peratus dengan mempunyai 35 peratus wanita dalam jawatan pembuat keputusan.
- x. Berhubung hak orang kurang upaya, Malaysia telah beralih daripada “pendekatan berasaskan kebajikan” kepada “pendekatan berasaskan hak”.
- xi. Laporan Tahunan SUHAKAM akan dibincangkan di kedua-dua Dewan Negara dan Dewan Rakyat dan pelantikan Pesuruhjaya akan diluluskan oleh Jawatankuasa Parlimen.
- xii. Kemajuan dalam cara-cara kerajaan menjalankan UPR - dengan melihat kepada syor-syor yang diambil maklum semasa kitaran terdahulu, menjalankan penilaian separuh penggal untuk memantau kemajuan pelaksanaan syor-syor dan menginstitusikan usahasama dan libat urus bersama SUHAKAM dan CSOs.

Pemerhatian SUHAKAM:

- i. Komitmen yang kukuh dan menggalakkan telah dipamerkan oleh kerajaan dalam kenyataan-kenyataannya mereka.
- ii. Penambahbaikan yang jelas dalam pendekatan kerajaan terhadap proses UPR dalam komitmennya untuk menjalankan mesyuarat separuh penggal bersama-sama dengan pihak berkepentingan.
- iii. Malaysia menerima sejumlah komen positif daripada negara-negara lain.
- iv. Rombongan Malaysia telah membuat persediaan secukupnya untuk memberi respons terhadap soalan-soalan dan syor-syor. Walau bagaimanapun, ini tidak berlaku dalam respons mereka terhadap isu khatan wanita (FGM).

- v. Tiada jangka masa diberikan untuk penyertaan triti.

Pada 9 Oktober, SUHAKAM telah menghadiri Pra-Sesi UPR untuk pertama kalinya bagi menyampaikan kenyataan yang menggariskan isu-isu spesifik dan syor-syor kepada Perwakilan Tetap yang akan terlibat secara langsung dalam membuat syor-syor semasa UPR Malaysia yang Ketiga. Berikutan had masa yang diberikan, kenyataan SUHAKAM telah difokuskan kepada isu-isu yang berikut:

1. Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan, atau Menjatuhkan Maruah
2. Pencabulan Hak Kanak-kanak
3. Diskriminasi terhadap hak untuk beragama dan amalnya
4. Undang-undang yang menindas
5. Orang Kurang Upaya
6. Golongan rentan dan terpinggir

Sebelum SUHAKAM menyerahkan laporan kepada pihak berkepentingan pada bulan Mac, SUHAKAM telah mengadakan sesi perundingan dengan organisasi masyarakat sivil dan media pada 16 Mac bagi mendapatkan maklum balas terhadap laporan pihak berkepentingan SUHAKAM. Pengerusi, bagi pihak SUHAKAM telah menekankan peranan masyarakat sivil dan media dalam proses UPR. SUHAKAM juga mengambil kira cadangan dan komen yang dibuat terhadap laporan pihak berkepentingan SUHAKAM dan meminda laporan tersebut mengikut keperluan.

Pada 13 Julai, SUHAKAM telah mengadakan satu sesi bersama agensi Kerajaan dan organisasi masyarakat sivil di Sabah untuk mengemas kini pelaksanaan syor-syor yang telah diterima oleh Malaysia. Antara kesemua syor yang dibuat semasa sesi taklimat, berikut merupakan syor-syor yang lebih spesifik kepada SUHAKAM:

1. SUHAKAM, Badan Bukan Kerajaan (NGO) hak asasi manusia dan aktivis perlu menyerahkan semula syor-syor yang tidak diterima termasuk juga syor-syor yang diterima tetapi masih belum dilaksanakan.
2. SUHAKAM perlu mengadakan lebih banyak perbincangan dengan pekerja asing dan memberi perhatian kepada situasi pekerja asing di Sabah dan Sarawak.
3. SUHAKAM perlu mengesyorkan kepada kerajaan untuk membenarkan pemastautin tetap bertaraf OKU diberikan pengurangan cukai pendapatan.
4. SUHAKAM perlu membawa isu-isu berhubung definisi undang-undang kanak-kanak tanpa penjaga.
5. SUHAKAM akan memasukkan isu kesihatan mental dalam membuat syor-syor berkenaan kesihatan kanak-kanak tanpa penjaga.

Pada 24 September, SUHAKAM telah mengadakan sesi dialog dengan kedutaan bagi menawarkan garis panduan bagaimana Negara Pihak PBB boleh membuat syor-syor yang lebih berkesan semasa sesi penilaian.

SUHAKAM menyambut baik tindakan Kementerian Luar Negeri (KLN) yang menyatakan komitmennya semasa Penilaian UPR Malaysia yang Ketiga untuk mengadakan konsultasi separuh penggal dengan masyarakat sivil termasuk usahanya untuk membangunkan matriks bagi memantau pelaksanaan syor-syor. SUHAKAM dimaklumkan bahawa matriks tersebut telah pun disiapkan dan akan diedarkan kepada kementerian atau agensi pelaksana. Dari segi lain, SUHAKAM bimbang dengan kurangnya usaha oleh kementerian dalam pengukuhan koordinasi domestik dan dalam mengambil langkah ke arah penubuhan sistem penyelarasan dan pemantauan antara kementerian.

2. Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Asia Tenggara

Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Asia Tenggara (SEANF) ialah jaringan sub-serantau enam NHRI, iaitu Indonesia (Komnas HAM), Malaysia (SUHAKAM), Myanmar (MNHRC), Filipina (CHRP), Thailand (NHRCT) dan Timor Leste (PDHJ).

Sebagai pengerusi semasa SEANF, NHRCT telah menjadi tuan rumah kepada dua mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal dan Mesyuarat Tahunan di Thailand. Memandangkan SEANF berfungsi untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Asia Tenggara melalui rangka kerja usahasama, SUHAKAM menjadi penganjur kepada gabungan tiga penjur dengan CHRP dan Komnas HAM untuk menangani isu-isu dan cabaran berhubung isu orang tidak bernegara di Sabah. Pada bulan Julai, SUHAKAM telah menganjurkan mesyuarat dengan kedua-dua NHRI di Sabah dan perbincangan meja bulat yang melibatkan agensi kerajaan dan masyarakat sivil. Memorandum Persefahaman (MoU) sedang dalam proses untuk dimeterai bagi merasmikan kerjasama ini serta menangani isu ini dengan lebih mendalam.

Di samping Mesyuarat Tahunan ke-15 SEANF pada bulan September, SEANF dengan kerjasama OHCHR telah menganjurkan satu sesi perbincangan di Bangkok berhubung dengan Hak Asasi Manusia sebagai Faktor yang Membolehkan Pencapaian Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) sempena memperingati Ulang Tahun ke-70 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR). SUHAKAM memberikan ucapan yang menyasar berhubung Matlamat 16 SDG tentang keamanan, keadilan dan institusi yang kukuh. SEANF turut mengeluarkan kenyataan tentang perangkuman norma hak asasi manusia dalam kebanyakan matlamat SDGs dan peranan NHRI dalam menegakkan aspek SDGs yang berkait rapat dengan hak asasi manusia.

3. Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Asia Pasifik

Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Asia Pasifik (APF) merupakan gabungan 24 NHRI dari rantau Asia Pasifik. APF mempromosi dan memudah cara pembangunan kapasiti ahli-ahli institusi melalui pelbagai program. Sebagai NHRI berstatus 'A', SUHAKAM diberikan hak untuk mengundi dan ikut serta.

Pada tahun 2018, SUHAKAM aktif melibatkan diri dengan APF melalui Mesyuarat Jaringan Serantau APF dan acara-acara sampingan yang diadakan selain mesyuarat jaringan. Melalui mesyuarat sampingan bersama APF dan OHCHR pada Persidangan Antarabangsa GANHRI, perkara yang menjadi tumpuan bersama telah dikenal pasti termasuk bagaimana APF dan OHCHR boleh menyediakan khidmat dan pembangunan kapasiti untuk pengukuhan NHRI. Berikut isu-isu yang dibincangkan:

- Apakah yang diperlukan oleh NHRI daripada Pejabat Serantau OHCHR dan APF?
- Kerjasama NHRI dengan mekanisme Hak Asasi PBB:
 - i. Serahan kepada Badan-badan Triti dan UPR;
 - ii. Serahan kepada Prosedur-prosedur Khas
 - iii. Tindakan susulan terhadap mekanisme di atas dan sistem sedia ada untuk memantau pelaksanaan oleh kerajaan serta tindakan susulan mengenai perkembangannya.

Secara tradisinya, APF memfokuskan usahanya ke peringkat PBB dan strategi ini akan dipertimbangkan semula bagi tahun 2019. Fokus APF kini lebih kepada peringkat serantau dan ASEAN, sementara keterlibatan PBB akan dipindahkan kepada GANHRI selaras dengan pelan strategik mereka.

Pada tahun 2018, SUHAKAM juga telah mengambil bahagian dalam pelbagai program latihan dan telah menyertai Penilaian Kapasiti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia India (NHRC)

4. Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Komanwel

SUHAKAM merupakan ahli Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Komanwel (CFNHRI), iaitu jaringan antarabangsa NHRI merentasi Komanwel. Objektif CFNHRI adalah untuk membangunkan kerjasama, perkongsian maklumat melalui pengalaman dan amalan terbaik sesama ahli dan memajukan hak asasi manusia secara kolektif.

Pada bulan April, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Ireland Utara (NIHRC) selaku Pengerusi semasa CFNHRI, telah mengadakan Mesyuarat Dwi-tahunan CFNHRI dan Forum Wanita Komanwel. Topik tentang "Keganasan terhadap Wanita dan Perempuan" dan

“Menangani Halangan dalam Memperkasakan dalam Komuniti” telah dibincangkan dalam Forum Wanita Komanwel. SUHAKAM telah mengambil peluang untuk membawa isu-isu yang dibangkitkan oleh Jawatankuasa CEDAW semasa penilaian Malaysia yang diadakan pada bulan Februari.

Berdasarkan permintaan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dan Kesamaan, SUHAKAM telah mengambil bahagian dalam projek kajian oleh John Wadham berhubung peranan NHRI dalam mempromosi dan melindungi kebebasan menyuarakan pendapat, berpersatuan dan berhimpun secara aman dalam konteks pilihan raya. Satu laporan tentang hasil kerja SUHAKAM telah diterbitkan berhubung isu-isu ini.

5. Pakatan Global Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan

Pakatan Global Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI) merupakan jaringan antarabangsa NHRI untuk mempromosi dan mengukuhkan pematuhan NHRI dengan Prinsip-prinsip Paris serta menyokong keterlibatan dengan sistem PBB dan juga organisasi antarabangsa yang lain. GANHRI kini mempunyai lebih daripada 100 ahli termasuk SUHAKAM.

SUHAKAM telah menghadiri kedua-dua Mesyuarat Tahunan GANHRI 2018 pada bulan Februari dan Persidangan Antarabangsa GANHRI ke-13 pada bulan Oktober. Tema Persidangan pada tahun ini adalah ialah “Peranan Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan: Memperluas ruang sivik dan mempromosi serta melindungi pejuang hak asasi, dengan fokus terhadap wanita”.

6. Forum Tetap PBB tentang Isu-isu Peribumi

Pada bulan April, SUHAKAM telah menghadiri Sesi ke-17 Forum Tetap PBB tentang Isu-isu Peribumi. Tema pada tahun ini ialah “Hak Masyarakat Peribumi terhadap tanah, wilayah dan sumber”. SUHAKAM telah diundang untuk berucap berkaitan dengan pelbagai isu yang dihadapi oleh masyarakat peribumi di Malaysia dan bagaimana SUHAKAM selaku NHRI memainkan peranannya dalam mempromosi dan melindungi hak-hak masyarakat Peribumi.

7. Pelapor Khas PBB untuk Penjualan dan Eksploitasi Seks Kanak-kanak

Pada 28 September, SUHAKAM menerima kunjungan Maud de Boer-Buquicchio, Pelapor Khas PBB untuk Penjualan dan Eksploitasi Seks Kanak-kanak. Selaku penyokong kerajaan untuk memanjangkan undangan kepada semua prosedur khas dan dalam melaksanakan syor-syor Pelapor Khas yang melawat Malaysia, SUHAKAM telah mengongsikan pemerhatian bebasnya dan syor-syor berhubung isu-isu perkahwinan kanak-kanak.

SUHAKAM telah menyatakan pendiriannya bahawa umur minimum dari segi undang-undang ialah 18 tahun tanpa sebarang pengecualian. Lebih-lebih lagi apabila hukuman rotan masih lagi diamalkan di sekolah-sekolah. SUHAKAM turut memberikan taklimat kepada Pelapor Khas bahawa YB. Hannah Yeoh selaku Timbalan Menteri di Kementerian Pembangunan Wanita dan Pembangunan Masyarakat telah bersetuju dengan projek perintis untuk memindahkan kanak-kanak dalam tahanan ke rumah perlindungan seliaan NGO. SUHAKAM turut memaklumkan kepada Pelapor Tetap PBB bahawa data tentang penderaan seks terhadap kanak-kanak diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA) dan Suruhanjaya telah menggesa Kerajaan untuk menggubal undang-undang kebebasan maklumat bagi menggantikan OSA.

8. Pelapor-pelapor Khas PBB mengenai Hak Asasi Manusia kepada Air Minum dan Sanitasi Selamat

Pada 26 November 2018, SUHAKAM menerima kunjungan Leo Heller, Pelapor Khas PBB mengenai Hak Asasi Manusia kepada Air Minum dan Sanitasi Selamat. Beliau menyatakan bahawa secara umumnya, keadaan di Malaysia adalah baik, namun terdapat beberapa populasi di Malaysia yang diabaikan dari segi keperluan air bersih dan sanitasi.

SUHAKAM menerima aduan-aduan berhubung dua isu utama yang melibatkan air dan sanitasi. Yang pertama ialah sistem tong najis yang masih digunakan di penjara, dan yang kedua ialah kekurangan bekalan air di depoh tahanan imigresen. SUHAKAM turut memberikan taklimat berhubung aduan-aduan yang dibuat oleh Orang Asli berkenaan sekolah yang tidak menyediakan bekalan air bersih.

Harapan Masa Depan

Bagi tahun-tahun akan datang, SUHAKAM bercadang untuk memperluaskan jaringan antarabangnya bagi mendapatkan kerjasama yang lebih erat dan meningkatkan kewujudannya di peringkat antarabangsa. SUHAKAM akan memainkan peranan yang lebih proaktif dengan menggunakan mekanisme PBB melalui penyertaan dan pelaporan secara berkala.

SUHAKAM berbesar hati dengan komitmen yang dibuat oleh Kementerian Luar Negeri untuk UPR dan akan terus bekerja dengan lebih erat lagi dengan pihak kementerian dalam mencapai matlamat tertinggi seperti yang dinyatakan di dalam manifesto Pakatan Harapan iaitu memastikan kedudukan Malaysia di dalam UPR bertambah baik. SUHAKAM akan turut berusaha ke arah mengukuhkan usahanya pada di peringkat ASEAN, iaitu dengan melibatkan diri di dalam sesi dialog yang lebih efektif serta mengenal pasti bidang yang bersesuaian untuk jalinan kerjasama.

Sumber Manusia dan Kewangan

Khidmat Korporat

Bahagian Khidmat Korporat yang diletakkan di bawah penyelarasan Pejabat Setiausaha bertanggungjawab menguruskan pentadbiran dan kewangan SUHAKAM termasuk unit Sumber Manusia dan Teknologi Maklumat (ICT). Pada tahun 2018, SUHAKAM telah disusun semula untuk membolehkannya berfungsi dalam keadaan yang komprehensif dan cekap, dalam melaksanakan pelan kerja tahunannya. Bahagian ini telah berjaya melaksanakan beberapa program dan aktiviti termasuk pembangunan kapasiti, kemahiran pegawai dan kakitangan serta pembangunan pelan kerja tahunan SUHAKAM.

1. Pembangunan Kapasiti Dan Peningkatan Pemahaman

Unit Sumber Manusia meneruskan peranannya untuk menyediakan pelbagai latihan dan kursus sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran pegawai dan kakitangan SUHAKAM dari segi teknikal serta kemahiran dalam bidang hak asasi manusia. Pembangunan latihan dan kursus yang berterusan ini adalah penting bagi memastikan SUHAKAM dapat melaksanakan kuasa dan fungsinya dengan cekap dan lebih berkesan. Latihan dan kursus ini juga berguna untuk meningkatkan pengetahuan, pembangunan kemahiran terhadap subjek hak asasi manusia, pembangunan kerjaya, kebajikan pegawai dan kakitangan SUHAKAM. Di samping itu, pengetahuan berkaitan ICT juga diperluaskan kepada pegawai sebagai kemahiran nilai tambah.

Butiran tentang latihan dalaman yang dijalankan pada tahun ini adalah seperti yang berikut:

BIL.	TARIKH	TAJUK	PENCERAMAH
1.	26 Januari	Taklimat Berhubung Isu-Isu Hak Asasi OKU Penglihatan oleh En. Muhammad Huzaifah Ahmad dari Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia (PPOBM)	En. Muhammad Huzaifah Ahmad (PPOBM)
2.	22 Februari	<i>Responding to Hate Speech and National Action Plan</i> oleh Ms. Bea Bodrogi (Article 19)	Pn. Bea Bodrogi (Article 19)
3.	30 Mac	Taklimat Insurans Berkelompok SUHAKAM	Cik Loo Chee Ju, Encik Ibrahim & Pn. Seri Ruzana (Rosegate Insurance Brokers Sdn. Bhd.)
4.	27 April	Program Kesedaran & Pendidikan MAKNA	En. Shahrin bin Mustapha
5.	1 Jun	Program Sinar Ramadhan Anjuran Kelab Kebajikan & Sukan SUHAKAM (KKSS): "Terima Kasih Ramadhan"	Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila
6.	8 Jun	Program Sinar Ramadhan: "Pesta Pahala"	PU Rahmat Ikhsan
7.	12-13 September	Bengkel Siasatan dan Pemantauan Hak Asasi Manusia, kerjasama Bahagian Aduan & Pemantauan	En. Simon Karunagaram, Pn. Rafidah Yahya dan En. Shahizad Sulaiman
8.	21 September	Sesi Perkongsian Ilmu – Jom Sihat Bersama Dietitian	En. Khairul Azuan
9.	11 October	Latihan Pengurusan Aduan kepada kakitangan dan pegawai Pejabat SUHAKAM Sabah	En. Simon Karunagaram En. Ahmad Zaidi Baharudin

Selain itu, usaha juga dijalankan oleh Unit Sumber Manusia untuk membiayai latihan dan kursus lain yang disediakan oleh pihak ketiga seperti institusi latihan kerajaan dan penyedia latihan swasta sama ada diberikan secara percuma atau dikenakan yuran yang minimum.

BIL.	PENGANJUR	BIL. KURSUS
1.	Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)	9
2.	Majlis Peguam Malaysia	2
3.	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)	1
4.	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	2
5.	Jabatan Akauntan Negara Malaysia	1
6.	United Nations Country Team	1
7.	Institut Latihan Kemahiran dan Perundangan (ILKAP)	1
8.	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)	1
9.	Institut Kemahiran Islam Malaysia (IKIM)	1
10.	Lembaga Hasil Dalam Negeri	1
11.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	1
12.	Syarikat Latihan Swasta	5

Di samping itu, kakitangan SUHAKAM juga diberi peluang untuk menyertai pelbagai latihan dan kursus hak asasi manusia di luar negara seperti yang berikut:

BIL.	TARIKH	TAJUK	PENGANJUR
1.	1 - 4 Mei	<i>Immigration Detention Monitoring Workshop – Bangkok, Thailand</i>	UNHCR
2.	2 Ogos 2018 – 1 Februari 2019	<i>Fellowship Programme with the National Institutions, Regional Mechanisms and Civil Society Section (NRCS) of the Office of the High Commissioner for Human Rights – Geneva, Switzerland</i>	Office of the High Commissioner for Human Rights
3.	24 - 26 September	<i>APF Facilitators Network (AFN) Workshop – Bangkok, Thailand</i>	Asia Pacific Forum
4.	20 - 21 November	<i>Blended Learning Course on Human rights and the Environment in the Framework of Sustainable Development Goals – Component III Regional Meeting for National Human Rights Institutions – Bangkok, Thailand</i>	Raoul Wallenberg Institute

Tidak dinafikan bahawa pembangunan kapasiti dan peningkatan pemahaman untuk pegawai dan kakitangan memerlukan peruntukan kewangan yang mencukupi. Hal ini disebabkan kebanyakan kursus berkaitan hak asasi manusia sering dianjurkan di luar negara. Justeru, SUHAKAM perlu mengehadkan penyertaan pegawai dan kakitangan untuk kursus luar negara kerana peruntukan geran yang diperuntukkan oleh kerajaan setiap tahun adalah sangat terhad. Walau bagaimanapun, SUHAKAM berdasarkan

peruntukan geran tahunan yang terhad, berupaya memberikan pendedahan dan latihan yang mencukupi kepada pegawai dan kakitangannya untuk membolehkan mereka melaksanakan dan menyampaikan tugas dengan sebaik mungkin.

2. Penstrukturan Organisasi

SUHAKAM pada awal tahun ini, telah melaksanakan sedikit penstrukturan semula dengan menggabungkan Bahagian Koordinasi Antarabangsa dan Bahagian Perhubungan Media menjadi satu bahagian. SUHAKAM juga telah melaksanakan pusingan kerja yang melibatkan pegawai bagi mendedahkan mereka kepada suasana kerja dan fungsi yang berbeza untuk memahami hak asasi manusia dari sudut dan perspektif yang berbeza. Pegawai yang terlibat dalam pemindahan disenaraikan dalam jadual di bawah:

BIL.	NAMA PEGAWAI	BAHAGIAN TERDAHULU	BAHAGIAN SEMAKAN
1.	Jesrina Grewal	Perhubungan Media	Koordinasi Antarabangsa dan Perhubungan Media
2.	Wan Kasim Wan Kadir	Koordinasi Antarabangsa	Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan
3.	Mohamad Azizi Azmi	Dasar	Khidmat Korporat
4.	Abdul Rahman Abdullah	Pendidikan dan Latihan	Aduan dan Pemantauan
5.	Shahizad Sulaiman	Aduan dan Pemantauan	Pendidikan dan Latihan
6.	Syamsul Azhar Zamani	Khidmat Korporat	Penerbitan dan Pengurusan Dokumen


3. Analisis Prestasi Kewangan

Seksyen 19 (1) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 menyatakan bahawa kerajaan Malaysia hendaklah menyediakan dana yang mencukupi pada setiap tahun bagi membolehkan SUHAKAM melaksanakan fungsinya. Bagi tahun 2018, SUHAKAM telah menerima geran mengurus sebanyak RM11,116,300 berbanding RM11,616,300 pada tahun 2017, yang mencatatkan sedikit penurunan, iaitu sebanyak 4.3 peratus. Peruntukan dana disalurkan secara berkala seperti di bawah:

BIL.	AGIHAN GERAN PERUNTUKAN	JUMLAH PENERIMA (RM)
1	Suku Tahun Pertama (Jan. – Mac 2018)	2,529,075.00
2	Suku Tahun Kedua (Apr. – Jun 2018)	2,529,075.00
3	Suku Tahun Ketiga (Jul. – Sep. 2018)	2,529,075.00
4	Suku Tahun Keempat (Okt. – Dis. 2018)	2,529,075.00
5	Peruntukan Geran Tambahan	1,000,000.00
	JUMLAH GERAN DITERIMA	11,116,300.00

Pendapatan SUHAKAM terdiri daripada Peruntukan Geran Mengurus yang disalurkan pihak kerajaan secara tahunan selain pendapatan berbentuk hibah dan faedah daripada simpanan tetap dan pendapatan lain termasuk dana projek yang diterima oleh SUHAKAM bagi maksud memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan berhubung hak asasi manusia. Antara sumber pendapatan yang disenaraikan di atas, Peruntukan Geran Mengurus yang disalurkan secara tahunan oleh pihak kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri, merupakan sumber dana utama bagi menjalankan operasi SUHAKAM.

Rajah 1 menunjukkan jumlah Peruntukan Geran Mengurus yang disalurkan kepada SUHAKAM oleh kerajaan antara tahun 2014 dan tahun 2018.



Rajah 1 Peruntukan Geran Mengurus yang disalurkan kepada SUHAKAM oleh kerajaan antara tahun 2014 dan tahun 2018

Keperluan perbelanjaan SUHAKAM sejajar dengan tuntutan masyarakat awam terhadap SUHAKAM untuk menangani lebih banyak isu hak asasi manusia di Malaysia. Bagi tahun 2018, perbelanjaan mengurus berjumlah RM12,001,202.


Perbelanjaan tersebut terdiri daripada perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan dan pembelian aset. Perbelanjaan emolumen merangkumi pembayaran gaji dan upah, elaun tetap, sumbangan berkanun untuk kakitangan, elaun lebih masa dan faedah kewangan lain bagi 83 perjawatan yang diisi bagi tahun 2018.

Perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan terdiri daripada perbelanjaan perjalanan, sara hidup, perhubungan dan utiliti, sewaan, bekalan, penyelenggaraan dan pembaikan, perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti. Kos-kos ini termasuklah perbelanjaan

untuk menjalankan pelbagai program hak asasi manusia seperti kajian dan siasatan lapangan, program meningkatkan kesedaran, lawatan ke tempat-tempat tahanan, dan lain-lain lagi.

Perbelanjaan aset SUHAKAM bagi tahun 2018 termasuklah pembelian komputer dan peralatan, selain bahan-bahan bacaan.

Rajah 2 menunjukkan jumlah perbelanjaan SUHAKAM dari tahun 2014 hingga tahun 2018.




Rajah 2 Perbelanjaan SUHAKAM dari tahun 2014 hingga tahun 2018

Perbelanjaan SUHAKAM bagi tahun 2018, tidak mengambil kira susut nilai aset dan hapus kira adalah seperti yang berikut:

Jadual 1 Perbelanjaan SUHAKAM, 2018

PERBELANJAAN	JUMLAH (RM)	PERATUSAN PERBELANJAAN
Emolumen	5,420,848	45.17%
Perkhidmatan dan Bekalan	6,379,285	53.16%
Aset	39,024	0.33%
Ganjaran dan Pembayaran Tetap	159,626	1.33%
Lain-lain Perbelanjaan	2,419	0.02%
Jumlah Keseluruhan	12,001,202	100%

Rajah 3 menunjukkan perbandingan jumlah Peruntukan Geran Mengurus dan perbelanjaan mengurus tahunan SUHAKAM antara tahun 2014 dan tahun 2018.



Rajah 3 Peruntukan Geran Mengurus dan perbelanjaan operasi tahunan

4. Penyata Kewangan SUHAKAM, 2014-2018

Berikut ialah Penyata Kewangan SUHAKAM termasuk Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan SUHAKAM dari tahun 2014 hingga tahun 2018.

Jadual 2 Penyata Pendapatan bagi tahun 2014-2018

PENYATA PENDAPATAN	2014	2015	2016	2017	2018
PENDAPATAN					
Geran Kerajaan	10,469,700	8,898,822	5,953,930	11,616,300	11,116,300
Pendapatan Lain	-	292,138	67,687	269,806	217,779
Perbelanjaan Pengurusan	(10,604,764)	(11,400,262)	(10,034,682)	(11,352,468)	(12,141,788)
Pendapatan Kewangan	166,242	170,478	87,832	14,211	11,817
LEBIHAN/ (KURANGAN) TAHUN SEMASA	31,178	(2,038,824)	(3,925,233)	547,849	(818,162)

Jadual 3 Penyata Kedudukan Kewangan bagi Tahun 2014 - 2018

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	2014	2015	2016	2017	2018
ASET BUKAN SEMASA					
Loji, Tanah dan Peralatan	659,861	734,670	532,137	446,154	283,298
Jumlah Aset Bukan Semasa	659,861	734,670	532,137	446,154	283,298

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	2014	2015	2016	2017	2018
ASET SEMASA					
Faedah Terakru	10,075	15,347	1,121	-	2,552
Depositi dan Pelbagai Penghutang	625,229	792,943	636,246	631,607	628,704
Simpanan Tetap	4,533,000	3,733,000	400,000	-	1,000,000
Tunai dan Baki Di Bank	2,434,363	1,126,100	590,712	1,659,062	2,943,268
Jumlah Aset Semasa	7,602,667	5,667,390	1,628,079	2,290,669	4,578,524
Jumlah Aset	8,262,528	6,402,060	2,160,216	2,736,823	4,861,822
EKUITI					
Lebih / (Kurangan) Terkumpul	7,944,303	7,975,481	5,936,927	2,011,694	2,559,543
Lebih / (Kurangan) Tahun Semasa Bawa Ke hadapan	31,178	-2,038,554	-3,925,233	547,849	(818,162)
Jumlah Ekuiti	7,975,481	5,936,927	2,011,694	2,559,543	1,741,381
LIABILITI SEMASA					
Pelbagai Pemiutang dan Akruan	454,761	297,419	148,522	177,280	3,120,441
Jumlah Liabiliti Semasa	454,761	297,419	148,522	177,280	3,120,441
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti	8,430,242	6,234,346	2,160,216	2,736,823	4,861,822

NISBAH KEWANGAN	2014	2015	2016	2017	2018
Nisbah Semasa	16.72	19.06	10.96	12.92	1.47
Nisbah Kecairan	15.34	16.39	6.68	9.36	1.26
Nisbah Hutang	0.06	0.05	0.07	0.07	1.79
Nisbah Pemilikan	15.54	19.96	13.54	14.44	0.56
Nisbah Ekuiti	0.97	0.93	0.93	0.94	0.36

Harapan Masa Depan

Cabaran utama yang dihadapi oleh SUHAKAM dalam melaksanakan mandatnya pada tahun ini ialah kekangan kewangan. Walau bagaimanapun, SUHAKAM optimis bahawa jumlah peruntukan geran daripada kerajaan akan meningkat pada tahun depan seperti yang diperuntukkan oleh Akta, yang akan digunakan oleh SUHAKAM untuk melaksanakan mandat hak asasi dengan berkesan.



LAMPIRAN

KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA 2018

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Penubuhan Mahkamah Khas bagi kes Pemerdagangan Manusia	13 Januari
2.	Pengumuman penamatan Siasatan Awam berhubung kehilangan Pastor Raymond Koh	16 Januari
3.	Hak kepada pendidikan	24 Januari
4.	Keadaan Lokap Polis Ayer Molek	3 Februari
5.	Keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes penukaran agama sebelah pihak	6 Februari
6.	Penilaian ke atas Malaysia Semasa Sesi Ke- 69 Jawatankuasa Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW)	27 Februari
7.	Hari Wanita Sedunia 2018	7 Mac
8.	Keputusan Mahkamah Sesyen terhadap kes Datin Rozita	20 Mac
9.	Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar 2018 (RUU)	28 Mac
10.	Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14)	11 April
11.	Pelancaran Laporan Persidangan mengenai Demokrasi di Asia Tenggara	23 April
12.	SUHAKAM akan memantau Pilihan Raya Umum Ke-14	26 April
13.	Hari Kebebasan Akhbar Sedunia 2018	4 Mei
14.	Pilihan Raya Umum Ke-14	8 Mei
15.	Malaysia meraikan keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14)	10 Mei
16.	Pelantikan Perdana Menteri Malaysia Yang Ke – 7	10 Mei
17.	Hak kepada kebebasan untuk bergerak	16 Mei
18.	Sekatan perjalanan ke Sarawak	25 Mei
19.	Laporan Tahunan SUHAKAM	1 Jun

BIL.	PERKARA	TARIKH
20.	Keputusan untuk menyiasat Datuk A. Kadir Jasin dan Hishamuddin Rais	8 Jun
21.	Hari Pelarian Sedunia	20 Jun
22.	Penahanan Siti Kasim	25 Jun
23.	Hari Antarabangsa Menyokong Mangsa Penyiksaan	26 Jun
24.	Perkahwinan Kanak-Kanak	1 Julai
25.	Kenyataan Media Bersama (CENTHRA) berkenaan UNCAT	2 Julai
26.	Kenyataan Balas SUHAKAM terhadap kenyataan Menteri Luar Negeri	3 Julai
27.	Prosedur Operasi Standard (SOP) perkahwinan kanak-kanak	6 Julai
28.	Perletakan jawatan Setiausaha Akhbar sementara kepada Menteri Belia dan Sukan	10 Julai
29.	Setiap kanak-kanak tidak sah taraf berhak untuk membawa nama ibubapa dan/ atau bapa kandungnya	31 Julai
30.	Hari Orang Asal Sedunia	9 Ogos
31.	Pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Di Parlimen pada bulan Oktober: RUU Anti-Diskriminasi, RUU Harmoni Nasional dan Suruhanjaya Pendamaian dan RUU Kebencian Agama Dan Kaum	10 Ogos
32.	Hukuman sebatan terhadap dua wanita atas cubaan mereka untuk mengadakan hubungan sejenis (lesbian)	15 Ogos
33.	100 Hari prestasi pemerintahan Kerajaan	17 Ogos
34.	Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA)	29 Ogos
35.	Selamat Hari Merdeka	31 Ogos
36.	Hukuman sebatan secara umum terhadap dua wanita di Terengganu	4 September
37.	Penangkapan Pengikut Syiah Di Kelantan	6 September
38.	Perkahwinan Kanak-Kanak	19 September
39.	SUHAKAM tidak menyokong perkahwinan sejenis di Malaysia	22 September
40.	Pendidikan Tahfiz	23 September
41.	Perlantikan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)	5 Oktober

BIL.	PERKARA	TARIKH
42.	Sekatan perjalanan Pesuruhjaya Jerald Joseph ke Negeri Sarawak	18 Oktober
43.	Pemansuhan Hukuman Mati dan Akta Hasutan 1948	19 Oktober
44.	Pelaksanaan Hukuman Mati Prabu Pathmanathan	26 Oktober
45.	Penyertaan ICERD	31 Oktober
46.	Penilaian Berkala Sejagat (UPR) kali ke-3	5 November
47.	Penyempurnaan UPR ke-3 Malaysia	14 November
48.	Larangan Merokok	14 November
49.	Menghormati kesucian semua rumah ibadat	27 November
50.	SUHAKAM kesal dengan keputusan Kerajaan untuk tidak menyertai ICERD	27 November
51.	SUHAKAM kesal dengan salah lapor akhbar tentang sambutan Hari Hak Asasi Manusia	6 Disember
52.	Penangguhan Sambutan Hari Hak Asasi Manusia 2018	7 Disember

LAMPIRAN II

SENARAI AKTIVITI 2018

CMG - Kumpulan Kerja Aduan dan Pemantauan	MRD - Bahagian Hubungan Media
ETD - Bahagian Pendidikan dan Latihan	LITD - Bahagian Undang-undang dan Titi Antarabangsa
POD - Bahagian Promosi dan Kemasyarakatan	SABAH - Pejabat Sabah
ICD - Bahagian Koordinasi Antarabangsa	SARAWAK - Pejabat Sarawak
ESCRD - Bahagian Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan	SUHAKAM - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
1.	1 Jan	Program Susulan Kesedaran Mengenai Hak Kanak-Kanak Kepada Keselamatan di MRSM Tumpat	Kelantan	ETD
2.	8 Jan	Seminar Status Sekolah Tahfiz Dalam Pendidikan Negara – “Dimana dan Ke Mana Akhirnya” di UKM	Selangor	ETD
3.	8-10 Jan	Pelan Kerja Tahunan SUHAKAM	Kuala Lumpur	SUHAKAM
4.	9 Jan	Lawatan dan Menemubual OKT - Janhangir Basharat dan Ahmed Basharat	Lokap Berpusat IPD Shah Alam, Selangor	CMG
5.	11 Jan	Lawatan susulan ke Lokap Balai Polis Ayer Molek	Johor	CMG
6.	15-16 Jan	Majlis Menandatangani MoU antara SUHAKAM dengan UUM	Sintok, Kedah	ETD
7.	16 Jan	Siasatan Awam Berkenaan Kes Kehilangan Pastor Raymond Koh, Amri Che Mat dan Joshua & Ruth Hilmy – Sesi 12 (Kes Pastor Raymond Koh)	SUHAKAM Kuala Lumpur	CMG
8.	17 Jan	Lawatan kes berkaitan aduan 200 Pelajar Sabah dan Sarawak di Akademi Master Weld	Puchong, Selangor	CMG

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
9.	18 Jan	Sidang Media Pengumuman Siasatan Kematian S. Balamurugan & Soh Kai Chiok	EAIC, Putrajaya	CMG
10.	17 Jan	Syarahan " <i>The Realization of Human Rights</i> " in the Muslim World: Lessons from the Islamic Tradition	Putrajaya	ETD
11.	18 Jan	Lawatan ke Felda Trolak	Perak	ETD
12.	19-20 Jan	Jemputan ceramah pendidikan dan hak tanah adat kepada komuniti Orang Asli Kg. Nenasi, Pekan	Pahang	ETD
13.	22 Jan 24 Jan 25 Jan	Siasatan Awam Berkenaan Kes Kehilangan Pastor Raymond Koh, Amri Che Mat Dan Joshua & Ruth Hilmy – (Kes Amri Che Mat) Sesi 1 Sesi 2 Sesi 3	SUHAKAM Kuala Lumpur	CMG
14.	23 Jan	Lawatan kes ke Penjara Sungai Buloh berkaitan aduan daripada Sunil Singh A/L Udham Singh	Selangor	CMG
15.	23 Jan	Lawatan kerja dan ceramah mengenai SUHAKAM di Majlis Adat Istiadat Sarawak	Sarawak	SARAWAK
16.	26 Jan	Mesyuarat susulan bersama Masjid Bandar Seri Putra	Bangi, Selangor	POD
17.	29 Jan	Kunjungan hormat kepada YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Kompleks Islam Putrajaya	SUHAKAM
18.	29 Jan	Taklimat hak asasi manusia kepada anggota Polis DiRaja Malaysia di Maktab Polis Cheras	Kuala Lumpur	ETD
19.	29 Jan	Lawatan ke Lokap AADK, Hilir Perak	Perak	CMG
20.	29-30 Jan	Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Pegawai Kanan Jabatan Imigresen	Putrajaya	ETD
21.	30 Jan	Lawatan ke Rumah Seri Kenangan	Taiping, Perak	CMG
22.	30 Jan	Lawatan ke Sekolah Menengah Sains Kuching	Kuching, Sarawak	SARAWAK

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
23.	4 Feb	Pameran SUHAKAM bersempenan Program Kenduri 1 Wilayah Persekutuan Anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL	Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur	POD
24.	5 Feb	Program susulan kesedaran mengenai hak kanak-kanak kepada keselamatan di MRSM Pasir Salak	Perak	ETD
25.	5 Feb	Ceramah hak asasi manusia kepada rekrut PTD dan Pegawai INTAN	Kuala Lumpur	ETD
26.	6 Feb	Mesyuarat berkenaan Program Kenduri 1 Wilayah Persekutuan Peringkat Parlimen Kepong Tahun 2018 Bil. 4/2018	Kepong, Kuala Lumpur	POD
27.	7-8 Feb	Merekod keterangan pegawai polis berkenaan siasatan awam kes kehilangan Amri Che Mat	Kangar, Perlis	CMG
28.	9 Feb	Mesyuarat susulan bersama AIM, SUARAM, Majlis Peguam dan LFL berkenaan kempen UNCAT	SUHAKAM Kuala Lumpur	POD
29.	10-11 Feb	Program Mobile CTC Daerah Semporna	Sabah	SABAH
30.	11 Feb	Program penerangan hak tanah adat dan hak asasi manusia kepada komuniti Kampung Orang Asli Sega	Pekan, Pahang	CMG
31.	12-13 Feb	Lawatan Berkaitan Kes Orang Asli Kampung Berangsang	Rompin, Pahang	CMG
32.	13 Feb	Mesyuarat berkenaan Program Kenduri 1 Wilayah Persekutuan Peringkat Parlimen Kepong Tahun 2018 Bil. 5/2018	Kepong, Kuala Lumpur	POD
33.	13 Feb	Lawatan ke Sekolah Kebangsaan Dato Mohd Musa,	Kota Samarahan Sarawak	SARAWAK
34.	13 Feb	Ceramah Bagi Program Ijtimak Pentadbir Pentadbir-Pentadbir Maahad Tahfiz dan Pondok Negeri Pahang 2018 (Zon Pahang Barat)	Raub, Pahang	ETD
35.	14 Feb	Jemputan ceramah mengenai langkah-langkah mempertahankan hak tanah di Kampung Tisong	Sungkai, Perak	CMG

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
36.	14 Feb	Lawatan kes ke Depot Tahanan Imigresen Bukit Jalil berkaitan aduan Mohd Salim Majid	Kuala Lumpur	CMG
37.	19 Feb	Peguam Pemerhati Bagi Kes Semakan Kehakiman Persempadanan Semula Pilihan Raya	Mahkamah Persekutuan Putrajaya	LITD
38.	19 Feb	Program susulan kesedaran mengenai hak kanak-kanak kepada keselamatan di MRSM Taiping	Perak	ETD
39.	21 Feb	Lawatan ke Sekolah Agama Maahad Muhammad (Lelaki) Kota Bharu	Kelantan	CMG
40.	22 Feb	Lawatan Kes Ke Ibupejabat Polis Kotinjen Kelantan berhubung kes kematian pegawai kastam maut dirempuh tonto pada 8 Oktober 2016	Kelantan	CMG
41.	22 Feb	Lawatan ke Lokap AADK, Kuala Selangor	Selangor	CMG
42.	23 Feb	Program susulan kesedaran mengenai hak kanak-kanak kepada keselamatan di MRSM Kuching	Sarawak	ETD
43.	24 Feb	Jemputan menghadiri Program Mengemaskini Undang-Undang Adat dan Adat Masyarakat Orang Hulu (Asli) Puak Suku Jakun dan Lawatan Ke Sekolah Agama Bersama Majlis Agama Islam Negeri Johor di Segamat	Johor	ETD
44.	24 Feb	Pameran SUHAKAM bersempena Program Kenduri 1 Wilayah Persekutuan Anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL	Kepong, Kuala Lumpur	POD
45.	27 Feb	SUHAKAM bersama Masyarakat	Bintangor Sarawak	SARAWAK
46.	27 Feb	Lawatan ke IPD Kuala Selangor	Kuala Selangor, Selangor	CMG
47.	27 Feb	Lawatan ke IPD Sabak Bernam	Sabak Bernam, Selangor	CMG
48.	28 Feb	Lawatan ke Rumah Kebajikan Darul Islah Sabak Bernam	Kuala Selangor, Selangor	CMG

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
49.	28 Feb	Forum Mengenai Pelaksanaan Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya (2006) dan Akta Orang Kurang Upaya 2008	Sibu Sarawak	SARAWAK
50.	28 Feb	Pemantauan Aksesibiliti Kemudahan Awam - Bangunan Pematuhan Standard CRPD dan Undang-undang lain sekitar Bandaraya Sibu	Sarawak	SARAWAK
51.	1 Mac	Lawatan ke SMK Rosli Dhoby	Sibu Sarawak	SARAWAK
52.	2 Mac	Mesyuarat susulan AIM, SUARAM, Majlis Peguam dan LFL berkenaan Kempen UNCAT	Pejabat SUARAM, Petaling Jaya, Selangor	POD
53.	2 Mac	Mesyuarat bersama IM4U	Puchong, Selangor	POD
54.	3 Mac	Jemputan menghadiri perjumpaan meja bulat Penyelarasan Tuntutan Tanah Adat Orang Asli	Macan, Pahang	ETD
55.	5 Mac	Lawatan ke Cure & Care Rehabilitation Centre, AADK Serendah, Hulu Selangor	Selangor	CMG
56.	5 Mac	Lawatan kes ke Pusat Asuhan Tunas Islam (Pasti) Nurul Iman Jasin, Melaka	Melaka	CMG
57.	6 Mac	Siasatan awam ke atas kes kehilangan Pastor Raymond Koh Keng Joo – Sesi 13	SUHAKAM Kuala Lumpur	CMG
58.	6 Mac	Mesyuarat bersama Persatuan Penduduk Kondo Rakyat Desa Pantai, Pantai Dalam berkenaan program SUHAKAM Bersama Masyarakat	Pantai Dalam, Kuala Lumpur	POD
59.	6 Mac	Peguam Pemerhati bagi kes kewarganegaraan	Mahkamah Persekutuan Putrajaya	LITD
60.	7 Mac	Forum Hala Tuju dan Masa Depan Orang Asli di Malaysia	ILKAP, Bangi, Selangor	ETD
61.	7 Mac	Lawatan ke IPD Sepang berkenaan kes Sultan Ali Salleh Ahmed	IPD Sepang, Selangor	CMG

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
62.	8 Mac	Lawatan ke Penjara Penor berhubung kes Ahmad Faqis bin Ismail	Kuantan, Pahang	CMG
63.	9 Mac	Mesyuarat susulan bersama Masjid Bandar Seri Putra	Bangi, Selangor	POD
64.	10 Mac	Mesyuarat bersama Persatuan Penduduk PPR Beringin, Kepong berkenaan SUHAKAM Bersama Masyarakat	Kepong, Selangor	POD
65.	10 Mac	Program kesedaran mengenai hak kanak-kanak kepada keselamatan di MRSM Jeli	Kelantan	ETD
66.	12 Mac	Sesi Dialog bersama agensi Kerajaan Negeri Kelantan dan masyarakat Orang Asli	Kota Bharu, Kelantan	ESCRD CMD
67.	12 Mac	Lawatan ke <i>Cure & Care Rehabilitation Centre</i> AADK Perlop	Kuala Kangsar, Perak	CMG
68.	12 – 13 Mac	Jemputan ceramah hak pendidikan dan hak tanah adat kepada komuniti Orang Asli Kg. Pisau Patah dan Kg. Terubing Simpai Lama	Pahang	ETD
69.	13 Mac	Lawatan ke Sekolah Kebangsaan Tambay	Kota Samarahan, Sarawak	SARAWAK
70.	13 Mac	Lawatan ke Penjara Sungai Buloh, Selangor berkenaan penahanan komuniti Uighur	Selangor	CMG
71.	13 Mac	Lawatan kes ke Penjara Taiping berkenaan tahap kesihatan banduan, Tamilselvan A/L Letchumanan	Taiping, Perak	CMG
72.	13 – 14 Mac	Kursus hak asasi manusia kepada Pegawai AADK	Sg. Petani, Kedah	ETD
73.	14 Mac	Mesyuarat bersama Persatuan Farmaseutikal Malaysia mengenai akses kepada ubat	SUHAKAM Kuala Lumpur	ESCRD
74.	14 Mac	Mesyuarat dengan MTAAG+ mengenai cadangan kerjasama untuk menjalankan pemeriksaan HEP C di Penjara	SUHAKAM Kuala Lumpur	ESCRD

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
75.	15 Mac	Lawatan ke Depot Imigresen Semenyih	Selangor	CMG
76.	15 Mac	Lawatan ke Depoh Imigresen Lenggeng	Selangor	CMG
77.	16 Mac	Dialog bersama CSO berkenaan Laporan UPR	SUHAKAM Kuala Lumpur	ICD
78.	17-18 Mac	Pameran SUHAKAM bersempena Program Fiesta NBOS Mesra Rakyat Anjuran Kementerian Kewangan	Segamat, Johor	POD
79.	19 Mac 20 Mac 21 Mac	Siasatan Awam Berkenaan Kes Kehilangan Pastor Raymond Koh, Amri Che Mat dan Joshua & Ruth Hilmy (Kes Amri Che Mat) – Sesi 4 Sesi 5 Sesi 6	SUHAKAM Kuala Lumpur	CMG
80.	20 Mac	Bengkel hak asasi manusia untuk Jabatan Penjara Malaysia Siri 1 di Akademi Koreksional Malaysia	Langkawi, Kedah	ETD
81.	21 Mac	Lawatan Kerja ke Pejabat Daerah Bau dan pemantauan lokap Balai Polis Daerah Bau	Bau, Sarawak	SARAWAK
82.	24 Mac	Taklimat sempena Simposium dan Festival Belia Selangor 2018 di UiTM	Shah Alam, Selangor	POD
83.	24 Mac	Kursus hak asasi manusia kepada Pegawai Penjara di Maktab Penjara Kajang	Selangor	ETD
84.	25 Mac	SUHAKAM Bersama Masyarakat di PPR Beringin	Kepong, Selangor	POD
85.	26 Mac	Peguam Pemerhati bagi kes kebebasan agama	Mahkamah Persekutuan Putrajaya	LITD
86.	27-28 Mac	Merekod keterangan anggota AADK berhubung dakwaan layanan kekerasan dan menjatuhkan macuah terhadap Ahmad Zafwan bin Mohd Al Zahari	Kubang Pasu, Kedah	CMG
87.	28 Mac	Lawatan ke Pusat Tahanan Reman AADK	Serdang, Kedah	CMG

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
88.	29 Mac	Perjumpaan bersama NGO di Kuching	Pejabat SUHAKAM Sarawak	Sarawak CMG
89.	29 Mac	SUHAKAM Bersama Masyarakat	Pantai Dalam, Kuala Lumpur	POD
90.	29 Mac	Program susulan kesedaran mengenai hak kanak-kanak kepada keselamatan di MRSM Pontian	Johor	ETD
91.	29 – 30 Mac	Lawatan Sekolah ATHAM di SK Bukit Bangkong dan SJK(T) Sepang, Kuala Selangor	Selangor	ETD
92.	31 Mac	'Youth for Rights' programme	Shah Alam, Selangor	POD
93.	31 Mac	Pameran SUHAKAM bersempena <i>Law Society HELP University's programme titled "The Tan Sri Dato' Seri Dr Abdul Malek Law Student' Conference 2018"</i>	Subang Bestari, Selangor	POD
94.	2 Apr 3 Apr 12 Apr	Siasatan Awam Berkenaan Kes Kehilangan Pastor Raymond Koh, Amri Che Mat dan Joshua & Ruth Hilmy (Kes Amri Che Mat) - Sesi 7 Sesi 8 Sesi 9	SUHAKAM Kuala Lumpur	CMG
95.	4 Apr	Lawatan ke Penjara Sungai Buloh berkenaan penahanan sebelas individu berbangsa Uighur	Selangor	CMG
96.	5 Apr	Mesyuarat bersama Kementerian Kewangan berhubung Program Fiesta NBOS mesra rakyat anjuran Kementerian Kewangan	Putrajaya	POD
97.	9 Apr	Program kesedaran mengenai hak kanak-kanak kepada keselamatan di MRSM Kota Putra dan Besut	Terengganu	ETD
98.	10 Apr	Lawatan kes Jaayendiran A/L Kumaresan di IPD Kuala Selangor	Selangor	CMG
99.	10 Apr	Menemubual dan mengambil keterangan berkenaan penahanan beberapa individu di bawah tahanan SOSMA di Penjara Taiping	Perak	CMG

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
100.	11 Apr	Lawatan kes ke Depot Imigresen Juru berkenaan tahanan, Hammad Ahmed Masroor	Pulau Pinang	CMG
101.	12 Apr	Lawatan kes ke Penjara Sungai Buloh berkenaan aduan Vinod Raj A/L K. Ananthan	Selangor	CMG
102.	12 Apr	Lawatan kes ke IPD Subang Jaya dan IPD Petaling Jaya Berhubung Dakwaan 8 Orang OKT Yang Dipukul Semasa Sesi Soal Siasat	Selangor	CMG
103.	15 Apr	Pameran SUHAKAM berkenaan Program Fiesta NBOS Mesra Rakyat anjuran Kementerian Kewangan	Bentong, Pahang	POD
104.	16 Apr	Program kesedaran mengenai hak kanak-kanak kepada keselamatan di MRSM Batu Pahat	Johor	ETD
105.	16 Apr	Lawatan kerja dan pemantauan lokap di IPD Padawan	Sarawak	SARAWAK
106.	16 Apr	Lawatan kerja dan ceramah bersama ketua masyarakat dan ketua kampung di bawah tadbiran Pejabat Daerah Kecil Padawan dan Pejabat Daerah Kecil Siburan	Sarawak	SARAWAK
107.	16 – 17 Apr	Lawatan pemantauan ke Sekolah ATHAM, SMK Dato' Harun, Tg. Karang dan SMK Batu Unjur, Klang	Selangor	ETD
108.	16 Apr	Lawatan dan merekod keterangan pegawai penyiasat di IPD Kulai, Johor	Johor	CMG
109.	18 Apr	Lawatan ke Bandar Laguna Merbok, Sungai Petani dan Klinik Kesihatan Kota Kuala Muda	Kedah	CMG
110.	18 Apr	Lawatan ke Rumah Seri Kenangan Johor Bahru	Johor	CMG
111.	18 Apr	Latihan Seni Reka Grafik dan Hak Asasi Manusia	INTAN, Kuala Lumpur	SUHAKAM
112.	18 – 19 Apr	Lawatan pemantauan Sekolah ATHAM, SMK Engku Hussien, Semenyih dan SMK Taman Desa 2, Rawang	Selangor	ETD

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
113.	20 Apr	Perbincangan meja bulat berkenaan Pematuhan Sosial dan Hak Asasi Manusia FGV	Putrajaya	ETD
114.	20 Apr	Mesyuarat susulan bersama Masjid Bandar Seri Putra	Bangi, Selangor	POD
115.	20 Apr	Lawatan ke Rumah Seri Kenangan Kangar	Perlis	CMG
116.	20 Apr	Lawatan ke Lokap Berpusat Shah Alam berkenaan kes kematian Thanabalan A/L Subramaniam	Shah Alam	CMG
117.	21 Apr	Ceramah Hak Asasi Manusia kepada Mahasiswa/Siswi UNIMAP	Perlis	ETD
118.	21 Apr	Program Mobile CTC Daerah Penampang	Sabah	SABAH
119.	21-22 Apr	Program Sejiwa Senada 2018	Saratok, Sarawak	SARAWAK
120.	23 Apr	Mesyuarat berkenaan program "Life Day" di Platinum Sentral	Kuala Lumpur	POD
121.	23 Apr	Pelancaran Laporan: <i>"Democracy in Southeast Asia: Achievements, Challenges, And Prospects"</i>	Bar Council Kuala Lumpur	SUHAKAM MRD
122.	24 Apr	Perbincangan mengenai kepentingan media dalam pilihan raya yang bebas dan adil	SUHAKAM Kuala Lumpur	MRD
123.	24-25 Apr	Seminar Hak Asasi Manusia	UMS, Sabah	SABAH
124.	24 Apr	Lawatan ke Lokap Berpusat Shah Alam berkenaan kes kematian Thanabalan A/L Subramaniam	Selangor	CMG
125.	24 Apr	Bengkel hak asasi manusia untuk Jabatan Penjara Malaysia Siri 2 di PULAPEN, Taiping	Perak	ETD
126.	24 Apr	Lawatan Pemantauan ke Sek. Agama Menengah Muhammadiyah, Pekan Sabak dan Sek. Agama Menengah Agama Bagan Terap	Selangor	ETD
127.	26 Apr	Mesyuarat susulan bersama SUARAM, Majlis Peguam dan LFL berkenaan kempen UNCAT	Petaling Jaya, Selangor	POD

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
128.	25 Apr	Melawat SK Melut dan SK Sg. Judah, Kuala Selangor Bersama Penyelidik dari England berkenaan Pendidikan Kanak-kanak Orang Asli di Malaysia	Selangor	ETD
129.	25 – 26 Apr	Program: "Kempen Katakan Tidak kepada Buli" dan kepimpinan pelajar (Kolaborasi UUM-SUHAKAM) di SK Pokok Sena, Kota Setar dan SMK Sungai Tiang, Pendang	Kedah	ETD
130.	26 Apr	Lawatan ke Jabatan Kastam Diraja Malaysia	Putrajaya	CMG
131.	26 Apr	Lawatan ke Penjara Pulau Pinang berhubung kes Tamilselvan A/L Subramaniam	Pulau Pinang	CMG
132.	27 Apr	Lawatan ke Pusat Tahanan Reman AADK Kampung Selamat, Tasek Gelugor	Pulau Pinang	CMG
133.	27 Apr	Lawatan ke Depot Tahanan Imigresen Belantik	Kedah	CMG
134.	28 Apr	Pemantauan Semasa Hari Penamaan Calon Pilihanraya Umum Ke-14	Kuala Lumpur, Selangor dan Kedah	CMG
135.	28-29 Apr	Program Mobile CTC Sandakan	Sandakan	SABAH
136.	29 Apr	Program kesedaran mengenai hak kanak-kanak kepada keselamatan di MRSM Kubang Pasu	Kedah	ETD
137.	30 Apr	Ceramah hak asasi manusia kepada Pegawai di INTAN Bukit Kiara	Kuala Lumpur	ETD
138.	2 Mei	Program "Youth for Rights" di UniKL	Gombak, Kuala Lumpur	POD
139.	3 Mei	Peguam Pemerhati bagi kes berkaitan Pilihan Raya	Mahkamah Majistret, Kuala Lumpur	LITD
140.	3 Mei	Lawatan kerja ke Penjara Puncak Borneo dan siasatan berhubung aduan yang diterima	Sarawak	SARAWAK
141.	3 Mei	Bengkel Pemurnian Modul Pendidikan Hak Asasi Manusia Pasca UPSR dan PT3	SUHAKAM, Kuala Lumpur	ETD

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
142.	9 Mei	Program kesedaran mengenai hak kanak-kanak kepada keselamatan di MRSM Tun Ghafar Baba, Jasin	Melaka	ETD
143.	6-10 Mei	Pemantauan Pilihan raya Umum Ke-14	Kuala Lumpur, Selangor, Kedah, Kelantan, Perak, Sabah, Sarawak, Perlis, Pahang dan Negeri Sembilan	CMG
144.	16 Mei	Pemakluman Keputusan Panel Siasatan Awam Kes Kehilangan Pastor Raymond Koh - Sesi 14 (Kes Pastor Raymond)	SUHAKAM Kuala Lumpur	CMG
145.	16 Mei 17 Mei 30 Mei 31 Mei	Siasatan Awam Berkenaan Kes Kehilangan Pastor Raymond Koh, Amri Che Mat dan Joshua & Ruth Hilmy – (Kes Amri Che Mat) Sesi 10 Sesi 11 Sesi 12 Sesi 13	SUHAKAM Kuala Lumpur	CMG
146.	10 Mei	Ceramah hak asasi manusia kepada Pegawai Penjara di Penjara Seremban	Negeri Sembilan	ETD
147.	14 Mei	Perjumpaan Bersama Penyelidik dari UNICEF berkenaan Pendidikan Kanak-Kanak Orang Asli	Kuala Lumpur	ETD
148.	14 - 15 Mei	Program Induksi/Latihan Kepimpinan Penggerak Malaysia Untuk Jawatankuasa Majlis Antarabangsa Penggerak Malaysia (PMIC) anjuran Bersama PMIC.	SUHAKAM Kuala Lumpur	ETD
149.	15 Mei	Pameran SUHAKAM bersempenan program "Life Day" di Platinum Sentral	Kuala Lumpur	POD
150.	16 Mei	Mesyuarat susulan bersama AIM, SUARAM, Majlis Peguam dan LFL berkenaan kempen UNCAT	Petaling Jaya, Selangor	POD

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
151.	21-22 Mei	Merekod keterangan berhubung dakwaan penganiayaan dan salah guna kuasa dalam laporan pengesahan jawatan pegawai	Sungai Petani, Kedah	CMG
152.	22 Mei	Program asas pencegahan penderaan seksual di sekolah dan komuniti di kalangan Kanak-kanak Orang Asli	Perak	ETD
153.	23 - 24 Mei	Ceramah hak asasi manusia di PULAPOL	Kuala Lumpur	ETD
154.	24 Mei	Merekod keterangan anggota polis berhubung kehilangan Amri Che Mat	Kangar Perlis	CMG
155.	24 Mei	Lawatan kes ke Penjara Simpang Renggam dan Pusat Koreksional Ulu Choh	Johor	CMG
156.	24 Mei	Mesyuarat susulan bersama USAS berkenaan program SUHAKAM Bersama Masyarakat	Kuala Kangsar, Perak	POD
157.	25 Mei	Lawatan kes ke Depot Tahanan Imigresen Pekan Nenas	Johor	CMG
158.	25 Mei	Lawatan kes ke Balai Polis Kajang	Selangor	CMG
159.	28 Mei	Persidangan Kebangsaan Mengenai Hukuman Mati	Kuala Lumpur	LITD
160.	2-3 Jun	Pameran SUHAKAM bersempena <i>Greenpeace Malaysia's programme titled "The Rainbow Warrior"</i>	Klang, Selangor	POD
161.	4 Jun	Forum 'Pengurusan Hutan Lestari dan Harapan Baru untuk Malaysia' bersempena Hari Alam Sekitar Sedunia, dianjurkan bersama dengan Greenpeace	Klang, Selangor	ESCRD
162.	7 Jun 26 Jun	Siasatan Awam Berkenaan Kes Kehilangan Pastor Raymond Koh, Amri Che Mat Dan Joshua & Ruth Hilmy – (Kes Amri Che Mat) Sesi 14 Sesi 15	SUHAKAM Kuala Lumpur	CMG

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
163.	8 Jun	Lawatan ke Jabatan Kastam Di Raja Malaysia berhubung kes kematian pegawai kastam	Putrajaya	CMG
164.	11-12 Jun	Lawatan berkenaan penahanan beberapa individu di bawah SOSMA di Penjara Taiping	Perak	CMG
165.	12 Jun	Mesyuarat bersama JAKIM	Putrajaya	SUHAKAM
166.	21 Jun	Lawatan kes berkenaan pelarian Sri Lanka yang ditempatkan di Pusat Koreksional Ulu Choh	Johor	CMG
167.	25 Jun	Lawatan ke Kedutaan Sri Lanka berkenaan penahanan Pelarian Sri Lanka	Kedutaan Sri Lanka Kuala Lumpur	CMG
168.	27 Jun	Program 'Youth for Rights' di USAS	Kuala Kangsar, Perak	POD
169.	27 Jun	Menemubual pakar forensik berhubung kes kematian Thanabalan A/L Subramaniam diHospital Tengku Ampuan Rahimah	Klang, Selangor	CMG
170.	27 Jun	Lawatan ke Penjara Taiping berkenaan Sistem Bucket	Perak	CMG
171.	28 Jun	Lawatan dan Menemubual Pihak Pentadbir Di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bintang Utara, Cheras, Kuala Lumpur	Cheras, Kuala Lumpur	CMG
172.	28 Jun	Bengkel Pemurnian Sesi Kedua Modul Pendidikan Hak Asasi Manusia Pasca Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) di SUHAKAM	W. Persekutuan Kuala Lumpur	Pendidikan Dan Latihan
173.	28 Jun	Persidangan Ketua-Ketua Jabatan/ Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia (PKJ) Kali ke 106	Putrajaya	SUHAKAM
174.	29 Jun	Lawatan kes ke Penjara Sungai Buloh	Selangor	CMG
175.	2-5 Jul	Program UNCAT	Kuala Lumpur	POD

NO.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BAHAGIAN/ UNIT/ CAWANGAN
176.	2 Jul 3 Jul 5 Jul 6 Jul 23 Jul 24 Jul	Siasatan Awam Berkenaan Kes Kehilangan Pastor Raymond Koh, Amri Che Mat dan Joshua & Ruth Hilmy – (Kes Amri Che Mat) Sesi 16 Sesi 17 Sesi 18 Sesi 19 Sesi 20 Sesi 21	SUHAKAM Kuala Lumpur	CMG
177.	2 Jul	Sidang Media berkenaan UNCAT	Kuala Lumpur	SUHAKAM MRD
178.	4 – 5 Jul	Bengkel TOT Modul Pendidikan Hak Asasi Manusia Pasca Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) di Port Dickson	Negeri Sembilan	ETD
179.	5 Jul	Perbincangan bersama Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) PDRM berhubung aduan berkaitan hak asasi manusia	Bukit Aman, Kuala Lumpur	CMG
180.	6 Jul	Lawatan kes ke Depot Tahanan Imigresen Langkap, Perak	Perak	CMG
181.	9 Jul	Program perbincangan meja bulat anjuran bersama TFT berkenaan isu hak kanak-kanak di perladangan	Kota Kinabalu Sabah	SABAH
182.	10 – 12 Jul	Bengkel TOT Modul Pendidikan Hak Asasi Manusia Pasca Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) Bagi Zon Utara	Alor Setar Kedah	ETD
